

# **Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di Malaysia Fasa 4 - Zon 1**

**Disediakan Untuk**

**Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

**30 April 2020**

**Volum 1, 2020**

**ISBN 978-967-0601-13-7**

# Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di Malaysia Fasa 4 - Zon 1

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH</b>	v
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	vi
<b>PENGHARGAAN</b>	xx
<b>Bab 1 – Pengenalan</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Struktur Laporan	7
<b>Bab 2 – Latar Belakang Institusi</b>	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Struktur Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri	8
2.3 Majlis Fatwa Agama Islam Negeri	16
2.4 Kesimpulan	16
<b>Bab 3 – Kajian Literatur</b>	
3.1 Pengenalan	18
3.2 Sumber Hukum Syariah atau Perundangan Islam	18
3.3 Konsep Perakaunan Islam dan Islamisasi	27
3.4 Konsep Syarikat daripada Perspektif Islam	30
3.5 Prinsip Pelaporan dan Pendedahan daripada Perspektif Islam	33
3.6 Kesimpulan	37
<b>Bab 4 – Kaedah Penyelidikan</b>	
4.1 Pengenalan	38
4.2 Pelaksanaan dan Lokasi Kajian	38
4.3 Pendekatan Kualitatif	39
4.4 Kaedah Pengumpulan Data	41
4.5 Kaedah Analisis Data	46
4.6 Kesimpulan	49

<b>Bab 5 – Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan Kewangan</b>	
5.1 Pengenalan	50
5.2 Penyata Kewangan	52
5.3 Piawaian Perakaunan	53
5.4 Amalan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan bagi Isu dikaji	53
5.5 Kesimpulan	72
<b>Bab 6 – Keperluan Syariah dan Pengukuhan Kerangka</b>	
<b>Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam</b>	
6.1 Pengenalan	74
6.2 Perbincangan Semasa Konsep Entiti Perundangan	75
6.3 Prinsip Entiti Perundangan di Bawah Perundangan Sivil dan Islam	78
6.4 Konsep <i>Ad-Dhimmah</i> dan <i>Syakhsiyah I'tibariyyah</i>	80
6.5 Pengiktirafan Islam Terhadap Konsep Syakhsiyah I'tibariyyah	82
6.6 Konsep <i>Ad-Dhimmah</i> dan Entiti Perundangan MAIN	88
6.7 Pandangan Berkanaan Konsep <i>Ad-Dhimmah</i> dan <i>Al-Ahliyyah</i> dengan Institusi MAIN Sebagai Entiti Perundangan	92
6.8 Pandangan Berkanaan Konsep <i>Syirkah</i> dan <i>Khultoh</i> dengan Institusi MAIN	95
6.9 Pandangan Berkanaan Konsep <i>Syirkah</i> , Kuasa Kawalan dan Pengaruh Signifikan oleh Institusi MAIN	98
6.10 Kaedah Tasarruf Imam ala Al-Raiyyah Manut bil Maslahah	102
6.11 Perbincangan dan Implikasi Pengiktirafan MAIN Sebagai Entiti Perundangan Terhadap Amalan Perakaunan Semasa	103
6.12 Implikasi ke atas Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam	109
6.13 Kesimpulan	112
<b>Bab 7 – Batasan Perundangan</b>	
7.1 Pengenalan	113
7.2 Perundangan Berkaitan Fungsi dan Kewajipan MAIN	114
7.3 Perundangan Berkaitan Kuasa MAIN Menubuhkan Perbadanan dan Syarikat	115
7.4 Perundangan Berkaitan Penyata Kewangan dan Laporan	117
7.5 Perundangan Subsidiari Berkaitan Penyata Kewangan dan Laporan	123
7.6 Perundangan Berkaitan Maklumat Belanjawan	127
7.7 Kesimpulan	128

<b>Bab 8 – Cadangan Pembangunan Piawaian Perakaunan – Pendedahan Maklumat &amp; Peristiwa Lain Bagi Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf Di Malaysia</b>	
8.1 Pengenalan	129
8.2 Bentuk Piawaian Perakaunan	129
8.3 Proses Pembentukan Cadangan kepada Piawaian	130
8.4 Cadangan Kandungan Piawaian	135
8.5 Kesimpulan	159
<b>Bab 9 – Rumusan, Limitasi Kajian dan Hala Tuju Kajian</b>	
9.1 Pengenalan	161
9.2 Rumusan	161
9.3 Limitasi Kajian	166
9.4 Hala Tuju Kajian	167
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	169
<b>GLOSARI</b>	177
<b>LAMPIRAN</b>	
LAMPIRAN 1: JADUAL PERINCIAN KERJA LAPANGAN	181
LAMPIRAN 2: PROFIL PAKAR SYARIAH	182
LAMPIRAN 3: SENARAI KERANGKA PERUNDANGAN/PIAWAIAN	184
LAMPIRAN 4: TRANSKRIP PENUH TEMU BUAL PAKAR SYARIAH	185
LAMPIRAN 5: GAMBAR LAWATAN KERJA LAPANGAN	230

## SENARAI JADUAL

<b><i>Jadual</i></b>	<b><i>Item</i></b>	<b><i>Muka Surat</i></b>
<b><i>Jadual 4.1</i></b>	Piawaian MPSAS Mengikut Tema	42
<b><i>Jadual 4.2</i></b>	Senarai Pakar Rujuk	44
<b><i>Jadual 4.3</i></b>	Kaedah Analisis Objektif Kajian Keempat	48
<b><i>Jadual 5.1</i></b>	Institusi BZW dalam Zon 1 dan Penyata Kewangan	51
<b><i>Jadual 5.2</i></b>	Kewujudan Transaksi di Institusi BZW Zon 1	55
<b><i>Jadual 5.3</i></b>	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan dan Pendedahan Pihak Berkaitan	57
<b><i>Jadual 5.4</i></b>	Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan	59
<b><i>Jadual 5.5</i></b>	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	68
<b><i>Jadual 5.6</i></b>	Senarai Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu & Syarikat Usaha Sama Institusi BZW Zon 1	70
<b><i>Jadual 6.1</i></b>	Profil Pakar Rujuk	75
<b><i>Jadual 6.2</i></b>	Takrif Entiti Perundangan Menurut Perundangan Konvensional dan Islam	90
<b><i>Jadual 6.3</i></b>	Cadangan Prinsip Pendedahan Maklumat Perakaunan oleh MAIN	108
<b><i>Jadual 7.1</i></b>	Enakmen Kerajaan Negeri berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan	118
<b><i>Jadual 8.1</i></b>	Piawaian Perakaunan Sektor Awam bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf	131
<b><i>Jadual 8.2</i></b>	Seksyen 33 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan	138
<b><i>Jadual 8.3</i></b>	Seksyen 34 Pendedahan Pihak Berkaitan	139
<b><i>Jadual 8.4</i></b>	Seksyen 35 Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan	141
<b><i>Jadual 8.5</i></b>	Seksyen 11 Penyata Kewangan Berasingan	145
<b><i>Jadual 8.6</i></b>	Seksyen 12 Penyata Kewangan Disatukan	146
<b><i>Jadual 8.7</i></b>	Seksyen 16 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	151
<b><i>Jadual 8.8</i></b>	Seksyen 17 Pengaturan Bersama	153
<b><i>Jadual 8.9</i></b>	Seksyen 18 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain	155

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Item</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Rajah 2.1</b>	Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Selangor	10
<b>Rajah 2.2</b>	Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	12
<b>Rajah 2.3</b>	Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Melaka	13
<b>Rajah 2.4</b>	Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Johor	14
<b>Rajah 2.5</b>	Struktur Tadbir Urus Majlis Ugama Islam Sabah	15
<b>Rajah 5.1</b>	Kandungan Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan	58
<b>Rajah 5.2</b>	Komponen Penyata Kewangan Berasingan Majlis Agama Islam Selangor	61
<b>Rajah 5.3</b>	Komponen Penyata Kewangan Berasingan MUIS dan Penyata Kewangan Berasingan PBNS	62
<b>Rajah 5.4(a)</b>	Struktur Kumpulan bagi MAINJ, MUIS, PBNS dan PWS	63
<b>Rajah 5.4(b)</b>	Struktur Kumpulan bagi MAINS dan MAIM	64
<b>Rajah 5.4(c)</b>	Struktur Kumpulan bagi MAIS	64
<b>Rajah 5.5</b>	Kepentingan MAINJ dalam Entiti Dikawal Bersama	66
<b>Rajah 6.1</b>	Perbezaan Pandangan Ulama Berkanaan Hukum Taklif ke atas Entiti Perundangan	89
<b>Rajah 6.2</b>	Konsep <i>Ad-Dhimmah</i> dan <i>Al-Ahliyyah</i> dalam Entiti Perundangan	95
<b>Rajah 6.3</b>	Kerangka Kerja Kontrak Pelaburan	106
<b>Rajah 6.4</b>	Ringkasan Konsep Fiqh Entiti Perundangan dengan Amalan Perakaunan Semasa	107
<b>Rajah 6.5</b>	Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam	111
<b>Rajah 8.1</b>	Proses Pembentukan Cadangan kepada Piawaian	134

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **Pengantar**

Di Malaysia, sektor awam akan menyaksikan peralihan perakaunan asas tunai terubahsuai kepada perakaunan asas akruan yang telah dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2018. Peralihan dalam sistem perakaunan tersebut melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan organisasi sektor awam di bawah kedua-dua peringkat kerajaan termasuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards*)— MPSAS. Walau bagaimanapun, kelainan ciri-ciri institusi baitulmal, zakat dan wakaf sebagai institusi berlandaskan Agama Islam (selepas ini dinyatakan sebagai Institusi BZW) jelas memerlukan piawaian perakaunan khusus yang berlandaskan tuntutan syariah.

Usaha untuk membangunkan piawaian perakaunan khusus bagi Institusi BZW adalah satu usaha yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan institusi berkenaan sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi bukan sahaja kepada masyarakat keseluruhan tetapi yang paling utama akauntabiliti kepada Allah SWT. Usaha ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang diketuai oleh Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dan diselaraskan oleh Institut Perakaunan Negara (IPN). Kajian ini dilaksanakan secara bersama oleh tiga buah universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Ketiga-tiga universiti ini mewakili zon masing-masing yang meliputi kajian ke atas kesemua Institusi BZW yang terdiri daripada 14 MAIN di seluruh negara serta entiti berkaitan di bawah MAIN. UKM dipertanggungjawabkan ke atas Zon 1 yang meliputi semua Institusi BZW di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah.

### **Objektif dan Persoalan Kajian**

Bagi mencapai matlamat akhir kajian iaitu untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW khususnya, piawaian perakaunan berkaitan dengan isu yang dikaji (elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam

Penyata Kewangan serta urusniaga unik) dan amalan semasa perakaunan Institusi BZW perlu difahami dengan sebaik mungkin. Selain itu, satu kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan perlu dibentuk yang menjelaskan antaranya tentang objektif pelaporan kewangan, elemen-elemen penyata kewangan, dan aspek pengoperasian perakaunan yang melibatkan kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan. Perkara paling utama yang menunjangi pembentukan kerangka konseptual tersebut adalah prinsip Islam. Secara khusus, keperluan syariah berhubung pengoperasian perakaunan dari aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan piawaian perakaunan yang terlibat. Pada Fasa Keempat ini, kerangka kerja konseptual yang telah dibangunkan pada Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga diperlengkap dan diperkuuhkan dengan mengkhususkan kepada elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik berkaitan berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf daripada kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan elemen-elemen tersebut menurut keperluan syariah.

Seterusnya perundangan sivil dan syariah yang berkaitan dengan elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik berkaitan Institusi BZW termasuk enakmen kerajaan negeri yang berkaitan disemak untuk mengenalpasti batasan dalam perundangan yang boleh memberi implikasi kepada perakaunan umumnya dan kepada pembangunan dan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam khususnya. Setelah semua perkara di atas diambil kira, kajian ini seterusnya mengemukakan cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW khususnya piawaian berkaitan kepentingan dalam entiti lain yang merangkumi pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan perlaboran dalam entiti usaha sama serta operasi bersama, peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan dan pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan.

Ringkasnya, objektif kajian Fasa Keempat ini adalah untuk;

1. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau institusi-institusi yang diberi kuasa oleh MAIN).
2. Mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias) dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf serta mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi institusi-institusi yang menjalankan aktiviti-aktiviti BZW.
3. Mengenalpasti batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi BZW.
4. Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan prinsip pendedahan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil bagi institusi-institusi BZW.

Bagi mencapai objektif kajian pertama, persoalan kajian yang perlu dijawab adalah apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN (atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN).

Bagi mencapai objektif kajian kedua, dua persoalan kajian yang akan ditangani adalah; (1) apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias) bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata

Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Intitusi BZW, (2) apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu ada dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata serta urusniaga unik berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Kriteria pengiktirafan, asas pengukuran, prinsip pendedahan menurut keperluan syariah ini akan mengukuhkan lagi Kerangka Kerja Konseptual yang telah mula dibangunkan pada Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga sebelum ini.

Persoalan kajian bagi objektif ketiga adalah; apakah batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Dengan memahami batasan perundangan tersebut langkah-langkah penyelesaian boleh diambilkira oleh pihak berautoriti bagi memastikan kelancaran pemakaian Piawaian Perakaunan Islam yang digubal.

Seterusnya, persoalan kajian bagi objektif yang terakhir adalah; apakah cadangan maklumat piawaian perakaunan yang relevan dan praktikal bagi pengiktirafan, pengukuran dan prinsip pendedahan yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN. Bagi menjawab persoalan ini, sembilan MPSAS iaitu MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan, MPSAS 20 – Pendedahan Pihak Berkaitan, MPSAS 22 – Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan, MPSAS 24 – Persembahan Maklumat Belanjawan Dalam Penyata Kewangan, MPSAS 34 – Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 35 – Penyata Kewangan Disatukan, MPSAS 36 – Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama, MPSAS 37 – Pengaturan Bersama, MPSAS 38 – Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain, telah dijadikan sebagai asas rujukan. Selain MPSAS, keperluan syariah adalah asas utama dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan piawaian perakaunan Islam. Ini termasuklah rujukan daripada Al-Quran, Sunnah, Ijma’ Ulama’, Qias dan kaedah fiqh yang sedia ada. Di samping itu, kajian ini juga merujuk kepada piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*) iaitu MPERS dan MFRS, the *Statement of Recommended Practice (SORP)* bagi badan

kebijakan di United Kingdom, *Statement of Principles (Financial Reporting from Islamic Perspective – SOPi)* yang diterbitkan oleh MASB) dan terbitan bank negara malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam.

Cadangan berhubung dengan piawaian perakaunan ini menyentuh dua aspek iaitu bentuk dan kandungan. Keunikan aktiviti Institusi BZW menyentuh aspek bentuk piawaian iaitu cadangan membina satu set piawaian perakaunan yang khusus bagi institusi berkenaan. Manakala aspek kandungan piawaian lebih mengkhususkan kepada peruntukan dalam MPSAS sama ada peruntukan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pengubahsuaian, penambahan, ataupun dikeluarkan. Di sini, hanya peruntukan piawaian semasa berkaitan elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan lain bagi urusniaga unik yang tidak bertentangan dengan tuntutan syariah dicadangkan untuk dikekalkan. Manakala cadangan penambahan dan pengubahsuaian dikemukakan ke atas bahagian piawaian yang memerlukan kesesuaian dengan tuntutan syariah. Seterusnya, bahagian piawaian yang bertentangan dengan syariat Islam dan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Institusi BZW dicadangkan untuk dikeluarkan serta akhir sekali penerangan yang lebih terperinci ditambah pada bahagian piawaian yang memerlukan penelitian khas khususnya bagi memenuhi ciri-ciri unik dalam Institusi BZW.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu satu pendekatan kajian yang bertujuan mengungkap fakta untuk memahami sesuatu fenomena secara induktif. Pendekatan kualitatif ini menitikberatkan perincian kontekstual dan mementingkan pandangan responden untuk dikembangkan. Dengan pendekatan ini, penyelidik mengumpul data menggunakan kombinasi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kajian telah melaksanakan pengumpulan data secara temubual dan perbincangan kumpulan fokus, manakala bagi data sekunder, dokumen asas iaitu penyata kewangan MAIN (dan entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN), Al- Quran, Sunnah, Ijma’ Ulama’, Qias, perundangan syariah dan perundangan sivil yang berkaitan serta perundangan subsidiari seperti garis panduan dan manual berkaitan telah dijadikan sumber data.

Kajian bagi Zon 1 terdiri daripada kesemua lima MAIN iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan untuk mentadbir urusan wakaf, zakat atau baitulmal.

Bagi memahami amalan semasa perakaunan khususnya perakaunan bagi isu-isu yang dikaji dalam fasa ini, perbincangan secara kumpulan fokus yang melibatkan penyelidik dengan akauntan, pihak pengurusan dan penasihat undang-undang MAIN Zon 1 dan entiti berkaitan di bawah MAIN berkenaan dilaksanakan. Di dua negeri yang terlibat, Mufti atau ahli Jawatankuasa Fatwa turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan fokus berkenaan. Sebelum setiap perbincangan kumpulan fokus dilaksanakan, pasukan penyelidik telah membuat analisis kandungan ke atas penyata kewangan MAIN yang terlibat dan mengkaji piawaian MPSAS (MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37, 38) dan MPERS berkaitan aspek yang dikaji.

Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya bagi pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi BZW, penyelidik menggunakan pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan yang merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam (Faruqi, 1982). Dalam perkara ini, Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan bagi entiti sektor awam yang dikeluarkan oleh *International Public Sector Accounting Standards* (IPSASB) telah dirujuk dan disesuaikan menurut keperluan syariah. Justeru, dalam melengkap dan mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan bagi Institusi BZW, prinsip Islam dan pematuhan kepada *syariah Islamiyyah* adalah menjadi tunjang utama kajian. Berdasarkan pendekatan ini, pengumpulan data secara temubual bersemuka dengan pakar syariah, fiqh muamalat serta kewangan dan perakaunan Islam dilibatkan bagi mendapatkan pandangan pakar berkenaan dalam mengenalpasti dan mengesahkan kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan bagi setiap isu yang dikaji dalam fasa ini mengikut keperluan syariah.

Selain keperluan syariah, batas-batas perundangan sivil dan perundangan syariah juga dikenalpasti untuk memastikan kelancaran pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW. Bagi tujuan ini, kaedah analisis kandungan dilakukan terhadap kesemua perundangan sedia ada yang relevan termasuk perundangan peringkat persekutuan dan juga peringkat negeri, garis panduan dan manual pengurusan dan perakaunan seperti manual yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Proses mengenalpasti batasan perundangan khususnya berkaitan elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan lain bagi urusniaga unik wakaf, zakat dan baitulmal ini juga mengambilkira pandangan dan cadangan dari pakar perundangan.

Bagi mengemukakan cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam dalam memperakaunkan piawaian yang dikaji pada Fasa Keempat ini, kaedah analisis kandungan 9 MPSAS yang berkaitan dilakukan. Selain itu kajian juga mengambilkira keperluan piawaian-piawaian lain yang relevan iaitu MPERS, MFRS dan AAOIFI serta cadangan dari SORP, MASB SOPi, terbitan bank Negara berkaitan perakaunan dan pelaporan kewangan Islam serta manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN.

### **Hasil Kajian**

Fasa Keempat yang merupakan fasa terakhir penyelidikan, memperincikan cadangan berkaitan kepentingan dalam entiti lain yang merangkumi pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan pelaburan dalam entiti usaha sama serta operasi bersama, peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan dan pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan.


Hasil daripada temubual dengan panel-panel pakar syariah yang terlibat dalam kajian dalam Fasa Keempat dilihat bahawa amalan perakaunan semasa oleh MAIN di Malaysia yang mempunyai tiga kumpulan wang yang utama yang diasingkan iaitu Kumpulan Wang Baitulmal atau Sumber Am (KWB), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Wakaf (KWW) jelas menunjukkan konsep entiti perundangan sememangnya perlu diaplikasikan dalam menguruskan harta umat

Islam mengikut fatwa negeri masing-masing. Berdasarkan perbincangan dengan pakar syariah yang dirujuk juga didapati terdapat beberapa pandangan yang kukuh bagi mengiktiraf MAIN sebagai sebuah entiti perundangan dengan komitmen iaitu seperti konsep *syakhsiyah i'tibariyyah*, konsep *ad-dhimmah* serta konsep *al-ahliyyah* dengan ciri ar-Rusyd iaitu kebijaksanaan.

Kesemua pandangan-pandangan pakar syariah ini digarap dan dibawakan dalam kajian bagi menunjukkan akauntabiliti institusi BZW yang perlu dijelmakan dalam bentuk amalan semasa perakaunan.


Dari segi kerangka kerja konseptual, kajian pada Fasa Keempat ini mengemukakan input untuk pengukuhan kerangka kerja yang tertumpu kepada tahap keempat Kerangka Kerja Konseptual iaitu tahap yang melibatkan pengoperasian perakaunan. Secara khusus, input yang dikemukakan adalah berfokus kepada elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan lain bagi urusniaga unik. Tahap pengoperasian perakaunan bagi elemen-elemen ini melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan menurut keperluan kerangka Syariah.

Rajah 1 pada halaman berikutnya memberikan gambaran Kerangka Kerja Konseptual Kontrak Pelaburan bagi Institusi berkaitan BZW. Kerangka Kerja ini menggambarkan kedudukan MAIN dan Institusi berkaitan BZW melalui kata mata Islam sebagai sebuah entiti perundangan melalui pendekatan teori *ad-dhimmah* dan juga konsep *al-ahliyyah* yang akan dibincangkan secara lebih mendalam di dalam perbincangan bab 6. Rajah turut meringkaskan Prinsip *Muamalat* yang asas dan juga Prinsip Pelaburan yang perlu dipatuhi melalui dapatan daripada proses temu bual dengan panel-panel pakar syariah yang terlibat.



**Rajah 1: Kerangka Kerja Kontrak Pelaburan**

Rajah 2 pula meringkaskan konsep fiqh entiti perundangan tersebut dengan mengaitkan amalan perakaunan semasa yang melibatkan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi elemen-elemen asas penyata kewangan yang telah dibincangkan sebelum ini dalam laporan Fasa Kedua dan Ketiga. Rajah ini dirangka berdasarkan kepada cadangan penyelidik terhadap gambaran amalan pelaburan semasa MAIN dan Institusi BZW yang dikaitkan dengan Prinsip Pendedahan dalam Islam.




**Rajah 2: Ringkasan Konsep Fiqh Entiti Perundangan dengan Amalan Perakaunan Semasa**

Justeru, dapatan dari Fasa Keempat ini memberikan implikasi kepada kerangka kerja konseptual perakaunan Islam dalam bentuk yang sedikit berbeza dengan Fasa Kedua dan Ketiga. Fasa Kedua dan Ketiga memberikan lebih penekanan kepada aspek pengoperasian mekanisma perakaunan iaitu pada tahap ketiga KKK, namun bagi Fasa keempat, dapatan kajian memberikan input bagi mengembangkan prinsip pendedahan di tahap pengoperasian, serta menyentuh perbincangan teori asas di tahap pertama KKK seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.5 dibawah.

### RAJAH 3: KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN ISLAM

(Adaptasi daripada dapatan penyelidikan Kumpulan Penyelidik UUM Fasa 3)



Seterusnya, dalam usaha untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW, kajian ini telah mengenalpasti perundangan sivil dan perundangan syariah berkaitan yang melibatkan perundangan persekutuan dan enakmen Kerajaan negeri, Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri yang terlibat serta enakmen khusus berkaitan BZW. Selain itu semakan juga dibuat ke atas perundangan berkaitan dengan akaun dan laporan kewangan seperti Akta Tatacara Kewangan, Akta Badan Berkanun, Garis panduan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf. Semakan ini mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang mengikat Institusi BZW dan perlu diambilkira untuk memastikan kelancaran pemakaian piawaian perakaunan Islam yang akan diguna pakai pada masa hadapan. Selain itu semakan perundangan tersebut juga mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang memberi ruang atau keluwesan untuk memastikan pemakaian piawaian perakaunan Islam yang dicadangkan mampu dilaksanakan dengan lancar.

Hasil dapatan terakhir kajian mencadangkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW khususnya piawaian perakaunan berkaitan elemen pendedahan maklumat dan peristiwa dalam Penyata Kewangan dan keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik dalam penyata kewangan, dibuat mengikut ketetapan seperti berikut:

1. Keperluan MPSAS (MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38) yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan dikekalkan dan dibuat pindaan di mana perlu mengikut ciri-ciri aset yang terlibat dan aktiviti Institusi BZW.
2. Keperluan syariah yang sememangnya tidak diliputi dalam MPSAS (MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38) akan ditambah.
3. Keperluan MPSAS (MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38) yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan syariah akan dipinda atau dikeluarkan.
4. Keperluan MPSAS (MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38) yang tidak relevan dengan aktiviti institusi BZW akan dikeluarkan.

Secara umum kajian ini mendapati kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan keperluan pendedahan sedia ada untuk isu yang dikaji iaitu berkaitan piawaian peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan, pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan dan kepentingan dalam entiti lain yang merangkumi kepentingan dalam entiti dikawal, entiti dengan pengaruh signifikan, entiti dikawal bersama dan operasi bersama didapati boleh dijadikan asas dengan sedikit pengubahsuaian. Manakala bagi piawaian pendedahan maklumat kewangan tentang sektor awam kerajaan pula didapati tidak relevan kepada institusi BZW.

Daripada sembilan piawaian MPSAS yang dikaji di dalam fasa ini, dicadangkan agar piawaian bagi peristiwa selepas tarikh pelaporan dan pendedahan pihak berkaitan ditambahbaik dengan mengubahsuai bahagian tertentu yang merujuk kepada struktur governan agar selari dengan struktur governan institusi BZW. Untuk mengakaunkan dan mendedahkan kepentingan dalam entiti lain pula, penambahbaikan yang dicadangkan ialah agar mengeluarkan bahagian-bahagian tertentu yang tidak relevan dengan institusi BZW. Manakala isu-isu teknikal perakaunan berkaitan kepentingan pemilikan dalam entiti lain seperti isu kepentingan kawalan, pengaruh signifikan dan kawalan bersama pula bukanlah isu yang unik berkaitan BZW. Oleh itu persoalan yang perlu dilihat ialah sama ada pelaburan dalam entiti lain tersebut dibenarkan dalam syariah dan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip muamalat Islam.

## **Penutup**

Kajian pada Fasa Keempat ini memberi tumpuan kepada isu aspek perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik. Cadangan yang dikemukakan ini merupakan sambungan kepada cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga sebelum ini yang menyentuh secara khusus berkaitan peringkat pengoperasian perakaunan yang melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset dan juga peringkat pengoperasian perakaunan yang melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti.

Piawaian perakaunan khusus bagi Institusi BZW yang akan digubal berpandukan cadangan daripada kajian ini nanti diharapkan dapat mengharmonikan pelaporan kewangan Institusi BZW di Malaysia. Dengan pelaporan kewangan yang bersandarkan kepada piawaian perakaunan khusus yang menepati tuntutan syariah ini, Institusi BZW diharap akan terus menjadi institusi penting yang diyakini dapat terus menjaga kemaslahatan masyarakat Islam sejagat sekaligus dapat menegak dan memelihara kesucian Agama Islam.

Usaha bersama untuk membangunkan Kerangka Kerja Konseptual dan Piawaian Perakaunan khusus bagi BZW adalah satu usaha yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan Institusi BZW sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi bukan sahaja kepada masyarakat keseluruhan tetapi yang paling utama akauntabiliti kepada Allah SWT.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya projek dan laporan penyelidikan ini telah dapat disempurnakan. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia, Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Encik Sadikin bin Aton, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang telah memberi kepercayaan kepada pihak kami untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak JANM. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada YBhg Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin juga Ybhg Dato' Saat bin Isa, mantan Akauntan Negara Malaysia yang menjadi antara individu penting pencetus idea pelaksanaan projek penyelidikan ini dan yang mendokong penyelidikan pada Fasa Pertama sebelum ini. Ucapan terima kasih kami juga kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan JANM, Tuan Haji Zaharin bin Othman, Pengarah Institut Perakaunan Negara JANM, Encik Burhanudin bin Mohd Noor dan seluruh sekretariat penyelidikan JANM yang telah memimpin dan mengurus projek penyelidikan ini dengan cemerlang, bermula daripada kertas cadangan penyelidikan sehingga kehadiran kepada penyediaan laporan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua responden daripada semua entiti yang terlibat dalam Zon 1 yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor, Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Selangor dan Majlis Ugama Islam Sabah serta entiti-entiti berkaitan di bawah MAIN berkenaan, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Mufti negeri-negeri yang terlibat serta pakar-pakar syariah, fiqh muamalat, perakaunan Islam dan perundungan yang telah memberi kerjasama penuh semasa kerja lapangan dilaksanakan. Adalah menjadi harapan kami, maklumat yang terkandung dalam laporan ini dapat membantu JANM dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia.

## **Ikhlas Daripada**

**Pengarah Projek Penyelidikan**  
Bahagian Pembangunan Perakaunan  
dan Pengurusan JANM

**Pengurus Projek Penyelidikan**  
Institut Perakaunan Negara JANM



## **Kumpulan Penyelidikan**



Prof. Madya Dr. Mohd Fairuz Md. Salleh (Ketua Penyelidik)  
Dr. Azlina Ahmad  
Dr. Norida Basnan  
Dr. Hairunnizam Wahid  
Azizah Mohd Harun  
Ainol Basirah Abdul Wahab

### **Hak Cipta Terpelihara**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

### **Penafian**

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Pengurusan Islam secara amnya merupakan satu *awlawiyat* yang penting dalam pembangunan umat Islam (Yaakub, M. B. H., & Othman, K., 2009). Pengurusan yang telus, cekap dan sistematik selain dituntut dalam Islam dapat memastikan sesebuah institusi menjalankan peranannya dengan lebih berkesan. Hal ini turut terpakai kepada institusi yang berkaitan dengan pengurusan harta umat Islam yang terdiri daripada baitulmal, zakat dan wakaf. Prinsip akauntabiliti dan ketelusan adalah antara prinsip yang ditekankan dalam menjalankan tanggungjawab menguruskan harta umat Islam (Zakaria, M., Hassan, M. S., & Latiff, R. A., 2014). Transparensi dalam perakaunan dan pelaporan kewangan terutamanya merupakan faktor penting bagi memastikan tadbir urus yang baik dalam institusi yang berkaitan dengan pengurusan harta umat Islam.

Di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran harta orang Islam diurus tadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) tertakluk kepada undang-undang setiap negeri. Bagi memenuhi tuntutan syariah dalam amalan perakaunan dan pelaporan kewangan MAIN dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN (selepas ini dirujuk sebagai Institusi BZW), satu kerangka kerja konseptual perakaunan dan pelaporan kewangan Islam serta piawaian perakaunan yang khusus bagi Institusi BZW ini perlu dirangka sebagai langkah awal penyediaan piawaian perakaunan bagi Institusi BZW merangkumi komponen kerangka kerja pelapor maklumat perakaunan kepada pihak berkepentingan serta akauntabiliti entiti tersebut kepada Allah SWT. Untuk itu, kajian ini juga perlu mengambil kira batasan perundangan bagi melancarkan urusan penyeragaman piawaian perakaunan BZW yang akan dilaksanakan kelak. Justeru, dengan kewujudan piawaian perakaunan Islam yang selaras bagi semua Institusi BZW, adalah diharapkan institusi agama Islam di negara ini dapat menzahirkan akauntabilitinya dengan lebih cekap dan berkesan kepada pihak berkepentingan dan seterusnya menyempurnakan akauntabiliti kepada Allah SWT.

Secara umumnya, kajian ini terdiri daripada empat fasa. Fasa pertama menekankan aspek pendedahan dan pelaporan kewangan Institusi BZW yang melibatkan kesemua 14 MAIN diseluruh negara iaitu MAIN bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak; ia juga termasuk kesemua entiti-entiti dibawah MAIN yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus BZW. Fasa kedua pula memfokuskan perbincangan dari sudut aspek perakaunan bagi item-item aset yang berkaitan dengan Institusi BZW di setiap negeri. Kajian fasa ketiga seterusnya lebih menumpukan kepada aspek perakaunan bagi item-item hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti yang berkaitan dengan BZW dan institusi yang mentadbir dan mengurus BZW. Di dalam fasa ini, kajian akan menyentuh tentang aspek-aspek lain yang tidak di sentuh dalam fasa pertama, kedua dan ketiga antaranya seperti pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, penyata kewangan disatukan, penyata kewangan berasingan, persembahan maklumat belanjawan dalam penyata kewangan dan peristiwa selepas tarikh pelaporan. Syarikat bersekutu ialah entiti di mana pelabur mempunyai pengaruh yang signifikan. Usaha sama pula ialah pengaturan bersama di mana pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan berkenaan. Penyata Kewangan Disatukan ialah laporan kewangan di mana aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil, perbelanjaan dan aliran tunai entiti mengawal dan entiti terkawalnya dinyatakan sebagai entiti ekonomi tunggal. Manakala Penyata Kewangan Berasingan ialah yang dibentangkan oleh entiti, di mana entiti boleh memilih tertakluk kepada keperluan dalam piawaian untuk mengambil kira pelaburannya dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu.

Bagi fasa keempat ini, piawaian perakaunan yang terlibat sebagai asas rujukan adalah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards - MPSAS*) seperti berikut:

MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

MPSAS 20 – Pendedahan Pihak Berkaitan

MPSAS 22 – Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan

MPSAS 24 – Persembahan Maklumat Belanjawan Dalam Penyata Kewangan

- MPSAS 34 – Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35 – Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36 – Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama
- MPSAS 37 – Pengaturan Bersama
- MPSAS 38 – Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

Oleh yang demikian, penyata kewangan setiap Institusi BZW akan diteliti bagi mengenalpasti isu-isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang berkaitan dengan MPSAS di atas serta melihat kaitannya dengan keperluan syariah yang perlu dipenuhi. Selain itu, penelitian ini juga dapat menganalisis sama ada terdapat batasan-batasan perundangan diperangkat pengoperasian piawaian. Batasan-batasan perundangan yang dikenalpasti ini perlu di atasi dengan memberi cadangan-cadangan tertentu kepada pihak yang berautoriti. Semua proses ini dapat membantu pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam pembentukan piawaian perakaunan yang boleh diguna pakai oleh Institusi BZW.

Kajian fasa keempat ini mendapat pembiayaan penuh oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan dilaksanakan melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) serta Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dengan kerjasama tiga universiti awam di Malaysia. Universiti yang terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Ketiga-tiga universiti ini mewakili zon masing-masing bagi menjalankan kajian ke atas kesemua 14 MAIN di seluruh negara serta entiti-entiti di bawah MAIN yang bertanggungjawab dalam mengurus Institusi BZW. Universiti Kebangsaan Malaysia dipertanggungjawabkan ke atas Zon 1 yang mewakili negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Negeri Sabah.

## **1.2 Objektif Kajian**

Bagi mencapai matlamat kajian berhubung aspek perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf (fasa keempat), empat objektif berikut perlu dipenuhi:

1. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Islam Negeri (MAIN) (atau institusi-institusi yang diberi kuasa oleh MAIN).
2. Mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias) dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf serta mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi institusi-institusi yang menjalankan aktiviti-aktiviti BZW.
3. Mengenalpasti batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi BZW.
4. Mencadangkan maklumat berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan prinsip pendedahan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil bagi institusi-institusi BZW.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai objektif kajian pertama, persoalan kajian yang perlu dijawab adalah apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN (atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN). Piawaian Perakaunan konvensional yang digunakan oleh MAIN pada masa ini adalah piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*) iaitu *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)*.

Untuk mencapai objektif kajian kedua, dua persoalan kajian yang timbul adalah; (1) apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama' dan Qias) dalam perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN (atau institusi yang diberikan kuasa oleh MAIN), (2) apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN (atau institusi yang diberikan kuasa oleh MAIN). Oleh itu, kajian pada fasa keempat ini akan mengenalpasti keperluan syariah bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata serta urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN. Kriteria menurut keperluan syariah ini akan mengukuhkan lagi kerangka kerja konseptual perakaunan yang telah mula dibangunkan pada fasa pertama, kedua dan ketiga sebelum ini. Kajian ini menggunakan pendekatan Islamisasi iaitu suatu proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam (Faruqi, 1982), bagi mengukuhkan kerangka kerja konseptual perakaunan yang telah dibentuk. Selain itu, bagi menjawab persoalan kajian ini, penglibatan pakar-pakar syariah, muamalat dan perakaunan Islam adalah menjadi satu keperluan yang penting.

Persoalan kajian bagi objektif ketiga pula memfokuskan berkaitan apakah batasan perundangan yang relevan dengan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta urus niaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN (atau institusi yang diberikan kuasa oleh MAIN). Bagi tujuan ini, kajian yang mendalam mengenai peruntukan perundangan sedia ada yang berkaitan telah dilaksanakan. Dengan memahami batasan perundangan tersebut langkah-langkah penyelesaian boleh diambilkira oleh pihak berautoriti bagi memastikan piawaian perakaunan Islam yang akan digubal dapat dipraktikkan dengan berkesan oleh Institusi BZW kelak.

Seterusnya, persoalan kajian bagi objektif yang terakhir adalah apakah cadangan maklumat piawaian perakaunan yang relevan dan praktikal bagi pengiktirafan, pengukuran dan prinsip pendedahan yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata

Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh MAIN (atau institusi yang diberikankuasa oleh MAIN). Bagi menjawab persoalan ini, sembilan MPSAS iaitu MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38 telah dijadikan sebagai asas rujukan. Selain MPSAS, keperluan syariah adalah asas utama dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan piawaian perakaunan Islam. Ini termasuklah rujukan daripada Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama', Qias dan kaedah fiqh yang sedia ada. Kajian ini juga merujuk kepada *the Statement of Recommended Practice* (SORP) bagi badan kebajikan di United Kingdom, *Statement of Principles (Financial Reporting from Islamic Perspective – SOPi)*, *Malaysian Financial Reporting Standard* (MFRS), MPERS yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*). Selain itu, rujukan juga dibuat kepada terbitan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam. Cadangan berhubung dengan piawaian perakaunan ini menyentuh dua aspek iaitu bentuk dan kandungan. Keunikan aktiviti Institusi BZW menyentuh aspek bentuk piawaian iaitu cadangan membina satu set piawaian perakaunan yang khusus bagi institusi berkenaan. Manakala aspek kandungan piawaian lebih mengkhususkan kepada peruntukan dalam MPSAS sama ada peruntukan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pengubahsuaian, penambahan, ataupun dikeluarkan. Di sini, hanya peruntukan piawaian semasa berkaitan elemen pendedahan maklumat serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik yang tidak bertentangan dengan tuntutan syariah dicadangkan untuk dikekalkan. Manakala, cadangan penambahan dan pengubahsuaian dikemukakan ke atas bahagian piawaian yang memerlukan kesesuaian dengan tuntutan syariah. Seterusnya, bahagian piawaian yang bertentangan dengan syariat Islam dan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Institusi BZW dicadangkan untuk dikeluarkan serta akhir sekali penerangan yang lebih terperinci ditambah pada bahagian piawaian yang memerlukan penelitian khas khususnya bagi memenuhi ciri-ciri unik dalam Institusi BZW.

## **1.4 Struktur Laporan**

Bab seterusnya iaitu Bab 2 akan menerangkan tentang latar belakang institusi yang dikaji. Manakala Bab 3 pula akan membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan yang dijadikan rujukan dalam kajian ini. Sementara itu, Bab 4 akan menjelaskan tentang kaedah penyelidikan dan Bab 5 pula akan melaporkan amalan semasa bagi perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik Institusi BZW yang dikaji. Seterusnya, Bab 6 akan membincangkan mengenai keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja konseptual manakala Bab 7 akan membincangkan berkaitan batasan perundangan yang berkaitan. Bab seterusnya iaitu bab 8 akan memfokuskan kepada cadangan pembangunan piawaian dan akhir sekali Bab 9 akan menerangkan mengenai rumusan kajian serta membincangkan tentang limitasi dan hala tuju kajian.

# **BAB DUA**

## **LATAR BELAKANG INSTITUSI**

### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan memberi tumpuan kepada latar belakang institusi yang terlibat dalam kajian ini. Struktur tadbir urus bagi setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dibincangkan khususnya MAIN di Zon 1 yang merupakan lokasi kajian iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Selain itu, bab ini akan menyentuh secara dasar berkaitan struktur pentadbiran majlis fatwa negeri yang berhubung secara tidak langsung bagi Zon 1.

### **2.2 Struktur Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri**

Bagi memahami amalan perakaunan berkaitan Institusi BZW di setiap MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu struktur tadbir urus setiap MAIN berkenaan. Struktur tadbir urus ini akan menunjukkan sama ada pentadbiran BZW diletakkan kesemuanya di bawah MAIN atau di bawah entiti MAIN yang berkaitan. Dari segi pelaporan kewangan, struktur tadbir urus juga akan menentukan bagaimana pelaporan akaun-akaun Kumpulan Wang Wakaf (KWW), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Baitulmal (KWB) di satukan dalam akaun MAIN. Manakala, bahagian seterusnya akan membincangkan struktur tadbir urus bagi setiap MAIN dalam Zon 1.

#### **2.2.1 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Selangor**


Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terletak di bawah Kuasa Tertinggi Agama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a body corporate*) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama

Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada awal penubuhannya, MAIS merupakan satu badan tetap yang dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor. Ia ditubuhkan dibawah seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) yang bertujuan untuk menasihati DYMM Sultan dalam hal-hal yang bersabit dengan Agama Islam dan Adat Melayu. Nama dan identiti badan ini kemudiannya ditukar kepada satu pertubuhan perbadanan yang bernama Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan kepada seksyen 5 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pada 1 Mac 2005, Pentadbiran Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kepada MAIS. Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berkuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta Baitulmal. Selain itu, dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dijelaskan bahawa MAIS berkuasa menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian, menggalakkan kegiatan komersial secara usaha sama, membuat pelaburan dan pinjaman serta menubuhkan perbadanan dan anak syarikat.

Rajah 2.1 menunjukkan struktur tadbir urus MAIS. Merujuk kepada Rajah 2.1, pentadbiran Baitulmal adalah di bawah tanggungjawab MAIS, manakala wakaf dan zakat diletakkan di bawah agensi. Pentadbiran wakaf diletakkan dibawah tanggungjawab Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan pentadbiran zakat iaitu kutipan dan agihan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Zakat Selangor (LZS). PWS mempunyai tiga anak syarikat dengan 100% pegangan. Selain PWS dan LZS, MAIS mempunyai anak syarikat dan syarikat bersekutu. MAIS mempunyai tiga anak syarikat dengan 100% pegangan, enam anak syarikat tahap 2 (*sub-susbdairy*) dan satu anak syarikat tahap 3 (*sub-subsubsdiary*). Syarikat bersekutu pula adalah terdiri daripada tiga entiti, masing-masing dengan pegangan 49%, 48% dan 30%.

**Rajah 2.1: Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Selangor**



## 2.2.2 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) tertakluk di bawah Kuasa Tertinggi Agama, Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Yang Amat Mulia Dato' Undang Yang Empat. Penubuhannya bermula sejak tahun 1947 apabila pihak British memperkenalkan sistem pentadbiran moden dan mula mengambil tindakan melantik pentadbir daripada golongan orang Melayu dalam usaha ke arah persediaan untuk kemerdekaan. Arahan penubuhan Majlis Agama Islam atau *Council of Muslim Religion* telah ada dalam peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1948. Walau bagaimanapun hanya pada tahun 1949, MAINS ditubuhkan dengan rasminya melalui Enakmen Majlis Agama 1949 (Enakmen No.5/1949).


Bidang kuasa tertentu MAINS adalah sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan tahun 2003. Di samping menolong dan menasihati DYMM Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, MAINS juga merupakan badan Induk Agama Islam yang tertinggi bagi mengawal hal ehwal agama Islam negeri. Antara bidang kuasa MAINS ialah sebagai penguasa

wasiat, pentadbir pusaka orang Islam dan pemegang amanah; menjalankan urusan kontrak atas harta alih dan tak alih menurut syarat-syarat tertentu mengenainya dan mengikut hukum Syarak; hal mengenai fatwa rasmi Negeri Sembilan; pentadbir urusan baitulmal, zakat, dan khairat; pentadbir urusan wakaf, wasiat dan nazar serta pemegang amanah bagi semua masjid dan hartanya yang tak alih, termasuk urusan perlantikan pegawai-pegawai masjid, urusan berhubung dengan saudara-saudara baru, urusan tauliah mengajar agama dan urusan perbelanjaan wang zakat mengikut asnaf.

Rajah 2.2 memaparkan struktur tadbir urus MAINS. Merujuk kepada Rajah 2.2, pentadbiran MAINS sehingga tahun 2017, masih menggunakan struktur yang lama iaitu pentadbiran baitulmal dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAINS, manakala peranan kutipan zakat dilaksanakan oleh anak syarikat yang ditubuhkan iaitu MAINS Zakat Sdn. Bhd. Fungsi wakaf pula diletakkan dibawah tanggungjawab anak syarikat MAINS Holdings Sdn Bhd iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (PWNS). Selain itu, MAINS mempunyai dua anak syarikat lain dengan pemilikan 100%, manakala MAINS Holdings Sdn Bhd mempunyai satu lagi anak syarikat lain dengan pemilikan 100%.

Struktur pentadbiran MAINS yang terkini pula masih berada dalam fasa penambahbaikan dan secara kasar struktur pentadbiran MAINS yang baru mempunyai sebuah perbadanan baitulmal yang diletakkan di bawahnya 7 jabatan termasuklah jabatan zakat dan jabatan wakaf & sumber am. MAINS juga mempunyai dua buah anak syarikat lain dan satu anak syarikat tahap 2 dengan pegangan 100%.

**Rajah 2.2: Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan**




### 2.2.3 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Melaka

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) adalah di bawah Kuasa Tertinggi Agama, Yang di-Pertuan Agong. Telah ditubuhkan pada 28 September 1960 sebagai badan induk kepada semua agensi dan institusi Islam di negeri Melaka. Antara fungsi MAIM ialah bertanggungjawab untuk mengurus hal ehwal Agama Islam Negeri Melaka di samping membantu dan menasihati Yang di- pertuan Agong. Ini selari dengan enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) pada tahun 2002 seksyen 4 ceraian 1.

MAIM berperanan dalam penggubalan dasar dan polisi berkaitan pentadbiran Hal Ehwal Islam di peringkat negeri dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) adalah badan pelaksana kepada dasar dan polisi tersebut; di samping bertanggungjawab dalam pengawalan sekolah-sekolah agama Islam, kesalahan-kesalahan jenayah syariah, pelaksanaan pendakwaan di mahkamah syariah, mengurus tadbir pembinaan, penyelenggaraan dan pengimaranhan masjid dan surau.

Rajah 2.3 memaparkan struktur tadbir urus MAIM. Berdasarkan Rajah 2.3, pentadbiran baitulmal, wakaf dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAIM, manakala kutipan zakat adalah di bawah tanggungjawab anak syarikat MAIM iaitu Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd. (PZM). Selain PZM, MAIM juga mempunyai sebuah anak syarikat dengan pegangan 100% dan sebuah syarikat berhad menurut jaminan. MAIM juga mempunyai tiga anak syarikat tahap 2 (*sub-subsidiary*) dengan 100% pegangan.

**Rajah 2.3: Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Melaka**




#### 2.2.4 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Johor

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) terletak di bawah Kuasa Tertinggi Agama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Pada tahun 1925, MAINJ telah ditubuhkan di bawah kuatkuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. MAINJ berperanan menguruskan dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah dan mengagihkan mengikut asnaf, mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang/Harta Baitulmal dan mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf di bawah Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Tahun 2003.

Rajah 2.4 memaparkan struktur tadbir urus MAINJ. Berdasarkan Rajah 2.4, pentadbiran bagi semua fungsi baitulmal, wakaf, kutipan dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAINJ. Selain itu, MAINJ juga mempunyai empat anak syarikat dengan 100% pegangan termasuk sebuah anak syarikat yang belum beroperasi serta dua entiti usaha sama dengan pemilikan sebanyak 51% dan 60%.

**Rajah 2.4: Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Johor**




## 2.2.5 Struktur Tadbir Urus Majlis Ugama Islam Sabah

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) diletakkan di bawah Kuasa Tertinggi Agama, Yang Di Pertua. MUIS merupakan sebuah pertubuhan yang berjalan seiring dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dalam usaha menyampaikan syiar agama Islam di Sabah. Selain daripada bertanggungjawab dalam hal-hal menyampaikan ajaran Islam, memberikan pendidikan dan pengetahuan agama Islam, MUIS juga turut membina dan mentadbir bangunan masjid dan surau, mengesahkan perkahwinan orang-orang Islam, kemasukan saudara baru ke dalam agama Islam di seluruh Sabah kepada masyarakat tanpa mengira kaum, agama, jantina dan batas had umur di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004.

Rajah 2.5 memaparkan struktur tadbir urus MUIS. Berdasarkan Rajah 2.5, pentadbiran wakaf<sup>1</sup> dan baitulmal (namun terhad kepada hasil seperti *luqatah* dan *fidyah*) dan fungsi kutipan dan agihan zakat yang dijalankan oleh Pusat Zakat Sabah adalah terletak di bawah tanggungjawab MUIS. Manakala pengurusan hasil baitulmal yang utama seperti hasil mahkamah syariah dan hasil operasi diletakkan dibawah tanggungjawab Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) iaitu sebuah entiti berasingan namun masih melaporkan aktiviti mereka kepada MUIS. PBNS mempunyai satu anak syarikat dengan 100% pegangan. Selain itu, MUIS mempunyai anak syarikat dan juga syarikat bersekutu. Anak syarikat MUIS adalah terdiri daripada dua entiti di mana MUIS mempunyai 100% pegangan. Syarikat Bersekutu pula adalah terdiri daripada satu entiti di mana MUIS mempunyai 30% pegangan.

**Rajah 2.5: Struktur Tadbir Urus Majlis Ugama Islam Sabah**



<sup>1</sup> Bermula 1 Jan 2019, urusan wakaf ditadbir oleh Perbadanan Wakaf Sabah yang telah ditubuhkan dan diwartakan pada 15 November 2018. Rujuk pautan ke laman sesawang berita berikut: <https://utusanborneo.com.my/2018/11/14/muis-tubuh-lembaga-pengurusan-wakaf-negeri-sabah>.

### **2.3 Majlis Fatwa Agama Islam Negeri**

Perbincangan struktur MAIN juga tidak akan lengkap tanpa melihat kepada bahagian Majlis Fatwa Negeri tersebut kerana setiap tadbir urus berkaitan amalan semasa MAIN akan dipantau dan sebahagiannya difatwakan oleh Majlis Fatwa Negeri. Mana-mana fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri-Negeri akan mengikat umat Islam yang berada dalam wilayahnya sekiranya diwartakan. Implikasi kuasa fatwa di negeri-negeri akan memberi kesan hukum dan undang-undang kepada sesebuah negeri (Asni, M.F., & Sulong, J.B., 2017). Keadaan ini termasuklah hal-hal berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal yang sentiasa melalui proses inovasi dari masa ke semasa yang memerlukan fatwa negeri dikeluarkan. Antaranya ialah keharusan melakukan pelaburan menggunakan manfaat wakaf.

Prosedur dan kriteria perlantikan pihak yang mengeluarkan dan menguatkuasakan fatwa di setiap negeri adalah berbeza namun, semua enakmen pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa pihak yang berhak dan bertanggungjawab mengeluarkan hukum apabila diperlukan ialah institusi fatwa setiap negeri. Ia terdiri daripada gabungan di antara mufti dan Jawatankuasa Syariah. Fatwa yang hendak dikeluarkan hendaklah melalui Jawatankuasa Syariah dengan mufti sebagai pengurusnya (Hasnan Kasan, 2006).

### **2.4 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati kesemua struktur pentadbiran MAIN adalah tertakluk di bawah Kuasa Tertinggi Agama. Selain itu, jelas terdapat kepelbagaiannya dari segi struktur tadbir BZW dalam struktur pentadbiran setiap negeri. Terdapat MAIN yang meletakkan fungsi BZW dibawah pengurusan MAIN seperti di Johor, dan terdapat juga MAIN yang menubuhkan badan-badan korporat khusus untuk melaksanakan fungsi BZW secara berasingan seperti di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Sabah. Dari aspek pentadbiran dan pengurusan wakaf, MAIS dan MAINS meletakkan fungsi pengurusan dan pentadbiran wakaf di bawah anak syarikat milik penuh MAIN. Manakala, bagi MAINJ, MAIM dan MUIS, fungsi wakaf masih terletak dibawah pentadbiran dan pengurusan MAIN.

Seterusnya, dari aspek pengurusan zakat, terdapat MAIN yang meletakkan fungsi kutipan dan agihan zakat dibawah satu entiti dan terdapat juga MAIN yang mengasingkan fungsi kutipan dan agihan dibawah entiti yang berlainan. Contohnya di Selangor, fungsi kutipan dan agihan zakat diletakkan di bawah anak syarikat milik penuh yang ditubuhkan dibawah MAIS. Manakala MUIS dan MAINJ meletakkan fungsi kutipan dan agihan zakat dibawah pentadbiran MAIN sendiri. Bagi MAINS dan MAIM, urusan kutipan zakat diletakkan dibawah pengurusan entiti khas iaitu anak syarikat milik penuh majlis, manakala fungsi agihan zakat dilaksanakan oleh MAIN.

Seterusnya, bagi aspek pentadbiran dan pengurusan baitulmal, kesemua MAIN yang dikaji meletakkan fungsi tersebut dibawah majlis kecuali di Sabah dimana wujud dua entiti berbeza yang melaksanakan fungsi baitulmal iaitu pihak MUIS dan juga Perbadanan Baitulmal Sabah. Walau bagaimanapun, fungsi baitulmal yang dijalankan oleh MUIS adalah terhad kepada hasil luqatah dan fidyah manakala kebanyakan hasil baitulmal yang lain diurus dan ditadbir oleh Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah yang merupakan entiti berasingan tetapi masih melapor kepada MUIS.

# **BAB TIGA**

## **KAJIAN LITERATUR**

### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan menghuraikan kajian literatur yang dikupas berdasarkan lima isu utama. Pertama, perbincangan dimulakan dengan kupasan ringkas berkenaan sumber hukum syariah atau perundangan Islam yang relevan untuk dijadikan asas yang perlu dirujuk dalam pembentukan polisi dan piawaian perakaunan Islam. Kedua, kupasan tentang perakaunan dari perspektif Islam berdasarkan kajian-kajian lepas akan diketengahkan. Kupasan ini juga dilengkapkan dengan perbincangan ringkas tentang konsep Islamisasi ilmu pengetahuan, yang merupakan suatu pendekatan yang boleh digunakan dalam pembentukan piawaian bagi institusi yang mentadbir Baitulmal, Zakat, dan Wakaf (BZW). Ketiga, konsep umum bagi syarikat yang merangkumi bentuk-bentuk perniagaan usaha sama dalam perspektif Islam diketengahkan. Seterusnya, konsep pelaporan dan pendedahan maklumat bagi institusi berdasarkan perspektif syariah akan dibincangkan secara ringkas dengan merujuk kepada tinjauan dari kajian empirikal lepas dan bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

### **3.2 Sumber Hukum Syariah atau Perundangan Islam**

Islam adalah agama yang lengkap dan mengatur manusia dalam semua aspek kehidupan. Urusan keduniaan tidak dianggap terpisah dengan urusan akhirat, malahan setiap apa yang diperbuat akan dipertanggungjawabkan di hari pengadilan. Justeru, sesuai dengan sifat agama Islam itu sendiri yang lengkap dan sesuai untuk semua zaman, Islam menyediakan garis panduan dalam aspek menentukan hukum dan perundangan. Oleh itu, perbahasan ilmu perakaunan yang merupakan salah satu cabang ilmu keduniaan yang mengatur kehidupan manusia terutamanya dalam aspek muamalat perlu disandarkan kepada sumber-sumber hukum Islam. Perbincangan sumber-sumber hukum Islam adalah penting untuk disentuh dalam kajian ini kerana dalam usaha mewujudkan tatacara dan piawaian perakaunan yang menepati syarak, sumber-sumber hukum Islam yang telah digunakan oleh para ulama' mujtahid harus dirujuk.

Dalam menentukan hukum, terdapat dua jenis sumber hukum yang dirujuk oleh para ulama'. Pertama, dalil *qat'ie* atau sumber yang disepakati oleh para ulama' dan kedua, dalil *zanni* iaitu sumber yang tidak disepakati. Sumber hukum yang disepakati terdiri dari empat iaitu Al-quran, As-sunnah, Ijma' ulama' dan Qias. Al-quran merupakan sumber utama bagi perundangan Islam dan ia membawa dalil-dalil yang berbentuk umum. Hukum yang terkandung dalam Al-quran ditaksir oleh Nabi Muhammad S.A.W melalui hadis dan kemudiannya ditaksir oleh para ulama'. Seterusnya, sumber perundangan kedua iaitu As-sunnah. As-sunnah adalah segala perkataan, perbuatan, sifat, perjalanan hidup, persetujuan dan *takrir* (tidak melarang) yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. Kehujahan As-sunnah dijadikan sumber hukum yang disepakati ulama' adalah berdasarkan dalil-dalil seperti berikut:

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya.” (Al-Hasyar: 7)

“Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian, jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (An-Nisa: 59)

Ijma' ulama' pula bermaksud kesepakatan para ulama' mujtahid daripada umat Rasulullah S.A.W dalam perkara berhubung hukum syarak. Penggunaan Ijma' Ulama' dalam penetapan hukum syarak disandarkan kepada dalil Al-quran:

“... dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).” (Al-Baqarah: 143)

Akhir sekali Qias yang membawa maksud Ijtihad para ulama' pada perkara baru yang disandarkan pada perkara yang telah wujud hukumnya. Contoh: pengharaman arak (telah jelas disebut di dalam Quran) kerana memabukkan menjadi sandaran ulama' berpendapat semua minuman yang memabukkan itu adalah haram. Sumber pengharusan qias ialah berdasarkan Hadis:

Nabi S.A.W mengutus Muaz ke Yaman. Maka Nabi S.A.W bertanya kepadanya: "Bagaimana kamu akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?" Muaz menjawab: "Saya akan memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah". Nabi S.A.W bertanya lagi: "Sekiranya kamu tidak mendapati didalam kitab Allah?" Jawab Muaz: "Saya akan memutuskan berdasarkan Sunnah." Tanya Nabi lagi: "Sekiranya kamu tidak menemui di dalam Sunnah?" Muaz menjawab, "Saya akan berijtihad dengan pandanganku". Nabi pun bersabda: "Segala puji bagi Allah yang telah member taufiq kepada utusan Rasulullah." (Hadis Riwayat Ahmad)

Selain dari empat sumber hukum yang disepakati yang telah dibincangkan di atas, terdapat pelbagai sumber hukum yang tidak disepakati yang boleh dirujuk iaitu *Ihtisan*, *Masalih Mursalah*, *Ihtisab*, *Saddu Zara'i*, *Syar'u min kobiana*, *Kaulu Sohabi*, *Amalul Ahli Madinah*, dan *Uruf Wa Adat* (Ariffin, M, Yahya, M.Z, & Sahi, A, 2015). Perbincangan sumber hukum yang tidak disepakati ini juga sewajarnya disentuh kerana sumber-sumber ini juga boleh dijadikan rujukan dalam menyelesaikan isu-isu baru seperti pembentukan piawaian perakaunan Islam. Oleh hal yang demikian, perbincangan bagi setiap jenis hukum dipersembahkan secara ringkas seperti berikut:

### 1. *Istihsan*

*Istihsan* bermaksud menggunakan qias yang tidak nyata dengan meninggalkan qias yang nyata atau mengecualikan sesuatu perkara dari dalil atau kaedah yang umum berdasarkan dalil-dalil yang tertentu. Contohnya, sisa minuman burung helang dianggap suci dengan mengkiaskan kepada lebihan minuman manusia kerana persamaan kedua-duanya dari segi dagingnya yang tidak halal di makan. *Istihsan* mengambil qias yang tidak nyata iaitu tidak nyata persamaan antara kedua-duanya.

Jika digunakan qias yang nyata iaitu dengan menqiaskan kepada sisa minuman binatang buas seperti harimau ataupun singa hukumnya tidak suci dan sudah pasti tidak boleh diminum (Ariffin, et. al, 2015).

## 2. *Masalih Mursalah*

*Masalih mursalah* bererti menentukan hukum sesuatu berdasarkan kepada kemaslahatan tertentu yang tiada ketentuan nas mahupun ijma' yang menerima atau menolaknya. *Masalih mursalah* dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu keperluan yang mendesak (*dharurriyah*) iaitu keperluan-keperluan utama yang manusia bergantung kepadanya. Tahap yang kedua dipanggil keperluan biasa (*hajiyah*) iaitu keperluan yang diperlukan oleh manusia untuk mengelakkan diri daripada kesukaran. Tahap yang terakhir ialah keperluan kesempurnaan (*tahsiniyyah*) yang mana ianya diperlukan untuk keselesaan hidup manusia. Tiga tahap atau darjah keperluan ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks. Sebagai contoh, konteks pelaporan maklumat perakaunan (Salleh et. al, 2016). Tahap *dharurriyah* merujuk kepada pelaporan maklumat asas yang wajib dilaporkan dan boleh menyebabkan matlamat pelaporan tidak dapat dicapai jika tidak didedahkan. Seterusnya tahap *hajiyah* iaitu pelaporan maklumat yang perlu untuk tujuan menambah kefahaman yang akan memudahkan pengguna maklumat memahami maklumat yang dilaporkan dan jika tidak dilaporkan mungkin boleh menimbulkan kekeliruan. Tahap ketiga iaitu *tahsiniyyah* adalah berkaitan dengan pendedahan maklumat yang bertujuan mengukuhkan pendedahan sedia ada, tetapi jika tidak didedahkan tidak menjelaskan tujuan pelaporan.

## 3. *Istishab*

*Istishab* adalah dalil yang menilai tetapnya sesuatu perkara selagi tidak ada yang mengubahnya. *Istishab* ini sangat berkait rapat dengan satu kaedah fiqh، ما بقاء الأصل كأن ما على كان which bermaksud sesuatu perkara itu kekal seperti asalnya.

## 4. *Saddu zara'i*

*Saddu zara'i* dari segi bahasa bermaksud menutup jalan-jalan kejahatan. Menurut istilah syarak, ia bermaksud menghalang perkara-perkara harus yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang haram. Terdapat empat jenis *saddu zara'i*, iaitu sesuatu yang pasti membawa kepada keburukan seperti membuang bahan

lebihan proses kilang ke sungai. Kedua, sesuatu yang besar kemungkinan membawa kepada keburukan seperti menjual anggur kepada pembuat arak. Ketiga, sesuatu yang berkemungkinan membawa kepada keburukan seperti menjual barang secara bertangguh kerana boleh membawa kepada riba. Keempat, sesuatu yang jarang membawa kepada keburukan seperti menggali lubang di tempat-tempat yang jarang dilalui oleh manusia (Ariffin, et. al, 2015).

##### 5. *Syar'u min koblana*

*Syar'u min koblana* bermaksud syariat yang wujud sebelum Rasulullah S.A.W. diutuskan sebagai petunjuk jalan. Maksud menurut istilah ialah syariat-syariat rasul terdahulu yang terdapat dalam Al-Quran atau sunnah tetapi tiada arahan supaya kita mengikutinya. Sebagai contoh ialah syariat Nabi Musa A.S dan Nabi Adam A.S.

##### 6. *Kauli sohabi*

*Kauli sohabi* bererti kata-kata atau perbuatan orang yang pernah bertemu dengan Rasulullah S.A.W yakni para sahabat baginda dalam keadaan beriman serta berdamping dengannya untuk jangka masa yang lama, contohnya Khulafa Al-Rasyidin, Ibnu Abbas, Saidatina Aisyah dan lain-lain (Ismail, 2014). Dalam ayat Al-Quran juga ada menerangkan keredhaanNya dan menjanjikan syurga kepada para sahabat serta orang yang mengikut jejak dan tingkah laku sahabat. Dalilnya:

“Dan orang-orang terdahulu – yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang ‘Muhajirin’ dan ‘Ansar’, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.” (Surah At-Taubah: 100)

Serta dalam sebuah hadis berikut:

“Kami pernah dinasihati oleh Rasulullah shalallahu ‘alaihi wasallam dengan sebuah nasihat yang amat mendalam, yang menyebabkan air mata kami berlinang dan hati kami bergetar, lalu seorang sahabat

bertanya: ‘Ya Rasulullah, seakan-akan ini sebagai nasihat seseorang yang akan pergi, maka apa pesanmu kepada kami?’ Beliaupun bersabda: ‘Aku wasiatkan kepadamu agar bertakwa kepada Allah, mendengar dan patuh (kepada pimpinan), meskipun ia seorang budak dari Habsyah (Ethiopia), kerana sesungguhnya orang yang hidup di antara kamu sesudahku akan melihat perselisihan yang banyak, maka berpegang teguhlah kamu kepada sunnahku dan sunnah para Khulafa’ (pengikutku) yang mendapat petunjuk, berpegang teguhlah kamu padanya dan gitilah dengan geraham-geraham (mu), dan jauhilah hal-hal yang diada-adakan (dalam agama) kerana setiap yang baru itu adalah bid’ah dan setiap bid’ah adalah kesesatan.” (HR. Abu Dawud dan yang lainnya, dishahihkan oleh Ibnu Majah, demikian pula Syaikh Albani telah menelitiya).

#### 7. *Amalul Ahli Madinah*

*Amalul Ahli Madinah* bermaksud perkataan atau perbuatan yang disepakati oleh penduduk Madinah dalam lingkungan kurun hijrah yang pertama. Sebagai contoh, Imam Malik telah menyatakan dalam kitab Al-Muwatta’ bahawa makmum tidak perlu membaca Al-Fatihah dalam solat yang nyaring. Kenyataan Imam Malik ini adalah berdasarkan amalan penduduk Madinah. Sementara itu, Imam Syafi’e menyatakan makmum perlu membaca surah Al-Fatihah walaupun dalam solat yang nyaring berdasarkan hadis yang lain. Tetapi Imam Malik tidak bersandarkan kepada hadis tersebut kerana beliau berpendapat bahawa *Amalul Ahli Madinah* lebih kuat berbanding hadis ini yang bertaraf hadis ahad.

#### 8. *Uruf wa adat*

*Uruf wa adat* bererti perkataan atau perbuatan yang menjadi kebiasaan sekumpulan manusia dan diterima oleh akal yang sejahtera. Sebagai contoh, perbuatan memakai kasut di dalam rumah dalam kalangan masyarakat melayu dianggap kurang sopan. Oleh itu, setiap tetamu hendaklah menanggalkan kasut mereka sebelum memasuki rumah masyarakat melayu.

Selain dari sumber yang disepakati dan tidak disepakati yang telah dibincangkan dalam perenggan di atas, kaedah fiqh atau dikenali sebagai *Qawaid Fiqhiyah Kubra* yang merupakan satu cabang ilmu yang menjelaskan hukum yang bersifat umum, yang boleh digunakan untuk menyelesaikan permasalahan yang baru dan bersifat praktikal. Walaupun kaedah fiqh tidak dianggap sebagai dalil syarak yang akan menentukan hukum, kaedah fiqh boleh dirujuk untuk memudahkan proses merujuk suatu permasalah fiqh kepada prinsip syarak (Ismail, 2005). Terdapat lima kaedah fiqh asas yang masyhur yang akan dibincangkan dengan menerangkan contoh secara ringkas seperti berikut:

i. Segala urusan berdasarkan niatnya

Kaedah ini menjelaskan bahawa niat seseorang *mukallaf* diambil kira dalam menentukan hala tuju perbuatannya. Niat akan menentukan sama ada sesuatu perkara itu halal atau haram, sah atau batal. Dalil berdasarkan hadis:

"Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat masing-masing".  
(Hadis Riwayat Bukhari).

Contoh aplikasi kaedah ini yang menarik untuk disertakan berdasarkan Ismail (2005) adalah jika seseorang mengambil suatu harta *luqatah* (barang dijumpai) dengan niat untuk memilikinya, maka ia dianggap perampas yang perlu memberi ganti rugi jika barang tersebut rosak. Tetapi jika seseorang itu berniat untuk menyimpan, menghebahkan dan memulangkan kembali kepada pemilik asal, dia dianggap sebagai pemegang amanah yang tidak perlu memberi ganti rugi jika barang tersebut rosak (al-Burnu, 1998, dalam Ismail, 2005).

ii. Keyakinan tidak dihapuskan dengan keraguan

Maksud kaedah ini ialah perasaan syak dan was-was tidak dapat menghapuskan keyakinan seseorang. Dalil dari hadis bagi kaedah ini:

"Nabi S.A.W bersabda, Apabila kamu syak dalam solat, lantas tidak mengetahui bilangan rakaat, 3 atau 4, kamu hendaklah membuang syak tersebut dan meneruskan solat berdasarkan apa yang diyakininya" (Hadis Riwayat Muslim).

Contoh aplikasi kaedah ini adalah jika diketahui terdapat harta haram atau harta dirampas atau harta dicuri di sebuah kedai, namun demikian tidak dikenalpasti di bahagian mana, kita diharuskan untuk menjalankan urusan jual beli di kedai tersebut kerana barang yang hendak diurusniaga hanya disyaki haram dan keyakinan asal iaitu ia adalah halal tidak terhapus dengan keraguan tersebut (Ismail, 2005).

### iii. Kesukaran membawa kepada keringanan

Kaedah ini secara umumnya bermaksud hukum hakam yang mendatangkan kesukaran untuk dilaksanakan oleh mukallaf akan diringankan cara pelaksanaannya oleh syarak. Namun demikian, bukan bermaksud semua kesukaran diberikan keringanan. Contohnya kesukaran melaksanakan ibadah yang tidak dapat dielakkan seperti perlu bermusafir jauh untuk menunaikan haji tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menunaikan haji. Namun, jika kesukaran melibatkan kehilangan nyawa, maruah dan harta maka dibenarkan keringanan oleh syarak. Contohnya, jika perjalanan menuju ke Mekah tidak selamat, ibadah haji tidak wajib. Tujuh sebab bagi keringanan yang dibenarkan syarak dalam ibadat adalah sebab musafir, sakit, paksaan (seperti dipaksa melafazkan perkataan kufur), lupa (sehingga ia ingat), kejahilan, kepayahan, dan kekurangan (contoh orang gila yang kurang akal tidak dipertanggungjawabkan). Dalil berkaitan kaedah ini adalah:

"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran." (Al-Baqarah: 185)

"Kami (Allah) tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar kesanggupannya." (Al-An'am:152)

"Nabi S.A.W bersabda, permudahkanlah dan jangan menyusahkan."  
(Hadis Riwayat Bukhari)

Contoh aplikasi kaedah ini adalah syarak mengharuskan *gharar* yang ringan apabila wujud keperluan, seperti takaful dibenarkan walaupun terdapat *gharar* ringan kerana wujudnya keperluan terhadapnya (Majd Ahmad, 2001, dalam Ismail, 2005).

### iv. Kemudaratatan wajib dihilangkan

Kaedah ini dikaitkan dengan menjaga kepentingan agama, jiwa, keturunan, harta dan maruah. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala kemudaratatan perlu ditegah dan

diharamkan, termasuk mudarat yang umum dan khusus. Selain itu, pencegahan awal juga perlu dibuat untuk mengelakkan daripada kemudaratan sebagaimana kita menghapuskan kemudaratan yang telah berlaku dan mengawal daripada kemudaratan yang berulang-ulang (al-Burnu,1998 dalam Ismail, 2005). Contoh dalil dari hadis:

"Tidak ada mudarat dan tidak ada yang memudaratkan." (Hadis  
Riwayat Imam Malik, Baihaqi & Hakim)

Contoh aplikasi kaedah ini ialah penjualan harta *al-ihtikar* (kegiatan monopoli suatu barang untuk dijual semula dengan harga yang lebih tinggi) dengan harga semasa oleh pemerintah demi mengelakkan kemudaratan dan menjaga kemaslahatan masyarakat (Ibn Qudamah t.th: 308).

v. Adat kebiasaan dapat dijadikan landasan mengeluarkan hukum

Kaedah ini bermaksud bahawa adat sesuatu masyarakat yang tidak bertentangan dengan nas syarak diambil kira dalam penentuan hukum syarak (al-Burnu,1998 dalam Ismail, 2005). Tetapi perlu memenuhi syarat iaitu adat tersebut perlu konsisten dan diterima majoriti masyarakat, tidak bertentangan dengan syarak, adat diterima pakai selagi tidak dipersetujui sebaliknya (Contohnya, adat masyarakat setempat adalah si pembeli yang harus menanggung kos penghantaran barang ke tempatnya. Namun, jika si pembeli dan si penjual telah bersetuju bahawa si penjual yang perlu menanggung kos tersebut, dalam situasi ini adat tidak diambil kira, sebaliknya persetujuan mereka yang menjadi penentu). Antara dalil bagi kaedah ini:

"... dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada para ibu menurut cara yang sepatutnya". (Al-Baqarah: 233).

Berdasarkan ayat tersebut, kadar makanan dan pakaian yang diwajibkan kepada seorang suami terhadap isterinya tidak diperincikan, tetapi diserahkan kepada adat yang patut untuk menentukannya (Ismail, 2005). Contoh aplikasi kaedah ini adalah, *sighah (ijab dan qabul)* merupakan salah satu rukun jual beli, namun demikian *fuqaha* antaranya al-Nawawiyy mengharuskan urusniaga yang dijalankan tanpa *sighah* jika ia menjadi adat sesuatu masyarakat (al-Khin,1989 dalam Ismail, 2005).

Oleh hal yang demikian, dalam usaha pembentukan piawaian dan polisi perakaunan yang menepati hukum syarak, sumber-sumber hukum sama ada yang disepakati atau tidak disepakati perlu dirujuk untuk memberi ruang keluwesan selagi tidak bertentangan dengan syarak dan kaedah-kaedah fiqh yang wujud. Kaedah-kaedah fiqh yang masyhur seperti yang dijelaskan di atas juga boleh dijadikan asas dan panduan dalam membentuk piawaian yang selari dengan hukum syarak.

### **3.3 Konsep Perakaunan Islam dan Islamisasi**

Konsep perakaunan dari perspektif Islam ataupun disebut sebagai ‘perakaunan Islam’ adalah suatu konsep yang berbeza dari konsep perakaunan konvensional. Walaupun masih belum wujud suatu konsep atau teori yang jelas yang membentuk ‘teori perakaunan Islam’ (Mustaffha & Zainal, 2016), namun sorotan karya dari pelbagai sarjana perakaunan yang membincangkan asas perakaunan Islam penting untuk dibincangkan bagi memberi kefahaman tentang kerangka kerja yang mendasari polisi perakaunan yang patuh syariah.

Abdul Rahman (2010) mendefinisikan perakaunan Islam berasaskan konsep tauhid dan konsep khalifah. Konsep tauhid secara ringkasnya adalah konsep mengesakan Allah S.W.T dan mengakui Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Konsep khalifah pula menerangkan tentang tujuan penciptaan manusia iaitu sebagai khalifah yang mentadbir urusan di muka bumi mengikut aturan Penciptanya. Konsep khalifah yang menjadi asas kepada perakaunan Islam seterusnya membawa kepada pendefinisan konsep akauntabiliti dari perspektif Islam. Konsep akauntabiliti dari perspektif konvensional menerangkan tentang tanggungjawab dan kebertanggungjawaban iaitu kesediaan untuk menjawab atas segala tindakan dan keputusan yang diambil (Gray et. al, 1987). Namun, konsep akauntabiliti dalam Islam meliputi kebertanggungjawaban yang lebih luas dan kritikal iaitu setiap tindakan atau perbuatan manusia yang merupakan khalifah Allah S.W.T akan dipertanggungjawabkan di akhirat dan akan dihisab dengan seadil-adilnya pada hari pengadilan. Dalil dari Al-Quran berikut boleh dirujuk:

“Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya)

itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung". (Surah Al-Anbiya: 47)

Oleh itu, urusan keduniaan adalah tidak dipisahkan dengan urusan akhirat, malah setiap urusan keduniaan mestilah bertujuan mencapai *mardhatilah* (keredaan Allah S.W.T) dan *al-falah* (kejayaan dunia dan akhirat). Seterusnya, beberapa sarjana yang lain membincangkan konsep akauntabiliti dari perspektif Islam yang menjadi asas dan matlamat perakaunan Islam dengan konsep akauntabiliti dua lapisan iaitu manusia perlu memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan juga akauntabiliti sesama umat manusia (Haniffa, Hudaib, & Mirza 2004; Mirza, 2012; Shahul Hameed, 2000).

Konsep perakaunan Islam juga lebih meluas dan tidak terhad kepada penyediaan maklumat kewangan kepada pengguna atau pihak berkepentingan, malah perakaunan harus berfungsi sebagai medium penzahiran akauntabiliti mengikut kehendak syariah (Abdul Rahman, 2010). Mirza (2012) pula menerangkan aspek etika yang mendasari perakaunan Islam adalah etika yang konsisten dengan syariah untuk membolehkan tujuan akauntabiliti terlaksana. Oleh itu, objektif utama perakaunan Islam adalah untuk mencapai maksud akauntabiliti Islam. Selain itu, Sulaiman (2005) memberi penekanan kepada beberapa aspek dalam perakaunan Islam iaitu kebenaran dan integriti, penyediaan maklumat yang telus tanpa unsur pemalsuan, dan juga konsep keadilan sosial iaitu peraturan atau konvensyen perakaunan Islam haruslah tidak memihak kepada satu kelompok khusus, sebaliknya perlu mengambil kira keperluan umat sejagat.

Abdul Rahman (2017) memberikan objektif perakaunan dan pelaporan kewangan dalam konteks Majlis Agama Islam adalah untuk memenuhi keperluan syariah dan memenuhi tiga tujuan. Pertama, perakaunan dan pelaporan membantu pengguna maklumat membuat pertimbangan dan keputusan yang berkaitan. Kedua, memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada semua pihak berkepentingan, dan ketiga, tujuan terunggulnya adalah untuk mencapai keredaan Allah S.W.T (*mardhatillah*). Konsep tuntutan akauntabiliti yang digarap dalam mendefinisikan objektif perakaunan tersebut adalah merujuk kepada dalil:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”. (Surah At-Taubah: 105)

Dalam konteks MAIN juga, pihak berkepentingan adalah dari kalangan pelbagai kelompok (contohnya pembayar zakat, penerima zakat, pewakaf, Sultan, Kerajaan Negeri, dan lain-lain) yang mempunyai keperluan dan kehendak maklumat yang pelbagai. Oleh itu, dimensi akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan kepada pihak berkepentingan (akauntabiliti sesama manusia) yang kritikal bagi institusi seperti MAIN menjadi faktor penting terhadap perlunya perakaunan Islam yang dapat memenuhi keperluan perakaunan dan pelaporan yang berlandaskan syariah (Shahul Hameed, 2000).

Walau bagaimanapun, seperti yang telah ditekankan pada awal perenggan yang membincangkan konsep perakaunan Islam ini, perakaunan Islam masih belum wujud sebagai satu konsep yang jelas dan tersendiri walaupun telah dibuktikan keperluan perakaunan yang berteraskan syariah yang berbeza dengan konsep perakaunan konvensional (Shahul Hameed, 2000; Sulaiman, 2005). Perbahasan pembentukan perakaunan Islam boleh dilihat dari konteks ‘Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari’ yang dibawa oleh sarjana Islam seperti Al-Attas (1978) dan Faruqi (1982). Menurut Hashim dan Rossidy (2000), konsep Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari seperti yang didefinisikan oleh Al-Attas adalah merujuk kepada proses pembebasan manusia dari taksiran ilmu pengetahuan berdasarkan ideologi sekular. Manakala, konsep Islamisasi yang dibawa oleh Faruqi adalah merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam.

Majid dan Haliding (2014) membahaskan tentang keperluan Islamisasi disiplin ilmu perakaunan disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah percanggahan objektif perakaunan konvensional dan perakaunan Islam dan ketidaksesuaian prinsip dan konvensyen perakaunan dalam mengakaunkan transaksi yang bertepatan dengan syariah. Justeru, disiplin ilmu perakaunan konvensional sedia ada wajar dilihat semula dari perspektif syariah. Prinsip dan konvensyen perakaunan yang tidak

bertentangan dengan keperluan syarak boleh diterima pakai, manakala prinsip yang bertentangan dengan syarak harus ditolak. Bagi perkara yang tiada nas atau dalil yang jelas seperti disiplin ilmu perakaunan, kedah fiqh boleh digunakan sebagai garis panduan dalam merangka sesuatu polisi atau undang-undang. Hal ini kerana dalam perkara muamalat, satu kaedah fiqh yang diguna pakai ialah <sup>الإباحة الأشیاء فی الأصل</sup> yang bermaksud asal sesuatu perkara adalah harus sehingga wujud dalil yang mengharamkannya (Al-Bakri, 2010).

Pembentukan perakaunan Islam melalui pendekatan Islamisasi ini dilihat sebagai satu kaedah yang bersifat praktikal bagi menyelesaikan isu-isu kontemporari seperti keperluan kepada konsep perakaunan yang patuh syarak (Abdul Rahman, 2010; Majid dan Haliding, 2014). Hal ini diperkuatkan lagi dengan fakta bahawa institusi-institusi Islam seperti MAIN perlu memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada pihak berkepentingan yang pelbagai dan juga perlu menjalankan fungsi sebagai pemegang amanah selari dengan keperluan syarak. Walaupun terdapat kritikan terhadap kaedah Islamisasi ilmu pengetahuan dalam membina disiplin ilmu kontemporari seperti perakaunan Islam, kelebihan kaedah ini dilihat boleh menyumbang sebagai satu pendekatan yang praktikal dan sesuai digunakan sebagai langkah awal pembangunan disiplin ilmu (Ahmed, 2012). Namun, usaha untuk membangunkan kerangka kerja konseptual dan piawaian perakaunan Islam melalui pendekatan teori asas (*grounded theory*) dalam kerangka Islam amatlah perlu dipergiatkan bagi membolehkan pembentukan perakaunan Islam diperkuuh dan juga menjadi suatu mekanisme bagi menyemak dan mengimbangi proses pembentukan perakaunan Islam melalui pendekatan Islamisasi. Oleh itu, proses pembentukan perakaunan Islam akan sentiasa menjalani proses penambahbaikan dan dikembangkan dari semasa ke semasa sehingga suatu konsep yang benar-benar kukuh dapat ditegakkan.

### **3.4 Konsep Syarikat daripada Perspektif Islam**

Bahagian ini akan membincangkan secara ringkas konsep-konsep berhubung syarikat dan juga bentuk-bentuk perniagaan usaha sama dari perspektif Islam yang berkaitan dengan aspek kajian dalam Fasa 4 iaitu beberapa piawaian yang menyentuh tentang aspek pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, serta pengaturan bersama. Penubuhan entiti perniagaan yang dikenali sebagai ‘asyarikah’ atau ‘musyarakah’ atau ‘syarikat’ bagi tujuan menggerakkan dan

mengembangkan harta merupakan kaedah yang biasa digunakan yang diamalkan sebelum zaman Nabi Muhammad S.A.W diangkat menjadi Rasul, dan amalan tersebut diteruskan selepas kerasulan Nabi S.A.W sehingga kini (Wahbah al Zuhaili, 2000). Dari segi istilah, ‘al-syirkah’ adalah merujuk kepada perkongsian dan percampuran harta, manakala istilah ‘al-musyarakah’ pula merujuk kepada hubungan dua pihak atau lebih dalam akad ‘al-syirkah’.

Ulama’ fiqh dalam mazhab yang mutakbar mentakrifkan konsep ‘al-syirkah’ dengan beberapa takrifan yang sedikit berbeza tetapi memberikan maksud yang hampir sama. Berikut adalah beberapa takrifan tersebut:

‘Satu kebenaran untuk berbuat sesuatu yang tertakluk pada hukum bagi kedua-dua pihak yang bekerjasama terhadap harta mereka’ (Mazhab Maliki)

‘Adalah ungkapan tentang ketetapan suatu hak ke atas suatu barang bagi dua orang atau lebih secara bersama’ (Mazhab Syafi’e)

‘Gabungan atau usaha sama antara dua rakan mushtarik dalam pemilikan hak atau tasarruf’ (Mazhab Hanbali)

‘Satu kontrak antara dua orang yang berkongsi dalam modal dan keuntungan’ (Mazhab Hanafi)

Konsep ‘al-syirkah’ adalah diharuskan berdasarkan dalil-dalil bersumberkan Al-Quran, Al-Sunnah dan Ijma’. Antara sumber dalil berdasarkan Al Quran adalah wujudnya ayat-ayat yang menyentuh perihal ‘al-musharakah’ seperti dalam Surah An-Nisa ayat 12 yang menyebut perkataan shuraka’ yang bermaksud berkongsi dalam harta yang diperolehi daripada harta faraid:

“Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang

kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, **maka mereka bersekutu** pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

Dan juga dalam Surah Sad ayat 24:

Daud berkata: “Sesungguhnya dia telah berbuat zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu untuk ditambahkan kepada kambingnya. Dan sesungguhnya kebanyakannya dari **orang-orang yang bersyarikat** itu sebahagian mereka berbuat zalim kepada sebahagian yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang saleh; dan amat sedikitlah mereka ini”. Dan Daud mengetahui bahawa Kami mengujinya; maka dia meminta ampun kepada Tuhanya lalu menyungkur sujud dan bertaubat.

Selanjutnya, antara dalil berdasarkan As-Sunnah adalah:

“Daripada Abu Hurairah r.a ia merafa’kannya kepada Nabi, beliau bersabda: Sesungguhnya Allah SWT berfirman, Aku adalah pihak ketiga dari dua orang yang bersyarikat, selagi mana salah satu antara kedua-duanya tidak berkhianat kepada yang lain, jika ia berkhianat kepada kawannya, maka Aku akan keluar dari antara kedua-duanya” (Hadis Qudsi, Riwayat Abu Dawud: No. 3383)

Hadir diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Umar yang bermaksud: “Selepas Khaybar dibuka (dikuasai umat Islam), kaum Yahudi meminta Rasulullah S.A.W. membiarkan mereka menetap di kawasan tersebut untuk mereka usahakan dan mengambil separuh hasil pertaniannya (separuh lagi untuk umat Islam), maka Rasulullah S.A.W. berkata: Aku membentarkannya atas apa yang dipersetujui” (Riwayat Muslim).

Oleh itu, amalan konsep perkongsian dan bersyarikat ini jelas telah diamalkan sebelum dan kemudian diperakui oleh Islam (Ibn Rusyd, 2002).

### **3.5 Prinsip Pelaporan dan Pendedahan daripada Perspektif Islam**

Institusi BZW sebagai institusi yang diberi amanah menguruskan wang dan harta umat Islam memainkan peranan yang penting bagi memenuhi dan memelihara kepentingan umat Islam dan juga masyarakat awam amnya. Seiring dengan perkembangan ekonomi dan kewangan umat Islam, serta pemodenan tadbir urus Institusi BZW, pengurusan hasil agama Islam pada masa kini dilihat lebih kompleks dan memerlukan kepada sistem pengurusan yang cekap dan berkesan bagi menjamin kelestarian sosioekonomi umat Islam. Secara spesifik, tatacara perakaunan dan pelaporan hasil yang sistematik dan telus amat diperlukan bagi membolehkan Institusi BZW menzahirkan akauntabilitinya kepada pihak berkepentingan (Hailani Muji Tahir & Ahmad, 2009).

Sungguhpun akauntabiliti yang tinggi Institusi BZW dituntut oleh pihak berkepentingannya, kajian lepas melaporkan bahawa wujudnya ketidakseragaman dan kelemahan amalan perakaunan dan pengurusan di kalangan MAIN di Malaysia (Abdul Rahman & Goddard, 1998). Hal ini disebabkan oleh ketiadaan piawaian khusus yang sesuai untuk digunakan oleh institusi yang mentadbir wakaf, zakat dan baitulmal dalam mengakaunkan dan melaporkan harta termasuk hasil agama Islam yang diuruskan (Ihsan et al., 2017). Tambahan pula, pemakaian piawaian konvensional sedia ada adalah tidak sesuai disebabkan teras operasi Institusi BZW adalah unik dan berbeza berbanding entiti yang bermotifkan untung mahupun entiti awam yang lain (Nahar & Yaacob, 2011; Yaacob, Petra & Sumardi, 2015; Azmi & Haniffa, 2015).

Oleh itu, keunikan Institusi BZW yang beroperasi dalam ruang lingkup yang berlandaskan ketetapan syarak menuntut suatu tatacara dan sistem perakaunan yang sesuai agar catatan urusniaga dan aktiviti institusi dapat diakaunkan dan dizahirkan selari dengan roh Islam yang mendasari operasi institusi tersebut.

Sistem perakaunan dan pelaporan yang telus merupakan salah satu medium penting bagi menzahirkan akauntabiliti sesebuah institusi (Connollay & Hyndman, 2013), termasuk institusi berlandaskan Agama Islam. Malahan bagi institusi berlandaskan Agama Islam ini, tuntutan akauntabiliti adalah lebih holistik meliputi tuntutan akauntabiliti kepada Allah dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat terutamanya umat Islam. Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas melaporkan amalan perakaunan dan pelaporan di kalangan Institusi BZW termasuk MAIN adalah tidak seragam dan hal ini menimbulkan persoalan tentang isu ketelusan dan akauntabiliti yang dipamerkan oleh institusi berkenaan sebagai institusi yang diberi amanah mengurus harta umat Islam (Hasan Basri & Siti Nabiha, 2010). Ketidakyakinan segelintir orang awam dibuktikan dengan wujudnya isu seperti pembayar zakat yang enggan membayar zakat melalui institusi zakat kerana tidak yakin bagaimana kutipan dan agihan diuruskan oleh institusi berkenaan (Hairunnizam & Sanep, 2014; Azman et al., 2012). Sebaliknya, apa yang sebenarnya diperlukan adalah tatacara perakaunan yang seragam serta pelaporan yang menyediakan maklumat yang lengkap, telus dan boleh dipercayai bagi membolehkan institusi yang mengurus wakaf, zakat dan baitulmal ini terus mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat (Md Salleh et al., 2016).

Walaupun amalan perakaunan di institusi yang mengurus hasil agama Islam seperti Baitulmal jelas telah lama wujud (Ahmad Zamri et al., 2017), kajian isu-isu dan amalan perakaunan di Institusi BZW adalah masih kurang terutamanya dalam konteks amalan di Malaysia (Maliah et al., 2016). Antara kajian awal yang telah dijalankan bagi memahami amalan perakaunan di Institusi BZW adalah kajian Abdul Rahman dan Goddard (1998) yang telah menjalankan kajian secara intepretif bagi memahami amalan perakaunan di dua MAIN di Malaysia. Dapatan kajian mereka melaporkan kewujudan isu-isu perakaunan yang kritikal seperti ketiadaan sistem perakaunan yang lengkap dan sistematik dan seterusnya menyumbang kepada kurangnya tahap akauntabiliti di kalangan MAIN yang dikaji.

Kajian-kajian lain berhubung amalan perakaunan dan pelaporan Institusi BZW kebanyakannya memberi fokus kepada aspek tertentu seperti kajian berkenaan pelaporan wakaf di kalangan Institusi BZW. Contohnya, Siti Rokyah (2005) mengkaji amalan pendedahan berhubung wakaf di kalangan 14 MAIN di Malaysia. Beliau mendapati beberapa isu ketelusan seperti tahap pendedahan yang rendah dan ketiadaan laporan kewangan yang terkini. Kajian yang lebih terkini, Mustaffha dan Zainal (2016) yang menjalankan analisis kandungan penyata kewangan terhadap sebuah MAIN di Malaysia juga mendapati tahap pendedahan maklumat wakaf adalah terhad. Selain itu, Azmi dan Haniffa (2015) dalam kajian mereka yang membandingkan amalan pelaporan perakaunan di dua institusi wakaf di Malaysia dan Singapura memberikan bukti bahawa pemakaian piawaian perakaunan konvensional yang berasaskan organisasi bukan untung tidak sesuai kerana gagal memenuhi keperluan pendedahan bagi isu-isu unik berhubung wakaf seperti istibdal.

Kajian-kajian lepas berhubung zakat pula lebih tertumpu kepada aspek pengurusan kutipan agihan zakat (Hairunnizam & Sanep, 2014; Zainal Abidin, 2006; Halidan 2006). Selain itu, Hairunnizam dan Radiah (2010) pula melaporkan pendedahan maklumat agihan zakat yang rendah boleh menjelaskan keyakinan pihak berkepentingan. Aspek perakaunan dan pelaporan Institusi zakat amat kurang dikaji sehingga kini. Antara isu-isu kritikal berhubung perakaunan dan pelaporan zakat yang perlu dikaji secara mendalam seperti yang diketengahkan oleh Sulaiman et al. (2016) adalah kesesuaian penggunaan terma hasil bagi merujuk kepada kutipan zakat oleh Institusi BZW seperti yang diamalkan sehingga kini dan isu pelaporan lebih kutipan zakat yang tidak diagihkan pada akhir tempoh perakaunan yang boleh menimbulkan salah faham di kalangan pengguna penyata kewangan.

Tujuan utama pendedahan dalam konteks perakaunan Islam adalah untuk menzahirkan akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan juga kepada pihak berkepentingan dari pelbagai golongan (Shahul Hameed, 2000) dan juga bagi tujuan mencapai keredhaan Allah S.W.T (Abdul Rahman, 2017). Justeru, bagi mencapai objektif atau tujuan pendedahan, kriteria kualiti maklumat juga penting untuk dibincangkan dari perspektif syariah. Menurut Haniffa et. al (2004), antara prinsip-prinsip pendedahan mengikut konsep perakaunan Islam adalah termasuk kriteria kualiti seperti (1) relevan iaitu maklumat yang didedahkan mestilah tepat dan mampu memberi gambaran bahawa pihak yang terlibat telah memenuhi amanah dan tanggungjawabnya, (2) objektif iaitu bermaksud kaedah ukuran yang digunakan mestilah patuh syariah dan adil serta (3) material iaitu maklumat yang mempamerkan keadilan dalam penilaian dan memenuhi hak-hak Allah S.W.T dan ummah. Selain itu, Salleh et al. (2016) dalam kajian mereka berhubung aspek pendedahan bagi institusi mentadbir BZW telah mencadangkan senarai item pendedahan berdasarkan kerangka konseptual akauntabiliti Islam dan memenuhi maqasid syariah. Cadangan item pendedahan yang dibangunkan adalah mengikut enam aspek iaitu pendedahan maklumat institusi, maklumat zakat, maklumat wakaf, maklumat baitulmal, penyata kewangan, dan maklumat belanjawan.

Setakat ini, kajian empirikal yang secara khusus mengkaji olahan perakaunan dan pendedahan dalam konteks wakaf, zakat dan baitulmal amat kurang dan boleh dikatakan hampir belum wujud. Aspek yang bersifat teknikal ini dilihat sebagai suatu yang boleh dikategorikan sebagai ‘*grey area*’ dalam bidang perakaunan Islam yang perlu diterokai dengan mendalam disebabkan kurangnya kajian-kajian teknikal yang meneliti pengolahan perakaunan bagi transaksi unik dalam institusi agama yang perlu selari dengan ketetapan syarak dan dapat membantu dari segi pencapaian akauntabiliti entiti yang menjalankan amanah dalam mengurus harta umat Islam. Justeru, kajian yang melihat secara khusus aspek perakaunan dan pelaporan Institusi BZW sangat penting untuk dilaksanakan bagi memberi kefahaman dan menjadi input dalam pembangunan piawaian perakaunan Islam yang seragam dan seterusnya dapat membantu Institusi BZW melaksanakan dan menzahirkan akauntabiliti mereka dengan lebih berkesan.

### **3.6 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, kupasan dari sudut sumber hukum syariah iaitu sumber hukum utama dan beberapa sumber hukum yang lain serta kaedah-kaedah fiqh yang relevan, telah memberikan ruang panduan untuk dijadikan rujukan dalam membentuk piawaian perakaunan Islam. Seterusnya, sedikit perbincangan konsep perakaunan Islam dan kaedah Islamisasi juga boleh menjadi pemandu kepada pembentukan polisi dan piawaian agar piawaian yang dibangunkan dapat mencapai tujuan seperti yang dikehendaki syarak. Akhir sekali, kupasan konsep syarikat dari perspektif Islam membuka ruang penerokaan berhubung aspek pelaburan dalam kepentingan dalam entiti lain seperti subsidiari, usaha sama dan pengaturan bersama. Sedikit kupasan amalan perakaunan dan pelaporan entiti BZW berdasarkan kajian yang lepas menunjukkan wujudnya keperluan yang mendesak untuk membina suatu piawaian yang boleh mengakaunkan dan melaporkan aktiviti unik entiti tersebut selaras dengan roh syariah Islamiah dan seterusnya membantu Institusi BZW meningkatkan akauntabilitinya.

## **BAB EMPAT**

### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Tujuan bab ini adalah untuk menghuraikan pendekatan kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data dalam proses menjawab objektif kajian pertama hingga ke empat. Perbincangan bermula dengan penerangan tentang pelaksanaan dan lokasi kajian, diikuti dengan penerangan pendekatan kualitatif yang digunakan. Seterusnya penerangan kaedah pengumpulan data yang disertakan dengan perbincangan mengenai proses pengumpulan data. Akhir sekali, kaedah analisis yang digunakan dibincangkan dan disudahi dengan kesimpulan.

#### **4.2 Pelaksanaan dan Lokasi Kajian**

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Pelaksanaan kajian Fasa Keempat ini adalah merupakan kesinambungan kajian dari Fasa Pertama, Kedua, dan Ketiga yang telah selesai dilaksanakan iaitu siri kajian yang dijalankan bagi membolehkan piawaian perakaunan Islam dan kerangka kerja konseptual bagi Institusi BZW dibangunkan. Justeru, kerjasama dari pihak MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya selaku sampel utama kajian diteruskan bagi fasa ini.

Kajian ini melibatkan lima (5) MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya sebagai sampel kajian seperti yang telah diamanahkan kepada kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Majlis Agama Islam Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Kesemua MAIN ini juga disebut sebagai MAIN Zon 1 dan terma ‘MAIN Zon 1’ akan digunakan bagi merujuk kesemua MAIN yang dikaji untuk tujuan perbincangan selanjutnya.

Seterusnya, seperti mana fasa pertama, kedua, dan ketiga, kajian pada fasa keempat ini mengambil pendekatan kualitatif bagi menjawab kesemua persoalan kajian. Pendekatan kualitatif masih digunakan dalam fasa ini untuk mengungkap dan memahami fenomena yang ingin dikaji dengan memfokus kepada isu perakaunan dan pelaporan kewangan bagi elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam penyata kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik dalam penyata kewangan Institusi BZW. Perenggan seterusnya akan menjelaskan pendekatan kualitatif yang digunakan.

### **4.3 Pendekatan Kualitatif**

Menurut Creswell (2007), kajian kualitatif merupakan satu pendekatan kajian yang bertujuan mengungkap fakta untuk memahami sesuatu fenomena secara induktif. Pendekatan ini sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang bersifat subjektif seperti apa, bagaimana, dan kenapa yang mana ia cuba difahami dalam fenomena asalnya (*natural setting*) dan penelitian yang bersifat induktif. Oleh itu, bersesuaian dengan permasalah kajian yang ingin diselesaikan serta persoalan kajian yang ingin dijawab, tafsiran dan olahan data menggunakan kaedah induktif dilihat mampu memberi kekayaan maklumat yang diperlukan.

Selain itu, kajian yang dijalankan juga menjurus kepada penelitian eksploratori (*exploratory research*) memandangkan pemasalahan kajian ini merupakan pemasalahan baru yang perlu diselesaikan serta kekurangan maklumat yang lengkap yang boleh digunakan untuk membuat sebarang andaian awal. Justeru, para penyelidik perlu menjalankan penyelidikan secara interaktif, membuat penelitian yang lentur dan terbuka untuk memperolehi dapatan induktif. Pendekatan kualitatif juga menitik beratkan perincian kontekstual dan mementingkan pandangan responden untuk dikembangkan. Oleh itu, pendekatan kualitatif seperti yang telah diterangkan jelas sesuai digunakan bagi tujuan kajian ini.

#### **4.3.1 Pendekatan Islamisasi Ilmu Pengetahuan**

Bagi mencapai objektif kajian kedua iaitu berkaitan keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja pelaporan kewangan Islam bagi Institusi BZW dan objektif keempat berkaitan cadangan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi BZW, penyelidik menggunakan pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan perakaunan sebagai asas dalam membuat analisis dan memberikan cadangan untuk mencapai objektif kajian yang berkenaan. Pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan telah dibincangkan secara ringkas dalam bab kajian literatur (rujuk Bab 3 Sub-topik 3.3) dan pendekatan ini dipilih oleh penyelidik atas faktor praktikaliti dalam membangunkan piawaian perakaunan Islam untuk institusi berciri unik seperti MAIN yang masih belum wujud sehingga kini (Majid & Halidin, 2014).

Dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan semasa terutamanya dalam mengaplikasikan ilmu berkaitan perakaunan dan perundangan (*ilmu fard kifayah*) dalam membangunkan olahan perakaunan yang boleh digunakan dengan berkesan oleh pihak Institusi BZW, sandaran rujukan kepada korpus ilmu juga amat diperlukan selagi mana ia mengikut syarak. Pendekatan Islamisasi atau akomodatif-modifikasi & elektisme-metodologik diperlukan untuk meneliti dan membuat pengubahsuaian dalam memberikan takrifan kepada konsep-konsep berkenaan kepentingan dalam entiti lain. Kaedah akomodatif-modifikasi merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran pengkaji bukan-Islam manakala kaedah elektisme-metodologik adalah merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, yang memilih-milih apa yang dirasakan baik daripada pelbagai sumber dan menggunakan secara kolektif (Muhammad Syukri, 2014; h.6-7). Namun begitu kaedah Islamisasi ini perlu dilakukan dengan berhati-hati (*ikhtiyat*) mengikut keperluan, urutan dan keutamaan ilmu iaitu (1) *aqidah* iaitu keyakinan yang tidak berbelah bahagi kepada sistem ilahi; (2) *naqliyah* iaitu sesuatu perkara yang berdasarkan dalil; dan (3) ‘*aqliyah* iaitu kebijakan akal untuk merungkai masalah (Hailani Muji Tahir & Ahmad, S, 2016; h. 23) dan perlu dimulakan dengan *tasawwur* Islam yang jelas seperti dinukilkkan oleh Muhammad Syukri (2014).

Penyelidik mengambil pendekatan mengadaptasi Kerangka Kerja Konseptual untuk sektor awam (yang dikeluarkan oleh IPSASB pada 2014) dan piawaian perakaunan sedia ada yang berasaskan konvensional (seperti MPSAS, MPERS, PERS, SORP), dan juga konvensyen atau piawaian yang patuh syariah (seperti MASB SOP*i*, AAOIFI, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR, amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN) sebagai asas kajian, dan seterusnya disesuaikan dengan keperluan syariah dan kaedah fiqh yang bersesuaian. Prinsip, konvensyen, atau kaedah tersebut dikaji dan diperhalusi dan mana-mana item yang bertentangan dengan hukum syarak atau kaedah fiqh serta yang tidak relevan dengan Institusi BZW akan dicadangkan untuk dikeluarkan. Manakala, jika item yang terdapat dalam sistem perakaunan sedia ada tidak bercanggah dengan keperluan syarak ianya akan dicadangkan untuk dikekalkan dan terdapat juga item yang memerlukan pengubahsuaian bagi menepati keperluan syarak. Seterusnya, item-item yang menjadi tuntutan syarak yang tidak terdapat dalam perakaunan sedia ada akan dicadangkan untuk ditambah.

#### **4.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data kajian ini dirangka dan dilaksanakan agar bersesuaian dengan keperluan setiap objektif kajian. Justeru, perbincangan kaedah pengumpulan data akan dibuat mengikut objektif kajian. Maklumat perincian kerja lapangan yang dijalankan seperti tarikh kutipan data, tempoh masa kutipan data dilaksanakan, dan lokasi-lokasi yang berkenaan dilampirkan dalam Lampiran 1.

##### **4.4.1 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Pertama**

Objektif kajian pertama adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan BZW oleh MAIN dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN. Bagi mencapai objektif ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*) dan juga semakan dokumen (*document reviews*). Menurut Jasmi (2012), kaedah perbincangan kumpulan fokus dijalankan dengan memilih sekumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu untuk berbincang dan berkongsi dengan mendalam tentang sesuatu isu atau topik. Segala respon dari individu yang terlibat dalam

kaedah ini merupakan input penting dan kaedah ini sesuai dilaksanakan bagi penyelidikan yang memerlukan kefahaman mendalam tentang sesuatu fenomena. Melalui kaedah ini, permasalahan yang ingin dikaji perlu dikenalpasti dan didefinisikan, iaitu amalan semasa perakaunan dan pelaporan berhubung elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam Penyata Kewangan serta keperluan piawaian lain bagi urusniaga unik dalam penyata kewangan bagi Institusi BZW.

Penyelidik diamanahkan dalam fasa kajian yang keempat ini untuk mengkaji 9 piawaian berkaitan seperti dalam jadual 4.1 di bawah:

**Jadual 4.1: Piawaian MPSAS Mengikut Tema**

Aspek	Piawaian
Pelaburan dengan kepentingan dalam entiti lain	(1) MPSAS 36: Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama (2) MPSAS 37: Pengaturan Bersama (3) MPSAS 34: Penyata Kewangan Berasingan (4) MPSAS 35: Penyata Kewangan Disatukan (5) MPSAS 38: Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain
Pembentangan dan pendedahan maklumat	(6) MPSAS 14: Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (7) MPSAS 20: Pendedahan Pihak Berkaitan (8) MPSAS 22: Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan* (9) MPSAS 24: Pembentangan Maklumat Belanjawan Dalam Penyata Kewangan

\* Nota: digugurkan berdasarkan perbincangan semasa pembentangan dapatan awal kepada pihak Pengurusan Tertinggi JANM pada 14 november 2019

Bagi kesemua sembilan (9) piawaian yang dikaji, penyelidik menggali maklumat secara mendalam tentang amalan serta isu-isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berhubung aspek-aspek tersebut yang diamalkan di MAIN di Zon 1. Peserta dalam perbincangan kumpulan fokus terdiri daripada semua pegawai perakaunan utama MAIN, pegawai perakaunan yang menguruskan hal-ehwal wakaf, zakat, dan baitulmal, pegawai perakaunan entiti berkenaan di bawah MAIN, pegawai perundangan MAIN dan negeri, Mufti atau wakil dari pejabat Mufti dan juga ahli jawatan kuasa fatwa MAIN.

Sebelum memulakan sesi perbincangan kumpulan fokus, kumpulan penyelidik membuat semakan dokumen ke atas penyata kewangan MAIN yang terlibat bagi tahun kewangan berakhir 2017 (tahun kewangan terakhir yang boleh didapati semasa tarikh kutipan data) dan mengkaji piawaian MPSAS (piawaian yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini), *The Statement of Recommended Practice* (SORP) dan MPERS yang berkaitan. Seterusnya, berdasarkan analisis kandungan laporan kewangan berkenaan dan piawaian perakaunan, kumpulan penyelidik mengadakan beberapa sesi perbincangan untuk memahami amalan perakaunan berdasarkan analisis pelaporan kewangan MAIN dan juga piawaian perakaunan sedia ada berkaitan aspek yang dikaji. Kemudian, kumpulan penyelidik menyediakan suatu panduan pertanyaan yang tidaklah bersifat terstruktur tetapi lebih kepada ringkasan aspek-aspek yang hendak digali dari responden semasa sesi perbincangan. Setiap sesi perbincangan kumpulan fokus yang dijalankan dimulai dengan mukadimah dan kata-kata aluan ketua penyelidik yang bertujuan menerangkan objektif dan hala tuju perbincangan tersebut agar semua peserta perbincangan kumpulan fokus memahami objektif perbincangan. Semasa sesi perbincangan kumpulan fokus dijalankan, pertanyaan yang dilontarkan oleh kumpulan penyelidik adalah bersifat bebas dan interaktif dan tidak terhad kepada panduan pertanyaan yang disediakan tersebut. Sebaliknya, penyelidik menggali maklumat dengan mendalam bagi mendapatkan kejelasan bagi setiap respon yang diberikan. Semua maklumat yang diperoleh dicatat oleh semua penyelidik dan pada akhir sesi perbincangan, wakil penyelidik akan membentangkan dapatan yang digarap dari sesi perbincangan untuk disahkan oleh semua peserta. Sebarang ketidakstesenian maklumat terus diperbetulkan dalam sesi rumusan tersebut.

#### **4.4.2 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Kedua**

Objektif kajian kedua adalah untuk mengenalpasti keperluan syariah dan mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi BZW iaitu pada peringkat pengoperasian iaitu berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berkaitan elemen pendedahan maklumat dan peristiwa lain dalam penyata kewangan serta urus niaga unik berkaitan baitulmal, zakat dan wakaf. Bagi mencapai objektif ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah temu bual mendalam dengan pakar-pakar syariah menggunakan teknik persampelan

bertujuan. Pakar-pakar syariah yang dirujuk adalah terdiri daripada pakar dalam bidang syariah, fiqh dan muamalah, serta yang mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan Islam. Senarai responden yang dirujuk ditunjukkan dalam Jadual 4.2 di bawah manakala biodata penuh pakar dilampirkan dalam bahagian lampiran (rujuk Lampiran 2). Pendekatan temu bual mendalam yang dilaksanakan adalah bersifat luas, terbuka, dan tidak berstruktur antara kumpulan penyelidik dengan panel pakar syariah yang telah dikenalpasti. Setiap pakar yang dikenalpasti, ditemu bual dalam sesi berasingan bagi membolehkan penyelidik mendapatkan keterangan yang terperinci dan berbincang tentang isu-isu syariah yang dibahaskan oleh pakar tersebut. Disamping kaedah temu bual pakar syariah, pengumpulan data bagi objektif kajian kedua juga menggunakan kaedah analisis kandungan artikel atau kitab yang membahaskan aspek syariah dan kaedah fiqh bersesuaian dengan isu yang dikaji.

**Jadual 4.2: Senarai Pakar Rujuk**

Nama Responden	Jawatan (semasa ditemubual)
SS Dato' Dr. Haji Anhar Opir	Timbalan Mufti Negeri Selangor
Ustaz Dr. Luqman Abdullah	Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Ahli Jawatan kuasa MAINK
Ustaz Dr. Muhammad Ikhlas Rosele	Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Prof. Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali	Professor di Institute of Islamic Banking and Finance (IIBF) UIA, Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Sebelum sesi temu bual mendalam dijalankan, penyelidik terlebih dahulu mengenalpasti isu-isu syariah yang ingin ditanya kepada panel pakar syariah. Isu-isu syariah yang dikumpul ini digarap melalui pembacaan artikel, kitab fiqh, dan piawaian perakaunan yang relevan. Penyelidik juga merangka panduan temubual berdasarkan prinsip pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan seperti dalam Kerangka Kerja Konseptual bagi tujuan umum untuk sektor awam yang dikeluarkan oleh IPSASB pada tahun 2014 dan piawaian-piawaian yang berkaitan. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti dan mendapatkan pandangan pakar berhubung kesesuaian, percanggahan, atau ketidakcukupan prinsip-prinsip perakaunan yang terdapat dalam IPSASB (2014) tersebut. Walau bagaimanapun, panduan temubual

yang disediakan tersebut bukanlah menjadi suatu rangka yang terstruktur dan terhad kepada isu yang dirangka semata-mata. Seperti yang dinyatakan dalam kaedah perbincangan kumpulan fokus di atas, temubual mendalam bersama pakar syariah juga adalah bersifat bebas, luwes dan terbuka bagi menggali sebanyak mungkin maklumat.

#### **4.4.3 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Ketiga**

Objektif kajian ketiga adalah untuk mengenalpasti batas-batas perundangan yang ada bagi melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi BZW. Pengumpulan data bagi mencapai objektif ini dilaksanakan melalui kaedah analisis kandungan terhadap kerangka perundangan sedia ada yang relevan termasuk perundangan peringkat persekutuan dan juga peringkat negeri, peraturan-peraturan yang berkuatkuasa, serta manual-manual pengurusan yang diterbitkan oleh JAWHAR. Bagi tujuan ini, penyelidik mendapatkan khidmat pakar perundangan profesional bagi menjalankan kerja-kerja analisis teks kandungan undang-undang dan peraturan serta memberikan taksiran perundangan yang diperlukan. Senarai kerangka perundangan yang dirujuk dan dianalisis dilampirkan dalam Lampiran 3.

Selain itu, penyelidik juga membuat semakan aspek dan isu perundangan dengan pegawai undang-undang setiap MAIN yang menyertai sesi ditemu bual kumpulan fokus semasa kutipan data objektif pertama (mengkaji amalan perakaunan) dijalankan. Penggunaan beberapa kaedah pengumpulan data bagi tujuan mencapai objektif ini dilihat sebagai satu cara untuk meningkatkan ketepatan dan kesahan maklumat yang diperoleh melalui teknik triangulasi dan semak silangan (Jasmi, 2012).

#### **4.4.4 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Keempat**

Objektif kajian yang keempat adalah untuk mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi BZW yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan. Kaedah kutipan data bagi tujuan objektif ini adalah kaedah analisis kandungan MPSAS yang berkaitan iaitu sembilan (9) MPSAS berkaitan yang telah dinyatakan sebelum ini, serta piawaian-piawaian lain yang relevan iaitu

MPERS, MFRS, SORP, MASB SOPi, AAOIFI, terbitan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN. Sembilan (9) MPSAS tersebut dijadikan asas dalam merangka cadangan maklumat untuk tujuan pembangunan piawaian dan juga disokong oleh sumber yang relevan dari piawaian lain selain MPSAS seperti yang telah dinyatakan. Seterusnya, ianya disesuaikan dengan menggunakan maklumat yang diperolehi dalam objektif 1 dan 2 serta dapatan kajian Fasa Pertama, Fasa Kedua dan Fasa Ketiga.

#### 4.5 Kaedah Analisis Data

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah analisis data mengikut objektif kajian. Bagi **objektif kajian pertama**, kaedah analisis data adalah berdasarkan tema dapatan kajian dan juga tempat penyelidikan iaitu lima MAIN dalam Zon 1. Berdasarkan kaedah analisis berdasarkan tema, penyelidik membangunkan pola bagi merumuskan dapatan kajian. Seterusnya, pemetaan tema bagi setiap MAIN dalam Zon 1 juga dibuat bagi membolehkan dapatan kajian dibandingkan dan dikelaskan mengikut ciri tertentu.

Bagi **objektif kajian kedua**, kaedah analisis data berdasarkan tema juga digunakan. Berbeza sedikit pendekatan analisis yang digunakan dalam objektif kajian pertama, dapatan dari temu bual pakar-pakar syariah ditranskripkan secara kata demi kata (*verbatim*) dan kemudiannya di analisis mengikut tema. Transkripsi penuh temu bual pakar-pakar syariah boleh dirujuk dalam Lampiran 4. Tujuan transkripsi secara kata demi kata dibuat adalah bagi memastikan penyelidik dapat memastikan sumber maklumat yang disampaikan oleh pakar-pakar syariah dapat dilaporkan dengan lebih terperinci. Hal ini kerana, majoriti ahli penyelidik tidak mempunyai latar belakang syariah yang membolehkan rumusan dibuat secara langsung (tanpa transkripsi kata demi kata) seperti yang dilaksanakan dalam analisis objektif kajian pertama (objektif kajian pertama adalah berkaitan dengan amalan perakaunan semasa yang mana majoriti ahli penyelidik merupakan penyelidik dalam bidang perakaunan, oleh itu rumusan secara langsung dengan pengesahan responden pada akhir sesi perbincangan kumpulan fokus dirasakan memadai). Sesetengah transkripsi pakar

syariah yang sangat relevan dipetik secara langsung (dengan meletakkan tanda pengikat kata) dalam perbincangan dapatan kajian dan dimasukkan ke dalam jadual yang bersesuaian untuk tujuan analisis dan perbincangan. Pakar-pakar syariah yang dirujuk dalam teks perbincangan akan diberikan kod berdasarkan nombor seperti ‘Responden 1,2,3.. (R1, R2, R3, R4)’ untuk memudahkan penulisan dan perbincangan. Kod-kod yang mewakili pakar-pakar syariah tertentu boleh dikenalpasti melalui maklumat yang dikenalpasti dalam jadual yang beriringan dengan perbincangan. Selain itu, harus ditekankan bahawa pendekatan dalam merumuskan dapatan kajian yang digunakan bagi objektif ini adalah dengan memberi keutamaan kepada pandangan ulama’ yang muktabar serta meraikan amalan majoriti (MAIN) selagi mana tidak bertentangan dengan syarak.

Seterusnya, data bagi **objektif kajian ketiga** dianalisis menggunakan analisis kandungan. Pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian bagi objektif ketiga berhubung batasan perundangan yang ada bagi melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi BZW.

Manakala, kaedah analisis data yang digunakan untuk mencapai **objektif kajian yang keempat** ialah kaedah analisis tema dan atribut yang merujuk kepada 9 MPSAS yang telah dinyatakan sebelum ini. Dalam merumuskan dapatan objektif kajian keempat, dapatan dari objektif kajian kedua (iaitu keperluan syariah dan kerangka kerja konseptual) juga dirujuk dan digunakan secara bersama. Dalam melaporkan dapatan kajian objektif keempat, seperti yang telah dibincangkan dalam seksyen kaedah pengumpulan data, piawaian MPSAS akan digunakan sebagai asas dalam membuat cadangan maklumat kepada piawaian perakaunan Islam yang ingin dibangunkan. Mana-mana peruntukan MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah dikekalkan, peruntukan yang bercanggah digugurkan, dan keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan dicadangkan untuk ditambah. Selain itu terdapat perenggan MPSAS yang dipinda bagi mengeluarkan klausa atau perincian yang kurang relevan serta menambah perincian dengan contoh-contoh yang sesuai dengan Institusi BZW terutama yang berkaitan isu-isu unik berhubung hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi Institusi BZW.

Ringkasan kaedah yang digunakan dalam analisis data dan persempahan dapatan bagi objektif ke empat iaitu untuk mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi BZW yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan adalah seperti Jadual 4.3 berikut:

### **Jadual 4.3 Kaedah Analisis Objektif Kajian Keempat**

<b>Perenggan dalam Piawaian MPSAS</b>	<b>Penerangan</b>
Kekal	Perenggan asal tidak bercanggah dengan keperluan syariah dan disokong oleh dalil serta selari amalan majoriti Institusi BZW.
Ubahsuai	Perenggan asal mengandungi klausa atau perincian yang kurang relevan atau tidak jelas dan perlu disesuaikan dengan keperluan syariah dan konteks Institusi BZW.
Tambah	Keperluan yang tidak disentuh dalam mana-mana perenggan sedia ada tetapi perlu ditambah untuk memenuhi keperluan syariah dan selari dengan amalan majoriti Institusi BZW.
Keluarkan	Perenggan asal bercanggah dengan keperluan syariah (walaupun selari dengan amalan majoriti Institusi BZW).

Selain itu, walaupun MPSAS dijadikan asas, kerangka perundangan lain yang sesuai masih juga dirujuk sebagai asas dalam memberikan cadangan iaitu SORP 2005 dan 2015, MFRS, MPERS, MASB SOP*i*, AAOIFI, terbitan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan isu syariah dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN. Oleh itu, cadangan kepada maklumat asas dalam pembentukan piawaian Islam tidaklah semata-mata terikat kepada piawaian MPSAS sedia ada semata-mata malahan suatu piawaian khusus akan dicadang untuk ditambah ataupun digugurkan secara keseluruhannya mengikut kesesuaian. Aspek analisis data bagi objek kajian keempat juga memberi penekanan kepada peranan fatwa setiap negeri dalam mempengaruhi olahan perakaunan selari dengan dapatan dua fasa penyelidikan sebelum ini. Oleh hal yang demikian, cadangan maklumat asas bagi pembangunan piawaian perakaunan Islam adalah berdasarkan kerangka syariah dan juga amalan majoriti Institusi BZW yang tidak bercanggah dengan syariah tetapi masih meraikan perbezaan fatwa setiap negeri yang memberikan kesan olahan perakaunan yang berbeza selagi mana pendedahan yang mencukupi diberikan.

#### **4.6 Kesimpulan**

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mencapai kesemua objektif kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Kaedah pengumpulan data juga dirangka dan dijalankan mengikut kesesuaian bagi setiap objektif kajian. Antaranya ialah perbincangan kumpulan fokus, temu bual mendalam dan analisis kandungan. Seterusnya, data dianalisis berdasarkan tema dan pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian. Bagi objektif pertama, dapatan kajian tentang amalan perakaunan dan pelaporan semasa dibuat perbandingan amalan antara Institusi BZW dalam Zon 1 yang dikaji. Manakala, bagi objektif kedua dan ketiga, data yang diperolehi dianalisis juga menggunakan kaedah analisis tema seterusnya dipetakan dan dibuat perbandingan dengan prinsip dan konvensyen perakaunan dan perundangan sedia ada. Akhir sekali, dapatan kajian bagi objektif kajian ke empat dianalisis dengan kaedah analisis berdasarkan tema dan atribut.

## **BAB LIMA**

### **AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN - PENDEDAHAN MAKLUMAT & PERISTIWA LAIN BAGI INSTITUSI BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF (BZW) DI MALAYSIA**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian tentang amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan baitulmal, zakat dan wakaf oleh institusi BZW (MAIN atau institusi yang diberi kuasa oleh MAIN) dalam Zon 1 bagi memenuhi objektif pertama kajian. Perbincangan akan menyentuh tentang isu perakaunan dan pelaporan bagi:

1. Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
2. Pendedahan Pihak Berkaitan
3. Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan
4. Pembentangan Maklumat Belanjawan Dalam Penyata Kewangan
5. Penyata Kewangan Berasingan
6. Penyata Kewangan Disatukan
7. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama
8. Pengaturan Bersama
9. Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

Maklumat yang diperlukan untuk memenuhi objektif kajian pertama ini diperoleh melalui semakan dan analisis penyata kewangan institusi BZW untuk tahun berakhir 31 Disember 2017 serta perbincangan kumpulan fokus dengan wakil dari institusi BZW bagi memahami dan mengesahkan maklumat yang dilaporkan dalam laporan kewangan.

Amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang dibincangkan dalam bab ini melibatkan institusi BZW seperti yang disenaraikan dalam Jadual 5.1.

**Jadual 5.1: Institusi BZW dalam Zon 1 dan Penyata Kewangan**

<b>NEGERI</b>	<b>KUMPULAN WANG</b>	<b>NAMA ENTITI</b>	<b>PENYATA KEWANGAN</b>
<b>Selangor</b>	<b>Wakaf</b>	Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)	Penyata Kewangan Berasingan PWS, Penyata Kewangan Disatukan PWS dan Penyata Kewangan KWW
	<b>Zakat</b>	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Penyata Kewangan LZS dan Penyata Kewangan KWZ
	<b>Baitulmal</b>	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Penyata Kewangan Berasingan MAIS (KWW, KWZ & KWB) dan Penyata Kewangan Disatukan MAIS
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>Wakaf</b>	Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS)	Penyata Kewangan Berasingan MAINS (KWW, KWZ & KWB) dan Penyata Kewangan Disatukan MAINS
	<b>Zakat</b>	Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS)	
	<b>Baitulmal</b>	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	
<b>Melaka</b>	<b>Wakaf</b>	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	Penyata Kewangan Berasingan MAIM (KWW, KWZ & KWB) dan Penyata Kewangan Disatukan MAIM
	<b>Zakat</b>	MAIM – Pusat Zakat Melaka (PZM)	
	<b>Baitulmal</b>	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	
<b>Johor</b>	<b>Wakaf</b>	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)	Penyata Kewangan Berasingan MAINJ (KWW, KWZ & KWB) dan Penyata Kewangan Disatukan MAINJ
	<b>Zakat</b>		
	<b>Baitulmal</b>		
<b>Sabah</b>	<b>Wakaf</b>	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	Penyata Kewangan Berasingan MUIS (KWW, KWZ & KWB tertentu) dan Penyata Kewangan Disatukan MUIS
	<b>Zakat</b>	MUIS – Pusat Zakat Sabah (PZS)	
	<b>Baitulmal</b>	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	
	<b>Baitulmal</b>	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS)	Penyata Kewangan Berasingan PBNS (KWB tertentu) dan Penyata Kewangan Disatukan PBNS  Nota - Penyata kewangan PBNS tidak disatukan dengan Penyata Kewangan MUIS

## **5.2 Penyata Kewangan**

Ringkasan mengenai penyata kewangan yang disediakan oleh institusi BZW dalam Zon 1 dipaparkan dalam Jadual 5.1. Merujuk kepada Jadual 5.1, secara umumnya penyata kewangan berasingan MAIN, kecuali MUIS, menyatukan maklumat tentang Kumpulan Wang Wakaf (KWW), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Baitulmal (KWB); tidak kira sama ada kesemua kumpulan wang tersebut diurus oleh MAIN seperti di Johor dan Melaka atau diuruskan oleh entiti berasingan seperti di Selangor dan Negeri Sembilan.

Di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor penyata kewangan yang disediakan ialah penyata kewangan yang mengabungkan ketiga-tiga kumpulan wang sahaja dan tiada penyata kewangan berasingan untuk setiap kumpulan wang. Di Selangor KWW diurus oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), KWZ diurus oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) manakala KWB diurus oleh MAIS. Setiap entiti yang bertanggungjawab ke atas kumpulan wang berkenaan menyediakan penyata kewangan untuk entiti dan penyata kewangan khusus untuk kumpulan wang tersebut. Contohnya PWS menyediakan penyata kewangan untuk PWS dan juga penyata kewangan khusus untuk KWW dan LZS menyediakan penyata kewangan untuk LZS dan juga penyata kewangan khusus untuk KWZ. Walau bagaimanapun penyata kewangan berasingan MAIS mengabungkan penyata kewangan khusus KWW, KWZ dan KWB. Penyata kewangan PWS dan LZS tidak gabungkan dalam Penyata Kewangan Berasingan MAIS atau Penyata Kewangan Disatukan MAIS.

Di Sabah, penyata kewangan MUIS hanya mengabungkan maklumat tentang KWW, KWZ dan KWB yang terhad kepada urus niaga baitulmal tertentu yang diurus oleh MUIS sahaja manakala KWB yang dikendalikan oleh PBNS tidak disatukan di dalam penyata kewangan MUIS. Sebaliknya, penyata kewangan berasingan PBNS mengambil kira urus niaga berkaitan baitulmal yang di bawah kendalian PBNS sahaja.

### **5.3 Piawaian Perakaunan**

Semua institusi BZW dalam Zon 1 merujuk kepada piawaian MPERS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan untuk Majlis Agama Islam bagi tujuan penyediaan penyata kewangan masing-masing. Institusi BZW di Johor dan Sabah (MUIS dan PBNS) baru beralih dari PERS kepada MPERS pada 1 Januari 2017 manakala institusi BZW di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka telah menggunakan MPERS sejak tahun 2016. Rujukan kepada piawaian MPERS untuk tujuan penyediaan penyata kewangan dinyatakan dengan jelas di dalam Nota Kepada Akaun semua institusi BZW.

Oleh kerana piawaian MPERS tidak dapat menampung kesemua keperluan perakaunan dan pelaporan bagi institusi BZW maka di mana tiada panduan daripada piawaian perakaunan, institusi BZW akan merujuk kepada Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam dan di mana tiada panduan dari Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam, maka institusi BZW berkenaan akan menetapkan kaedah yang dianggap bersesuaian dan kaedah tersebut kemudiannya akan dijadikan amalan di masa depan. Hanya MAIM menyatakan dengan jelas di dalam Nota Kepada Akaun bahawa Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam turut dijadikan rujukan untuk tujuan penyediaan penyata kewangan.

### **5.4 Amalan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan bagi Isu Dikaji**

Bahagian ini akan membincangkan tentang amalan perakaunan dan pelaporan kewangan setiap institusi BZW, berkaitan isu yang dikaji. Sebahagian besar liputan untuk fasa 4 menyentuh tentang isu pendedahan, walau bagaimana pun isu berkaitan pengiktirafan dan pengukuran akan turut disentuh sekiranya relevan.

Jadual 5.2 memberikan ringkasan tentang kewujudan transaksi berkaitan isu yang dikaji di institusi BZW dalam Zon 1 bagi tahun 2017. Merujuk kepada Jadual 5.2, secara umumnya semua institusi BZW (kecuali LZS) mempunyai syarikat subsidiari dan sub-subsidiari, oleh yang demikian Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan disediakan oleh semua MAIN. Hanya MAIS (Selangor) dan

MUIS (Sabah) mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu. Entiti usahasama hanya terdapat di MAINJ (Johor) manakala operasi bersama terdapat di Selangor dan Negeri Sembilan sahaja.

Peristiwa selepas tarikh pelaporan terdapat di Selangor, Negeri Sembilan dan Johor sahaja untuk tahun 2017. Sungguhpun semua MAIN mempunyai pihak berkaitan, pendedahan khusus tentang pihak berkaitan hanya dilakukan oleh MAINS (Negeri Sembilan) dan MAIM (Melaka) sahaja.

Belanjawan perlu diwartakan di Selangor, Melaka dan Johor sahaja. Walau bagaimanapun maklumat belanjawan tidak didedahkan oleh semua MAIN kerana piawaian MPERS tidak memerlukan maklumat belanjawan didedahkan di dalam penyata kewangan.

Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan tidak diperlukan oleh piawaian MPERS memandangkan piawaian tersebut dikhkususkan untuk entiti persendirian. Oleh yang demikian tiada pendedahan berkaitan dilakukan oleh mana-mana entiti dalam Zon 1. Kajian mendapati keperluan ini juga tidak relevan untuk institusi BZW. Ini kerana piawaian ini dikhkususkan untuk pelaporan oleh kerajaan persekutuan bagi sektor am kerajaan secara menyeluruh (rujuk pendedahan maklumat kewangan sektor am kerajaan yang disediakan oleh kerajaan Australia). Sehubungan itu tiada perbincangan lanjut berhubung Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan.

Perbincangan seterusnya akan memberi tumpuan kepada amalan perakaunan dan pelaporan berkaitan isu dikaji, yang terdapat di institusi BZW dalam Zon 1, bagi tahun 2017 iaitu yang melibatkan Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan, Pendedahan Pihak Berkaitan, Penyata Kewangan Berasingan, Penyata Kewangan Disatukan, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usaha Sama serta Pengaturan Bersama.

**Jadual 5.2: Kewujudan Transaksi di Institusi BZW Zon 1**

KATEGORI	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan	✓ Kes mahkamah	✓ Penstrukturran 2019	✗	✓ komitmen	✗
Pendedahan Pihak Berkaitan	✓	✓	✓	✓	✓
Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan	NA	NA	NA	NA	NA
Tidak didedahkan dalam penyata kewangan					
Maklumat Belanjawan	✓ Diwartakan	✓ Tidak diwartakan	✓ Diwartakan	✓ Diwartakan	✓ Tidak diwartakan
Penyata Kewangan Berasingan	✓	✓	✓	✓	✓
Penyata Kewangan Disatukan (MAIN & Subsidiari)	✓	✓	✓	✓	✓
Pelaburan di dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	✓	✗	✗	✓	✓
Tidak didedahkan dalam penyata kewangan					
Pengaturan Bersama	✓ Operasi bersama	✓ Operasi bersama	✗	✓ Usahasama	✗
Kepentingan dalam Entiti Lain	✓	✓	✓	✓	✓

Nota : ✓ wujud transaksi, ✗ tidak wujud transaksi, NA tidak relevan

#### **5.4.1 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan dan Pendedahan Pihak Berkaitan**

Jadual 5.3 meringkaskan amalan pendedahan bagi Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan dan Pendedahan Pihak Berkaitan. Merujuk kepada Jadual 5.3, semua MAIN dalam Zon 1 tidak membuat pendedahan tentang peristiwa selepas tarikh pelaporan bagi tahun 2017. Walau bagaimana pun hasil dari perbincangan kumpulan fokus didapati bahawa untuk tahun 2017 terdapat peristiwa selepas tarikh pelaporan yang melibatkan kes mahkamah di Selangor (MAIS), pelan penstrukturran di Negeri Sembilan (MAINS) dan komitmen di Johor (MAINJ). Wakil MAINS memaklumkan bahawa oleh kerana penstrukturran MAINS akan dilaksanakan pada tahun 2019 maka maklumat tentang pelan penstrukturran akan didedahkan sebagai peristiwa selepas tarikh pelaporan dalam penyata kewangan 2018.

#### **5.4.2 Pendedahan Pihak Berkaitan**

Maklumat tentang amalan Pendedahan Pihak Berkaitan diringkaskan dalam Jadual 5.3. Merujuk kepada Jadual 5.3, Pendedahan Pihak Berkaitan hanya dilakukan oleh MAINS dan MAIM sahaja. Hanya MAINS memberikan takrifan pihak berkaitan. Merujuk kepada pendedahan urusniaga pihak berkaitan, urusniaga dengan pihak berkaitan yang didedahkan oleh MAINS ialah pengagihan asnf Amil kepada syarikat subsidiari manakala pendedahan oleh MAIM ialah hasil sewa yang diterima daripada syarikat subsidiari. Sungguhpun MAIS tidak membuat pendedahan pihak berkaitan secara khusus namun terdapat pendedahan berasingan bagi urusniaga pemberian pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu. Di Sabah, PBNS juga membuat pendedahan berasingan tentang amaun terhutang kepada syarikat subsidiari.


**Jadual 5.3: Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan dan Pendedahan Pihak Berkaitan**

AMALAN SEMASA	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH	
	MAIS				MUIS	PBNS
	x	x	x	x	x	x
<b>PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN</b>	x					
<b>PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN</b>	x	✓	✓	x	x	x
• Takrif pihak berkaitan	x	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama atau pengaruh penting ke atas Majlis atau sebaliknya</li> <li>• Kakitangan penting Pengurusan – ahli Majlis</li> </ul>	x			
• Jenis urusniaga pihak berkaitan	Pendahuluan kepada subsidiari & syarikat bersekutu (Pendedahan berasingan)	Pengagihan asnaf Amil kepada subsidiari	Hasil sewa diterima dari subsidiari			Amaun terhutang daripada subsidiari (Pendedahan berasingan)

Nota : ✓ didedahkan, x tidak didedahkan

### **5.4.3 Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan**

Semua institusi BZW (kecuali LZS) dalam Zon 1 mempunyai syarikat subsidiari. Sehubungan itu kesemua institusi BZW berkenaan menyediakan Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan. Rajah 5.1 menunjukkan kandungan Penyata Kewangan Berasingan (Penyata Kewangan MAIN) dan Penyata Kewangan Disatukan (Penyata Kewangan Kumpulan) manakala maklumat amalan semasa penyediaan Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan diringkaskan dalam Jadual 5.4.



**Rajah 5.1: Kandungan Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan**

**Jadual 5.4: Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan**


AMALAN SEMASA	SELANGOR		NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH	
	MAIS	PWS				MUIS	PBNS
<b>PENYATA KEWANGAN BERASINGAN</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Polisi perakaunan untuk pelaburan ✓ Kos – rosot nilai terkumpul	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan	✓	Tidak dinyatakan	✓	✓	Tidak dinyatakan
<b>PENYATA KEWANGAN DISATUKAN</b>	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Pendedahan di muka PK	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
• Perincian di nota	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x
• Polisi perakaunan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x
✓ Polisi tentang penyatuhan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x
✓ Polisi seragam bagi semua entiti dalam kumpulan	✓	✓	✓	Tidak dinyatakan	✓	✓	x
• Bagaimana kawalan ditentukan ✓ Kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi	✓	Tidak dinyatakan	✓	Kuasa secara langsung atau tidak langsung utk menentukan polisi kewangan & operasi	Kawalan & pengaruh dlm aspek kewangan & polisi operasi	✓	x
• Kawalan bukan melalui pegangan ekuiti	x	x	x	MAIM Holdings Bhd (syarikat menurut jaminan) Tidak didedahkan dalam penyata kewangan	x	x	x
• Kepentingan dalam entiti dikawal ✓ Senarai entiti dikawal & aktiviti utama ✓ Domisil, bentuk entiti & negara ✓ Peratus pegangan	✓	✓	✓	✓	✓ *Tiada maklumat sub-subsidiari	✓	x
• Kepentingan bukan kawalan ✓ Semua subsidiari & sub subsidiari milik penuh	x	x	x	x	x *Tiada maklumat Kepentingan Bukan Kawalan dalam sub-subsidiari	x	x
• Sekatan yang signifikan	x	x	x	x	x	x	x
• Kehilangan kawalan	Tiada kehilangan kawalan						

### **a) Penyata Kewangan Berasingan**


Penyata Kewangan Berasingan ialah penyata kewangan yang disediakan oleh entiti pelapor yang mempunyai pelaburan dalam syarikat subsidiari (kepentingan kawalan), syarikat bersekutu (pengaruh signifikan) dan entiti usahasama (kawalan bersama). Merujuk kepada Rajah 5.1, Penyata Kewangan Berasingan semua MAIN, mengambilkira Kumpulan Wang Baitulmal, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf, sungguh pun kumpulan wang tersebut diuruskan oleh entiti lain selain MAIN seperti di Selangor.

Di Selangor Kumpulan Wang Zakat diurus oleh LZS, Kumpulan Wang Wakaf diurus oleh PWS dan Kumpulan Wang Baitulmal diuruskan oleh MAIS. LZS tidak mempunyai syarikat subsidiari, oleh itu LZS menyediakan penyata kewangan untuk Lembaga Zakat Selangor dan penyata kewangan untuk Kumpulan Wang Zakat. PWS mempunyai tiga syarikat subsidiari, oleh itu PWS menyediakan Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan untuk PWS dan Penyata Kewangan untuk Kumpulan Wang Wakaf. Penyata Kewangan Kumpulan Wang Zakat dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf akan digabungkan dengan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Baitulmal bagi membentuk Penyata Kewangan Berasingan MAIS. Rajah 5.2 menunjukkan komponen yang membentuk Penyata Kewangan Berasingan MAIS.

Di Sabah, Penyata Kewangan Berasingan MUIS hanya mengabungkan maklumat tentang KWW, KWZ dan KWB yang terhad kepada urus niaga baitulmal tertentu yang diurus oleh MUIS sahaja manakala KWB yang dikendalikan oleh PBNS tidak diambilkira di dalam Penyata Kewangan Berasingan MUIS atau Penyata Kewangan Disatukan MUIS. Sebaliknya, PBNS menyediakan Penyata Kewangan Berasingan bagi mengambil kira urus niaga berkaitan baitulmal yang di bawah kendaliannya serta Penyata Kewangan Disatukan yang mengabungkan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan PBNS dan syarikat subsidiari di bawah kawalan PBNS. Rajah 5.3 memaparkan komponen yang membentuk Penyata Kewangan Berasingan MUIS dan Penyata Kewangan Berasingan PBNS.



**Rajah 5.2: Komponen Penyata Kewangan Berasingan Majlis Agama Islam Selangor**




**Rajah 5.3: Komponen Penyata Kewangan Berasingan MUIS dan Penyata Kewangan Berasingan PBNS**


Merujuk kepada Jadual 5.4, sungguhpun kesemua institusi BZW (kecuali LZS) dalam Zon 1 menyediakan Penyata Kewangan Berasingan namun polisi berhubung kaedah yang digunakan untuk mengakaun pelaburan dalam syarikat subsidiari hanya didedahkan oleh MAINS, MAINJ dan MUIS sahaja. Kaedah yang digunakan oleh ketiga-tiga institusi tersebut ialah kos ditolak rosotnilai terkumpul. MAIS, PWS, MAIM dan PBNS tidak membuat pendedahan polisi tentang kaedah yang digunakan bagi mengakaunkan pelaburan dalam syarikat subsidiari.

### b) Penyata Kewangan Disatukan


Penyata Kewangan Disatukan disediakan oleh entiti yang mempunyai kepentingan kawalan di dalam entiti lain yang bertujuan untuk menunjukkan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan entiti pelapor dan semua entiti di bawah kawalannya. Merujuk kepada carta organisasi MAIN yang dipaparkan dalam Bab 2 (rujuk Rajah 2.1 hingga Rajah 2.5 Struktur Tadbir Urus semua MAIN), terdapat tiga struktur kumpulan dalam Zon 1. MAINJ, MUIS, PBNS dan PWS mempunyai struktur kumpulan seperti Rajah 5.4(a) yang terdiri dari syarikat induk dan syarikat subsidiari; MAINJ dan MAIM mempunyai struktur kumpulan seperti Rajah 5.4(b) yang terdiri dari syarikat induk, syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari manakala MAIS mempunyai struktur kumpulan seperti Rajah 5.4(c) yang terdiri dari syarikat induk, syarikat subsidiari (subsidiari tahap 1), syarikat sub-subsidiari (subsidiari tahap 2) dan syarikat sub-sub-subsidiari (subsidiari tahap 3). Sehubungan itu kesemua institusi BZW berkenaan menyediakan Penyata Kewangan Disatukan. Oleh kerana kesemua syarikat subsiadiari dan sub-subsidiari merupakan subsidiari milik penuh, maka tiada kepentingan bukan kawalan dilaporkan bagi tahun 2017.



**Rajah 5.4(a): Struktur Kumpulan bagi MAINJ, MUIS, PBNS dan PWS**



**Rajah 5.4(b): Struktur Kumpulan bagi MAINS dan MAIM**




**Rajah 5.4(c): Struktur Kumpulan bagi MAIS**

Hasil daripada perbincangan kumpulan fokus didapati bahawa di Johor, MAINJ mempunyai kepentingan di dalam dua buah entiti iaitu Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd (51%) dan Halbis International Sdn Bhd (60%). Kepentingan di dalam kedua-dua entiti ini dipegang melalui syarikat subsidiari milik penuh MAINJ iaitu MAINJ Toyyiba Sdn Bhd.

Mengikut amalan semasa, kepentingan di dalam Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd dan Halbis International Sdn Bhd diakaunkan sebagai syarikat subsidiari milik penuh MAINJ Toyyiba Sdn Bhd. Ini bermakna sungguhpun pegangan di dalam kedua-dua entiti tersebut bukan 100% namun untuk tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan, penyatuan 100% dilakukan. Oleh yang demikian, kepentingan bukan kawalan di dalam Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd sebanyak 49% (100% - 51%) dan di dalam Halbis International Sdn Bhd sebanyak 40% (100% - 60%) tidak diambilkira. Apabila kepentingan di dalam Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd dan Halbis International Sdn Bhd diakaunkan sebagai subsidiari milik penuh MAINJ Toyyiba Sdn Bhd maka kedua-dua entiti tersebut akan menjadi syarikat sub-subsidiari milik penuh MAINJ. Oleh yang demikian kepentingan bukan kawalan yang tidak diambilkira di dalam Penyata Kewangan Disatukan MAINJ Toyyiba Sdn Bhd akan turut tidak diambilkira di dalam Penyata Kewangan Disatukan MAINJ. Oleh yang demikian tiada pendedahan kepentingan bukan kawalan di dalam Penyata Kewangan Disatukan MAINJ. Selain dari itu, MAINJ hanya membuat pendedahan mengenai syarikat subsidiari sahaja di dalam Nota Kepada Akaun manakala maklumat tentang syarikat sub-subsidiari tidak didedahkan.

Satu lagi penemuan penting hasil dari perbincangan kumpulan fokus (yang kemudiannya disahkan melalui semakan kontrak perjanjian usaha sama) ialah Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd merupakan entiti yang dikawal bersama oleh MAINJ Toyyiba Sdn Bhd (51%) dan JBiotech Saintifik Sdn Bhd (49%) manakala Halbis International Sdn Bhd merupakan entiti yang dikawal bersama oleh MAINJ Toyyiba Sdn Bhd (60%) dan IHF Academy Sdn Bhd (40%). Oleh yang demikian pelaburan di dalam kedua-dua entiti tersebut sepatutnya diakaunkan sebagai pelaburan dalam entiti usaha sama berdasarkan kaedah ekuiti.

Rajah 5.5 memaparkan kepentingan MAINJ dalam kedua-dua entiti usaha sama tersebut.



**Rajah 5.5: Kepentingan MAINJ dalam Entiti Dikawal Bersama**

Merujuk kepada Jadual 5.4 dan menyentuh tentang perincian pendedahan, secara umumnya semua institusi BZW memenuhi keperluan pendedahan untuk Penyata Kewangan Disatukan kecuali PBNS yang tidak menyediakan perincian maklumat di dalam Nota Kepada Akaun. Secara umumnya perincian maklumat yang perlu didedahkan di dalam Nota Kepada Akaun ialah polisi penyatuan, kenyataan tentang pemakaian polisi seragam bagi semua entiti dalam kumpulan, senarai syarikat subsidiari dan sub-subsidiari dengan peratus pegangan, penerangan tentang bagaimana kawalan ditentukan, penerangan tentang bagaimana kawalan diperolehi iaitu samada melalui pegangan ekuiti atau cara lain yang bukan melalui pegangan ekuiti (perlu dinyatakan bagaimana kawalan diperolehi), kepentingan bukan kawalan (jika pegangan bukan 100%), sebarang sekatan (jika ada) dan sebarang kehilangan kawalan dalam tempoh perakaunan semasa.

Merujuk kepada amalan pendedahan perincian maklumat dalam Nota kepada Akaun, PWS tidak mendedahkan bagaimana kawalan ditentukan manakala MAIM tidak menyatakan tentang pemakaian polisi yang seragam bagi semua entiti dalam kumpulan. Menyentuh tentang bagaimana kawalan diperolehi, kepentingan kawalan institusi BZW di dalam semua syarikat subsidiari dan subsubsidiari ialah melalui pegangan ekuiti kecuali di Melaka di mana MAIM Holdings adalah merupakan syarikat menurut jaminan. Walau bagaimana pun maklumat ini tidak didedahkan di dalam penyata kewangan MAIN. Selain dari itu, dalam tahun 2017 tiada sebarang sekatan yang signifikan ke atas keupayaan institusi BZW untuk mengawal syarikat subsidiari atau sub-subsidiari dan juga tiada sebarang kehilangan kawalan.

#### **5.4.4 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu**

Pelaburan dalam syarikat bersekutu hanya terdapat di MAIS (3 syarikat) dan MUIS (1 syarikat) sahaja. Jadual 5.5 meringkaskan maklumat amalan semasa pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama.

Di MAIS pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah merupakan pegangan tak langsung melalui syarikat sub-subsidiari (rujuk Bab 2 Rajah 2.1 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Selangor) manakala di MUIS pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah pegangan langsung (rujuk Bab 2 Rajah 2.5 Struktur Tadbir Urus Majlis Ugama Islam Sabah). Kedua-dua MAIS dan MUIS mengakaunkan pelaburan dalam syarikat bersekutu berdasarkan kaedah ekuiti dan membuat pendedahan yang diperlukan seperti pendedahan polisi mengenai kaedah perakaunan yang digunakan untuk mengakaunkan pelaburan dalam syarikat bersekutu, maklumat tentang syarikat bersekutu beserta peratus pegangan, bagaimana pengaruh yang signifikan ditentukan dan lain-lain pendedahan berkaitan selaras dengan keperluan piawaian MPERS. MAIS turut mendedahkan bahawa bahagian pendapatan dalam sebuah syarikat bersekutu tidak diambilkira di dalam Penyata Kewangan Disatukan MAIS kerana syarikat bersekutu tersebut belum diaudit, selaras peruntukan piawaian MPERS.

**Jadual 5.5: Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama**

AMALAN SEMASA	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	SABAH
	MAIS				MUIS
<b>PELABURAN DI DALAM SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHA SAMA</b>	Sy bersekutu Pegangan tak langsung melalui subsubsidiari	Tiada	Tiada	Pelaburan dalam Entiti Usaha Sama – pegangan tak langsung melalui subsidiari. Diakaunkan sebagai subsubsidiari milik penuh	Sy bersekutu pegangan langsung
• Penggunaan kaedah ekuiti	✓			x	✓
• Pendedahan di muka PK	✓			x	✓
• Perincian di nota	Bahagian keuntungan dlm 1 sy bersekutu tidak diambil kira dlm PK disatukan kerana sy bersekutu belum diaudit (selaras MPERS)			x	✓
• Polisi perakaunan	✓			x	✓
<b>PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN</b>					
• Sifat kepentingan dalam entiti lain	✓			x	✓
• Bagaimana pengaruh signifikan atau kawalan bersama ditentukan ✓ Pengaruh signifikan	Kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi tetapi bukan kuasa atau kuasa bersama			x	Kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi
• Kepentingan dalam entiti ✓ Senarai entiti & aktiviti utama ✓ Domisil, bentuk entiti & negara ✓ Peratus pegangan	✓			x	✓

#### **5.4.5 Pelaburan dalam Entiti Usaha Sama dan Operasi Bersama**

Menurut penyata kewangan tahun 2017 tidak terdapat pelaburan dalam entiti usaha sama bagi semua institusi BZW dalam Zon 1. Walau bagaimana pun seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian 5.4.3, pelaburan syarikat subsidiari MAINJ dalam Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd. dan Halbis International Sdn Bhd. merupakan pelaburan dalam entiti yang dikawal bersama yang sepatutnya diakaunkan berdasarkan kaedah ekuiti.

Bagi tahun 2017 juga tiada pendedahan tentang operasi bersama yang dilaksanakan di oleh institusi BZW dalam Zon 1. Walau bagaimana pun hasil perbincangan kumpulan fokus didapati bahawa terdapat perjanjian yang ditandatangani untuk perlaksanaan operasi bersama. Contohnya ialah di MAINS di mana MAINS menandatangani MoA dengan KPJ untuk pengoperasian Klinik Wakaf Dialisis di mana MAINS menyediakan tempat, peralatan dan bahan manakala KPJ menyediakan kepakaran.

#### **5.4.6 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain**

Kepentingan dalam entiti lain merangkumi kepentingan kawalan, kepentingan yang memberi pengaruh yang signifikan dan kepentingan yang memberi kawalan bersama. Piawaian MPERS tidak mempunyai peruntukan khusus yang menyentuh tentang Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain. Sungguhpun begitu amalan pendedahan semasa institusi BZW dalam Zon 1 telah memenuhi sebahagian besar dari keperluan pendedahan berkaitan kepentingan kawalan dan kepentingan yang memberi pengaruh yang signifikan. Pendedahan tentang kepentingan yang memberikan kawalan bersama tidak dilakukan sungguhpun terdapat entiti kawalan bersama di MAINJ. Jadual 5.6 menyenaraikan kepentingan dalam entiti lain bagi semua institusi BZW dalam Zon 1 yang merangkumi syarikat subsidiari (kepentingan kawalan), syarikat bersekutu (kepentingan yang memberikan pengaruh yang signifikan) dan syarikat usaha sama (kepentingan yang memberikan kawalan bersama) untuk tahun 2017.

**Jadual 5.6: Senarai Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu & Syarikat Usaha Sama Institusi BZW Zon 1**

Bil	Negeri	Entiti Pelapor	Syarikat Subsidiari (Tahap 1)	Syarikat Sub-subsidiari (Tahap 2)	Syarikat Sub-subsidiari (Tahap 3)	Syarikat Bersekutu	Syarikat Usaha Sama	Ulasan
1.	Selangor	Lembaga Zakat Selangor (LZS)						LZS tidak mempunyai syarikat subsidiari.
		Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)	Urus Maju Ehsan Sdn Bhd					Hanya penyata kewangan Kumpulan Wang Wakaf diambilkira dalam penyata kewangan MAIN. Penyata Kewangan PWS tidak disatukan dengan penyata kewangan MAIS.
			WS Energy 1 Sdn Bhd					
			WS Energy 2 Sdn Bhd					
		Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Teras Sdn Bhd					Bahagian pendapatan dalam MAIS NGV Gas Sdn Bhd sebuah syarikat tidak diambilkira di dalam Penyata Kewangan Disatukan MAINS kerana syarikat tersebut belum diaudit, selaras peruntukan piawaian MPERS.
			KUIS Sdn Bhd	KUISCELL Sdn Bhd				
			Bakti Suci Holdings Sdn Bhd	BS Trading Sdn Bhd				
				BS Properties Sdn Bhd				
				BS Project Management Sdn Bhd				
				BS Integrated Sdn Bhd	BS Healthcare Sdn Bhd	Pusrawi Sdn Bhd (48%)		
				BS Solution Sdn Bhd		MAIS NGV Gas Sdn Bhd (49%)		
				Pancar Bakti Sdn Bhd (30%)				
2.	Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	MAINS Zakat Sdn. Bhd	MAINS Urus harta Sdn Bhd				
			MAINS Holding Sdn Bhd	MAINS Hotel Sdn Bhd				
				Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan				

Bil	Negeri	Entiti Pelapor	Syarikat Subsidiari (Tahap 1)	Syarikat Sub-subsidiari (Tahap 2)	Syarikat Sub-subsidiari (Tahap 3)	Syarikat Bersekutu	Syarikat Usaha Sama	Ulasan
3.	Melaka	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	MAIM Holdings Sdn Bhd  (syarikat berhad menurut jaminan)	MAIM Bentara Sdn Bhd  MAIM Bentara Security Sdn Bhd  MAIM Industries Sdn Bhd				
			Zakat Melaka Sdn Bhd					
			Kompleks Falak Al-Khawarizmi Sdn Bhd					
4.	Johor	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)	Marsah Sdn Bhd  MAINJ Urus Sdn Bhd  MAINJ Toyyiba Sdn Bhd  Media Digital Sdn Bhd				Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd (51%)  Halbis International Sdn Bhd (60%)	Amalan semasa – kepentingan dalam kedua-dua entiti ini diakaunkan sebagai subsidiari milik penuh dan kepentingan bukan kawalan tidak diambilkira  Belum beroperasi
5.	Sabah	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	Wisma Harta Sdn Bhd  Tuah Padi Beras Sdn Bhd					
						MUIS Melewar Plantation Sdn Bhd (30%)		
		Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS)	PBNS holdings Sdn Bhd					

## **5.5 Kesimpulan**

Berikut ialah rumusan berhubung amalan perakaunan dan pelaporan kewangan Institusi BZW dalam Zon 1 berhubung isu yang dikaji:

### **a) Peristiwa Pada Tarikh Pelaporan**

Semua institusi BZW dalam Zon 1 tidak membuat pendedahan tentang peristiwa selepas tarikh pelaporan bagi tahun 2017. Peristiwa selepas tarikh pelaporan terdapat di Selangor, Negeri Sembilan dan Johor sahaja.

### **b) Pendedahan Pihak Berkaitan**

Pendedahan pihak berkaitan dan urusniaga dengan pihak berkaitan hanya dilakukan oleh MAINS dan MAIM sahaja. Sungguhpun MAIS dan PBNS tidak membuat pendedahan pihak berkaitan secara khusus namun terdapat pendedahan berasingan bagi urusniaga dengan syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu.

### **c) Pendedahan Maklumat Belanjawan dan Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan**

Tiada pendedahan tentang maklumat belanjawan atau pendedahan maklumat tentang sektor kerajaan kerana tidak diperlukan oleh piawaian MPERS. Kajian mendapati pendedahan maklumat tentang sektor kerajaan tidak relevan untuk institusi BZW.

### **d) Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan**

Semua institusi BZW (kecuali LZS) mempunyai syarikat subsidiari (subsidiari tahap 1 hingga 3) oleh yang demikian Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan disediakan oleh semua institusi BZW. Secara umumnya keperluan pendedahan untuk Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan dipatuhi oleh semua institusi BZW kecuali PBNS yang tidak memberikan perincian dalam Nota Kepada Akaun.

### **e) Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama**

Hanya MAIS dan MUIS mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu. Secara umumnya kaedah mengakaunkan dan keperluan pendedahan dipatuhi oleh kedua-dua MAIN. Entiti usahasama hanya terdapat di MAINJ sahaja. Walau bagaimana

pun mengikut amalan semasa kepentingan dalam entiti usaha sama diakaunkan sebagai sub-subsidiari milik penuh. Kepentingan bukan kawalan tidak diambilkira sungguhpun pegangan bukan 100%. Operasi bersama terdapat di MAINS sahaja tetapi tiada pendedahan dilakukan di dalam penyata kewangan MAINS.

**f) Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain**

Piawaian MPERS tidak mempunyai peruntukan khusus yang menyentuh tentang Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain. Sungguhpun begitu amalan pendedahan semasa institusi BZW dalam Zon 1 telah memenuhi sebahagian besar dari keperluan pendedahan kepentingan kawalan dan kepentingan yang memberi pengaruh yang signifikan.

# **BAB ENAM**

## **KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM**

### **6.1 Pengenalan**

Para fuqaha' dan pengkaji semasa telah mengiktiraf peranan manusia dan bukan manusia (*non-human*) dalam menjalankan tanggungjawab sebagai hamba kepada Allah SWT dan menunaikan amanah sebagai entiti yang bertanggungjawab kepada manusia sejagat. Kebanyakan perbincangan di bawah korpus ilmu perundangan Islam mengatakan entiti yang merupakan organisasi yang dikelolakan oleh sekumpulan manusia (*syakhsiyah i'tibariyyah*) ditubuhkan bagi menjalankan tanggungjawab serta amanah daripada Allah SWT yang tidak mampu dilaksanakan oleh seseorang individu secara efisien disamping kewujudannya secara mampan dalam tempoh masa yang panjang berbanding umur manusia. Persoalannya ialah adakah penubuhan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah memenuhi ciri dan konsep entiti yang telah dibahaskan oleh para fuqaha' semasa dan silam. Sekiranya hipotesis ini adalah benar maka kewujudan entiti MAIN adalah merupakan entiti perundangan yang mempunyai *dhimmah* terhad dimana segala kegiatan entiti MAIN adalah diikat oleh Enakmen pentadbiran agama Islam negeri serta akta yang bersangkutan dengan perundangan sivil di peringkat persekutuan. Justeru bab ini akan mengkaji konsep *dhimmah* menurut syarak terhadap operasi serta kegiatan muamalat MAIN secara umumnya dan implikasi kepada amalan semasa perakaunan MAIN khususnya. Bab ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual separa berstruktur dengan beberapa orang pakar rujuk dalam bidang fiqh dan usul yang terlibat dengan pengurusan MAIN, jawatankuasa penasihat syariah institusi kewangan Islam serta jawatankuasa fatwa negeri (rujuk Jadual 6.1). Kajian ini berpandangan bahawa konsep *dhimmah* terhad ini adalah terpakai kepada MAIN. MAIN perlu menjalankan tanggungjawab serta amanah ini dengan mematuhi piawaian perakaunan semasa yang telah ditetapkan oleh pihak pemerintah. Ini selaras dengan kaedah fiqh *tasarruf Imam ala al-raiyyah manut bil maslahah*.

Proses temu bual setiap pakar rujuk ini mengambil masa antara 90 hingga 120 minit untuk setiap responden dan soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan objektif kajian serta mengikut kepakaran masing-masing. Maklumat daripada temu bual telah direkodkan dan ditukar kepada bentuk transkrip bagi memudahkan proses penganalisaan.

**Jadual 6.1: Profil Pakar Rujuk**

Bil.	Responden		Jawatan
1	Sahibus Samahah Dato' Dr Haji Anhar Haji Opir	(R1)	Timbalan Mufti Selangor
2	Dr Luqman Haji Abdullah	(R2)	Ketua Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
3	Dr Muhammad Ikhlas Rosele	(R3)	Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
4	Prof. Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali	(R4)	Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia

Sumber: Maklumat kajian

Kajian ini akan dianalisis secara deskriptif iaitu dengan menghuraikan dapatan kajian selaras dengan objektif dan permasalahan kajian dengan terperinci.

## 6.2 Perbincangan Semasa Konsep Entiti Perundangan

Entiti MAIN merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang menjaga kepentingan semua aspek termasuk ekonomi umat Islam dalam sesebuah negeri berdasarkan kepada enakmen yang berkaitan. Contohnya merujuk kepada Seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ada menyatakan bahawa MAIN dibenarkan membuat sesuatu kontrak dan mentadbir serta menguruskan segala jenis harta alih dan tidak alih menurut hukum syarak samada melibatkan dana di bawah kumpulan wang baitulmal (Seksyen 81), kuasa memungut zakat dan fitrah (Seksyen 86) dan pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah (Seksyen 89). Dalam konteks ekonomi, ini jelas menunjukkan MAIN adalah merupakan satu entiti yang diikat dengan perundangan sama ada perundangan berkaitan agama di peringkat negeri (enakmen) mahupun perundangan berkaitan perundangan sivil di peringkat persekutuan (akta) dalam urus tadbir harta umat Islam menurut hukum syarak. Contohnya di bawah Seksyen 85, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri

Selangor) 2003, MAIN perlu menyediakan akaun dan laporan tahunan di bawah peruntukan Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240). MAIN juga berperanan bukan sahaja menjaga kepentingan harta, malah ia juga turut berperanan memajukan ekonomi dan sosial umat Islam berdasarkan Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dimana di bawah seksyen ini, adalah menjadi kewajipan MAIN untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam selaras dengan hukum syarak. Termaktub juga di bawah seksyen 7 (2) ini, entiti MAIN dibenarkan untuk; (1) menubuhkan badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh MAIN; dan (2) melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208], dan melupuskan pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis. Penjelasan ini menunjukkan MAIN adalah sebuah entiti perundangan yang menjaga kepentingan umat Islam dan dalam konteks kajian ini menjaga kepentingan harta orang Islam di dalam negeri tertentu.

Kajian berkenaan konsep entiti perundangan banyak dibincangkan melalui kajian yang dibuat berkenaan konsep *Corporate Personality* bagi penubuhan syarikat korporat. Konsep ini merupakan antara konsep yang telah digunakan dalam perundangan undang-undang syarikat Inggeris. Contohnya di Malaysia, Akta Syarikat 1965 (Akta 125) telah dimodelkan berdasarkan kepada Akta Syarikat Inggeris 1948 dan Akta Syarikat Seragam Australia 1961. Ini menunjukkan dalam pembentukan asas undang-undang tubuh syarikat, Malaysia telah menjadikan undang-undang syarikat Inggeris sebagai rujukan dan menggunakan prinsip yang digunakan dalam perundangan mereka ke dalam perundangan di Malaysia. Konsep personaliti korporat yang terkandung dalam perundangan Inggeris juga turut diambil masuk ke dalam undang-undang Akta Syarikat di Malaysia (Ghadas, Z. A. A., Ariff, Z., & Rumaizi, W. H. W., 2008).

Terdapat juga beberapa kajian lepas yang membincangkan konsep entiti perundangan yang berkaitan dengan institusi tertentu contohnya dalam kerangka perbankan Islam (Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N., 2009), daripada aspek tanggungjawab sosial korporat oleh entiti perbankan Islam (Wan Noor Hazlina, Uzaimah & Mohammad Deen, 2017). Penjelmaan konsep personaliti korporat ini

kemudiannya terus banyak dibincangkan melalui naratif sistem perundangan di Malaysia yang lain termasuklah penubuhan Lembaga Tabung Haji di bawah Akta Tabung Haji 1995, penubuhan Takaful Malaysia di bawah Akta Takaful 1984 (Ghadas, Z. A. A., & Aziz, H. A., 2018) dan syarikat-syarikat patuh syariah di Malaysia (Ghadas, Z. A. A., & Aziz, H. A., 2018). Terdapat juga kajian yang mengiktiraf institusi sebagai sebuah entiti bertanggungjawab membayar zakat perniagaan (Hasan, 2018) dan mengkaji daripada aspek perundangan di Malaysia dan perspektif syariah (Ramlil, N., & Ghadas, Z. A. A., 2019).

Menurut Wahbah Zuhaili (1985; hlm 10), fiqh Islam mengakui apa yang dinamakan di sisi undang-undang iaitu *syakhsiyah i'tibariyyah* atau *syakhsiyah ma'nawiyyah* atau *syakhsiyah mujarradah* melalui pengiktirafan terhadap sebahagian daripada pihak umum seperti yayasan, pertubuhan, syarikat, serta masjid yang sebenarnya mempunyai keperibadian yang menyerupai individu manusia biasa daripada aspek keahlian (*ahliyyah*) untuk memiliki, sabitan hak dan melaksanakan tanggungjawab yang berasingan tanpa melihat tanggungan (*dhimmah*) individu yang menganggotainya. Justeru, institusi seperti yayasan, pertubuhan, syarikat, masjid dan sebagainya dikenali sebagai entiti perundangan.

Kebanyakan ulama' kontemporari berpendapat wujudnya hukum *taklif*<sup>2</sup> ke atas entiti tersebut yang diikat dengan perundangan. Contohnya MAIN dalam melaksanakan amanahnya adalah tertakluk kepada enakmen pentadbiran agama Islam negeri seperti yang dijelaskan sebelum ini serta perundangan sivil berkaitan dengan urusan bermuamalah dengan entiti yang lain. Persoalan yang timbul ialah sejauhmanakah amalan semasa perakaunan oleh MAIN menepati kehendak syarak selaras dengan konsep *ad-dhimmah* dan *al-ahliyyah* sesebuah entiti yang diikat secara perundangan oleh enakmen negeri. Justeru, bab ini akan membincangkan konsep *dhimmah* serta *ahliyyah* dan perkaitannya dengan perundangan enakmen MAIN dan implikasinya terhadap amalan perakaunan entiti MAIN tersebut.

---

<sup>2</sup> Taklif: *Khitab* atau perintah Allah yang berkait dengan tindakan mukalaf sama ada dalam bentuk *iqtidai* (perintah atau arahan), *takhayir* (pilihan) atau *wad'i* (ketentuan) [Rujukan: Kitab *Al-wajiz fi Usul Tasyri'*]

Berdasarkan penelitian kepada kajian yang dibuat berkenaan konsep entiti perundangan sebelum ini, didapati perbincangan konsep entiti perundangan lebih banyak tertumpu kepada aspek perundangan dan perkaitan dengan institusi perbankan dan kewangan Islam sahaja. Kajian terdahulu juga didapati tidak mengaitkan penceritaan konsep entiti perundangan kepada naratif penceritaan entiti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia. Oleh itu, bab ini akan membincangkan konsep entiti perundangan dengan menumpukan kepada aspek perbincangan fiqh dan perundangan syarak dan memfokuskan kepada entiti MAIN sebagai sebuah entiti yang penting dalam menguruskan hal ehwal agama Islam di Malaysia.

Kajian ini merujuk kepada buku-buku yang lazim (*mainstream*) dan dominan yang dirujuk oleh pelbagai ilmuan Islam yang ditulis oleh para ilmuwan Islam silam dan kontemporari terutamanya karangan oleh Wahbah al-Zuhaili, Ali al-Qaradaghi, Al-Mawardi serta Imran Ahsan Khan Nayzee yang mana kajian ini akan menerangkan secara lebih sistematik dan terfokus bagaimana Islam mendapatkan pendiriannya berkenaan konsep entiti perundangan bagi sesebuah entiti dan mengaitkannya dengan peranan entiti MAIN. Bab ini juga akan mengeksplorasi beberapa konsep berkaitan entiti perundangan dalam Islam dan menerangkan bagaimana konsep ini boleh memberi kesan kepada entiti MAIN. Bab ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu (1) menjelaskan terlebih dahulu secara ringkas konsep entiti perundangan di bawah Perundangan Sivil (*common law*) dan Islam, dan (2) perbincangan mengenai konsep dan teori fiqh berkaitan entiti perundangan.

### **6.3 Prinsip Entiti Perundangan di Bawah Perundangan Sivil dan Islam**

Konsep entiti perundangan pada dasarnya ialah sebuah konsep yang mengiktiraf entiti sebagai *legal person* yang mempunyai *jurisdic personality*. Mula diperkenalkan pada awal kewujudan undang-undang Rom (Friedman, 1967), konsep ini memberikan entiti sifat atau personaliti watak manusia oleh undang-undang untuk memiliki aset dan tertakluk kepada hak dan kewajipan undang-undang serta dibenarkan untuk mendakwa dan didakwa (Ghadas, Z. A. A., & Aziz, H. A., 2018).

Secara umum, entiti perundangan ialah individu juristik (*juristic person*) bukan manusia yang dibentuk oleh kuasa undang-undang dengan pemberian hak dan liabiliti seperti individu sebenar. Terma atau istilah entiti perundangan pula telah muncul buat pertama kalinya dalam *English Common Law* melalui *kes Salomon v Salomon & Co. Ltd. (1897)* (Ramli, N., & Ghadas, Z. A. A., 2019). Dalam kata lain, entiti perundangan adalah entiti yang dibenarkan untuk berkelakuan dan membuat tindakan seperti manusia dengan segala komitmen dan tanggungannya di bawah kuasa undang-undang.

Dalam percubaan membincangkan konsep entiti perundangan di bawah perundangan Islam, adalah menjadi kewajiban untuk merujuk kembali kepada buku serta penulisan klasik ilmuwan Islam yang silam. Namun begitu, melalui pembacaan dan penelitian, kajian mendapati perbincangan berkenaan konsep entiti perundangan secara khusus adalah satu perkara yang hampir asing di dalam kitab klasik. Malah menurut pandangan pakar rujuk yang telah ditemubual dalam ilmu usul fiqh, mengatakan bahawa tiada langsung perbincangan berkenaan entiti perundangan oleh imam empat mazhab yang utama. Hal ini kerana mengikut hukum syara' hukum *taklif* dan hal ini diletakkan ke atas obligasi individu, bukan atas institusi. Walaupun begitu, pengkajian berkenaan prinsip entiti perundangan di bawah perundangan Islam ini tidaklah sekadar terhenti di situ sahaja. Para sarjana ilmuwan Islam yang kontemporari telah mengambil peranan yang signifikan dalam usaha meneruskan penyelidikan berkenaan konsep ini dalam menerima hipotesis kewujudan konsep entiti perundangan daripada lipatan sirah perundangan Islam atau pelbagai sumber perundangan Islam lain yang boleh diterima secara lazim. Perkara ini dipetik daripada hasil temubual dengan pakar rujuk dalam bidang usul fiqh yang menyatakan,

R2 "...perbincangan tentang permasalahan ini memang tiada langsung tentang legal entity. Tidak ada. Jadi macam perbincangan ulama' semasa, mereka qiasakan..."

Daripada pernyataan R2, jelas bahawa perbincangan tentang konsep entiti perundangan hanya mula dibincangkan secara khusus, oleh ulama' kontemporari dengan menggunakan pelbagai konsep yang dilihat selari dengan konsep entiti

perundangan iaitu berkaitan dengan konsep *ad-dhimmah* dan *syakhsiyah i'tibariyyah* yang akan dijelaskan di bahagian berikut.

#### **6.4 Konsep *Ad-Dhimmah* dan *Syakhsiyah I'tibariyyah***

Di dalam perundangan Islam, perbincangan berkenaan *legal entity* atau entiti perundangan didapati berakar daripada konsep *ad-dhimmah*. Konsep atau teori *ad-dhimmah* ini bukanlah konsep yang asing di dalam perbincangan cabang ilmu fiqh. Ahli ilmuwan fiqh kontemporari seperti Mustafa Ahmad al-Zarqa dan Muhammad Abu Zuhrah juga cenderung meletakkan perbahasan mengenai persoalan memberikan watak individu kepada bukan makhluk di bawah konsep *ad-Dhimmah* (Hassan, H., Ghadas, Z. A. A., & Rahman, N. A., 2012).

*Ad-dhimmah* menurut istilah adalah sifat yang melayakkan seseorang yang berkelayakan, untuk menerima hak (*ahliyyah al-wujub*) dan menunaikan *tanggungjawab* (*ahliyyah al-ada'*) ('Abd Al-Rahman Al-Jaziri, 1990). Terma *ad-dhimmah* dan *al-Ahliyyah* ini mempunyai persamaan kerana kedua-duanya membawa maksud sesuatu entiti boleh mempunyai hak menanggung tanggungjawab dan kewajipan (Muhammad Ikhlas, R., 2016). Hal ini disokong oleh R1, yang menjelaskan antara salah satu daripada bentuk individu yang diterima di dalam Islam ialah individu berbentuk entiti melalui petikannya,

R1 "...*Salah satu daripada individu termasuk juga legal point of view, salah satunya ialah syakhsiyah i'tibariyyah. Makna satu group yang mewakili. Satu dia person kan dalam legal person satu. Yang keduanya ialah mana-mana entiti...*"

Oleh itu, entiti sebenarnya terdiri daripada sekumpulan manusia yang boleh diberikan tanggungjawab ke atasnya. Walaupun terdapat segelintir ulama' yang mengkritik kewajaran konsep *ad-dhimmah* ke atas entiti seperti tokoh al-Bahuti, al-Bazdawi dan al-Nawawi (Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N., 2009), namun majoriti para ulama' fiqh kontemporari masih menerima kewujudan konsep ini ke atas entiti selain manusia dan ia berhak memperoleh pelbagai hak yang tertentu (Hassan, H., Ghadas, Z. A. A., & Rahman, N. A., 2012). Oleh yang demikian,

konsep *ad-dhimmah* boleh diklasifikasikan kepada dua jenis pertanggungan yang berbeza iaitu: (1) tanggungan komitmen yang diletakkan ke atas seorang *mukallaf* secara individu yang mana merupakan konsep yang diterima sepenuhnya dalam Islam, dan (2) pertanggungan komitmen yang diletakkan ke atas entiti bukan manusia. Pertanggungan jenis yang kedua inilah yang dibincangkan oleh para ulama' fiqh kontemporari sebagai asas yang mendasar untuk meneroka pendirian Islam terhadap konsep entiti perundangan dengan kata kunci *syakhsiyah i'tibariyyah*.

Secara literal perkataan *syakhsiyah i'tibariyyah* jika diterjemahkan daripada bahasa Arab akan membawa maksud personaliti yang diiktibarkan atau personaliti anggapan. Istilah *syakhsiyah i'tibariyyah*, membawa maksud yang sama dengan *syakhsiyah ma'nawiyyah* dan juga *syakhsiyah qanuniyyah* (Muhammad Ikhlas, R., 2016) dan merupakan lawan kepada istilah *syakhsiyah tabii'yyah* atau *syakhsiyah hakikiah*, iaitu individu yang sebenar. Secara istilah pula, *syakhsiyah i'tibariyyah* bermaksud pemberian sifat keahlilan manusia; kecuali aspek sifat insani; dengan tujuan untuk bersyarikat atau tujuan lain yang tertentu yang meletakkan pengasingan komitmen dan tanggungjawab daripada (individu) pemegang saham syarikat (Ali al-Qaradaghi, 2009). Personaliti anggapan (*syakhsiyah i'tibariyyah*) ini adalah amat berbeza dengan personaliti *hakiki* (*syakhsiyah tabii'yyah*) yang dianugerahkan personaliti dan kapasiti sebagai individu. Dalam kata lain, *shakhsiyah i'tibariyyah* ialah satu konsep di dalam perundangan Islam yang memberikan ruang kepada bukan individu untuk mendapatkan peranan seperti individu dalam menjalankan urusan dan tujuan tertentu. Mengikut undang-undang madani Mesir, sebuah entiti yang diberikan sifat *syakhsiyah i'tibariyyah* memperoleh segala hak-haknya yang umum. Antara hak-hak yang digariskan tersebut termasuklah komitmen kewangan berasingan, hak pada perkara yang dipersetujui dalam kontrak dan hak untuk mendapatkan keadilan perbicaraan melalui undang-undang. Selain daripada itu, satu sisi menarik yang disentuh berkenaan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* melalui undang-undang madani Mesir ialah sesbuah entiti yang mengambil sifat *syakhsiyah i'tibariyyah* disyaratkan untuk mempunyai *naib* (نائب) atau pemangku yang beraqal. Kenyataan ini menarik kerana daripada satu sudut, Islam meletakkan kepentingan untuk meletakkan watak individu sebenar (*syakhsiyah tabii'yah*) di sebalik sebuah entiti (*syakhsiyah i'tibariyyah*).

## **6.5 Pengiktirafan Islam Terhadap Konsep *Syakhsiyah i'tibariyyah***

Dalam membincangkan kewujudan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* di bawah teori Islam, segelintir ulama' telah menunjukkan kecenderungan menolak kewujudan konsep ini dalam perundangan Islam. Mereka berpendapat bahawa tidak ada dalil yang khusus yang boleh dijadikan asas secara langsung kepada pengiktirafan konsep ini di dalam perundangan Islam. Mereka juga cenderung untuk tidak menerima konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* ini kerana bimbang konsep ini akan menjadi jalan keluar kepada individu untuk berlepas tangan daripada mengambil tanggungjawab. Namun begitu, walaupun tiada dalil khusus pengiktirafan konsep ini di dalam teori Islam, perkara tersebut tidak menafikan kemungkinan wujud konsep ini di dalam Islam secara total.

Bagi menyokong pendapat yang mengiktiraf kewujudan konsep ini dalam perundangan Islam, beberapa dalil tidak langsung telah diutarakan dan dibincangkan secara panjang lebar oleh ulama' kontemporari sebagai petunjuk kepada pendirian Islam dalam hal ini. Empat dalil tidak langsung yang dilihat signifikan dalam menjelaskan kesahan konsep entiti perundangan ini di dalam Islam akan dijelaskan seperti berikut:

### **6.5.1 Pemilikan Harta Wakaf**

Penjelmaan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* dalam perbincangan wakaf boleh dilihat berdasarkan kepada perbincangan ulama' mengenai persoalan pemilikan harta wakaf samada diletakkan di bawah pemilikan pemberi wakaf (*waqif*) atau penerima manfaat wakaf (*mawquf 'alaih*). Menurut pendapat ulama' fiqh daripada aliran pemikiran *Syafi'iyyah* dan *Hanabilah*, mereka berkeputusan bahawa dalam isu pemilikan harta wakaf, pemilikan dipindahkan kepada pihak pengurusan yang menguruskan harta wakaf, contohnya pihak-pihak yang umum seperti sekolah atau masjid. Para jumhur ulama' juga sependapat bahawa, apabila kontrak wakaf berbentuk am dilaksanakan, pemilikan terhadap harta wakaf tersebut terkeluar daripada pemilikan *waqif* tetapi tidak berpindah kepada penerima wakaf atau *mawquf 'alaih* (Hasan, 2013), sebaliknya ditahan di bawah pemilikan Allah SWT dan secara perundangan diletakkan di bawah pemilikan entiti wakaf itu sendiri tanpa dimiliki

mana-mana individu yang khusus. Seorang pengurus akan dilantik untuk menguruskan aset wakaf dan manfaat daripada aset wakaf tersebut akan diberikan kepada penerima manfaat yang layak (Hasan, 2018). Selain daripada itu, perbincangan mengenai pemilikan harta wakaf ini kemudiannya berkembang kepada perbincangan mengenai *tasarruf* iaitu aspek pengurusan yang boleh dilakukan terhadap harta wakaf. Menurut pandangan ulama' fiqh daripada aliran pemikiran *Hanafiah* dan *Syafi'iyyah*, harta wakaf yang diletakkan di bawah pengurusan entiti wakaf tersebut adalah diharuskan untuk memberi hutang atas tujuan yang maslahah dengan izin *qadhi* (Ali al-Qaradaghi, 2009).

Berdasarkan kepada perbincangan fiqh berkenaan pemilikan harta wakaf tersebut, pihak pengurusan wakaf dilihat sebagai salah satu daripada bentuk jelmaan kewujudan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* dalam islam. Pihak pengurusan selain diberikan hak untuk memiliki harta juga diberikan hak menguruskan. Di Malaysia, pengurusan harta wakaf telah diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Institusi MAIN dilihat telah mengambil peranan sebagai pengurus institusi wakaf yang diberi kuasa di bawah peruntukan Enakmen pentadbiran agama Islam atau Enakmen Wakaf di negeri tertentu. Ciri-ciri yang terdapat pada pihak pengurusan wakaf seperti institusi MAIN itu dilihat konsisten dengan ciri sebuah entiti perundangan yang mempunyai sifat *syakhsiyah i'tibariyyah*.

### **6.5.2 Penubuhan Jabatan Baitulmal dalam *Diwan***

Antara dalil tidak langsung yang diutarakan dalam membincangkan kewujudan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* dalam Islam ialah kewujudan baitulmal sebagai sebuah institusi. Menurut al-Mawardi dalam buku beliau yang masyhur iaitu *al-Ahkam as-Sultaniyyah*, institusi baitulmal merupakan satu jabatan yang ditubuhkan di bawah *diwan*. *Diwan* ini pertama kali diperkenalkan ketika zaman pemerintahan khalifah Islam yang kedua, iaitu Khalifah Umar Al-Khattab RA. Di bawah pemerintahan khalifah Umar RA, *diwan* ini telah dibahagikan kepada empat jabatan dengan empat portfolio tugas yang berbeza iaitu iaitu jabatan ketenteraan, jabatan cukai, jabatan pentadbiran dan jabatan baitulmal. Jabatan baitulmal ialah jabatan yang dibentuk bertujuan menguruskan pendapatan dan perbelanjaan negara.

Di dalam kitab *Al-Mabsut* karangan Imam al-Sarakhsy juga menyatakan bahawa baitulmal secara umumnya mempunyai hak dan obligasinya yang tersendiri. Antara hak dan obligasi jabatan Baitulmal ialah boleh mengambil alih pemilikan harta umat Islam yang tidak ada pemilikan individu yang spesifik seperti harta *fai'*, *ghanimah* dan harta zakat. Harta peninggalan wasiat yang tidak mempunyai waris juga termasuk dalam kategori harta yang diletakkan di bawah pemilikan baitulmal. Ulama' fiqh juga telah mengesahkan komitmen kewangan ke atas baitulmal melalui penerangan yang dipetik daripada tulisan Ali al-Qaradaghi,

"إِنْ بَيْتَ الْمَالِ وَارِثٌ مِّنْ لَا وَارِثٌ لَّهُ وَأَنْ عَلَيْهِ التَّزَامُاتُ وَلَهُ حُقُوقٌ"

*Seseungguhnya baitulmal ialah waris kepada siapa yang tidak mempunyai waris dan ke atasnya ada obligasi dan kepadanya ada hak.*

Bukti baitulmal mempunyai komitmen kewangan yang tersendiri boleh dilihat daripada contoh jika ketua mana-mana kawasan Islam memerlukan wang untuk membayar gaji kepada tenteranya, tetapi tidak memperoleh wang dalam jabatan *kharaj* iaitu jabatan yang sepatutnya membayar, dia dibenarkan untuk membayar gaji menggunakan wang dari jabatan zakat, tetapi jumlah yang diambil tersebut hendaklah dibayar semula dan dicatat sebagai liabiliti kepada jabatan *kharaj* (Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N., 2009).

Kewujudan komitmen kewangan atas institusi baitulmal ini menunjukkan bahawa baitulmal sebagai sebuah entiti telah diberikan hak untuk memiliki, memberi hutang dan berurus niaga dengan keizinan daripada pemerintah. Perkara ini dilihat konsisten dengan peranan institusi MAIN yang juga diberikan tanggungjawab menguruskan harta umat Islam melalui penguatkuasaan enakmen negeri yang telah diberikan.

### 6.5.3 Konsep *Al-Khultoh* dalam Zakat Ternakan

Dalam membincangkan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah*, ulama' mengutarakan konsep *khultoh* sebagai salah satu konsep yang menonjol dalam penjelmaan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah*. Hal ini kerana, *syakhsiyah i'tibariyyah* itu sendiri merupakan satu entiti yang mengumpulkan beberapa orang individu dan harta di bawah satu entiti. Percampuran harta ini di dalam Islam dijelaskan oleh ulama' fiqh melalui konsep *al-Khultoh*. *Al-Khultoh* secara literal berasal daripada kalimah خلط yang bermaksud bercampur atau bergabung.

Secara konseptual pula, istilah ini membawa maksud percampuran barang atau harta samada harta tersebut boleh dibezakan antara satu sama lain atau tidak. Dalil asas bagi konsep *khultoh* dalam Islam ialah sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitab Zakat dan kemudiannya diulang tulis oleh Imam Bukhari dalam kitab Syirkah dalam Sahih Bukhari.

"وَلَا يَجْمِعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ وَلَا يَفْرَقُ بَيْنَ مَجْمُوعٍ مُخَافَةً الصَّدْقَةِ، وَمَا كَانَ مِنْ خَلِيلَيْنِ فَإِنَّهُمَا يَتْرَاجِعُانَ بِالسُّوَيْءِ"

*"Dan janganlah mencampurkan apa yang berasing serta janganlah mengasingkan apa yang bercampur kerana takutkan zakat. Bahagian yang dimiliki oleh dua orang mestilah dilunaskan mengikut bahagian yang dimiliki."*

Di dalam bab berkenaan zakat ternakan, konsep *khultoh* boleh mempengaruhi bilangan zakat ternakan yang perlu dikeluarkan. Perkara ini boleh dijelaskan melalui contoh yang disebut dalam kitab *Buhus Fi Fiqh al-Bunuk al-Islamiyyah Dirasah Fiqhiah Iqtisodiah* tulisan Ali al-Qaradaghi (2009), iaitu jika terdapat dua orang, masing-masing memiliki 20 ekor kambing, maka tidak diwajibkan ke atas mereka zakat (kerana tidak cukup nisab 40 ekor kambing). Tetapi jika mereka mencampurkan kambing mereka seperti berkongsi tempat ternakan dan sebagainya, mereka perlu mengeluarkan seekor kambing. Ini adalah mengikut pendapat *Syafi'iyyah*, *Hanbaliyyah* dan ahli hadis. Manakala menurut Imam Malik RA pula, konsep *khultoh* ini tidak terpakai melainkan apabila kedua-dua pemilik ternakan itu memiliki ternakan yang telah melebihi nisab. Contohnya, dua orang tersebut memiliki masing-masing 101 ekor kambing. Maka masing-masing sepatutnya perlu

mengeluarkan zakat ternakan sebanyak seekor kambing. Namun jika mereka mencampurkan jumlah kambing mereka menjadi 202 ekor kambing, mereka dikehendaki mengeluarkan tiga ekor kambing, iaitu lebih banyak daripada jumlah yang sepatutnya dikeluarkan jika tidak mencampurkan kambing mereka. Dalam keadaan yang lain pula konsep *khultoh* boleh juga memberi kesan yang sebaliknya. Contohnya, jika ada lima orang yang masing-masing memiliki 40 ekor kambing, maka sepatutnya bagi setiap seorang penternak, seekor kambing wajib dikeluarkan. Namun begitu, jika kelima-lima orang tadi mencampurkan kambing mereka, jumlah kambing menjadi sebanyak 200 ekor kambing yang menyebabkan mereka hanya perlu mengeluarkan dua ekor kambing, iaitu lebih sedikit daripada jumlah yang sepatutnya dikeluarkan jika tidak mencampurkan kambing mereka.

Penerangan ulama fiqh yang terperinci berkenaan konsep *khultoh* dan implikasinya dalam pengiraan zakat adalah antara bukti yang signifikan menggambarkan bagaimana konsep *khultoh* telah diterima dan dibincangkan dalam perundangan Islam. Konsep *khultoh* ini pula sebenarnya merupakan intipati penting dalam konsep *syakhsiyah i'tbariyyah* yang mana-mana kedua-dua konsep ini terdiri oleh sesuatu yang dikumpulkan sama ada sekumpulan manusia atau sekumpulan harta yang diletakkan bersama bagi mencapai tujuan tertentu. Institusi MAIN juga sebagai sebuah institusi di bawah kerajaan negeri sebenarnya bergerak atas tindakan sekumpulan manusia (konsep entiti perundangan) dan sekumpulan harta (konsep *khultoh*) yang diletakkan di bawah satu institusi dengan izin pemimpin (wali ul-amri) bagi tujuan menguruskan harta umat Islam.

#### **6.5.4 Konsep *Al-Syirkah***

Dalam membincangkan kesahan konsep *syakhsiyah i'tbariyyah* dalam Islam, Dr Ali al-Qaradaghi telah mengutarakan bab *sharikah* sebagai salah satu dalil tidak langsung. *Sharikah* atau *syirkah* ialah sebuah konsep yang telah lama ada dalam perundangan Islam terutamanya dalam penghususan fiqh muamalat. Perkataan *sharikah* atau *syirkah* secara literal boleh diertikan kepada dua perkara iaitu (1) *sharikah* boleh dimaksudkan sebagai *ikhtilat* atau percampuran yang mana dalam hal ini merujuk kepada percampuran saham atau modal; dan (2) boleh digunakan dengan makna sebuah kontrak kerjasama itu sendiri iaitu kontrak *syirkah* (Nyazee, 1997).

Kontrak *syirkah* dalam Islam boleh datang dalam beberapa bentuk kerjasama antaranya ialah jika mengikut pembahagian Hanbali, *Sharikat al-I'nan*, *Sharikat al-Mufawadah*, *Sharikat al-Wujuh*, *Sharikat al-A'mal* dan Mudarabah (Tahir Mansuri, 2006).

Kontrak kerjasama jenis *mudarabah* pula ialah satu kontrak yang terdiri daripada dua pihak iaitu pemodal (*rabbul mal*) dan juga pengusaha (*mudarib*). Gerak kerja kontrak mudarabah bermula apabila pemodal menyerahkan sebahagian hartanya untuk diusahakan oleh pengusaha dengan syarat keuntungan yang diperoleh dibahagikan mengikut persetujuan bersama. Apabila pemodal telah melepaskan hak pemilikan modalnya, harta modal tersebut tidak lagi berada di bawah pemilikan pemodal dan tidak pula masuk di bawah pemilikan pengusaha. Sebaliknya mengikut jumur fuqaha', pemilikan modal tersebut terletak di bawah milikan perkongsian mudarabah dan tidak menjadi milik individu mana-mana pihak samada pemodal atau pengusaha.

Melalui penerangan ini dapat difahami bahawa dalam kontrak kerjasama mudarabah telah terwujud secara tidak langsung satu komitmen berasingan (*dhimmah mustaqillah*) antara harta individu (iaitu *rabbul mal* dan *mudarib*) dengan harta bawah kontrak kerjasama secara akad *mudarabah*. Kesan daripada komitmen berasingan ini, seorang *rabbul mal* atau *mudarib* dibenarkan untuk membeli barang atau perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan mudarabahnya sendiri mengikut pendapat Hanafiah. Perincian tentang keharusan membeli harta mudarabah oleh pemodal dan pengusaha sendiri ada dibahaskan lebih lanjut oleh mazhab yang lain seperti *Malikiyyah* dan *Hanabilah*. Namun begitu jelas melalui perbincangan fiqh ini, doktrin pemilikan yang diberikan kepada bukan manusia iaitu dalam hal ini pemilikan mudarabah dilihat konsisten dengan doktrin yang terdapat dalam konsep *syakhsiyah i'tibariyyah*. Institusi MAIN juga sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana dan harta umat Islam diberikan *dhimmah mustaqillah* atau komitmen yang berasingan daripada komitmen individu-individu tertentu dalam MAIN dalam menguruskan harta umat Islam.

## 6.6 Konsep *Ad-Dhimmah* dan Entiti Perundangan MAIN


Perkataan *dhimmah* telah banyak dibincangkan oleh ramai fuqaha' dengan melihat daripada pelbagai aspek. Contohnya menurut kumpulan mazhab Syafi'e mentakrifkan *ad-dhimmah* adalah tanggungan oleh manusia daripada aspek tugas (*al-ilzam*) dan kewajipan (*al-iltizam*) dan takrif ini hampir sama dengan pandangan tiga mazhab utama yang lain iaitu mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali (Ghadas, Z. A. A., & Aziz, H. A., 2018). Manakala al-Sarakhs<sup>3</sup> pula mentakrifkan *dhimmah* sebagai tanggungan yang ditetapkan kepada manusia untuk menerima kewajipan dan tugas yang berkait dengan kelayakan (*al-ahliyyah*) seseorang manusia untuk menjalankan tanggungjawabnya (Ghadas, Z. A. A., & Aziz, H. A., 2018). *Ad-dhimmah* juga membawa maksud jaminan dan akauntabiliti (Nasri Naiimi, 2007). Para fuqaha silam seperti al-Izibn, al-Bahuti, Ibn 'Abidin, al-Bazdawi dan al-Nawawi mengatakan *dhimmah* adalah tindakan yang berkait dengan manusia yang sabit dengan hak dan tanggungjawab (Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N., 2009).

Namun begitu para fuqaha' moden seperti Mustafa Ahmad al-Zarqa', Muhammad Abu Zuhrah, Yusuf al-Qaradhawi, Ali Qaradaghi dan lain-lain yang sependapat bahawa konsep *dhimmah* juga menunjukkan pengiktirafan terhadap kewujudan sesebuah entiti selain manusia (Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N., 2009). Ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu; (1) kewujudan dalil yang tidak secara langsung, (2) adanya konsep *walayah* (pemimpin) iaitu berkaitan dengan kaedah *tasarruf al-Imam ala al-raiyyati manutun bil al-maslahah* (tindakan seorang pemimpin terhadap rakyatnya bergantung kepada kemaslahatan); dan (3) merujuk kepada keperluan dan maslahah. Perkara ini boleh dijelaskan melalui Rajah 6.1.

---

<sup>3</sup> Fuqaha mazhab Hanafi

**Rajah 6.1: Perbezaan Pandangan Ulama' Berkenaan Hukum Taklif ke atas Entiti Perundangan**



Fara fuqaha semasa merujuk kepada pelbagai dalil yang tidak langsung yang berkaitan dengan beberapa konsep yang berkaitan dengan entiti yang telah d jelaskan sebelum ini iaitu secara ringkasnya berkaitan: (1) konsep *syirkah* dalam perkara pemilikan modal dalam *aqad mudarabah*, (2) konsep *al-khultah* dalam perkara pengiktirafan pemilikan secara bersama dalam pengiraan zakat *al-an'am* (ternakan) yang dinamakan sebagai *Khulthoh al-Shuyu'* yang juga diterima oleh pengikut mazhab Maliki dan Hanbali (Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N., 2009; h.146); dan (3) konsep *wakalah* dalam pengurusan harta wakaf, baitulmal dan masjid yang mana contohnya harta wakaf bukan diletakkan di bawah pemilikan mana-mana individu tetapi diletakhakkan kepada wakil sesebuah entiti untuk menguruskan harta tersebut.

Fuqaha' moden seperti Taqi Usmani telah mengembangkan konsep entiti kepada prinsip entiti perundangan (*syakhsiyah i'tibariyyah*) yang mana wujudnya konsep entiti perundangan berasingan di bawah perundangan syariah dengan merujuk amalan oleh institusi Islam seperti wakaf, masjid dan baitulmal seperti yang dijelaskan dalam kosep wakalah sebelum ini. Menurut beliau, Imam al-Sarakshi ada menerangkan bahawa institusi baitulmal mempunyai hak dan tanggungjawab yang agak luwes dalam menguruskan harta. Contohnya beliau ada menjelaskan sekiranya ketua negara tiada dana yang mencukupi untuk membayar gaji para tentera daripada sumber dana percukaian daripada Jabatan *Kharaj*, maka ketua negara tersebut

dibenarkan untuk menggunakan secara hutang dana zakat daripada Jabatan *Sadaqah* (*Zakat*) dan hutang tersebut direkodkan di Jabatan *Kharaj* sebagai penghutang manakala Jabatan *Sadaqah* menjadi pembiutang (Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N., 2009; h.146).

Jika dilihat kepada amalan perakaunan semasa oleh MAIN di Malaysia yang mempunyai tiga kumpulan wang yang utama yang diasingkan iaitu Kumpulan Wang Baitulmal atau Sumber Am (KWB), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Wakaf (KWW) jelas menunjukkan konsep entiti perundangan sememangnya perlu diaplikasikan dalam menguruskan harta umat Islam mengikut fatwa negeri masing-masing.

#### **Jadual 6.2: Takrif Entiti Perundangan Menurut Perundangan Konvensional dan Islam**

Perundangan Konvensional	Perundangan Islam
<p>‘Legal Person’ yang mempunyai hak dan kewajiban undang-undang serta boleh mendapatkan pembelaan daripada mahkamah dan didakwa atas namanya.</p>	<p>Pemberian status undang-undang kepada syarikat (atau yang sepertinya) kecuali yang berkaitan aspek insan, dan pengasingan komitmen (<i>dhimmah</i>) syarikat daripada pemegang saham.</p>

Sumber: M C Oliver and Enid A Marshall “Company Law” (11th edition) dan Ali al-Qaradaghi (2009)

Justeru takrif entiti perundangan adalah diperlukan agar entiti MAIN dapat menjalankan fungsi dan peranan dengan baik dan mematuhi syarak. Berdasarkan Jadual 6.2, takrif entiti perundangan menurut perundangan konvensional ialah “*Legal person*” yang mempunyai hak dan kewajiban undang-undang yang boleh mendapatkan pembelaan daripada mahkamah dan didakwa atas namanya. Manakala menurut perundangan Islam, entiti perundangan ialah pemberian status undang-undang kepada syarikat (atau yang sepertinya) kecuali yang berkaitan aspek insan, dan pengasingan komitmen (*dhimmah*) syarikat daripada pemegang saham (Ali al-Qaradaghi, 2009). Daripada kedua-dua takrif ini, konsep *dhimmah* dan pengasingan *dhimmah* yang berkaitan dengan MAIN adalah jelas menunjukkan MAIN adalah entiti perundangan yang mempunyai identiti daripada aspek perundangan yang selari dengan fungsi MAIN.

Merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri seperti di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah menunjukkan kesemua negeri mempunyai satu peruntukan statut pentadbiran agama Islam yang hampir sama dalam menguruskan perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam. Contohnya peruntukan di Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003, Seksyen 4 iaitu penubuhan Majlis dan Seksyen 5 iaitu identiti di sisi undang-undang dan fungsi Majlis. Menurut peruntukan di Seksyen 4, penubuhan Majlis ada menyatakan:

*'Maka hendaklah ada suatu badan bernama "(Majlis Agama Islam Negeri Masing-masing)" untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam'*

Serta peruntukan di Seksyen 5 yang menyatakan fungsi MAIN secara terpeinci iaitu:

(1) *Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa kesmasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Majlis.*

(2) *Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya.*

(3) *Majlis boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang, dan menikmati segala jenis harta alih dan tak alih dan, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh harta itu, boleh memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan dan memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan tentang mana-*

*mana harta alih atau tak alih yang terletak hak pada Majlis atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis menurut Hukum Syarak.*

*(4) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.*

*(5) Majlis hendaklah mempunyai apa-apa kuasa selanjutnya dan menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Enakmen ini atau mana-mana Enakmen lain.*

Peruntukan ini menunjukkan secara jelas peranan MAIN sebagai entiti perundangan yang menguruskan hal ehwal agama Islam terutamanya berkaitan dengan pengurusan harta atau aset yang berkait dengan KWB, KWZ dan KWW. Segala kegiatan muamalat yang dilaksanakan oleh MAIN perlu mematuhi enakmen yang telah diwujudkan untuk menjaga kepentingan umat Islam di sebuah negeri. Bahagian seterusnya mengkaji amalan semasa perakaunan di beberapa MAIN yang berhubung kait dengan konsep *dhimmah* dan entiti perundangan.

## **6.7 Pandangan Berkanaan Konsep *Ad-Dhimmah* dan *Al-Ahliyyah* dengan Institusi MAIN Sebagai Entiti Perundangan**

Berdasarkan perbincangan dengan pakar rujuk yang telah dijelaskan sebelum ini, beberapa pandangan telah dibawa dalam kajian ini untuk mengiktiraf MAIN sebagai entiti perundangan. Segala pandangan yang dikemukakan adalah seperti berikut;

R1: ‘...*Syakhsiyah i’tibariyyah* maknanya mesti kita kaitkan jugak dengan orang-orang yang ada sebagai lembaga pengarah ataupun board di situ mesti cukup syarat sebagaimana individu...’

‘...*Kalau ada orang yang boros dalam syarikat tu, boleh merosakkan keahlian jugak tu. Beli barang-barang yang tak perlu, maknanya Al-Rusyd takda. Al-Rusyd tu. Mazhab syafi’e syaratkan al-Rusyd. Bukan berakal je, mesti Al-Rusyd. Mazhab lain ada bahaskan jugak contohnya mazhab Hanbali...*’

R2: ‘... *Ulum Amri* lah. Dia maknanya sekarang ni, itu yang ana sebut balik pada isu *Legal Entiti* tu. Bila kita terima *Legal Entiti*, maknanya isu kawalan tadi, sebab dia sekarang ni, saya tengok macam ni... Sesuatu perkara itu apabila dia telah di’impose’ oleh ***Ulul Amri***. Oleh pemerintah. Oleh kerajaan. Maka dengan sendiri, dia mempunyai kuasa dan diterima dari segi hukum syaraknya.... Sebab dalam sistem negara ni, asas utama kepada siasah syari’yyah ni ialah kelurusan, keharmonian. Itu maqasidnya pada pemerintah ni kan. Keharmonian keadilan kelurusan urusan semua tu. Apa-apa polisi untuk mencapai ke arah ***Maqasid Syariah*** tu, dibenarkan la. ... Jadi bila kita terima, syarikat tu sebagai satu *Legal Entiti*, maka sebarang undang-undang yang diwujudkan untuk mengurus *Legal Entiti* itu tadi maka itu dia dibenarkan... ’

R4: ‘...dari segi konsep makna ada satu entiti yang boleh **menerima pemilikan** dan boleh **melakukan transaksi** yang macam kita kata wakaf, konsep wakaf itu sendiri bila dah masuk wakaf, dia dah bukan milik pewakaf lagi dah, dan dia juga bukan milik penerima manfaat. Dia sebenarnya kalau dari segi kiasan, dia kata milik Allah. Milik Allah macam adil kan. Macam tu jugak konsep baitulmal. So baitulmal tu bila duit masuk ke dalam baitulmal, baitulmal boleh terima duit, boleh buat bayaran. So dia ada institution la. Satu institution yang seolah-olah dia ada lah, suatu **dhimmah maliah** ke dhimmah yang menyebabkan dia boleh melakukan beberapa transaksi... ’

‘...Aah yang uruf. Tapi the custom of that time include dia punya law la. Sebab kita tak boleh go against the law kan. So dalam banyak keadaan pun MAIN saya nampak dia mengambil manfaat jugak daripada peruntukan undang-undang tu.... So dia kena tengoklah dari segi keperluan, kebijaksanaan nak pilih. Samada nak, decision making tu pun dia kena ada. **Ilmu profesional** lah. Dari segi bisnes, dari segi financial... ’


Merujuk kepada perbincangan dengan pakar rujuk iaitu dari R2 dan R4, kajian mendapati adalah jelas kedua-dua responden bersetuju bahawa institusi MAIN adalah merupakan entiti perundangan (*syakhsiyah i’tibariyyah*) yang diturunkan

kuasa melaksana tanggungjawab urusan hal ehwal agama Islam negeri oleh pemerintah (*ulil amri*) yang diikat secara perundangan dengan enakmen yang telah digubal untuk memastikan segala amanah yang dilaksanakan oleh institusi MAIN mematuhi maqasid syariah seperti yang dijelaskan oleh R1 dan R2.

Dalam aspek kegiatan ekonomi yang dilaksanakan oleh MAIN menurut perundangan, R4 berpendapat adalah dibenarkan MAIN sebagai sebuah entiti perundangan menerima pemilikan, melakukan transaksi bayaran dan sebagainya seperti harta wakaf dan baitulmal kerana MAIN memiliki *dhimmah maliah* berbentuk harta.

Namun begitu adalah disarankan oleh R4 agar MAIN perlu bijaksana melaksanakan amanah tersebut dengan memiliki *ahliyyah* (keahlian), profesional dalam bidang kewangan dan sebagainya dalam kalangan ahli lembaga MAIN. Disamping ahli MAIN perlu profesional dalam pengurusan kewangan dan sebagainya, ahli MAIN juga perlu mempunyai kelayakan *al-rusyd* iaitu kepintaran dalam pengurusan seperti dinyatakan oleh R1.

Dalam konteks kajian ini, berkemungkinan besar bidang perakaunan adalah salah satu syarat *al-rusyd* dalam memastikan konsep *dhimmah maliah* terpelihara dalam menguruskan kewangan MAIN. Ringkasan integrasi kesemua konsep tersebut ditunjukkan di Rajah 6.2.



**Rajah 6.2: Konsep *Ad-Dhimmah* dan *Al-Ahliyyah* dalam Entiti Perundangan**

## 6.8 Pandangan Berkanaan Konsep *Syirkah* dan *Khultoh* dengan Institusi MAIN

Beberapa pandangan pakar turut diutarakan dalam membincangkan beberapa implikasi konsep *syirkah* dan *khultoh* dengan pengurusan harta dan dana di MAIN adalah seperti berikut;

R1: ‘...Ana nak komen yang dari segi agama tu. Dari segi syariah muamalah dengan **non-muslim**, **tidak dilarang**. Kalau kita baca kesimpulan dalam, nak senang sekarang ni kita tengok mausu’ah fiqhiah al-kuwaitiah lah. Situ dia simpulkan mazhab 4 dah kan. Dia kata asalnya adalah tidak ada larangan berlainan agama untuk setup syarikat ataupun untuk buat kerjasama untuk buat sesuatu. Itu asalnya dalam hukum tapi para ulama berselisih takda larangan tu dia pergi mana? Harus ke makruh? Sebab dua-dua ni tidak berdosa kalau kita buat. Kalau kita ambik imam al-haramain al-juwarni, guru kepada imam al-ghazali dalam al-waraqat ketika dia hukum hakam taklifi al-Ijab, al-Tahrim, kita akan jumpa maknanya satu persamaan harus contohnya terpulang untuk kita buat ataupun tidak. Dan kalau buat tidak berdosa, kalau

*tinggal jugak tidak berdosa. Kalau dalam tajuk berkaitan dengan makruh, dia kata apa ما يسأب على ترقيه ولا يعاقب على فعله, sesuatu yang kalau ditinggal dapat pahala, dibuat tak berdosa. Kat sini sama dengan harus...’*

*‘...Ada pun kalau kita pergi real majlis agama dia ada pertimbangan lain pulak. Satu memang pertimbangan syarak, dia akan tengok betul-betul, walaupun takda dokumen.... Walaupun tak disebut tak boleh, tapi tak semestinya boleh mutlak. Dia akan tengok kalau haram memang tak akan pergi. Dari segi pelaksanaan pulak dia ada pertimbangan lain berkenaan **reputation**. Tiba-tiba majlis agama buat kerjasama dengan mana-mana anak syarikat genting. Ini reputasi akan jatuh sebagai contoh, mungkin dia akan elakkan...’*

R2: ‘*...So maknanya lebih kepada aktiviti bisnes itu mesti **aktiviti bisnes yang patuh syariah** baru dia boleh buat kerjasama. Kalau kita balik kepada accounting Islamic punya tu, kena aktiviti yang patuh syariah...’*

*‘...Dia kalau dalam banking, dalam bank, dia ambil kira dari segi reputasi. **Reputational risk**. Risiko reputasi tu ada, dia tak ambil. Imej. Maknanya kalau dia involve macam bank, macam yang saya cakap tadilah. Dia akan pikir walaupun anak syarikat Genting, tapi dari segi reputasi syariah macamana? Reputasi bank yang declare sebagai sebuah patuh syariah. Ada isu tak reputasi? Ada kesan tak dari segi reputasi? Kalau ada kesan dia takkan ambil..’*

R3: ‘*...Jadi maknanya kita membenarkan dia mengawal selia, tapi masih lagi meletakkan syarat-syarat. Maknanya syarikat yang dia bekerjasama tu, mestilah yang patuh syariah. Pastu syarikat yang ditubuhkan itu adalah yang **naturenya** adalah masih lagi dalam **urusniaga syariah**...’*

R4: ‘*...Ya. Itu satu dari segi hukumlah. Hukum dia selagimana joint venture itu berkaitan dengan perkara yang halal. Sebenarnya tak kisahlah muslim ke non-muslim ke macamana kan, tapi sebab dia berkaitan dengan sesuatu yang halal; contoh kalau kita pergi ke pasar nak berjual beli dengan seseorang*

*mungkin muslim mungkin non-muslim, tapi kalau barang yang dijual tu haram tak boleh la...’*

*‘...Tapi dari segi yang kedua pulak, iaitu dari segi **siyasah syari’iyyah** la. Dari segi polisi. Dari segi apa ni wisdom behind that, ataupun **reputation**. Contohnya imej lah. Saya rasa kalau yang biasa-biasa mungkin tak ada imej yang teruk sangat kot. Tapi macam contohnya katalah Genting kan, tapi dia ada Genting Plantation. So katalah MAIN buat kerjasama dengan Genting Plantation. So kat sini dia tak ada daripada segi hukum sangat, dia daripada segi reputation la. Samada nak kata, ‘ooo MAIN buat kerjasama dengan Genting’, so kalau nama tu sendiri ada reputation menyebabkan orang menyalah anggapkan, mungkin **lebih baik mengelakkan fitnah** lah...’*

Dalam perbincangan ini berdasarkan pandangan pakar, kajian mendapati institusi MAIN adalah diharuskan untuk menjalankan kegiatan muamalah dan usaha sama dengan entiti lain (*syirkah*) termasuklah dengan syarikat bukan Islam selama mana kegiatan muamalat adalah mengikut syariat dan kegiatan yang halal seperti dijelaskan oleh R2, R3 dan R4. Namun timbul persoalan berkaitan dengan usaha sama dengan sebuah syarikat yang menjalankan kegiatan ekonomi yang patuh syariah tetapi merupakan anak syarikat kepada syarikat induk yang tidak patuh syariah. Contohnya syarikat Genting Malaysia Bhd yang menjalankan perniagaan berbentuk rekreasi dan perhotelan yang meliputi taman tema, perjudian, perhotelan, hiburan dan sebagainya di dalam dan luar negara. Kesemua responden bersetuju bahawa segala bentuk usaha sama dengan anak syarikat kepada syarikat induk yang menjalankan perniagaan yang tidak halal seperti judi, arak dan sebagainya adalah tidak menepati *siyasah syari’iyyah*. Ia membawa maksud tindakan pemerintah terhadap sesuatu perkara kerana mendapatkan suatu kemaslahatan walaupun tindakan itu tidak mempunyai dalil pada juzuknya atau dalam penakrifan lain ialah menguruskan kemaslahatan manusia dengan mengikut ketentuan syarak Abd Jalil Borham (2013). Ini kerana melaksanakan *syirkah* dengan syarikat tersebut akan menjaskan serta memberi impak negatif terhadap reputasi MAIN sebagai entiti perundungan yang menjaga kepentingan umat Islam. Justeru adalah lebih baik mengelakkan fitnah yang timbul dalam kalangan masyarakat walaupun kegiatan ekonomi yang bakal dihasilkan akan memberi manfaat ekonomi yang besar iaitu

melibatkan prinsip pertimbangan antara mudarat dan maslahat maka kaedah fiqhnya ialah keutamaan untuk menolak mudarat.

### 6.9 Pandangan Berkenaan Konsep *Syirkah*, Kuasa Kawalan dan Pengaruh Signifikan oleh Institusi MAIN

Berdasarkan perbualan dengan pakar rujuk, pandangan mereka adalah seperti berikut;

R1: ‘...*kita punya rujukan ialah الناس عند شروطهم hadis nabi, manusia itu mengikut syarat-syarat yang telah mereka setuju dan buat. Kalau tak setuju tak boleh masuklah..*’

‘...pertamanya tak semua yang ada pada konvensional kita tolak. Yang bercanggah kita tolak dan kita datangkan alternatif. Kerajaan kot mana pun, *ulul amri, dia boleh ruling*. Sebab kaedah dia adalah، تصرف الإمام atau pun *imam punya keputusan يرفع الخلاف (melenyapkan khilaf)*...’

‘...dalam syariah kalau dia ada persetujuan, consensus. Dia punya sokongan ialah الناس عند شروطهم. Boleh diterima.’

‘...Sebab ada satu perbahasan tajuk syarikat. *Syarikatul wujuh* شريكه الوجوه diterima oleh syara’. Dia tak ada duit langsung, tapi dia tu ada reputasi yang besar dalam masyarakat. Syarikatul wujuh, muka dia tu pun sudah cukup. Boleh jadi syarikat. Syarikatul wujuh, tu kena explore. Setakat yang terlintas...’

‘...Bukan. Bukan. Dia dihormati. Sebab kat sini boleh dikaitkan dengan sirrah, iaitu yang dipanggil *kaedah al-himayah* zaman jahiliyyah yang maknanya nabi terima. Kalau orang musyrik nak kacau je, diorang kata kami di bawah himayah, jagaan si fulan si fulan. Tak kena kacau orang Islam. Itu konsep himayah...’

R2: ‘... Ni bukan isu hisbah ni, isu maknanya kuasa antara syarikat-syarikat yang berbeza 3 pihak ke 2 pihak untuk nak kawal sesuatu syarikat yang

*lain. Dari segi dalam 3 keadaan tadi tu kan. Kawalan kepada operasi, kawalan kepada kewangan...’*

*‘...Dia kalau macam kita kata, syarikat A ni dia nak control syarikat B, dan control yang dia boleh control ini kerana dia telah pun diberi kuasa perundangan. Undang-undang telah memberi dia kuasa autoriti ataupun power kita panggil untuk dia control syarikat satu lagi. Jadi dengan undang-undang yang dia ada itu, maka dia boleh untuk menguasai syarikat yang lain, yang dalam **framework undang-undang yang dibenarkan** bagi dialah. Sebab dia mesti ada dia punya syarat-syarat dan limitasi dia. Jadi kalau within that framework, maka dia boleh lah, takda masalah. Mengikut legal framework yang dibenarkan dari segi undang-undang. Ni saya rasa dia masuk dalam ni kot, dalam any act ke apa. Pasal control tu...’*

*‘...Dia itu yang kita akan balik juga kepada apa yang diputuskan pemerintah. Apa yang pemerintah merasakan baik. Macamna, dia macam apabila seseorang itu tiada wali contoh la kan, jadi pemerintah dia akan diambil untuk menjadi wali hakim kepada dia. Jadi dia akan balik kepada pemerintah. Jadi dalam mana-mana akaun ke apa ke, **dia dah takda sistem tu maknanya dia akan rujuk kepada pemerintah, dan pemerintah akan letak kuasa...**’*

*‘...Sebab itu kaedah fuqaha yang sebut, **tasoruful imam manutu bil maslahah** itu sangat signifikan dalam konteks bernegara ya. Konteks pengurusan. Termasuk syarikat. Tasoruful imam manutu bil maslahah kan. Tasoruf, urusan itu dia diikat dengan maslahah. Bila ada maslahah, itulah tasaruf imam, pemerintah...’*

R3;           *‘... Jadi maknanya kita membenarkan dia mengawal selia, tapi masih lagi **meletakkan syarat-syarat**. Maknanya syarikat yang dia bekerjasama tu, mestilah yang patuh syariah. Pastu syarikat yang ditubuhkan itu adalah yang naturenya adalah masih lagi **dalam urusniaga syariah...**’*

*‘...Dia sebenarnya undang-undang. Yang **akta-akta semua ni adalah mewakili pemerintah** sebenarnya. Selagi mana kita jaga...’*

R4: *‘...Ok so from the shariah perspective it’s actually **more on the agreements between the parties** la. And then, it doesn’t really matter la sebenarnya kalau dia subsidiary ke bukan subsidiary ke. In terms of what determines the shariah compliant itu satu apa yang dia contracted. A contract which is recognized from the shariah perspective la. Sebagai contohlah, if you want to have a form of syarikah atau a form of partnership so dia adalah syarat-syarat dia contohnya macam there shouldn’t be any guarantee on the capital, there shouldn’t be any guarantee on the profit. Pastu dia ada compliance of the purpose of that venture kan.’*

*‘...Shariah compliance kan so tak bolehlah ada agree to do something which is not halal in the shariah perspective. And then the way they operationalise dia punya syarikat pun shouldn’t be missing money in the complaiament la, leveraging and borrowing in the complaiament. So that is the shariah compliance la. **It doesn’t really matter whether you are minority shareholder or majority shareholder.** Cuma in term of level of tolerance, macam kalau kita tengok shariah announcement. If the person has control whats majority shareholders or the company is subsidiary, so the decision-making is control by them kan. So they have full responsibility la on the decisions. So it should be 100% and compliant la kalau kata nak shariah compliant. Tapi if they come in as a public company and they come in as minority shareholder, so you cannot make influence decision on how and what or where the company put their money. Or doing business kan, so dia ada tolerance level sebab tu dia ada **benchmark macam SC** ke. They have certain tolerance level la. Kalau dia nak borrow conventionally, shouldn’t be more than one third of their assets ke, or not more than one third of their market capitalization. And non-compliant income let say the main core business is shariah compliant but there are some side income that may not be shariah compliant.’*

*'...Maybe income from some interest based account that they keep. Maybe in another country you only have conventional depositories. Maybe in Thailand they only have let say dia tak ada Islamic bank ke, so they have some interest income. So dia ada set benchmark la, tolerance level. Maybe most of the times less than 5% kan. So benda-benda macam tulah. Kalau dia punya tolerance level you don't have control and you're just minority, so maybe they can be some tolerance level. But if you can control then, there's no tolerance level la. Because you're fully responsible. Then another area where the discussion of control come into picture is what I talked about just now. **Tak boleh ada guarantee**. So the partner cannot guarantee **the capital, the profit in venture of the partner**. Tapi there is a possibility that you can have a guarantee from a 3<sup>rd</sup> party. Then how do we define the 3<sup>rd</sup> party? Would a related party be considered as the 3<sup>rd</sup> party? So then we discuss what is the definition of the 3<sup>rd</sup> party. So what is clear, kalau dia subsidiary or parent, so they cannot guarantee la. We have each other, so it's like umm, even if it's not you but you have a strong relationship, macam seolah-olah it's the same party jugakla yang bagi guarantee tu.'*

*'...I think recently dekat SC ada discussing about what if an associate and also sister company; not subsidiary parent, yang tu saya rasa tak finalise lagi lah dia punya decision. As to whether as 3<sup>rd</sup> party atau tidak. But what is clear, kira yang betul-betul safe party, is parent subsidiary only lah. And how they define parent subsidiary, at that time is more of the legalistic punya definition lah. Based on company law we have the majority shareholding. There was some discussion about control who don't have majority state but have control is considered as same party as well tapi saya pun tak ingat dia punya final. Dia still at the state of research kan, so. But what is clear, kalau dia memang betul majority state holding, then dia dikira macam seolah-olah same party la given the majority. Itu jelah. Dari segi lain tu, I don't think there's.. Tatau lah kalau ada isu lain lagi. Unless in your research you find something that is of concern maybe kita boleh discuss...'*

Daripada perbincangan tersebut, didapati kesemua pakar rujuk bersetuju adanya elemen kawalan dalam sesebuah syarikat dan antara syarikat yang berbeza. Apa yang jelasnya di sini, sekiranya pihak pemerintah atau *ulul amri* telah mengadakan perundangan semasa yang berkaitan dengan konsep *syirkah*, maka selagi ia tidak bertentangan dengan syarak, maka piawaian atau perundangan tersebut terpakai terutamanya berkaitan aspek kawalan ke atas syarikat dalam aspek modal, kewangan dan sebagainya. Ia berkait dengan kaedah fiqh iaitu *tasarruf imam ala al-raiyyah manut bil maslahah* dan hadis Rasulullah saw riwayat Abu Daud,

"المسلمون على شروطهم"

*Muslim itu atas apa yang disyaratkan (persetujuan).*

Apa yang penting adalah perlu wujud satu kontrak persetujuan dalam syarikat atau antara syarikat yang memenuhi keperluan syarak daripada aspek *dhimmah* iaitu tanggungjawab dan *ahliyyah* iaitu keahlian anggota ahli yang menguruskan syarikat serta membuat urusniaga pelaburan yang patuh syariah seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Justeru konsep kawalan dalam piawaian perakaunan yang sedia ada adalah terpakai dan selari dengan kehendak syarak disebabkan ia telah dirangka oleh pihak pemerintah untuk memastikan kemaslahatan masyarakat dapat dicapai.

## 6.10 Kaedah Tasarruf Imam ala Al-Raiyyah Manut bil Maslahah

Kaedah *Tasarruf Imam ala al-raiyyah manut bil maslahah*<sup>4</sup> (قاعدة التصرف على الرعية) ialah sebuah kaedah yang menggariskan bahawa setiap urusan, keputusan dan tindakan seorang pemimpin berkenaan hal ehwal rakyatnya hendaklah dibuat bagi mencapai kemaslahatan. Kaedah ini asalnya ialah kaedah yang diambil dari kata-kata Imam As-Syafi'e yang menyatakan:

"منزلة الإمام من الرعية منزلة الولي من اليتيم"

*Kedudukan pemimpin dalam rakyat ialah seperti kedudukan wali kepada anak yatim.*

---

<sup>4</sup> Atas talian: <https://www.feqhweb.com/vb/t10549.html>

Kata-kata Imam As-Syafi'i tersebut ialah berdasarkan daripada kata-kata Saidina Umar Al-Khattab RA:

"إِنِّي أَنْزَلْتُ نَفْسِي مِنْ مَالِ اللَّهِ مَنْزَلَةً وَالَّتِي لَيْتَمْ إِنْ احْتَجَتُ مِنْهُ ، فَإِذَا أَيْسَرْتَ رَدَدْتُهُ ، فَإِنْ اسْتَغْنَيْتَ اسْتَعْفَفْتُ "

*Sesungguhnya aku menempatkan diriku dari harta Allah Ta'ala sebagaimana kedudukannya seorang wali anak yatim, jika aku memerlukannya maka aku mengambil darinya, maka ketika terdapat sisa maka aku mengembalikannya, maka jika aku tidak membutuhkannya maka aku mencegahnya (menjauhinya).*

Maksud daripada kaedah fiqh ini menurut Az-Zarqa' ialah tindakan seorang pemimpin dan pelaksanaan ke atas rakyatnya samada dikehendaki atau tidak, adalah bergantung kepada adakah wujud *thamrah* atau manfaat daripada tindakannya itu. Manfaat tersebut boleh jadi manfaat daripada sisi *diniyyah* (agama) mahupun dari sisi *dunyawiyah* (dunia).

Ibn al-Najim al-Ishba` dan al-Isha'ir menambah bahawa perhatian yang perlu diambil dalam kaedah fiqh ini ialah perintah atau tindakan seorang pemimpin untuk mencapai maslahah urusan awam tidak akan berkuat kuasa kecuali dengan persetujuan, dan jika tidak dipersetujui maka perintah itu tidak boleh dikuatkuasakan. Itulah sebabnya Abu Yusuf dalam kitabnya Al-Kharaj menerangkan dalam bab menghidupkan tanah yang mati bahawa seseorang imam/pemimpin tidak boleh mengambil apa-apa daripada tangan seseorang kecuali dengan hak yang *thabit* dan makruf.

## **6.11 Perbincangan dan Implikasi Pengiktirafan MAIN Sebagai Entiti Perundangan Terhadap Amalan Perakaunan Semasa**

Melalui perbincangan sebelum ini, maka dapat disimpulkan bahawa walaupun konsep entiti perundangan tidak mempunyai dalil secara langsung yang khusus dalam perundangan Islam, beberapa konsep dan amalan lain dalam Islam seperti penubuhan jabatan baitulmal, pemilikan harta wakaf, konsep *khultah* dan kontrak kerjasama *syirkah* dilihat mengandungi gambaran yang jelas kepada kewujudan konsep ini. Selain empat konsep tersebut, terdapat banyak lagi konsep-konsep lain

dalam Islam yang sebenarnya diutarakan oleh ulama yang mempunyai penjelmaan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah*. Antaranya ialah konsep *fard kifayah*, konsep kesatuan ummah (*notion of ummah*), hukum *abdul al-maazon*, konsep stok bersama (*joint stock*) dan juga konsep institusi masjid. Contoh-contoh ini menguatkan lagi kesahan konsep *syakhsiyah i'tibariyyah* dalam Islam sekaligus menjadikan konsep entiti perundangan sebagai satu konsep yang boleh diiktiraf.

Penubuhan MAIN di bawah pentadbiran kerajaan negeri-negeri di Malaysia juga merupakan antara bentuk entiti perundangan yang diiktiraf. Di negeri Selangor contohnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 4, (Perkara 1) menyatakan,

*“Maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam Selangor” untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”*

Melalui enakmen tersebut adalah jelas Majlis Agama Islam Negeri Selangor telah dilantik secara undang-undang sebagai sebuah badan yang akan membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan. Selain itu, institusi MAIN sebagai sebuah entiti perundangan yang sah adalah tertakluk di bawah undang-undang seperti seorang *'legal person'*. MAIN diberikan hak untuk memiliki, mengambil dan memegang harta serta membuat sebarang kontrak yang dibenarkan dalam syara'. MAIN juga dibenarkan untuk mendakwa dan didakwa. Perkara ini dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Seksyen 5, (Perkara 2 dan Perkara 3) yang menyatakan,

*“Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya.”*

*“Majlis boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang, dan menikmati segala jenis harta alih dan tak alih dan, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis....”*

Kesemua ciri-ciri tersebut adalah konsisten dengan konsep entiti perundangan yang mengiktiraf entiti sebagai *legal person* yang mempunyai *jurisdic personality*.

Dalam melaksanakan kegiatan bermuamalah MAIN di beberapa negeri dalam zon yang dikaji menunjukkan wujudnya pelbagai kontrak pelaburan yang dimetrai antara MAIN dengan entiti yang lain seperti kontrak pelaburan sama ada berbentuk (1) pelaburan biasa; dan (2) pelaburan dengan mempunyai kepentingan dalam entiti yang lain. Manakala pelaburan oleh MAIN dengan kepentingan dalam entiti yang lain pula terbahagi kepada empat iaitu (1) entiti berstruktur yang tidak disatukan, (2) entiti dikawal (subsidiari), (3) pengaturan bersama; dan (4) Pengaruh signifikan (syarikat bersekutu). Di bawah item pengaturan bersama pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu: (1) operasi bersama; dan (2) kawalan bersama (entiti usaha sama-*syirkah*). Justeru, amalan semasa perakaunan menuntut institusi MAIN untuk menunjukkan akauntabiliti mereka dalam menguruskan harta dan aset umat Islam.


Merujuk kepada Rajah 6.3, institusi MAIN menjalankan kegiatan bermuamalah dalam menguruskan harta dan dana umat Islam memenuhi dan menepati konsep fiqh yang telah dijelaskan sebelum ini seperti *ad-dhimmah*, *al-ahliyyah*, *syirkah*, *khultoh* dan *wakalah*. Justeru dalam memastikan amalan perakaunan semasa menepati kehendak syarak, maka prinsip kegiatan urusniaga dan muamalah yang dilaksanakan oleh MAIN juga perlu menepati kehendak syarak seperti prinsip keredhaan, tiada unsur gharar, riba, qimar dan maysir dan akhirnya menepati maqasid shariah. Manakala dalam aspek pelaburan, prinsip pelaburan mengikut syarak juga perlu dipatuhi iaitu antaranya ialah subjek dan aktiviti pelaburan yang diharuskan dalam Islam dan yang paling penting menjaga maruah melalui pertimbangan reputasi institusi MAIN dalam melaksanakan konsep *syirkah* dengan entiti dan syarikat lain.

Ini berdasarkan kepada nas al-Quran yang bermaksud:

*'Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu...'*


(An-Nisa':29)

Rajah 6.3 di halaman berikut memberikan gambaran Kerangka Kerja Konseptual Kontrak Pelaburan bagi Institusi berkaitan BZW untuk Fasa Keempat ini. Kerangka Kerja ini menggambarkan kedudukan MAIN dan Institusi berkaitan BZW melalui kaca mata Islam sebagai sebuah entiti perundangan melalui pendekatan teori *ad-dhimmah* dan juga konsep *al-ahliyyah*. Rajah turut meringkaskan Prinsip *Muamalat* yang asas dan juga Prinsip Pelaburan yang perlu dipatuhi melalui dapatan daripada hasil proses temu bual dengan panel pakar syariah yang disebutkan sebelum ini.



**Rajah 6.3: Kerangka Kerja Kontrak Pelaburan**

Rajah 6.4 pula meringkaskan konsep fiqh entiti perundangan tersebut dengan amalan perakaunan semasa yang melibatkan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi elemen-elemen asas penyata kewangan yang telah dibincangkan sebelum ini dalam laporan Fasa Kedua dan Ketiga. Rajah ini dirangka berdasarkan kepada cadangan penyelidik terhadap gambaran amalan pelaburan semasa MAIN dan Institusi BZW yang dikaitkan dengan Prinsip Pendedahan dalam Islam.



**Rajah 6.4: Ringkasan Konsep Fiqh Entiti Perundangan dengan Amalan Perakaunan Semasa**

**Jadual 6.3: Cadangan Prinsip Pendedahan Maklumat Perakaunan oleh  
MAIN**

<i>The Conceptual Framework For General Purpose Financial Reporting By Public Sector Entities (IPSASB) 2014</i>		Kerangka Syariah
<p>Prinsip persembahan dan pendedahan (<i>dharurriyyah, hajiyah, tahsiniyyah</i>)</p>	<p>Memenuhi ciri-ciri kualitatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Relevan (<i>relevance</i>)</li> <li>• Perwakilan benar (<i>faithful representation</i>)</li> <li>• Kebolehfahaman (<i>understandability</i>)</li> <li>• Pemasaan (<i>timeliness</i>)</li> <li>• Kebolehbandingan (<i>comparability</i>)</li> <li>• Kebolehsahan (<i>verifiability</i>)</li> </ul>	<p>Maklumat yang didedahkan mesti mengandungi ciri berikut (Haniffa et. al, 2004) – Polisi Pendedahan dari Perspektif Islam):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Relevan – maklumat tepat dan menunjukkan pihak terlibat telah memenuhi obligasi kepada Allah s.w.t dan masyarakat.</li> <li>• Objektif – maklumat berdasarkan ukuran yang adil dan patuh syariah</li> <li>• Material – maklumat yang menunjukkan keadilan dalam penilaian dan yang menunjukkan hak Allah, masyarakat dan individu telah dipenuhi.</li> </ul> <p>Mengikut pandangan pakar*:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Telus</li> <li>• Tepat</li> <li>• Komprehensif</li> <li>• Tidak mengelirukan</li> <li>• Tidak menimbulkan fitnah</li> <li>• Elak dari perkara yang boleh beri kesan negatif</li> <li>• Pertimbangan antara mudarat dan maslahat (keutamaan menolak mudarat)</li> </ul> <p style="text-align: right;">*(Dato Dr. Haron Din, Dato Dr. Hailani Muji Tahir, Dato Dr. Zulkifli Albakri, Dr. Zaharuddin Abd Rahman, Ustaz Engku Fadzil, Dr. Luqman Hj Abdullah, Prof. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali dan Dato' Dr. Anhar Hj Opir)</p>

Contohnya dalam aspek pendedahan, secara umumnya maklumat yang perlu didedahkan perlulah relevan, objektif dan material (Haniffa et. al, 2004) di samping memenuhi ciri-ciri lain seperti telus, tepat, komprehensif, tidak mengelirukan, mengelak daripada perkara yang boleh memberi kesan negatif serta pertimbangan antara mudarat dan maslahah (keutamaan menolak mudarat)

Berbanding dengan prinsip pendedahan yang dinyatakan dalam IPSASB 2014, prinsip pendedahan oleh institusi MAIN perlulah lebih berhati-hati kerana persepsi negatif daripada masyarakat mungkin akan timbul daripada pelaporan kewangan yang didedahkan disebabkan kesilap fahaman masyarakat terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam. Ada kemungkinan pertimbangan antara mudarat dan maslahat dilakukan untuk mengelakkan timbul persepsi yang negatif.

## **6.12 Implikasi ke atas Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam**


Perbincangan konsep fiqh entiti perundangan, prinsip muamalat dan pelaburan dalam Islam yang berkait rapat dengan aspek pelaburan dalam kepentingan entiti lain memberi implikasi kepada cadangan kerangka kerja konseptual (KKK) perakaunan dan pelaporan kewangan Islam iaitu wujudnya keperluan untuk menambah perbincangan tentang konsep dan prinsip tersebut dalam teori asas yang mendasari pembentukan KKK iaitu berhubung teori fiqh. Perbincangan berhubung konsep dan prinsip yang dicadangkan ini penting bagi membolehkan aspek pelaburan dalam kepentingan entiti lain didasari oleh konsep fiqh yang jelas, dan seterusnya ‘uruf perakaunan akan boleh dilaksanakan bagi mengakaunkan aktiviti-aktiviti tersebut.

Selain itu, dapatan dari Fasa Keempat ini juga memberikan implikasi kepada KKK dari sudut pengembangan aspek prinsip pendedahan yang telah sedia dibincangkan dalam Fasa 1, 2 dan 3. Prinsip bagi pertimbangan antara mudarat dan maslahat (keutamaan menolak mudarat) perlu dimasukkan sebagai salah satu prinsip pendedahan dalam KKK disebabkan perlunya panduan asas bagi entiti MAIN dalam membuat pertimbangan berhubung aspek pendedahan yang boleh memberikan implikasi antara mudarat dan maslahat kepada entiti MAIN dan juga pihak-pihak berkepentingan MAIN.

Justeru, dapatan dari Fasa Keempat ini memberikan implikasi kepada kerangka kerja konseptual perakaunan Islam dalam bentuk yang sedikit berbeza dengan Fasa Kedua dan Ketiga. Fasa Kedua dan Ketiga memberikan lebih penekanan kepada aspek pengoperasian mekanisma perakaunan iaitu pada tahap ketiga KKK, namun bagi Fasa keempat, dapatan kajian memberikan input bagi mengembangkan prinsip pendedahan di tahap pengoperasian, serta menyentuh perbincangan teori asas di tahap pertama KKK seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.5 dibawah.

## RAJAH 6.5: KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PERAKAUNAN ISLAM

(Adaptasi daripada dapatan penyelidikan Kumpulan Penyelidik UUM Fasa 3)



## 6.13 Kesimpulan

Hasil kajian mendapati konsep entiti perundangan adalah satu konsep yang diterima oleh ahli ulama Islam kontemporari. Beberapa konsep dan perbincangan fiqh yang berkaitan seperti penubuhan jabatan baitulmal, pemilikan harta wakaf, konsep *khultah* dan kontrak kerjasama *syirkah* dilihat membawa kepada pendirian Islam untuk mengiktiraf konsep ini. Institusi MAIN juga merupakan badan yang dilantik untuk menguruskan dana dan harta umat Islam juga adalah tertakluk dalam konsep ini. Melalui konsep entiti perundangan ini, MAIN bertanggungjawab untuk memelihara fungsi dan peranannya mengikut undang-undang syaria'. Hal ini kerana di dalam Islam, konsep entiti perundangan berasal daripada konsep *ad-Dhimmah* (tanggungjawab) dan konsep *al-Ahliyyah* (kelayakan) yang menuntut MAIN untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan berpandukan kepada undang-undang syariah. Cadangan daripada kajian ialah supaya institusi MAIN terus memerhatikan amalan pentadbirannya agar dapat kekal berperanan dengan amanah dan penuh tanggungjawab (*dhimmah*) di samping memerhatikan ciri-ciri individu yang layak (*ahliyyah*) untuk diberikan amanah menjaga dan mengurus harta umat Islam.

Kajian ini merumuskan bahawa institusi MAIN adalah sebuah entiti perundangan dimana enakmen pentadbiran agama di sesebuah negeri akan mengikat secara perundangan segala bentuk kegiatan yang berkaitan dengan hal ehwal urusan agama Islam negeri termasuklah kegiatan muamalat yang berkaitan seperti *syirkah* dengan entiti lain yang melibatkan *khultoh* dalam modal dan *wakalah* kepada entiti yang pakar dalam membantu menguruskan harta dan dana umat Islam. Namun apa yang penting adalah pihak ahli MAIN adalah terikat dengan *dhimmah maliah* dalam segala pengurusan dan untuk menguatkannya, setiap ahli MAIN perlu mempunyai *ahliyyah* dalam mengurus termasuklah mempunyai *al-ruysd* dalam pengurusan kewangan. Justeru nilai akauntabiliti MAIN perlu dijelmakan dengan amalan semasa perakaunan MAIN yang menggambarkan segala transaksi MAIN yang patuh syariah yang akhirnya akan meningkatkan reputasi MAIN sebagai institusi agama Islam yang berwibawa di Malaysia.

## **BAB TUJUH**

### **BATASAN PERUNDANGAN**

#### **7.1 Pengenalan**

Dalam bab ini peruntukan perundangan iaitu perundangan sivil dan perundangan syariah yang memberi implikasi perakaunan dan pelaporan akan dibincangkan terutamanya implikasi yang boleh menjadi batasan kepada pemakaian piawaian perakaunan Islam kelak. Peruntukan perundangan yang dikenalpasti menjadi batasan memungkinkan keperluan pindaan ke atas akta, peraturan dan/atau polisi agar pemakaian Piawaian Perakaunan Islam tersebut dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh institusi BZW selaras dengan keperluan *Syariah Islamiyyah* dan ciri-ciri serta fungsi institusi berkenaan sebagai pemegang amanah.

Secara khusus, batasan perundangan yang dibincangkan dalam bab ini memfokuskan kepada peruntukan perundangan yang memberi implikasi kepada perakaunan dan pelaporan institusi BZW berkaitan anak syarikat, syarikat bersekutu, usaha sama, operasi bersama, kepentingan dalam entiti lain, pihak berkaitan dan maklumat belanjawan, iaitu perkara-perkara yang dikaji dalam Fasa 4 ini. Batasan perundangan yang dikenalpasti adalah merujuk terutamanya kepada peruntukan dalam perundangan sivil seperti Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, Enakmen Badan-Badan Berkanun bagi negeri Sabah, Akta Syarikat dan pekeliling yang berkaitan. Selain itu, batasan perundangan juga dikenalpasti daripada perundangan syariah berkaitan hal-ehwal Islam bagi negeri-negeri dalam Zon 1 iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi negeri Selangor, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, Enakmen Perbadanan Baitulmal, Enakmen Zakat dan Fitrah serta Enakmen Majlis Ugama Islam bagi negeri Sabah, Enakmen Wakaf bagi Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Selain perundangan utama ini, semakan juga dibuat ke atas perundangan subsidiari (*by-laws*) iaitu garis panduan yang bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

## 7.2 Perundangan Berkaitan Fungsi dan Kewajipan MAIN

Fungsi dan kewajipan MAIN dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Bagi negeri-negeri dalam Zon 1 ini, Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Johor 2003, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor serta Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah adalah disemak. Hasil semakan mendapati, peruntukan yang sama dalam enakmen setiap negeri tersebut tentang fungsi dan kewajipan MAIN untuk memajukan ekonomi dan sosial orang Islam<sup>5</sup>.

Berkaitan fungsi MAIN, Enakmen bagi kelima-lima negeri tersebut menyatakan;

“Fungsi Majlis antaranya membuat apa-apa urusan tentang mana-mana harta alih atau tak alih yang terletak hak pada Majlis atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis menurut Hukum Syarak”

Manakala tentang kewajipan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam lima negeri tersebut iaitu Seksyen 7(1) menyatakan tentang kewajipan Majlis bagi kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam selaras dengan hukum syarak.

Daripada peruntukan dalam Enakmen tersebut jelas menunjukkan bahawa dalam usaha memajukan ekonomi dan sosial orang Islam, MAIN perlu mematuhi hukum-hukum syarak yang telah ditetapkan. Bagi tujuan memajukan ekonomi dan sosial, dalam sub-seksyen seterusnya (Seksyen 7(2)) bagi kelima-lima enakmen tersebut, menyenaraikan secara spesifik kegiatan/aktiviti yang boleh dilaksanakan, antaranya (yang berkaitan dengan perkara yang dikaji dalam Fasa 4);

- (a) untuk menjalankan segala aktiviti, yang tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh agama Islam, khususnya **memajukan perusahaan komersial dan perindustrian**, yang penjalannya ternyata kepada Majlis adalah perlu, berfaedah atau menyenangkan bagi atau berkaitan dengan penunaian kewajipan yang

---

<sup>5</sup> Fasal 5 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003; Seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2005, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 dan Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah 2004.

- sedemikian, termasuklah membuat, memasang, memproses, membungkus, menggred dan memasarkan keluaran-keluaran;
- (b) untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk **menubuhkan atau memperkembang, atau menggalakkan** penubuhan atau perkembangan badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah **kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas**, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;
- (c) untuk **melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan** sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208], dan melupuskan pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis;

Berdasarkan peruntukan di atas, perincian berkenaan aktiviti yang boleh dijalankan oleh MAIN bagi memajukan ekonomi dan sosial boleh diertikan MAIN dibolehkan untuk terlibat dalam perkara-perkara pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu, pelaburan dalam usaha sama dan operasi bersama serta kepentingan dalam entiti lain iaitu perkara-perkara yang dikaji dalam Fasa 4 ini.

### **7.3 Perundangan Berkaitan Kuasa MAIN Menubuhkan Perbadanan dan Syarikat**

Dari segi kuasa menubuhkan perbadanan, enakmen negeri dalam Zon 1 kecuali Melaka membolehkan perbadanan ditubuhkan bagi menjalankan dan dipertanggungjawabkan dengan menguruskan projek, skim atau pengusahaan yang telah dirancang atau dijalankan oleh MAIN bagi memajukan ekonomi dan sosial umat Islam. Dinyatakan juga dalam enakmen ini MAIN mempunyai hak ke atas perbadanan yang ditubuhkan, dimana hak tersebut perlu ditetap apabila perbadanan ditubuhkan.

Contohnya Fasal 8 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor menyatakan (sama peruntukan dengan Selangor,Negeri Sembilan dan Sabah);

“Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* menubuhkan perbadanan dengan apa-apa nama yang pada pendapat Majlis adalah sesuai untuk menjalankan dan dipertanggungjawabkan dengan, bertindak dan menguruskan apa-apa projek, skim atau pengusahaan yang telah dirancangkan atau dijalankan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah seksyen 7”

Bagi Zon 1, contoh perbadanan yang ditubuhkan mengikut Enakmen ini adalah Perbadanan Wakaf Selangor dimana jelas dinyatakan dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 bahawa MAIS mempunyai kuasa mewujudkan perbadanan (Seksyen 4) dan mewakilkan kepada perbadanan bagi menunaikan kewajipan berkaitan wakaf (Seksyen 8), dimana perbadanan adalah tertakluk kepada kawalan dan arahan MAIS.

Dari segi kuasa menubuhkan syarikat, MAIN kelima-lima negeri dalam Zon 1 dibolehkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Majlis Ugama Islam (bagi Sabah), untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti memajukan ekonomi dan sosial umat Islam seperti yang di peruntukkan dalam Seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Penubuhan syarikat ini adalah dengan kelulusan sultan (bagi Johor dan Selangor atau Yang dipertuan Agong (Melaka) atau Yang Dipertuan Besar (Negeri Sembilan) atau Yang Dipertua Negeri (Sabah). Contoh peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (Fasal 8) dan Selangor(Seksyen 8);

“Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah seksyen 7”

Peruntukan perundangan di atas menunjukkan MAIN boleh menubuhkan perbadanan dan syarikat untuk menjalankan aktiviti memajukan ekonomi dan sosial umat Islam. Dinyatakan MAIN mempunyai hak kawalan ke atas perbadanan tetapi bukan sebagai anak syarikat, perbadanan perlu mengemukakan kepada MAIN penyata akaun Kumpulan Wang Wakaf yang telah diaudit. Implikasinya kepada pelaporan kewangan, penyata kewangan perbadanan secara keseluruhan tidak disatukan dengan MAIN, sebaliknya akaun Kumpulan Wang Wakaf digabungkan dengan kumpulan wang zakat dan kumpulan wang baitulmal dalam penyata kewangan MAIN.

Dengan kuasa MAIN menubuhkan syarikat, syarikat tersebut adalah tertakluk kepada Akta Syarikat. Walau bagaimanapun, apa yang dinyatakan dalam peruntukan berkenaan masih lagi merujuk kepada Akta Syarikat 1965. Sedangkan akta baru iaitu Akta Syarikat 2016 telah digunakan menggantikan Akta Syarikat 1965. Ini bermakna pindaan perlu dibuat dalam peruntukan tersebut menggantikan penyataan Akta Syarikat 1965 kepada Akta Syarikat 2016. Oleh kerana syarikat yang ditubuhkan oleh MAIN ini tertakluk kepada Akta Syarikat, dari segi akaun dan laporan kewangan juga tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Syarikat seperti yang akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

#### **7.4 Perundangan Berkaitan Penyata Kewangan dan Laporan**

Berkaitan penyata kewangan akaun dan laporan, perundangan yang disemak adalah seperti berikut:

##### **a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam**

Dalam zon kajian, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Johor turut terikat dengan peruntukan Akta 240 sungguh pun institusi-institusi berkenaan bukanlah Badan Berkanun Persekutuan. Hal ini kerana Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri berkenaan dengan jelas menyatakan bahawa peruntukan dalam Akta 240 terpakai bagi MAIN berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.1.

**Jadual 7.1: Enakmen Kerajaan Negeri berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan**

<b>SELANGOR</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (pindaan 2011)	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [ <i>Akta 240</i> ] <b>tidak terpakai</b> bagi Majlis dan mana-mana perbadanan di bawah Enakmen [ <i>Akta</i> ] ini.
Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015	Tidak dinyatakan pemakaian Akta 240. Terdapat peruntukan bagi akaun dan laporan KWW.
<b>NEGERI SEMBILAN</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [ <i>Akta 240</i> ] <b>terpakai</b> bagi Majlis.
Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005	Akta Badan Berkanun 1980 tidak <b>terpakai</b> bagi Majlis dan Panel Penasihat berhubung dengan Kumpulan Wang Wakaf. Terdapat peruntukan khusus bagi akaun dan laporan KWW.
<b>JOHOR</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [ <i>Akta 240</i> ] <b>terpakai</b> bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.
<b>MELAKA</b> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [ <i>Akta 240</i> ] <b>terpakai</b> bagi Majlis.
Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005	Tidak dinyatakan pemakaian Akta 240 dan tiada peruntukan bagi akaun dan laporan.
<b>SABAH</b> Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004	Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 hendaklah <b>terpakai</b> bagi Majlis.
Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998	Prosedur kewangan dan perakaunan Perbadanan hendaklah berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan dan Undang-undang Islam yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
Enakmen Zakat dan Fitrah 1993	Tidak dinyatakan pemakaian mana-mana Akta/ Enakmen berkaitan. Tiada peruntukan bagi akaun dan laporan.

Seksyen 5(1) Akta 240 menyatakan bahawa akaun disediakan “mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum”. Selain itu, Seksyen 11(2)(b) pula memperuntukan menteri boleh membuat kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan Akta Badan Berkanun dan menetapkan garis panduan mengenai

prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum. Bagi negeri Johor oleh kerana MAINJ diamanahkan mentadbirkan ketiga-tiga kumpulan wang BZW, Akta 240 yang terpakai kepada Majlis bermaksud terpakai bagi perakaunan dan pelaporan KWW, KWZ dan KWB. Dengan terpakainya Akta 240 di MAINJ membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam dalam perkara melibatkan wakaf, zakat dan baitulmal. Bagi negeri Melaka, walaupun dalam Enakmen Wakafnya tidak menyatakan pemakaian Akta 240, ketiga-tiga kumpulan wang BZW ditadbirkan oleh MAIM dan MAIM menggunakan Akta 240. Implikasinya, seperti negeri Johor, membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam dalam perakaunan dan pelaporan KWW, KWZ dan KWB oleh MAIM.

Namun begitu, berdasarkan Jadual 7.1 juga, terdapat MAIN yang tidak menerima pakai Akta 240 ini seperti Majlis Agama Islam Selangor di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, selepas pindaan dibuat pada 2011 terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu Seksyen 85 berkaitan Akaun dan Laporan tahunan. Pindaan 2011 yang dibuat ialah dengan mengeluarkan atau membatalkan Seksyen 85 ini iaitu peruntukan bagi pemakaian Akta badan Berkanun (Akta 240) bagi MAIS dan mana-mana perbadanan negeri berkaitan. Ini bermakna selain MAIS, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga tidak menerima pakai Akta 240. Walaupun terdapat pindaan terkini (pindaan 2015) terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, masih tiada peruntukan menggantikan pemakaian Akta 240.

Begitu juga dengan Negeri Sembilan, Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005 jelas menyatakan bahawa Akta 240 tidak terpakai kepada entiti yang mentadbirkan kumpulan wang wakaf. Entiti yang mentadbir wakaf di Negeri Sembilan iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. adalah merupakan sebuah anak syarikat yang jelas menunjukkan bahawa akaun dan laporan kewangannya tertakluk kepada Akta Syarikat sungguhpun terdapat peruntukan dalam Enakmen Wakaf Negeri Sembilan berkaitan akaun dan laporan Kumpulan Wang Wakaf yang perlu disediakan oleh entiti berkenaan.

Ketidak pemakaian Akta 240 ini khususnya oleh MAIS dan entiti berkaitan di bawahnya serta oleh Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan dilihat boleh menjadi batasan kepada perakaunan dan pelaporan Institusi BZW yang membolehkan

pemakaian Piawaian Perakaunan Islam. Ini adalah kerana tiada peruntukan perundangan seperti peruntukan Seksyen 5(1) dan Seksyen 11(2b) seperti dibincangkan sebelum ini.

**b) Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah**

Jika Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor menyatakan pemakaian Akta Badan Berkanun bagi akaun dan laporan kewangan MAIN di negeri-negeri berkenaan, Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah pula menyatakan pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun Sabah 1997 bagi akaun dan laporan kewangan MUIS. Pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun berkenaan antaranya membolehkan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri mengeluarkan arahan MUIS sebagai badan berkanun negeri untuk mengikuti prinsip perakaunan tertentu. Ini dilihat sekurang-kurangnya juga membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam oleh MUIS yang mentadbirkan Kumpulan Wang Wakaf dan Kumpulan Wang Zakat dalam perakaunan dan pelaporannya. Walau bagaimanapun, dilihat terdapat sedikit kekangan atau batasan perundangan dalam perkara ini kerana pemakaian Piawaian Perakaunan Islam adalah tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Ini bermakna JANM perlu meyakinkan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri tentang keperluan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam dalam urusan perakaunan dan pelaporan kewangan wakaf dan zakat di MUIS.

**c) Enakmen Badan-Badan Berkanun Sabah 1997**

Daripada semakan yang dibuat ke atas perundangan sivil lima negeri, terdapat enakmen khas digubal yang terpakai kepada badan berkanun negeri seperti negeri Sabah, iaitu Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997. Mengikut Enakmen ini, MUIS sebagai badan berkanun negeri perlu menyediakan penyata akaun untuk diaudit serta disiarkan dalam Warta. Selain itu, penyata akaun MUIS dan penyata akaun syarikat subsidiari perlu dihantar kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri<sup>6</sup>. Seterusnya penyata akaun yang telah diaudit bersama laporan aktiviti itu perlu diserahkan kepada menteri dalam tempoh sebulan selepas penyata akaun teraudit diterima daripada Ketua Audit Negara.

---

<sup>6</sup>Seksyen 4(3) Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997.

Sepertimana yang telah diterangkan di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004, dari segi akaun dan laporan kewangan, MUIS menerima pakai Enakmen Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan 1997). Walau bagaimanapun, pemakaian enakmen ini dilihat terdapat batasan untuk Piawaian Perakaunan Islam diterima pakai kelak. Ini disebabkan oleh peruntukan Seksyen 4(1) enakmen berkenaan yang mengkehendaki MUIS sebagai badan berkanun perlu menyediakan akaun menurut prinsip dan amalan perakaunan komersial.

“Tiap-tiap badan berkanun hendaklah menyimpan atau menyebabkan untuk disimpan akaun yang sepatutnya dan rekod-rekod lain berkenaan dengan operasinya menurut prinsip-prinsip dan amalan-amalan perakaunan komersial yang diterima secara umum”  
(Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan tambahan, 1997))

#### **d) Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998**

Pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi perakaunan dan pelaporan sumber baitulmal yang ditadbirkan oleh Perbadanan Baitulmal Sabah dilihat tidak menimbulkan halangan kerana Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998 jelas menekankan pemakaian perundangan Islam yang dikuatkuasa dari masa ke semasa apabila memperuntukkan bahawa prosedur kewangan dan perakaunan Perbadanan adalah berdasarkan Arahan Perbendaharan dan Undang-Undang Islam. Pemakaian Perundangan Islam yang dikuatkuasa itu membolehkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Perbadanan Baitulmal Sabah.

#### **e) Enakmen Zakat dan Fitrah 1993**

Semakan perundangan lima negeri dalam zon kajian, hanya di Sabah terdapat perundangan khusus berkaitan dengan zakat iaitu Enakmen Zakat dan Fitrah 1993. Walaupun terdapat enakmen khusus berkaitan zakat tetapi tiada sebarang peruntukan berhubung akaun dan laporan kewangan dan tidak juga terdapat peruntukan berkaitan pemakaian mana-mana enakmen atau akta seperti Enakmen Badan-Badan Berkanun. Ini dilihat boleh menjadi batasan atau halangan sekiranya Piawaian Perakaunan Islam hendak diterima pakai.

#### **f) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980**

Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240) memperuntukkan badan berkanun sebagai sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan dan merupakan pihak berkuasa awam ataupun agensi kerajaan Malaysia, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Peruntukan Akta 240 mengikut Seksyen 3 terpakai kepada semua Badan Berkanun Persekutuan dan perlu dibaca bersama dengan peruntukan Akta yang memperbadankan sesebuah Badan Berkanun Persekutuan itu. Berbeza dengan Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Agama Islam negeri (selepas ini dinyatakan sebagai MAIN) diperbadankan di bawah enakmen negeri masing-masing seperti Enakmen Badan Berkanun bagi negeri Sabah.

Secara khusus, Seksyen 5(1) Akta 240 menyatakan bahawa akaun disediakan “mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum” dan penyata akaun disediakan bagi tiap-tiap satu tahun kewangan untuk diaudit. Manakala Seksyen 11(2) (b) memperuntukan “menteri boleh membuat kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuaskan Akta Badan Berkanun, menetapkan garispanduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan polisi-polisi pelaburan”. Peruntukan ini membolehkan pada masa ini MPERs dan Manual Amalan Terbaik perakaunan digunakan oleh MAIN dan agensi dibawahnya yang mentadbir BZW bagi menyediakan akaun dan laporan kewangan. Walau bagaimanapun, ini dilihat menjadi batasan kerana prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dalam konteks piawaian perakaunan adalah yang diluluskan oleh MASB iaitu MFRS dan MPERS sahaja. Cadangan boleh dibuat untuk memasukkan piawaian perakaunan Islam (PPI) sebagai piawaian perakaunan yang diluluskan MASB untuk pemakaian di institusi BZW.

MAIN atau institusi BZW lain yang tidak menerima pakai Akta 240 ini seperti Majlis Agama Islam Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS), juga lebih jelas menjadi batasan untuk memasukkan PPI sebagai piawaian yang diterima pakai kerana tiada peruntukan perundangan seperti peruntukan seperti Seksyen 5(1) dan Seksyen 11 (2)(b) yang mengikat.

### **g) Akta Syarikat 2016**

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, MAIN mempunyai kuasa menubuhkan syarikat. Ini bermaksud MAIN adalah syarikat pemegangan (*holding company*) dan syarikat yang ditubuhkan itu merupakan anak syarikat atau syarikat subsidiari kepada MAIN. Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat ini tertakluk kepada peruntukan akta tersebut termasuk dari segi akaun dan laporan kewangan. Menurut Akta Syarikat 2016, di bawah Penggal 3, Sub-penggal 1 Penyata Kewangan dan Laporan, Seksyen 244, piawaian perakaunan diluluskan hendaklah terpakai bagi penyata kewangan atau penyata kewangan disatukan syarikat pemegangan. Piawaian perakaunan diluluskan mengikut Akta Syarikat ini adalah piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) iaitu Malaysia Financial Reporting Standards (MFRS) bagi pemakaian oleh anak syarikat MAIN.

Berdasarkan penerangan berkaitan penyata kewangan dan laporan berdasarkan Enakmen, Akta Badan Berkanun dan Akta Syarikat boleh difahami bahawa dari segi pemakaian piawaian perakaunan, pada masa ini MAIN yang menggunakan Akta Badan Berkanun menyediakan penyata kewangan mereka mengikut keperluan MPERS. Tambahan lagi berdasarkan Seksyen 5 (1) dan 11(2) Akta Badan Berkanun, tiada halangan bagi MAIN ini untuk menggunakan piawaian perakaunan Islam (PPI) pada masa depan. Jika MAIN menubuhkan anak syarikat (di mana MAIN dalam Zon 1 mempunyai 100% pegangan ekuiti), anak syarikat MAIN ini mengikut Akta Syarikat akan menggunakan MFRS dalam menyediakan akaun dan penyata kewangan. Sebagai syarikat pemegang, MAIN perlu juga menyediakan penyata kewangan disatukan. Jika pada masa depan MAIN menggunakan PPI, tetapi anak syarikat masih menggunakan MFRS kerana tertakluk kepada Akta Syarikat sedangkan penyata kewangan disatukan perlu disediakan. Batasannya adalah bagi menyatukan penyata kewangan anak syarikat dengan MAIN, rekonsilasi kepada penyata kewangan perlu dilakukan.

## **7.5 Perundangan Subsidiari Berkaitan Penyata Kewangan dan Laporan**

Dalam konteks penyata kewangan dan laporan, dua perundangan subsidiari disemak untuk menentukan implikasi atau batasan kepada pemakaian PPI.

**a) Garis Panduan Bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003)**

Garis panduan bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) (selepas ini dinyatakan sebagai Amalan Terbaik) dirangka oleh Jabatan Audit Negara selaras dengan hukum syarak dan Arahan Perbendaharaan, dengan mengambilkira piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang bersesuaian. Ia dirangka dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri, Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) ini meliputi bab-bab khusus termasuk bab tentang Tatacara Kewangan, Tatacara Perakaunan, Tatacara Zakat, Tatacara Wakaf dan Persembahan Penyata Kewangan. Antara peruntukan yang terkandung dalam tatacara kewangan adalah Majlis pada setiap tahun hendaklah menyediakan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan. Anggaran tersebut hendaklah mengambil kira dasar Majlis dan strategi pengurusan bagi tahun belanjawan, langkah-langkah bagi meningkatkan pungutan hasil, tindakan-tindakan meningkatkan kecekapan perbelanjaan, dan arahan mengenai penyediaan anggaran bagi tahun yang berkenaan. Dalam Tatacara Perakaunan, antara peruntukan yang dinyatakan pada akhir setiap tahun kewangan, satu Penyata Kewangan (kutipan dan agihan) hendaklah disediakan, dan Penyata kewangan ini hendaklah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis.

Dari segi persembahan penyata kewangan, tujuan garis panduan Amalan Terbaik ini adalah untuk penyeragaman pelaporan berdasarkan kesesuaian aktiviti Majlis, terutamanya urusan zakat, fitrah dan harta wakaf dan tujuan meningkatkan akauntabiliti awam melalui penyediaan dan persembahan laporan kewangan, selain untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan lengkap dalam mempersembahkan maklumat kewangan kepada pengguna penyata kewangan.

Tatacara berkaitan penyata kewangan ini menetapkan penyediaan dan persembahan penyata kewangan Majlis hendaklah berdasarkan prinsip perakaunan yang diterima umum yang diguna pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut tatacara ini Majlis hendaklah menyediakan penyata kewangan sebaik tamat tempoh sesuatu tahun kewangan dan

disediakan dengan lengkap dan diaudit tidak lewat dari 6 bulan dari tarikh tamat tempoh perakaunan sesuatu tahun. Tatacara ini juga menyatakan Penyata kewangan hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya mengikut susunan berikut;

- a) Penyata Pengakuan Majlis
- b) Penyata Pengakuan oleh Pegawai Utama
- c) Laporan Juruaudit
- d) Kunci Kira-Kira Majlis
- e) Penyata Pendapatan Majlis
- f) Penyata Aliran tunai Majlis
- g) Nota kepada Penyata Kewangan
- h) Nota Penjelasan Harta
- i) Penyata Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah, Wakaf, dan lain-lain Kumpulan Wang
- j) Penyata lain yang difikirkan perlu

Tatacara ini jelas menetapkan Majlis perlu menyediakan penyata bagi setiap kumpulan wang utama iaitu KWW, KWZ dan KWB berserta dengan contoh format setiap satunya. Penyata lain yang difikirkan perlu yang dinyatakan dalam Garispanduan ini boleh memasukkan penyata untuk mendedahkan maklumat belanjawan, iaitu antara perkara yang dikaji dalam Fasa 4 ini.

**b) Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf**

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (MPPW) ini adalah manual yang disediakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) yang berfungsi antaranya untuk merancang dan menyelaras keperluan serta keseragaman sistem perundungan bagi pembangunan institusi wakaf. Dalam menjalankan fungsi ini, JAWHAR menyedia dan menerbitkan manual ini untuk memperkuuh dan memperkemas pengurusan harta wakaf yang dilihat sebagai amalan terbaik (*best practices*) bagi pengurusan perakaunan wakaf di Malaysia.

Secara khusus, MPPW disediakan bagi membantu Majlis memperakaunkan harta dan pendapatan wakaf dengan lebih berkesan, mencapai keseragaman kaedah perakaunan dan persembahan penyata perakaunan di antara Majlis, sekaligus mempertingkatkan

ketelusan pengurusan wakaf, serta menjadi rujukan utama dalam proses pengauditan penyata kewangan berkaitan wakaf. MPPW juga digunakan sebagai penambahbaikan terhadap Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) berkaitan wakaf, seperti Bab Tatacara Wakaf dan Bab Persembahan Penyata Kewangan.

Dengan adanya MPPW ini, prosedur perakaunan wakaf dapat diseragamkan dan dapat mencapai matlamat untuk menyediakan prosedur perakaunan wakaf yang menepati hukum syarak, memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di Majlis, meningkatkan prestasi pengurusan harta wakaf secara sistematik, dan mencerakinkan kekuatan sebenar sumber ekonomi umat Islam dalam bentuk harta wakaf bagi tujuan perancangan dan pembangunan strategik(dengan kata lain memanfaatkan sumber ekonomi umat Islam secara optimum).

Jelasnya, Manual ini membantu Majlis sebagai pemegang amanah tunggal yang bertanggungjawab terhadap perakaunan wakaf untuk menyediakan laporan kewangan yang lebih telus. Antaranya MPPW ini menyatakan prinsip-prinsip perakaunan Islam yang menjadi asas kepada prinsip perakaunan wakaf iaitu;

- a) Mencatat transaksi kewangan dengan adil, tepat dan amanah
- b) Pencatat mesti amanah, adil dan memiliki kemahiran serta mengetahui hukum fiqh
- c) Mencatat dengan tepat, teratur dan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit
- d) Mengadakan saksi dan keterangan yang menjelaskan transaksi (sesuatu yang menjelaskan kesahihan sesuatu transaksi)
- e) Sesuatu harta dinilai mengikut asas nilai semasa

Manual ini juga menerangkan dasar-dasar perakaunan yang perlu diamalkan di dalam penyediaan Penyata Wang Wakaf. Umumnya, Penyata Kewangan Wakaf disediakan berpandukan dasar-dasar perakaunan konvensional sedia ada. Dinyatakan dalam Manual ini, Dasar Perakaunan Wakaf adalah diadaptasikan daripada *Financial Reporting Standard* (FRS) dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf. Pemakaian dasar-dasar perakaunan wakaf ini adalah tertakluk

kepada ketetapan hukum Syarak. Selain itu Manual ini menetapkan prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang secara dasarnya menggunakan prinsip-prinsip perakaunan konvensional sedia ada yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip wakaf seperti Prinsip Perakaunan Hasil, Prinsip Perakaunan Harta Wakaf, Prinsip Perakaunan Liabiliti, Prinsip Catatan Bergu dan Prinsip Perakaunan Istibdal. Dasar-dasar perakaunan konvensional yang digunakan sebagai panduan dilihat sebagai batasan kepada pemakaian piawaian perakaunan Islam. Panduan kepada dasar perakaunan konvensional ini perlu dipinda dengan memasukkan dasar perakaunan Islam sebagai panduan.

Selain itu, Manual ini juga menetapkan tentang Format Penyata Kewangan yang menggunakan format Penyata Kewangan Badan Berkanun dalam persempahan Penyata Kewangan Wakaf yang disediakan seperti yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing kerana Majlis merupakan badan berkanun negeri. Seterusnya juga ditetapkan dalam Manual ini, Penyata Kewangan Wakaf yang mengandungi penyata Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Kumpulan Wang wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan.

## **7.6 Perundangan Berkaitan Maklumat Belanjawan**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam kelima-lima negeri dalam Zon 1 mengkehendaki MAIN menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan iaitu belanjawan. Walau bagaimanapun hanya Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Johor, Selangor dan Melaka mengkehendaki belanjawan yang telah diluluskan untuk diwartakan tetapi tidak bagi Negeri Sembilan dan Sabah. Ini bermakna, di Johor, Selangor dan Melaka belanjawan MAIN yang telah diluluskan akan diwar-warkan kepada awam tetapi bagi Negeri Sembilan dan Sabah maklumat belanjawan walaupun telah diluluskan tidak diberitahu kepada awam. Semakan ke atas Enakmen pentadbiran Agama Islam negeri di Zon 1 yang menggunakan Akta Badan Berkanun bagi akaun dan laporan kewangan dan piawaian MPERS, mendapati bahawa tidak terdapat sebarang peruntukan yang mengkehendaki maklumat belanjawan didedahkan dalam laporan kewangan MAIN.

Sekiranya menggunakan Malaysia Public Sector Accounting Standards (MPSAS) sebagai rujukan utama dalam pembangunan PPI, pendedahan maklumat belanjawan dalam laporan kewangan sebagai satu penyata belanjawan atau sebagai satu kolumn berasingan perlu dikuatkuasakan. Berdasarkan MPSAS, maklumat belanjawan perlu didedahkan dalam laporan kewangan jika entiti memaklumkan kepada awam belanjawan yang telah diluluskan. Ini bermakna dalam konteks MAIN negeri-negeri dalam Zon 1, negeri Selangor, Johor dan Melaka yang mewartakan belanjawan yang diluluskan, perlu mendedahkan maklumat belanjawan ini dalam penyata kewangan selari dengan keperluan MPSAS yang dijadikan asas pembangunan PPI. PPI yang dibangunkan berkaitan pendedahan maklumat belanjawan perlu mengambilkira konteks Negeri Sembilan dan Sabah yang tidak mewartakan belajawan yang telah diluluskan.

## **7.7 Kesimpulan**

Bab ini telah melapor dan membincangkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian berkaitan batasan perundangan dalam mengaplikasikan Piawaian Perakaunan Islam bagi Insitusi BZW.

Daripada perundangan yang telah dikenalpasti dari segi penyata kewangan dan laporan, didapati Akta Badan Berkanun digunakan oleh sebahagian MAIN dan mengikut Akta Badan Berkanun piawaian perakaunan yang diikuti adalah piawaian yang diluluskan oleh MASB yang pada masa ini hanya MFRS dan MPERS. Bagi melaksanakan pemakaian PPI, adalah menjadi satu keperluan untuk memasukkan PPI sebagai piawaian yang diluluskan MASB untuk diguna pakai di Institusi BZW. Perlu juga difikirkan bagaimana anak syarikat MAIN yang tertakluk kepada Akta Syarikat boleh menggunakan piawaian yang sama dengan MAIN sebagai induk yang kelak menggunakan PPI. Ini akan melancarkan penyedian penyata kewangan disatukan yang disediakan MAIN. Justeru, adalah menjadi satu keperluan yang mendesak agar piawaian perakaunan khusus untuk Institusi BZW digubal dalam memperakaun dan melaporkan hal ehwal kewangan berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Selain itu untuk memudahkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW berkenaan, Manual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan yang memenuhi Prinsip Syariah sepenuhnya perlu dikeluarkan.

# **BAB LAPAN**

## **CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN - PENDEDAHAN MAKLUMAT & PERISTIWA LAIN BAGI INSTITUSI BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF (BZW) DI MALAYSIA**

### **8.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan cadangan kepada pembangunan piawaian bagi memenuhi objektif kajian yang keempat iaitu:

Objektif 4 - Mencadangkan keperluan piawaian bagi mengakaunkan kepentingan dalam entiti lain dan peristiwa selepas tarikh pelaporan serta pendedahan maklumat tentang pihak berkaitan, maklumat kewangan tentang sektor kerajaan dan maklumat belanjawan sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (BZW) di Malaysia.

Cadangan yang diutarakan menyentuh tentang bentuk piawaian serta kandungan piawaian. Cadangan kandungan piawaian mengambil kira dapatan objektif pertama hingga ketiga dan dengan berpandukan Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan dalam Fasa Pertama.

### **8.2 Bentuk Piawaian Perakaunan**

Laporan penyelidikan Fasa Pertama mencadangkan agar satu set piawaian khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir Baitulmal, Zakat dan Wakaf (Institusi BZW), yang selari dengan bentuk piawaian MPERS. Fasa Kedua memperincikan cadangan berhubung dengan aset selaras dengan bentuk piawaian yang dicadangkan dalam Fasa Pertama. Fasa Ketiga memperincikan cadangan mengenai piawaian berkaitan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti bagi Institusi

BZW. Fasa keempat yang merupakan fasa terakhir penyelidikan, memperincikan cadangan berkaitan kepentingan dalam entiti lain yang merangkumi pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan perlaburan dalam entiti usaha sama serta operasi bersama, peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan dan pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan.

Jadual 8.1 memaparkan contoh kandungan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Bagi Institusi BZW. Seperti yang dapat dilihat di dalam Jadual 8.1, Seksyen 1 hingga 10 dan 13 adalah cadangan dari Fasa Pertama, Seksyen 19 hingga 25 adalah cadangan dari Fasa Kedua, Seksyen 14 dan 15 serta Seksyen 26 hingga 32 adalah cadangan bagi Fasa Ketiga manakala Seksyen 11 dan 12, 16 hingga 18 serta Seksyen 33 hingga 35 adalah cadangan dari Fasa Keempat.

### **8.3 Proses Pembentukan Cadangan Kepada Piawaian**

Proses pembentukan cadangan kepada piawaian diringkaskan dalam Rajah 8.1. Merujuk kepada Rajah 8.1, sumber rujukan utama yang dijadikan asas untuk membentuk cadangan adalah seperti berikut:

a) **MPSAS**

MPSAS menjadi asas untuk mendalami isu yang dikaji dan menjadi asas kepada cadangan yang akan dikemukakan. Secara umumnya keperluan MPSAS yang bersesuaian dengan aktiviti BZW serta tidak bertentangan dengan keperluan Syariah akan dikekalkan manakala keperluan yang tidak bersesuaian atau tidak relevan dengan aktiviti BZW atau tidak selari dengan keperluan Syariah akan dikeluarkan.

b) **Keperluan syariah**

Keperluan syariah berhubung isu yang dikaji diputuskan dengan merujuk kepada Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' dan Qias; kajian literatur dan pendapat pakar syariah yang diperolehi melalui sesi temu bual. Beberapa orang pakar syariah ditemubual untuk mendapatkan input tentang isu khusus yang dikenalpasti serta untuk mendapatkan komen untuk penambahbaikan serta kesepakatan tentang cadangan yang akan dikemukakan bagi memastikan cadangan yang dikemukakan selari dengan keperluan syariah.

**Jadual 8.1: Piawaian Perakaunan Sektor Awam bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf**

Seksyen	Butiran	Asas Rujukan	Fasa
1	Entiti pelapor		Fasa 1
2	Objektif Pelaporan		
3	Konsep dan Prinsip yang Mendasari Pelaporan		
4	Komponen Pelaporan		
5	Persembahan Maklumat Bukan Kewangan		
6	Penyata Kedudukan Kewangan		
7	Penyata Prestasi Kewangan		
8	Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti		
9	Penyata Alir Tunai		
10	Nota Kepada Akaun		
11	Penyata Kewangan Berasingan	MPSAS 34	Fasa 4
12	Penyata Kewangan Disatukan	MPSAS 35	
13	Polisi Perakaunan, Anggaran Perakaunan dan Kesilapan		Fasa 1
14	Instrumen kewangan Asas		Fasa 3
15	Isu lain Instrumen Kewangan		
16	Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	MPSAS 36	Fasa 4

17	Pengaturan Bersama	MPSAS 37	
18	Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain	MPSAS 38	
19	Inventori		
20	Harta pelaburan		
21	Hartanah, loji & peralatan		
22	Aset tak ketara		
23	Pajakan		
24	Pertanian		
25	Rosotnilai aset		
26	Wakaf		
27	Zakat		
28	Peruntukan, liabiliti luarjangka & aset luarjangka		
29	Manfaat Pekerja		
30	Kesan Pertukaran Matawang Asing		
31	Hasil dari urusniaga pertukaran		
32	Hasil dari urusniaga bukan pertukaran		
33	Peristiwa selepas tarikh pelaporan	MPSAS 14	
34	Pendedahan pihak berkaitan	MPSAS 20	
35	Persembahan Maklumat Belanjawan dalam Penyata Kewangan	MPSAS 24	


c) **Amalan semasa**

Amalan semasa menjadi input penting untuk memahami rasional di sebalik amalan perakaunan dan pelaporan semasa, memahami masalah yang dihadapi, memahami bahawa fatwa boleh mempengaruhi olahan perakaunan dan menyebabkan perbezaan dalam olahan perakaunan bagi item yang sama.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan amalan yang seragam di antara Institusi BZW bagi olahan perakaunan tertentu, adalah berdasarkan Panduan Amalan Terbaik yang telah dibangunkan oleh Institusi BZW bersama-sama Jabatan Audit Negara pada tahun 2003. Apabila berhadapan keadaan di mana tiada panduan dari Amalan Terbaik, Institusi BZW akan memilih olahan yang dianggap wajar dan selari dengan tuntutan syariah. Selain dari itu amalan boleh membantu untuk menilai sama ada piawaian yang dicadangkan bersesuaian dengan keperluan Institusi BZW dan boleh dijadikan asas untuk cadangan sekiranya amalan bersesuaian dan selari dengan keperluan syariah.

d) **Terbitan (*pronouncement*) badan penetap piawaian lain dan badan pengawalselia**

Terbitan (*pronouncement*) badan penetap piawaian lain serta badan pengawalselia boleh dijadikan asas cadangan sekiranya bersesuaian dan selari dengan keperluan syariah. Antara terbitan yang dirujuk ialah piawaian MASB (MFRS & MPERS), MASB SOPi, terbitan IPSASB dan terbitan Bank Negara Malaysia berhubung isu syariah dalam kewangan Islam serta perakaunan dan pelaporan kewangan.



**Rajah 8.1 Proses Pembentukan Cadangan Kepada Piawaian**

e) **Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan dalam Fasa Pertama**

Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah memberi panduan tentang pendedahan maklumat sama ada pada tahap *daruriyyah* (kemestian), *hajiyah* (keperluan) dan *tahsiniyyah* (kemewahan).

Ketetapan berikut telah digunakan dalam mencadangkan kandungan piawaian:

- a) Keperluan MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan **dikekalkan** dan dibuat **pengubahsuaian** di mana perlu;
- b) Keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS akan **ditambah**;
- c) Keperluan MPSAS yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan syariah akan **dikeluarkan**; dan
- d) Keperluan MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi BZW akan **dikeluarkan**.

#### **8.4 Cadangan Kandungan Piawaian**

Kajian dalam Fasa Keempat memberi tumpuan kepada isu berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan, pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan, pendedahan maklumat kewangan tentang sektor awam kerajaan dan kepentingan dalam entiti lain yang merangkumi kepentingan dalam entiti dikawal, entiti dengan pengaruh signifikan, entiti dikawal bersama dan operasi bersama. Cadangan kepada isu tersebut diperincikan dalam bahagian berikutnya. Walau bagaimana pun, tiada cadangan dikemukakan bagi Pendedahan Maklumat Kewangan tentang Sektor Am Kerajaan kerana kajian mendapati bahawa piawaian berkenaan tidak relevan kepada institusi BZW.

#### **8.4.1 Cadangan kepada piawaian Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan dan Pendedahan Pihak Berkaitan**

Cadangan kepada piawaian bagi Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan diperincikan dalam Jadual 8.2 manakala cadangan bagi Pendedahan Pihak Berkaitan diperincikan dalam jadual 8.3. Secara umumnya bagi kedua-dua piawaian tersebut keperluan yang digariskan dalam MPSAS 14 dan MPSAS 20 sesuai untuk digunakan. Pengubahsuaian yang perlu dilakukan ialah untuk menyesuaikan perenggan tertentu yang merujuk kepada pengurusan institusi BZW agar selari dengan struktur governan institusi BZW yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

#### **8.4.2 Cadangan kepada piawaian Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan**

Cadangan kepada piawaian Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan diperincikan dalam Jadual 8.4. Secara umumnya keperluan MPSAS 24 sesuai untuk digunakan sebagai asas kepada piawaian.

Mengikut amalan semasa maklumat bajet tidak dibentangkan kerana tidak diperlukan di bawah kerangka pelaporan MPERS. MPSAS 24 bertujuan untuk memberi panduan pembentangan maklumat bajet kepada entiti yang diwajibkan untuk membentangkan maklumat bajet atau memilih untuk membentangkan maklumat bajet tetapi tidak mewajibkan pembentangan maklumat bajet. Berdasarkan perbincangan kumpulan fokus dengan wakil MAIN, ada wakil MAIN yang tidak mempunyai masalah untuk membentangkan maklumat bajet dalam penyata kewangan namun namun ada wakil MAIN yang berpendapat bahawa pembentangan maklumat bajet berkemungkinan membawa kemudaratkan kerana ia merupakan isu sensetif, contohnya di negeri di mana umat Islam merupakan minoriti.

Secara umumnya pakar syariah yang ditemui berpendapat bahawa tiada masalah untuk membentangkan maklumat bajet dalam pernyataan kewangan kerana ia menghasilkan pelaporan kewangan yang lebih telus. Oleh yang demikian ia selaras dengan hasrat untuk menjaga kemaslahatan ummah. Walau bagaimanapun mengambilkira pendapat yang dikemukakan oleh wakil MAIN, pakar syariah turut menyatakan bahawa sekiranya pendedahan maklumat tersebut boleh mendatangkan kemudarat maka pertimbangan utama yang perlu diberi perhatian ialah mengelak kemudarat berbanding untuk tujuan kemaslahatan. Sehubungan itu kajian ini berpegang kepada prinsip bahawa piawaian mengenai pembentangan maklumat bajet merupakan panduan penyediaan maklumat bajet bagi institusi BZW yang diperlukan atau memilih untuk membentangkan maklumat bajet selaras dengan MPSAS 24.

**Jadual 8.2: Seksyen 33 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 14 PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 14</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 14</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif	1	Ubahsuai	Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	2-4	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai bagi mengakaun dan mendedahkan Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan.	
Takrif	5	Kekal		
Membenarkan Penyata Kewangan Diterbitkan	6	Kekal		
	7	Ubahsuai	Tanggungjawab kebenaran penyata kewangan perlu disesuaikan agar selari dengan struktur governan Institusi BZW	Piawaian ini dikhususkan untuk institusi yang mentadbir baitulmal, zakat & wakaf
	8	Ubahsuai	Perlu disesuaikan agar selari dengan struktur governan Institusi BZW	
Pengiktirafan dan Pengukuran	9-16	Kekal		
Usaha Berterusan	17-25	Kekal		
Pendedahan	26-31	Kekal		

**Jadual 8.3: Seksyen 34 Pendedahan Pihak Berkaitan**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 20 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 20</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 20</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	1-3	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai untuk pendedahan tentang pihak berkaitan dan urusniaga tertentu dengan pihak berkaitan.	
Takrif	4-17			
Ahli Keluarga Rapat Individu	5	Kekal		
Pihak Pengurusan Kanan	6-9	Ubahsuai	Perlu disesuaikan agar selari dengan struktur governan Institusi BZW	Piawaian ini dikhatuskan untuk institusi yang mentadbir baitulmal, zakat & wakaf
Pihak Berkaitan	10-15	Kekal		
Ganjaran Pihak Pengurusan Kanan	16	Kekal		
Kuasa Mengundi	17	Kekal		

Isu Pihak Berkaitan	18-21	Ubahsuai	Perlu disesuaikan agar selari dengan struktur governan Institusi BZW	Piawaian ini dikhkususkan untuk institusi yang mentadbir baitulmal, zakat & wakaf
Kematerialan	22	Kekal		
Pendedahan	23-41	Kekal		

**Jadual 8.4: Seksyen 35 Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 24 PEMBENTANGAN MAKLUMAT BAJET DALAM PENYATA KEWANGAN</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 24</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 24</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif	1	Ubahsuai	Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	2-6	Ubahsuai	<p>Seksyen ini terpakai kepada institusi BZW yang dikehendaki atau yang memilih untuk mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum.</p> <p>Seksyen ini tidak menghendaki bajet yang diluluskan didedahkan kepada umum dan juga tidak menghendaki penyata kewangan mendedahkan maklumat bajet yang diluluskan, atau membuat perbandingan dengan bajet yang diluluskan tetapi tidak didedahkan kepada umum.</p>	
Takrif	7-13	Kekal		
Pembentangan Perbandingan antara Amaun bajet dengan	14-38	Kekal		

Amaun Sebenar				
Nota Pendedahan Tentang Asas, Tempoh dan Skop Bajet	39-46	Kekal		
Penyesuaian Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding dengan Amaun Sebenar dalam Penyata Kewangan	47-53	Kekal		

### **8.4.3 Cadangan kepada piawaian Penyata Kewangan Berasingan, Penyata Kewangan Disatukan, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama, Pengaturan Bersama dan Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain**

Cadangan kepada piawaian Penyata Kewangan Berasingan, Penyata Kewangan Disatukan, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama serta Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain diperincikan dalam Jadual 8.5 hingga 8.9. Secara umumnya keperluan MPSAS 34, 35, 36, 37 dan 38 sesuai untuk digunakan sebagai asas kepada piawaian. Penambahbaikan yang perlu dilakukan ialah untuk mengeluarkan bahagian yang tidak relevan kepada institusi BZW.

Isu yang berkaitan dengan kepentingan dalam entiti lain yang diliputi dalam Fasa Keempat ini lebih melibatkan isu teknikal perakaunan seperti penentuan kesan kepentingan pemilikan dalam entiti lain iaitu samada kepentingan pemilikan dalam entiti lain menyebabkan institusi BZW mempunyai kawalan atau pengaruh signifikan atau kawalan bersama dan prosedur perakaunan yang perlu diikuti bagi mengakaunkan jenis kepentingan tersebut serta pendedahan yang perlu dilakukan. Isu yang dikaji bukan merupakan isu unik berkaitan baitulmal, zakat dan wakaf sepetimana isu yang dikaji dalam Fasa Kedua dan Ketiga yang banyak menyentuh tentang urusniaga unik baitulmal, zakat dan wakaf.

Oleh yang demikian untuk tujuan cadangan piawaian, pertimbangan paling penting ialah samada pengolahan perakaunan yang didasarkan kepada amalan konvensional bercanggah dengan keperluan syariah. Sehubungan itu mengambilkira perbincangan dalam Bab 6 maka dapat disimpulkan bahawa selagi tiada percanggahan dengan keperluan syariah maka pengolahan perakaunan berkenaan sesuai untuk digunakan.

Satu perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan dan MPSAS 37 Pengaturan Bersama mempunyai Panduan Pemakaian (*Application Guidance*) yang merupakan sebahagian daripada piawaian, dan Contoh Berilustrasi (*Illustrative Example*) yang disertakan bersama tetapi bukan merupakan sebahagian daripada piawaian. Contoh Berilustrasi memberikan contoh yang sangat khusus untuk membantu pengguna piawaian memahami Panduan Pemakaian. Sehubungan itu untuk tujuan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam untuk institusi yang mentadbir BZW, kajian ini mencadangkan agar satu jawatan kuasa kerja khas ditubuhkan bagi membangunkan contoh khusus yang bersesuaian dengan aktiviti MAIN. Jawatan kuasa ini perlu turut melibatkan wakil dari semua MAIN agar contoh berkenaan yang dibangunkan mengambilkira kelainan semua MAIN. Pembangunan contoh perlu turut mengambilkira Panduan Pemakaian (*Application Guideline* dalam Apendiks A). Maklumat yang dikumpulkan semasa penyelidikan dijalankan tidak mencukupi untuk membangunkan contoh yang sangat khusus. Oleh yang demikian cadangan yang dikemukakan dalam laporan ini berhubung Panduan Pemakaian serta Contoh Berilustrasi perlu diteliti semula oleh jawatan kuasa kerja khas tersebut. Selain dari itu jawatan kuasa khas tersebut juga boleh turut meneliti contoh-contoh di dalam piawaian yang diliputi di dalam Fasa Pertama hingga Fasa Ketiga.

**Jadual 8.5: Seksyen 11 Penyata Kewangan Berasingan**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 34 PENYATA KEWANGAN BERASINGAN</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 34</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 34</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif	1		Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	2-5	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai untuk mengakaunkan pelaburan institusi BZW dalam entiti dikawal, usaha sama dan syarikat bersekutu apabila institusi BZW memilih atau dikehendaki oleh peraturan untuk membentangkan penyata kewangan berasingan.	
Definisi	6-10	Kekal		
Penyediaan Penyata Kewangan Berasingan	11-18	Kekal		
Pendedahan	19-31	Kekal		

**Jadual 8.6: Seksyen 12 Penyata Kewangan Disatukan**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 35 PENYATA KEWANGAN DISATUKAN</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 35</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 35</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	3	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai untuk penyediaan dan pembentangan penyata kewangan disatukan	
Kombinasi Sektor Awam	4	Keluarkan	Tidak relevan kepada institusi BZW	
Pembentangan Penyata Kewangan Disatukan	5	Ubahsuai	Cadangan olahan semula ayat:  Institusi BZW yang merupakan entiti yang mengawal perlu menyediakan Penyata Kewangan Disatukan. Seksyen ini terpakai kepada semua entiti, kecuali entiti yang mengawal tidak perlu menyediakan Penyata Kewangan Disatukan sekiranya kesemua kriteria berikut dipenuhi:	
	6	Kekal		
	7	Keluarkan	Bukan fungsi utama institusi BZW untuk menjadi entiti pelaburan.	

	8	Kekal		
	9	Kekal		
	10	Kekal		
GBE	11-13	Kekal		
Takrif	14	Kekal		
Pengaturan yang mengikat	15	Kekal		
Entiti Ekonomi	16-17	Kekal		
Kawalan	18-22	Kekal		
Kuasa	23-24	Kekal		
	25	Ubahsuai	Ayat pertama boleh dikekalkan tetapi perbincangan selanjutnya perlu disesuaikan dengan contoh yang khusus bagi MAIN.	Perlu penelitian Jawatan Kuasa Kerja Khas Pembangunan Contoh Berilustrasi & Panduan Pemakaian
	26	Kekal	Peruntukan perenggan ini boleh dikekalkan. Bahagian yang berkemungkinan memerlukan pengubahsuaian ialah Panduan Pemakaian ( <i>Application Guidelides</i> – Apendiks A).	
	27-29	Kekal		
Manfaat	30-34	Kekal		
Kaitan antara Kuasa dan Manfaat	35-37	Kekal		

Keperluan Perakaunan	38-55	Kekal		
Entiti Pelaburan: Keperluan Nilai Saksama	56-64	<b>Keluarkan</b>	Bukan fungsi utama institusi BZW untuk menjadi entiti pelaburan.	

#### **Apendiks A: Panduan Pemakaian**

Nota: Bahagian ini perlu penelitian Jawatan Kuasa Kerja Khas Pembangunan Contoh Berilustrasi & Panduan Pemakaian

	AG 1	Kekal		
Penilaian kawalan	AG2-AG4	Kekal		
Tujuan dan rekabentuk entiti lain	AG5-AG8	Kekal		
Kuasa	AG 9-10	Kekal		
	AG 11	<b>Ubahsuai</b>	Gantikan ‘kerajaan’ dalam ayat ketiga dengan ‘institusi BZW’	
Kuasa Pengawalseliaan	AG12	<b>Ubahsuai</b>	Cadangan:  Pengawalseliaan yang dilaksanakan oleh sesuatu entiti lazimnya tidak memberi kuasa kepada entiti tersebut mengikut tujuan piawaian ini. Institusi BZW mempunyai kuasa untuk menwujudkan peraturan atau garispanduan bagi pengoperasian entiti, mengenakan syarat atau sekatan ke atas operasi dan menguatkuasakan syarat atau sekatan berkenaan. Sekiranya peraturan yang diwujudkan untuk	

			tujuan pengawalseliaan sangat ketat sehingga mengikat pengoperasian entiti, maka ada keperluan untuk mempertimbangkan samada pengawalseliaan tersebut menyebabkan entiti berkenaan dikawal oleh institusi BZW.	
Aktiviti relevan dan pengarahan aktiviti relevan	AG13-15	Kekal		
Hak yang memberikan kuasa kepada entiti ke atas entiti lain	AG16–AG24	Kekal		
Hak substansif	AG25-AG28	Kekal		
Hak perlindungan	AG29-AG30	Kekal		
	AG31	<b>Keluarkan</b>	(d) hingga (g)	
Hak mengundi	AG32-AG41	Kekal		
	AG42	<b>Ubahsuai</b>	Gantikan ‘sekolah persendirian’ dengan ‘institusi BZW’	
	AG43-AG56	Kekal		
Hak atau terdedah kepada manfaat berubah daripada entiti lain	AG57	Kekal		
	AG58	<b>Keluarkan</b>	(b)	
	AG59	Kekal		
Perkaitan di antara	AG60	<b>Ubahsuai</b>	Gantikan ‘jabatan kerajaan’ dengan ‘institusi BZW’	

kuasa & manfaat	AG61-AG74	Kekal		
Perhubungan dengan pihak-pihak lain	AG75-AG77	Kekal		
Kawalan aset khusus	AG78-AG81	Kekal		
Penilaian berterusan	AG82-AG87	Kekal		
Penentuan samada entiti adalah entiti pelaburan	AG88-AG106	<b>Keluarkan</b>		
<b>Panduan Implementasi</b>				
Sifat perhubungan dengan entiti lain	IG1	Kekal		
<b>Contoh Berilustrasi</b>				
Nota: Bahagian ini perlu penelitian Jawatan Kuasa Kerja Khas Pembangunan Contoh Berilustrasi & Panduan Pemakaian				
Hak mengundi	Contoh 19-24	Kekal		
	Contoh 40-49	<b>Keluarkan</b>	Tidak relevan dengan aktiviti MAIN	
Lain-lain contoh yang bersesuaian			Perlu Contoh Berilustrasi yang bersesuaian dengan aktiviti MAIN.	

**Jadual 8.7: Seksyen 16 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 36 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHA SAMA</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 36</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 36</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	2	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai kepada untuk mengakaunkan pelaburan institusi BZW dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	
	3	Kekal		
	4	Kekal		
	5	Kekal		
	6	Kekal		
	7	Kekal		
Definisi	8-9	Ubahsuai	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
Pengaturan yang mengikat	9	Kekal		
Pengaruh Signifikan	10-15	Kekal		
Pemakaian kaedah ekuiti	22-48	Kekal		

Pengecualian dari pemakaian kaedah ekuiti	23-25	Kekal		
Pemberhentian dari penggunaan kaedah ekuiti	26-27	Kekal		
Perubahan dalam kepentingan pemilikan	28	Kekal		
Tatacara kaedah ekuiti	29-48	Kekal		
Kerugian rosotnilai	43-48	Kekal		
Penyata Kewangan Berasingan	49	Kekal		

**Jadual 8.8: Seksyen 17 Pengaturan Bersama**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 37 PENGATURAN BERSAMA</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 37</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 37</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif	1-2		Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	3-6	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai untuk menentukan jenis pengaturan bersama yang dilibatkan dan bagi mengakaunkan hak dan obligasi dalam pengaturan bersama.	
	4	Kekal		
	5	Kekal		
	6	Kekal		
Definisi	7-8	Ubahsuai	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
Perjanjian mengikat	8	Kekal		
Pengaturan Bersama	9-22	Kekal		
Kawalan Bersama	12-18	Kekal		
Jenis Pengaturan Bersama	19-22	Kekal		
Penyata Kewangan	23-28	Kekal		

Pihak yang terlibat dengan Pengaturan Bersama				
Operasi Bersama	23-26	Kekal		
Usaha Sama	27-28	Kekal		
Penyata Kewangan Berasingan	29-30	Kekal		

#### **Panduan Pemakaian & Contoh Berilustrasi**

Nota: Bahagian ini perlu penelitian Jawatan Kuasa Kerja Khas Pembangunan Contoh Berilustrasi & Panduan Pemakaian

Panduan Pemakaian	AG1-AG37	Ubahsuai	Secara umumnya Panduan Pemakaian boleh dikekalkan tetapi Contoh Aplikasi yang diberikan dalam Panduan Pemakain perlu diubahsuai mengikut aktiviti MAIN.	Perlu penelitian Jawatan Kuasa Kerja Khas Pembangunan Contoh Berilustrasi & Panduan Pemakaian
Contoh Berilustrasi			Contoh Berilustrasi khusus perlu dibangunkan bersesuaian dengan aktiviti MAIN.	

**Jadual 8.9: Seksyen 18 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain**

<b>Kandungan</b>	<b>CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 38 PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN</b>			<b>Rasional/Rujukan</b>
	<b>Perenggan MPSAS 38</b>	<b>Kesesuaian MPSAS 38</b>	<b>Huraian</b>	
Objektif			Dinyatakan dalam Seksyen 1	
Skop	2-6	Ubahsuai	Seksyen ini terpakai untuk mendedahkan maklumat tentang kepentingan institusi BZW dalam entiti dikawal, entiti dikawal yang tidak disatukan, pengaturan bersama dan syarikat bersekutu dan entiti berstruktur yang tidak disatukan.	
	3	Kekal		
	4	Ubahsuai	Keluarkan 4(b) (ii) - bukan fungsi utama institusi BZW untuk menjadi entiti pelaburan.	
	5	Kekal		
	6	Kekal		
Definisi	7-8	Ubahsuai	Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma	
Pengaturan yang mengikat	8	Kekal		

Pendedahan Maklumat mengenai Kepentingan dalam Entiti Lain	9-11	Kekal		
Pertimbangan dan Andaian Signifikan	12-14	Kekal		
Status Entiti Pelaburan	15-16	<b>Keluarkan</b>	Bukan fungsi utama institusi BZW untuk menjadi entiti pelaburan.	
Kepentingan dalam Entiti Dikawal	17-26	Kekal		
Kepentingan pihak berkentingan bukan kawalan dalam aktiviti dan aliran tunai entiti ekonomik	19	Kekal		
Sifat dan tahap sekatan signifikan	20	Kekal		
Sifat risiko berkaitan kepentingan entiti dalam entiti berstruktur yang disatukan	21-24	Kekal		

Kesan Perubahan Kepentingan Pemilikan dalam Entiti Dikawal yang tidak menyebabkan berlaku kehilangan kawalan	25	Kekal		
Kesan kehilangan kawalan dalam dalam Entiti Dikawal dalam tempoh pelaporan	26	Kekal		
Kepentingan dalam Entiti Dikawal yang Tidak Disatukan (Entiti Pelaburan)	27-34	<b>Keluarkan</b>	Bukan fungsi utama institusi BZW untuk menjadi entiti pelaburan.	
Kepentingan dalam Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu	35-39	Kekal		
Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang tidak Disatukan	40-48	Kekal		

Kepentingan Pemilikan yang tidak boleh diberi nilai	49-50	Kekal		
Kepentingan Kawalan yang Diperoleh dengan Tujuan Untuk Dijual	51-57	Kekal		
<b>Panduan Pemakaian</b>				
Nota: Bahagian ini perlu penelitian Jawatan Kuasa Kerja Khas Pembangunan Contoh Berilustrasi & Panduan Pemakaian				
Panduan Pemakaian	AG1-AG25	Ubahsuai	Secara umumnya Panduan Pemakaian boleh dikenalkan tetapi contoh yang diberikan dalam Panduan Pemakaian perlu diubahsuai mengikut aktiviti MAIN.	Perlu penelitian Jawatan Kuasa Kerja Khas Pembangunan Contoh Berilustrasi & Panduan Pemakaian

## **8.5 Kesimpulan**

Kajian dalam Fasa Keempat memberi tumpuan kepada isu berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan, pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan, pendedahan maklumat kewangan tentang sektor awam kerajaan dan kepentingan dalam entiti lain yang merangkumi kepentingan dalam entiti dikawal, entiti dengan pengaruh signifikan, entiti dikawal bersama dan operasi bersama. Cadangan yang dikemukakan merupakan sambungan kepada cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga.

Secara umumnya kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan keperluan pendedahan sedia ada untuk isu yang dikaji sesuai digunakan untuk mengakaun dan melapor isu tersebut. Bagi piawaian untuk peristiwa selepas tarikh pelaporan dan pendedahan pihak berkaitan penambahbaikan yang perlu dilakukan ialah untuk mengubahsuai bahagian tertentu yang merujuk kepada struktur governan agar selari dengan struktur governan institusi BZW. Untuk mengakaunkan dan mendedahkan kepentingan dalam entiti lain penambahbaikan yang perlu dilakukan ialah untuk mengeluarkan bahagian tertentu yang tidak relevan dengan institusi BZW.

Isu yang diliputi dalam Fasa Keempat ini lebih melibatkan isu teknikal perakaunan seperti penentuan kesan kepentingan pemilikan dalam entiti lain (kepentingan kawalan atau pengaruh signifikan atau kawalan bersama) dan prosedur perakaunan yang perlu diikuti bagi mengakaunkan jenis kepentingan tersebut serta pendedahan yang perlu dilakukan. Isu yang dikaji bukan merupakan isu unik berkaitan baitulmal, zakat dan wakaf seperti mana isu yang dikaji dalam Fasa Kedua dan Ketiga yang banyak menyentuh tentang urusniaga unik baitulmal, zakat dan wakaf. Persoalan utama yang perlu dijawab ialah samada pelaburan dalam entiti lain dibenarkan dalam syariah dan menentukan samada kaedah penentuan kawalan, pengaruh signifikan atau kawalan bersama berserta tatacara mengakaunkan kepentingan tersebut bercanggah dengan keperluan syariah. Seperti mana yang telah dibincangkan dan dirumuskan dalam Bab 6 akauntabiliti institusi BZW perlu dijelmakan dengan amalan semasa perakaunan yang menggambarkan segala urusniaga yang dilibatkan

adalah patuh syariah. Oleh yang demikian selagi mana tatacara dan kaedah perakaunan tidak bercanggah dengan keperluan syariah maka tatacara dan kaedah tersebut sesuai untuk digunakan. Berdasarkan cadangan yang dikemukakan, hanya sedikit pindaan yang diperlukan melibatkan piawaian. Rujukan yang disertakan sebagai asas adalah lebih bersifat umum kerana tiada rujukan yang khusus terutama bagi cadangan yang bersifat teknikal. Cadangan yang bersifat teknikal adalah berdasarkan kepada ‘*technical know-how*’ kumpulan penyelidik dengan berpandukan kepada pandangan kumpulan pakar yang ditemui bual termasuk dapatan dari Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga.

Selain dari itu jawatan kuasa kerja khas perlu ditubuhkan yang turut melibatkan wakil dari semua MAIN bagi tujuan membangunkan Contoh Berilustrasi khusus yang bersesuaian dengan aktiviti MAIN. Pembangunan Contoh Berilustrasi perlu turut mengambilkira Panduan Pemakaian (*Application Guideline*).

# **BAB SEMBILAN**

## **RUMUSAN, LIMITASI DAN HALA TUJU KAJIAN**

### **9.1 Pengenalan**

Bab-bab sebelum ini telah melaporkan tentang dapatan kajian iaitu amalan perakaunan berkaitan pengaturan bersama yang terdiri daripada usaha sama dan operasi bersama, penyata kewangan berasingan, penyata kewangan disatukan, pendedahan kepentingan dalam entiti lain, pendedahan pihak berkaitan, persembahan maklumat belanjawan dan peristiwa selepas tarikh pelaporan. Seterusnya laporan diteruskan berkaitan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan menurut keperluan syariah dari aspek pengoperasian iaitu pengaturan bersama serta aspek pendedahan dan laporan berkaitan syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, kepentingan dalam entiti lain, pihak berkaitan dan maklumat belanjawan.

Turut dilaporkan dalam bab sebelum ini adalah berkaitan batasan-batasan perundangan yang relevan dengan kajian, meliputi perundangan sivil dan syariah termasuk Enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan. Dapatan utama kajian telah dikemukakan dalam bab sebelum ini iaitu bab cadangan kepada piawaian perakaunan Islam bagi Institusi BZW khususnya piawaian berkaitan pengaturan bersama, peristiwa selepas tarikh pelaporan, penyata kewangan berasingan, penyata kewangan disatukan, pendedahan pihak berkaitan, pendedahan kepentingan dalam entiti lain dan persembahan maklumat belanjawan. Sebagai penutup laporan, Bab Kesembilan ini akan memberikan rumusan dan menjelaskan limitasi serta hala tuju kajian bagi meneruskan usaha pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi BZW di Malaysia.

### **9.2 Rumusan**

Secara keseluruhan, beberapa rumusan boleh dibuat hasil daripada kajian pada fasa terakhir iaitu Fasa Keempat ini. Rumusan tersebut adalah seperti berikut:

**Pertama**, dari segi amalan di Institusi BZW. Kajian telah mendapati pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama tidak berlaku di kesemua Intitusi BZW dalam negeri-negeri Zon 1. Terdapat hanya dua institusi sahaja yang mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu dan boleh dikatakan kedua-duanya menerapkan kaedah perakaunan dan keperluan pendedahan. Terdapat juga institusi yang menjalankan usaha sama tetapi dari segi perakaunan tidak memenuhi keperluan piawaian berkaitan usaha sama sebaliknya mengakaukan kepentingan dalam entiti usaha sama sebagai sub-subsidiari milik penuh. Begitu juga dengan operasi bersama, walaupun terdapat institusi BZW yang terlibat tetapi amalan pendedahan tidak dipraktikkan.

Selain itu, Penyata Kewangan Berasingan dan Penyata Kewangan Disatukan adalah disediakan oleh semua institusi BZW dan boleh dirumuskan bahawa hampir semua institusi BZW dalam Zon 1 memenuhi keperluan pendedahan berkaitan dengan penyata berkenaan. Juga dari segi pendedahan kepentingan dalam entiti dimana terdapat kawalan dan pengaruh signifikan, sebahagian besar dari keperluan pendedahan adalah dipenuhi. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kecil institusi BZW dalam Zon 1 membuat pendedahan pihak berkaitan dan urusniaga dengan pihak berkaitan dalam penyata kewangan. Akhir sekali, dari segi amalan, kesemua institusi BZW dalam Zon 1 tidak membuat pendedahan tentang peristiwa selepas tarikh pelaporan dalam penyata kewangan tahun 2017 dan tidak membuat pendedahan tentang maklumat belanjawan kerana tidak diperlukan oleh piawaian MPERS.

**Kedua**, dari aspek keperluan syariah dan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan. Seperti yang telah ditekankan dalam kajian pada Fasa Pertama lagi, terdapat keperluan kepada pembangunan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi membantu pembangunan piawaian perakaunan Islam.

Pada Fasa Pertama yang lepas, kajian telah membangunkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi Institusi BZW dengan mengambil kira asas utama dalam agama Islam iaitu prinsip tauhid kepada Allah SWT. Prinsip tauhid ini menunjangi amalan akauntabiliti kepada Allah SWT (*Habrum min Allah*) dan kepada manusia (*Habrum min Annas*) yang berlandaskan

kepada maqasid syariah. Pada Fasa Kedua, kajian telah mengemukakan cadangan untuk membantu mengukuh dan melengkapkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan dari perspektif Islam. Secara khusus, cadangan yang dikemukakan adalah pada peringkat pengoperasian perakaunan yang melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset. Pada Fasa Ketiga, cadangan yang dikemukakan adalah juga pada peringkat pengoperasian perakaunan yang melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan hasil, belanja, liabiliti dan ekuiti. Seterusnya, pada fasa yang terakhir iaitu Fasa Keempat, cadangan kepada kerangka lebih kepada memperincikan lagi aspek pendedahan yang antaranya melibatkan syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, pihak berkaitan dan pengaturan bersama. Prinsip pendedahan bagi tujuan memelihara dan meningkatkan akauntabiliti Institusi BZW juga turut diperkuuhkan.

**Ketiga**, sebelum cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW dikemukakan, kajian Fasa Keempat ini telah membuat semakan perundangan sivil dan syariah berkaitan yang melibatkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri yang dikaji, Enakmen Wakaf, Enakmen Perbadanan Baitulmal, Akta Badan Berkanun dan Akta Syarikat. Batasan perundangan yang dikenalpasti adalah berkaitan dengan penyata kewangan dan laporan. Adalah didapati Enakmen Kerajaan Negeri khususnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam menggunakan Akta Badan Berkanun 1980 iaitu undang-undang Persekutuan dari aspek perakaunan dan laporan kewangan yang dengan itu menggunakan piawaian yang diluluskan oleh MASB iaitu MPERS. Walau bagaimanapun, terdapat Institusi BZW termasuk MAIN yang tidak merujuk mana-mana akta atau perundangan bagi tujuan mengakaun dan melapor kewangan institusi atau yang tidak menyatakan langsung tentang perundangan dan piawaian perakaunan yang dirujuk. Selain itu, bagi institusi BZW yang merujuk Akta Badan Berkanun, syarikat subsidiarinya yang tertakluk kepada Akta Syarikat menggunakan piawaian yang diluluskan MASB iaitu MFRS. Juga sekiranya MAIN misalnya menggunakan PPI dalam menyediakan penyata kewangan, syarikat subsidiarinya pula menggunakan MFRS kerana tertakluk kepada Akta Syarikat.

Keseluruhannya, semakan perundangan adalah penting untuk mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang mengikat Institusi BZW dan perlu diambilkira untuk memastikan kelancaran pemakaian piawaian perakaunan Islam yang akan diguna pakai pada masa hadapan. Selain itu semakan perundangan tersebut juga penting untuk mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang memberi ruang atau keluwesan untuk memastikan pemakaian piawaian perakaunan Islam yang dicadangkan berjalan lancar.

**Keempat** ialah cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW. Dari aspek kandungan MPSAS berkaitan (MPSAS 14, 20, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38) dijadikan asas utama untuk mencadangkan samada peruntukan MPSAS berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pindaan, penambahan atau pengguguran dengan mengambil kira prinsip dan keperluan syariah.

Secara umumnya kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan keperluan pendedahan sedia ada untuk isu yang dikaji dalam Fasa Keempat ini sesuai digunakan untuk mengakaun dan melapor. Selagi mana tatacara dan kaedah perakaunan tidak bercanggah dengan keperluan syariah maka tatacara dan kaedah tersebut sesuai untuk digunakan. Berdasarkan cadangan yang dikemukakan dalam Bab 8, hanya sedikit pindaan yang diperlukan. Keperluan MPSAS sedia ada dikekalkan jika tidak bercanggah dengan syariah dan dibuat pindaan supaya selari dengan aktiviti Institusi BZW manakala yang bercanggah dengan syariah atau tidak relevan dengan aktiviti Institusi BZW dikeluarkan.

Bagi isu berkaitan MPSAS 24 iaitu pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan, keperluan dalam MPSAS tersebut secara umumnya boleh dikekalkan. Berdasarkan MPSAS 24, sekiranya entiti tersebut memaklumkan kepada awam bajet yang telah diluluskan, maklumat bajet perlu dibentangkan dalam penyata kewangan sesebuah entiti iaitu samada sebagai satu penyata secara berasingan atau dibentang dalam kolumn khusus bajet dalam penyata-penyata berkaitan.

Ini bermakna dalam konteks Institusi BZW, pendedahan maklumat bajet perlu dimasukkan sebagai komponen penyata kewangan jika bajet tahunan yang telah diluluskan dimaklumkan Institusi BZW kepada pihak awam seperti digazetkan. Jika bajet Institusi BZW yang telah diluluskan tidak dimaklumkan kepada pihak awam iaitu tidak digazetkan, institusi berkenaan boleh memilih untuk mendedahkan maklumat bajet tersebut dalam penyata kewangan atau boleh untuk tidak mendedahkannya. Walau bagaimanpun, bagi tujuan menzahirkan akauntabiliti institusi berkenaan, adalah digalakkan maklumat bajet didedahkan sebagai komponen penyata kewangan.

Selain MPSAS sebagai asas utama, peruntukan lain seperti MPERS, SORP, AAOFI, SOPi (MASB) dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf turut serta dijadikan panduan dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan piawaian perakaunan berkaitan. Secara khusus, pindaan yang dibuat kepada kandungan lapan MPSAS berkenaan melibatkan penambahan terutama bagi item-item patuh syariah yang tidak diliputi dalam MPSAS tersebut dan pengguguran sekiranya keperluan MPSAS berkenaan bertentangan dengan tuntutan syariah. Keperluan MPSAS sedia ada dikekalkan jika tidak bercanggah dengan syariah dan/atau selari dengan aktiviti Institusi BZW.

**Kelima** ialah suatu jawatan kuasa kerja khas perlu ditubuhkan yang turut melibatkan wakil dari semua MAIN bagi tujuan membangunkan Contoh Berilustrasi (*Illustrative Example*) khusus yang bersesuaian dengan aktiviti MAIN. Pembangunan Contoh Berilustrasi perlu turut mengambilkira Panduan Pemakaian (*Application Guideline*). Selain daripada itu, jawatan kuasa berkenaan boleh turut meneliti contoh-contoh di dalam piawaian yang diliputi di dalam Fasa Pertama hingga Fasa Ketiga.

### **9.3 Limitasi Kajian**

Terdapat beberapa limitasi kajian yang perlu diambil kira dalam meneliti dapatan kajian ini. Limitasi kajian tersebut adalah seperti berikut:

**Pertama**, cadangan kepada Piawaian Perakaunan Islam yang dikemukakan dalam kajian ini adalah khusus untuk Institusi yang mentadbir BZW termasuk MAIN dan agensi berkaitan di bawahnya seperti Lembaga Zakat, Perbadanan Wakaf dan Perbadanan Baitulmal. Entiti lain yang diberi mandat atau kuasa oleh MAIN sebagai pentadbir (*mutawalli*), agen atau wakil wakaf yang kebanyakannya terdiri dari universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak diambil kira amalan perakaunannya.

**Kedua**, dalam usaha memahami amalan perakaunan yang menjadi fokus kajian fasa terakhir ini, laporan kewangan terkini Institusi BZW yang dianalisis adalah laporan kewangan tahun 2017 yang belum menggunakan piawaian perakaunan sektor awam (MPSAS). Pada masa kajian lapangan dilakukan, penyata kewangan semasa tahun 2017 menggunakan piawaian perakaunan MPERS. Walau bagaimanapun semasa temubual atau perbincangan kumpulan fokus dijalankan bersama akauntan dan pihak pengurusan, amalan perakaunan yang diterangkan berkemungkinan tidak menyeluruh sepertimana yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

**Ketiga**, dapatan yang dilaporkan dari segi batasan perundangan hanya mengambilkira Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan enakmen khusus berkaitan BZW (bagi negeri yang mempunyai enakmen tersebut). Enakmen dan peraturan-peraturan syariah lain bagi negeri-negeri yang terlibat yang berkemungkinan turut menyentuh perkara-perkara berkaitan BZW tidak diambil kira. Selain itu, semakan perundangan hanya melibatkan enakmen kerajaan negeri untuk lima negeri sahaja iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Sabah. Peruntukan perundangan kerajaan negeri-negeri lain di Malaysia mungkin berbeza dan perlu diambilkira dalam pembangunan keseluruhan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi BZW.

**Keempat**, pandangan pakar dari segi keperluan syariah berkaitan perkara-perkara yang dikaji dalam fasa ini adalah terhad kepada pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini sahaja dan terhad mengikut pandangan mazhab Syafi'e. Amalan tiga mazhab lain dalam sesetengah perkara khususnya yang melibatkan perkara-perkara fiqh muamalat sekiranya diambil kira berkemungkinan memberi dapatan dan kesimpulan yang berbeza.

#### **9.4 Hala Tuju Kajian**

Kajian dalam fasa terakhir ini telah melengkapkan usaha untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam (PPI) bagi Institusi BZW. Walau bagaimanapun untuk memastikan pelaksanaan pemakaian PPI, perkara-perkara berikut boleh diambil kira;

**Pertama**, perlu ada usaha untuk membangunkan garis panduan atau manual perakaunan dan pelaporan untuk memudahkan Institusi BZW mengaplikasikan pemakaian PPI. Bagi tujuan ini satu jawatankuasa atau kumpulan penyelidik yang turut melibatkan akauntan di Institusi BZW berkenaan serta wakil dari Jabatan Audit Negara. Keperluan ini penting untuk memastikan pemakaian PPI pada masa depan difahami dan diterima oleh semua pihak yang terlibat.

**Kedua**, terdapat kecenderungan bahawa penemuan ini lebih menumpukan kepada satu kumpulan berkepentingan sahaja, iaitu MAIN dan entiti yang berkaitan yang diberi kuasa oleh MAIN seperti Lembaga Zakat dan Perbadanan Wakaf. Walaupun mereka adalah entiti penting dalam hal ini, amalan perakaunan pihak lain yang menjadi *mutawalli* atau wakil MAIN khususnya dalam perkara berkaitan wakaf dan zakat adalah juga perlu dikaji dan diambil kira pada masa akan datang. Ini penting untuk memahami amalan perakaunan secara keseluruhan yang akan menjadi input berguna dalam pembangunan keseluruhan piawaian perakaunan Islam berkenaan yang boleh digunakan oleh keseluruhan institusi yang mentadbir BZW, bukan terhad kepada MAIN dan entiti di bawahnya sahaja.

**Ketiga**, untuk menentukan keperluan syariah bagi elemen-elemen lain penyata kewangan pada masa akan datang, penglibatan lebih banyak pakar-pakar perakaunan Islam dan fiqh muamalat di dalam dan luar negara adalah diperlukan untuk mendapatkan input yang lebih menyeluruh meliputi pandangan mazhab selain mazhab Syafi'e tetapi masih berpegang kepada amalan ahli *sunnah wal jamaah*. Pandangan berkaitan keperluan syariah dari segi perakaunan yang lebih menyeluruh ini adalah penting kerana banyak perkara melibatkan pengoperasian perakaunan seperti pengikirafan dan pengukuran tidak dinyatakan secara khusus dalam Al-Quran mahupun hadis. Justeru, pandangan daripada lebih ramai pakar perakaunan Islam dan fiqh muamalat dapat dijadikan input yang sangat berguna bagi mendapatkan satu *consensus* atau *ijtihad* berkaitan keperluan syariah bagi perkara-perkara yang melibatkan pengoperasian perakaunan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah dalam proses penggubalan Piawaian Perakaunan Islam berkenaan.

## **SENARAI RUJUKAN**

- ‘Abd Al-Rahman Al-Jaziri. 1990. *Al-Fiqh ‘Ala al-Madhahib al-Arba’ah*. Beirut: Darul Kitab al-Ilmiah.
- Ab Rahman, A., Sobali, A. M., & Omar, S. M. N. S. 2012. Keengganan Membayar Zakat: Menurut Perspektif Syarak dan Perundangan Islam Di Malaysia. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abd Jalil Borham. 2013. Konsep Siyasah Syar`iyyah Dan Perlaksanaannya Dalam Konteks Malaysia. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasah Syar`iyyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu Dan Cabaran, anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) pada 21hb. Februari, 2013 di Auditorium Pujangga KUIM, Melaka.
- Abdul Rahman, A.R. 2010. An Introduction To Islamic Accounting Theory and Practice Cert. Publications Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman, A.R. 2017. Perakaunan, Pelaporan dan Tadbir Urus Akaun Kumpulan & Tabung Amanah Majlis Agama Islam. Nota pembentangan INTAC Series 2017, IIUM.
- Abdul Rahman & Goddard. 1998. An interpretive inquiry of accounting practices in religious organisations. *Financial Accountability & Management* 14 (3), pp. 183-201.
- Abu Yusuf Yaakub bin Ibrahim Al-Ansari. 1987. *Al-Kharaj*. Kaherah: Maktabah Azhariah Litturath.
- Ahmad bin Syeikh Muhammad Az-Zarqa. 1409. *Syarah Qawaid Fiqhiah*. Damsyik: Darul Qalam.
- Ahmad Zamri, O.H, Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R, Maliah, S.Siti Alawiyah, S. & Marhanum C.M.S. 2017. Perakaunan Baitul Mal: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 7, 29-40.
- Ahmed, A.A. 2012. Accounting in Islamic Perspective: A Timely Opportunity A Timely Challenge. ASA University Review, vol. 6, no. 2, pp.11-31.
- Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan)1980. (website) [http://www.ump.edu.my/edasar/bendahari/doc/lain/Akta\\_Badan\\_Berkanun\\_\(Akaun\\_dan\\_Laporan\\_Tahunan\)\\_1980.pdf](http://www.ump.edu.my/edasar/bendahari/doc/lain/Akta_Badan_Berkanun_(Akaun_dan_Laporan_Tahunan)_1980.pdf) [11 Mac 2020].

Akta Syarikat 2016 (website)  
[https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal\\_Framework/Companies-Act-2016.aspx](https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal_Framework/Companies-Act-2016.aspx)  
[11 Mac 2020].

Al-Bakri, Z.M. 2010. Halal dan Haram Dalam Islam. Terjemahan dari kitab al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam Dr. Yusuf al-Qaradhawi. Terbitan Darul Syakir Enterprise Al-Quran dan terjemahannya.

Al-Mawardi, Ali Ibn Muhammad. 1996. *Al-Ahkam as-Sultaniyyah* (The Laws of Islamic Governance). London: Ta-Ha Publishers Ltd.

Ali al-Qaradaghi, Mohyiddeen. 2009. *Buhus Fi Fiqh al-Bunuk al-Islamiyyah Dirasah Fiqhiah Wa Iqtisodiah*. Jilid VI. Beirut: Dar al-Basyir al-Islamiyyah, 2<sup>nd</sup> edn.

Al-Attas. 1978. Islam and Secularism. International Institute of Islamic Thought and Civilization (INSTAC), Kuala Lumpur.

Al-Sarakhsi. 1989. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Maghribi.

Ariffin, M, Yahya, M.Z, & Sahi, A. 2015. Syariah Islamiah. Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka, ISBN: 9789836273314.

Asni, M.F. & Sulong, J.B. 2017. Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-Negeri: Analisis Amalan dan Kaedah Penyeragamannya di Malaysia = Fatwa Coordination between States : Analysis of the Practices of Standardization and Its Method in Malaysia.

Azmi, A.C. & Haniffa, M.H. 2015. The Sharia-Compliance Of Financial Reporting Practices: A Case Study On Waqf. Journal of Islamic Accounting and Business Research, vol. 6, no. 1, pp. 55-72.

Aznan, H. 2018. Zakat on Legal Entities (*Syakhsiyah I'tibariyyah*): A Syari'ah Analysis. *Al-Shajarah*: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), December, 255-82.

Connollay, C. & Hyndman, N. 2013. Towards Charity Accountability. *Public Management Review*, 15 (7), 945-968.

Crofts, K. 2013. Perceptions of Accountability By Managers Of Faith-Based Social Service Not-For-Profit Organisations And Forms And Methods Of Reporting Used By These Organisations To Discharge Accountability Obligations To Stakeholders. PhD Dissertation. Charles Stuart University, New South Wales.

Creswell, J.W. 2007. Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches, 2nd Ed. Thousand Oaks, CA: Sage.

Enakmen Badan-Badan Berkanun Sabah 1997. (website) <http://ww2.sabah.gov.my/jck/SenaraiPe.PDF> [18 Mac 2020].

Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998. (En. 1/98). (website) [18 Mac 2020] <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Sabah> [18 Mac 2020].

Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004. (En. 5/04). (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Sabah> [15 Mac 2020].

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003. (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Johor> [15 Mac 2020].

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. (En. 7/02). (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Melaka> [15 Mac 2020].

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan 2015). (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Selangor> [15 Mac 2020].

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Pindaan 2009). (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20ESyariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20NegeriSembilan> [15 Mac 2020].

Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005. (En. 5/05 / En. 5). (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Melaka> [18 Mac 2020].

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015. (En. 15/2015). (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Selangor> [18 Mac 2020].

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20NegeriSembilan> [18 Mac 2020].

Enakmen Zakat & Fitrah 1993 (pindaan 2003). (website) <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20ESyariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Carian%20Bahan%20Rujukan/Portal%20E-Syariah%20Undang-Undang/Portal%20E-Syariah%20Undang2%20Sabah> [18 Mac 2020].

Faruqi. 1982. Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan. Herndon: lilt, 1982, pp. 13 & 48.

Feqhweb. 2016. (website) <https://www.feqhweb.com/vb/t10549.html> [23 Mac 2020].

Friedman, W. 1967. Legal Theory. New York: Columbia University Press.

Garis Panduan Bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri 2003. Jabatan Audit Negara, Putrajaya.

Ghadas, Z. A. A., & Aziz, H. A. 2018. “Shariah Compliant Companies” An Appraisal Of The Legal Theories Of Body Corporate For Shariah Compliant Companies. *Herald NAMSCA* 1 h. 912-915.

Ghadas, Z. A. A., Ariff, Z., & Rumaizi, W. H. W. 2008. The Myth of Corporate Personality, An Overview from the English Law and Shariah. *Shariah Law Reports*. LexisNexis Malayan Law Journal, 3.

Gray, R., Owen, D., & K. Maunders. 1987. Corporate Social Reporting: Accounting And Accountability. Prentice-Hall International, UK.

Hailani Muji Tahir. 2007. Institusi Baitulmal Dalam Pembangunan Negara. Penerbit UKM Bangi.

Hailani Muji Tahir. 2016. Gagasan Kesyumulan Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam. Penerbit UKM Bangi.

Hairunnizam, W. & Radiah, A.K.. 2010. Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amils and Zakat Recipients. PhD Thesis, Universiti Malaya.

Hairunnizam, W. & Sanep, A. 2014. Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 41-50.

Haniffa, R., Hudaib, M., & Mirza, A.M. 2004. Accounting Policy Choice Within The Syariah Islamiah Framework. *Discussion Papers in Accountancy and Finance*, SOBE, University of Exeter, vol. 2, pp. 4-19.

Hasan Basri and A.K. Siti Nabiha. 2010. Towards Good Accountability: The Role Of Accounting In Islamic Religious Organisation. *The International Conference on Business, Economics and Finance, World, Academy of Science, Engineering and Technology*, Paris, France.

Hasan, A. 2013. Who Needs To Pay Zakat: A Focus On Legal Entities. Dalam Kertas kerja yang dibentangkan di National Business Zakat Symposium, Hotel Istana, Kuala Lumpur (Vol. 8).

Hasan, A. 2018. Zakat On Legal Entities (*Shakhsiyah I'tibariyyah*): A Shari'ah Analysis. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 255-282.

Hasnan Kasan. 2006. Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasakan Fatwa di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 10, pp, 1-19.

Hassan, H., Ghadas, Z. A. A., & Rahman, N. A. 2012. The Myth Of Corporate Personality: A Comparative Legal Analysis Of The Doctrine Of Corporate Personality Of Malaysian And Islamic Laws. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(11), 191-198.

Hashim, R., & Rossidy, I. 2000. Islamization Of Knowledge: A Comparative Analysis Of The Conceptions Of Al-Attas And Al-Faruqi. *Intellectual Discourse*, vol.8, no.1, pp. 19-44.

Ibn Najim. 1419. *Al-Asybah wa An-Nazoir li Ibn Najim*. Beirut: Darul Kitab al-Ilmiah.

Ihsan, H., Mohamad Alwi, N., Sulaiman, M., & Adnan, M.A. 2017. A Study of Accountability Practice in Dompet Dhuafa Waqf of Indonesia. *JKAU: Islamic Econ.*, 30 (20), 13-32.

International Public Sector Accounting Standards Board [IPSASB]. 2014. The Conceptual Framework For General Purpose Financial Reporting By Public Sector Entities. *International Federation of Accountants*.

Ismail, A.M. 2005. Kaedah-Kaedah Fiqh: Suatu Pengenalan Ringkas, Kajian Syariah Dan Undang-Undang, Siri 2. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Ismail, S. 2014. Perbahasan Usul Fiqh: Satu Pengenalan Awal. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.

Jasmi, K. A 2012, Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatitif In Kursus Penyelidikan Kualitatif, Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka.

Kasan, H. (2006). Penginstitusian Pentadbiran Hukum Syarak di Semenanjung Malaysia. Sari (ATMA), 24, 173-189.

Majid, J., Haliding, S. 2014. The Need For The Islamization Of Knowledge In Accounting Al-Iqtishad. Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah, North America.

Maliah, S., Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R., Ahmad Zamri, O.H., Siti Alawiyah, S. & Ibrahim, N. 2016. Accounting and Accountability of Waqf, Zakat and Baitul Mal (WZB) in Malaysia: A Review of Literature. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, 6, 1-12.

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf. 2009. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

M C Oliver and Enid A Marshall. 1991. “Company Law (The M&E Handbook Series)”. Pearson Higher Education, 11<sup>th</sup> edition.

Md Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., NAim, M.a, & Wahid, H. 2016. Cadangan Item Pendedahan Bagi Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, 6, 23-44.

Mohamed Hassan Hito. 1981. *Al-Wajiz fi Usul al-Tasyri'*. Beirut: Muasasah Risalah.

Muhammad Ikhlas, R. 2016. Isu Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam Di Malaysia. Muhammad Ikhlas Rosele (Doctoral dissertation, University of Malaya). Tidak diterbitkan.

Mirza. 2012. The concept of corporate reporting from an islamic perspective: an overview, Paper Presented at The International Islamic Accounting and Finance Conference 2012 (IIAFC2012), Organized by Accounting Research Institute (ARI), the Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA, Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia (pp.19-21). [Peer Reviewed Paper] .

Muhammad Syukri Salleh. 2014a. Aliran Pemikiran Ekonomi Islam Dunia Melayu, ‘Ulum Islamiyyah Journal, 12:1-33.

Mustaffha, N & Zainal, M, F. 2016. Waqf And Accounting Treatment: Pursuing The Transparency And Accountability – A case study, Proceeding of the 3rd International Conference on Masjid, Zakat & Waqf (IMAF).

Nasri Naiimi. 2007. Peranan Perundangan Dalam Merealisasikan Konsep Syirkah Dalam Pengurusan Harta Pusaka. Persidangan Undang-Undang 2007 ‘Undang-undang dan Etika: Menangani cabaran globalisasi. EDC-UUM Sintok.

Nahar, H.S. & Yaacob, H. 2011. Accountability In The Sacred Context: The Case Of Management, Accounting, And Reporting Of A Malaysian Cash Awqaf Institution. Journal of Islamic Accounting and Business Research, pp. 87-113.

Nyazee, Imran Ahsan Khan. 1997. Islamic Law of Business Organization. Islamabad: The International Institute of Islamic Thought.

Ramli, N., & Ghadas, Z. A. A. 2019. An Appraisal On The Obligation Of Companies To Pay Zakat: The Malaysian Law And Shariah Perspectives. International Journal, 4(15), 08-17.

Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A, & Wahid, H. 2016. Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, Vol. 6, pp.23-44.

Shahul Hameed, M. 2000. The Need For Islamic Accounting: Perceptions Of Malaysian Muslims Accountants And Academics On The Objectives And Characteristics Of Islamic Accounting. Unpublished PhD Thesis, University of Dundee, U.K.

Siti Rokyah, M.Z. 2005. Determinants of Financial Reporting Practices On Waqf By State Islamic Religious Council In Malaysia. Unpublished Master’s Dissertation, International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor.

Sulaiman, M. 2005. Islamic Corporate Reporting: Between The Desirable And The Desired. Research centre IIUM, Kuala Lumpur.

Sulaiman Husin al-Basytawi, Ihab Muhammad Abu Khaznah, 1436H/2016. *Mabadik al-Muhasabah*, Amman: Dar al-Manahej.

Tahir Mansuri, M. 2006. Islamic Law of Contracts and Business Transactions. Adam Publishers & Distributors.

Wan Noor Hazlina, Uzaimah & Mohammad Deen. 2017. An Islamic perspective on corporate sosial responsibility of Islamic Banks. Mediterranean Journal of Social Sciences, 6(2).

Wahbah al-Zuhaili. 1985. Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid IV. Ahmad Shahbari Salamon et al. (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah al-Zuhaili. 2000. Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid IV. Md Akhir Hj Yaacob et. al (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yaakub, M. B. H., & Othman, K. 2009. Pengurusan Islam Pemangkin Ekonomi Ummat. Kongres Ekonomi Islam ke-3, 43-50.

Yaacob, H, Petra, S., & Sumardi, 2015, Accountability Through Accounting And Reporting Lenses Lessons From An Awqaf Institution in a Southeast Asia Country, Humanomics, vol 31, no.1, pp. 299-31.

Zakaria, M., Hassan, M. S., & Latiff, R. A. 2014. Pelaporan Wakaf Di Malaysia: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9), Terengganu, 17-19.

Zuryati, Z. A., Yusoff, M., & Azrae, A. N. 2009. Separate Legal Entity Under Syariah Law and Its Application on Islamic Banking in Malaysia: A note. International Journal of Banking and Finance, 6(2), 139-154.

## **GLOSARI**

*Ahliyyah* bermaksud keahlian atau kelayakan seseorang manusia.

*Ahliyyah al-Wujub* bermaksud kelayakan seseorang untuk menerima hak dan tanggungjawab padanya dari segi syarak.

*Ahliyyah al-Ada'* bermaksud kelayakan seseorang melakukan perbuatan yang diterima syarak.

*Al-An'am* merujuk kepada haiwan ternakan yang diwajibkan dikeluarkan zakat.

*Awlawiyat* bermaksud keutamaan, prioriti atau kepentingan.

*Common Law* merujuk kepada undang-undang sivil yang am yang umum diterima dan diguna pakai dalam bidang perundangan.

*Dhimmah* bermaksud tanggungan atau komitmen yang dipertanggungjawabkan.

*Dhimmah Mustaqillah* bermaksud tanggungan atau komitmen berasingan.

*Diniyyah* merujuk kepada aspek keagamaan seperti aspek akidah, ibadah dan akhlak.

*Diwan* merujuk kepada jawatankuasa institusi yang ditubuhkan oleh Khalifah Umar Al-Khattab dalam urusan pentadbirannya.

*Dunyawiyah* merujuk kepada aspek keduniaan yang tidak meliputi aspek akhirat.

*Fai'* bermaksud harta rampasan yang diperoleh umat Islam dari harta orang kafir tanpa melalui jalan peperangan.

*Ghanimah* bermaksud harta rampasan yang diperoleh umat Islam dari harta orang kafir melalui jalan peperangan.

*Gharar* bermaksud ketidaktentuan dan ketidak jelasan sesuatu transaksi.

*Hisbah* bermaksud pengawasan, penilaian dan semakan tugas dan akauntabiliti.

*Himayah* merujuk kepada konsep perlindungan yang diberikan seseorang yang mempunyai kelebihan kepada seseorang dengan tujuan untuk melindungi dan memelihara.

*Ikhtilat* bermaksud percampuran sesuatu dengan sesuatu yang lain.

*Islamisasi ilmu pengetahuan* merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam.

*Khultoh* merujuk kepada konsep percampuran sesuatu dengan sesuatu.

*Khultoh al-Shuyu* merujuk kepada percampuran antara sesuatu dengan sesuatu yang tidak dapat dibezakan setelah bercampur.

*Legal Person/Juristic Person* bermaksud pemberian hak dan tanggungan kepada bukan individu yang tertakluk di bawah undang-undang.

*Level of Tolerance* merujuk kepada metodologi pelaksanaan proses pemeriksaan Syariah bagi syarikat tersenarai di Bursa.

*Mainstream* bermaksud aliran kefahaman yang lazim diterima dalam masyarakat.

*Mawquf ‘Alaih* merujuk kepada pihak yang layak mengambil manfaat daripada harta wakaf yang merupakan salah satu rukun wakaf.

*Maqasid Syariah* bermaksud makna dan tujuan yang dikehendaki syara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia.

*Maysir* merujuk kepada sebarang aktiviti perjudian yang diharamkan dalam Islam.

*Mudarabah* merujuk kepada pengaturan kontrak perkongsian dalam keuntungan antara pemberi modal dan pengusaha.

*Mudarib* merujuk kepada pihak yang diberikan modal untuk diusahakan dalam kontrak mudarabah.

*Mukallaf* bermaksud orang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan dan perintah untuk menjalankan hukum tuntutan agama Islam serta menjauhi laranganNya atas dasar orang tersebut sudah mencapai usia dewasa dan mempunyai akal (akil baligh) serta telah sampai seruan agama (syariat Islam) kepadanya.

*Mutawalli* bermaksud pihak yang diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir wakaf.

*Qadhi* bermaksud hakim yang membuat keputusan berdasarkan syariat Islam.

*Qimar* merujuk kepada sebarang aktiviti pertaruhan yang diharamkan dalam Islam.

*Rabbul Mal* merujuk kepada pihak yang menyediakan modal untuk diusahakan dalam kontrak mudarabah.

*Riba* bermaksud sebarang pertambahan nilai yang disyaratkan ke atas pinjaman dalam pertukaran matawang dan pertukaran sesetengah barang dan diharamkan dalam Islam.

*Reputational Risk* merujuk kepada potensi publisiti negatif, persepsi awam atau peristiwa tidak terkawal yang memberi kesan buruk kepada reputasi syarikat.

*Rusyd* merujuk kepada sifat kebijaksanaan dan kepintaran.

*Sighah* bermaksud lafaz akad yang merupakan salah satu rukun yang mesti wujud pada sesuatu kontrak.

*Sharikah/Syirkah* merujuk kepada kontrak perkongsian dalam Islam.

*Syakhsiyah I'tibariyyah* bermaksud personaliti yang diiktibarkan kepada selain individu manusia.

*Taklif* bermaksud kewajipan dan perintah untuk menjalankan hukum tuntutan agama Islam serta menjauhi laranganNya atas dasar orang tersebut sudah mencapai usia dewasa dan mempunyai akal (akil baligh) serta telah sampai seruan agama (syariat Islam) kepadanya.

*Tasarruf* bermaksud tindakan untuk melaksanakan sesuatu.

*Thabit* bermaksud yang benar atau yang tetap dan terletak pada tempatnya.

*Thamrah* bermaksud buah-buahan atau hasil dapatan.

*Ulul Amri* bermaksud orang yang diberikan kuasa memerintah.

*Wakalah* bermaksud pelantikan satu pihak kepada pihak yang lain untuk mengendalikan urusannya.

*Walayah* bermaksud taraf pembahagian kawasan pemerintahan di dalam satu negara.

*Waqif* merujuk kepada pihak yang mewakafkan harta wakaf yang merupakan salah satu rukun wakaf.

## LAMPIRAN 1

### JADUAL PERINCIAN KERJA LAPANGAN YANG TELAH DILAKSANAKAN

Jadual A: Kutipan Data di MAIN Zon 1

Tarikh	Tujuan	Lokasi	Jumlah jam kutipan data
10-12 April 2019	Kutipan data objektif 1	MUIS	10 jam
2 Julai 2019	Kutipan data objektif 1	MAINS	8 jam 30 minit
18 Julai 2019	Kutipan data objektif 1	MAIS	6 jam 30 minit
19 Julai 2019	Kutipan data objektif 1	MAIM	5 jam 30 minit
24-25 Julai 2019	Kutipan data objektif 1	MAINJ	7 jam
<b>Jumlah jam</b>			<b>37 jam 30 minit</b>

Jadual B: Kutipan Data Bersama Panel Pakar Syariah

Tarikh	Tujuan	Lokasi	Jumlah jam kutipan data
16 Jan 2020	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>(1) Ustaz Dr. Luqman bin Abdullah</b> (Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) <b>(2) Ustaz Dr. Muhammad Ikhlas bin Rosele</b> (Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)	UM	1 jam 45 minit
4 Feb 2020	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>(3) Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah bt Engku Ali</b> (Professor di IIUM)	IiBF	1 jam 30 minit
19 Feb 2020	Kutipan data objektif 2 Pakar syariah: <b>(4) SS Dato' Dr. Anhar bin Opir</b> (Timb Mufti Selangor)	MAIS	2 jam
<b>Jumlah jam</b>			<b>5 jam 15 minit</b>

**PROFIL PANEL PAKAR SHARIAH YANG DIRUJUK:**

**1. USTAZ DR. LUQMAN HAJI ABDULLAH**

**Pendidikan**

- PhD, Edinburgh University, UK, 2005
- Bachelor Syariah (Hons), UM, 1993

**Kerjaya**

- Center For Development of Pondok Studies Ltd (Kelantan), Board Member, 2010
- Fakulti Pengurusan Muamalat Kolej Islam Antarabangsa Selangor, Advisory Committee, 2010 to 2010
- MAA Takaful, Member Of Shariah Committee, 2010 to 2014
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Panel Pakar Syariah, 2013 to 2016
- Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Member, 2013 to 2014
- Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Academic Advisor, 2014 to 2016
- Journal of Arts Science and Commerce, Editorial Board Member, 2014
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, Member for Syariah Advisory Council, 2015 to 2016
- Jurnal Fiqh, Editorial Board, UM 2016
- JAKIM, Committee of Experts, 2016 to 2018
- Amanah Raya Berhad, Advisory Advisory Council Syariah, 2016 to 2019
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Syariah Committee/Fatwa State, 2016 to 2017
- Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ Malaysia, Member of Shariah Committee, 2017 to 2017
- Council of Scholars/Fatwa for Kelantan Islamic Religious Council, Committee, 2017 to 2017
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Registered Syariah Advisor, 2017 to 2020

**2. USTAZ DR. MUHAMMAD IKHLAS BIN ROSELE**

**Pendidikan**

- Sekolah Rendah Kebangsaan Budu, Kampung Budu
- Sekolah Menengah Agama Al-Ulum Ad-Diniah, Raub, Pahang
- Kulliah Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang
- Asasi selama 2 tahun di Nilam Puri, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul), Universiti Malaya, 2012
- Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2016

**Kerjaya**

- Pensyarah Kanan di Universiti Malaya (Fiqh & Usul Fiqh)
- Ketua Kumpulan Kerja Pembelajaran Sepanjang Hayat, Dewan Siswazah MDN
- Jawatankuasa Pembentukan Kurikulum Pondok Perdana, Majlis Dakwah Negara

### **3. PROF. DR. ENGKU RABIAH ADAWIAH BT ENGKU ALI**

#### **Pendidikan**

- Doctor of Philosophy in Criminal Law, University of Aberdeen, 1998
- Masters Degree in Comparative Laws, International Islamic University Malaysia
- Bachelor Degree in Shariah, First Class Honours, International Islamic University Malaysia

#### **Kerjaya**

- Member of Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia
- Member of Shariah Advisory of Malaysian Securities Commision
- Member of Shariah Board of Labuan Financial Services Authority
- Member of Shariah Board of Amanah Ikhtiar Malaysia
- Shariah advisor for Danajamin
- Member of the Board of Directors in the Malaysian Institute of Islamic Understanding
- Member of the Disciplinary Committee for the Malaysian Bar Council
- Member of the Shari'ah Board to Khazanah in relation to two of its exchangeable sukuk that had been issued by Rafflesia Capital Ltd. and Cherating Capital Ltd.
- Professor at International Islamic University Malaysia

### **4. SAHIBUS SAMAHAH DATO' DR. ANHAR BIN OPIR**

#### **Pendidikan**

- Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah, Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir
- Ijazah Sarjana, Falsafah Islamiah Universiti Kaherah, Mesir
- Doktor falsafah (Ph.D) Fiqh Dan Usul di The World Islamic Science And Education University (WISE), Jordan

#### **Kerjaya**

- Pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Timbalan Mufti Selangor (2016-kini)
- Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Islam Malaysia Berhad

### LAMPIRAN 3

#### SENARAI KERANGKA PERUNDANGAN/PIAWAIAN YANG DIRUJUK

Bil.	Akta/undang-undang	Undang-undang Persekutuan/Negeri
1.	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan 1980)	Persekutuan
2.	Akta Syarikat 2016	Persekutuan
3.	Enakmen Badan-Badan Berkanun Sabah 1997	Negeri
4.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Negeri
5.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	Negeri
6.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Negeri
7.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Negeri
8.	Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004	Negeri
9.	Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998	Negeri
10.	Enakmen Zakat dan Fitrah 1993	Negeri
11.	Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015	Negeri
12.	Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005	Negeri
13.	Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005	Negeri
14.	Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri	Negeri
15.	Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf 2007 (2009)	Manual JAWHAR
16.	Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)	JANM
17.	Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)	MASB
18.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	MASB
19.	MASB Statement of Principles i-1 Financial Reporting from an Islamic Perspective (MASB SOPi)	MASB
20.	Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities 2014	IPSASB
21.	Statement of Recommended Practice (SORP) (revised 2005 & 2015)	Accounting Standards Board, UK
22.	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)	AAOIFI, Bahrain

**TRANSKRIP PENUH TEMU BUAL  
PANEL PAKAR SYARIAH**

**Transkrip Perbincangan Kumpulan Penyelidik UKM  
bersama Dr. Luqman dan Dr. Ikhlas**  
**Tarikh: 16 Januari 2020**

- Dr Fairuz: Kita cuba paham dan kita kena garap yang berkaitan dengan syariah ni, untuk masukkan dalam pembentukan accounting standard. Nampak lebih teknikal, tapi ianya real berlaku dekat dunia perniagaan. Jadi kalau Dr Azlina boleh teruskan.
- Dr Azlina: Ok. Assalamualaikum wbt. Kalau kita lihat dalam syarikat ni, sekarang ni dari segi pengaruh kalau ada orang lain ataupun syarikat lain yang mengawal. Sekarang kita sedang melihat macam tulah. Kita ada contohnya syarikat A ada pengaruh atas syarikat B, kita nak tentukan bagaimana pengaruh syarikat A ke atas syarikat B. So secara umumnya, kita ada 3 jenis kawalan, yang pertama ni memang kita panggil kawalan. Makna kalau kawalan tu, mengawal keputusan operasi dan keputusan kewangan. Itu jenis yang pertama. Yang kedua, pengaruh kita dalam syarikat ni boleh dalam bentuk kita kata, dimana kita mempunyai pengaruh yang signifikan. Kalau pengaruh yang signifikan ni maksudnya, kita ambil bahagian je. Yang membezakan dengan yang pertama tadi, bila kawal means banyak keputusan kita mempunyai final say ataupun kita boleh sekatlah orang daripada melakukan sesuatu tu, maksudnya kawalan. Yang kedua, sama-sam ambil bahagian so kita panggil itu pengaruh yang signifikan. Yang kawalan yang jenis ketiga, sorry pengaruh yang jenis ketiga, kita panggil kawalan bersama. Kalau kawalan bersama bermakna, kalau ni syarikat A ni syarikat B dan kita ada satu lagi syarikat C, jadi A dan C sama-sama mengawal B, sebab keputusan perlu persetujuan kedua-dua pihak.
- Dr Luqman: Antara tiga tu?
- Dr Azlina: Ah, jadi kita nak tentukan apa pengaruh dalam ini tadi, kita ada A, kita ada C. Jadi A dan C ni dua-dua kena setuju untuk sebarang keputusan la. Untuk control. Jadi sekarang ni kita tengah kaji jenis pengaruh di dalam syarikat.
- Dr Fairuz: Jadi berbalik kepada tu Ust, kalau Ust boleh ceritakan dari segi konsep atau dasarnya syarikat mengikut syariah tu bagaimana? Dan konsep kawalan tu, bagaimana mengikut syariah?
- Dr Luqman: Terima kasih, dia macamnni. Dalam fiqh kita ni, satunya dia ada dipanggil syakhsiyah. Syakhsiyah Maknawiyah. Maknanya satu entiti yang terbentuk dan dia mempunyai satu tanggungjawab tertentu. Kalau di dalam Jinayah, dipanggil Masuliyyah Jinaiyyah, dia yang buat jenayah dia yang ada apa-apa, nak denda nak punish, maka dia layak untuk di'punish'. Ini panggil Masuliyyah Jinaiyyah. Jadi kalau macam kita kata, sebab dia syarikat ni dia satu entiti bawah undang-undang kan, jadi undang-undang yang meletakkan dia yang mempunyai control ataupun mempunyau kuasa ke atas apa-apa yang lain. Sebab dia tu telah di'legalised' oleh undang-undang. Tapi dari segi macam kita kata, hukum syarak. Hukum syarak dia letak kepada individu. Dia tidak letak atas institusi. Sebab itu timbul isu macam kita kata zakat balik, macam kita bincang dulu. Kalau kita nak kenakan zakat ke atas syarikat, jadi syarikat ni dia ada shareholders dia, shareholder dah dapat bahagian income dia, dia bayar zakat lah sebagai shareholder. Yang syarikat tu pulak, kena juga atas legal entiti. Itu yang debate tak habis-habis. Sampai sekarang tentang itulah. Ada pro kontra lah.
- Jadi bagi yang kontra, seperti Syed Ramadan Al-Buti, ada paper dia lah, Almarhum. Dr Wahbah Zuhaili juga. Almarhum. Dia tak setuju konsep Legal Entiti ni. Maknanya bagi dia, sapa yang tanggung dosa dan sapa yang tanggung pahala. Mesti manusia. Syarikat tidak tanggung. Maka Legal Entiti ni satu benda yang tidak boleh kita libatkan (sabitkan) dalam apa-apa kesalahan. Jadi dia kena kita tentukan dulu, adakah konsep Legal Entiti ini diterima dalam kita punya kajian. Jadi kalau kita dah terima yang Legal Entiti tu sebagai satu yang diterima dari segi syaraknya, baru kita boleh mula pergi pada yang selepas itulah.
- Jadi kalau bagi macam Yusof Al-Qardhawi, Ali Qurrah Dawi, yang masyhur yang kemudiannya, dia setuju dia terima. Rafiq Misri contohnya, dia terima konsep Legal Entiti. Makna Legal Entiti dia juga wajib zakat, kerana dia tu sebagai syarikat. Dia jugak boleh terima apa-apa tanggungan. Jadi macam dia qiaskan dengan macam dalam fiqh kita cerita tentang bayar zakat ternakan. Zakat ternakan kalau lembu kan, ada 20 ekor kalau kambing, 40 ekor baru kena zakat. Jadi dua orang ini. Sorang ada 20 ekor, jadi dia 'combine' sekali. Dia 'combine' sekali jadi cukup 40. Maka dengan 40 tu dia wajib zakat. Dia panggi Zakatul Kholtah. Jadi Kholtah dalam perbincangan tu dikembangkan oleh para ulama' yang terima pandangan Legal Entiti sebagai satu yang diterima dalam syarak. Jadi bila dah terima tu, daripada situ dia akan follow semua lah, kuasa 'control', kuasa semua yang dibincangkan tadi, bermula daripada kita terima dulu konsep sebagai sebuah Legal Entiti tu, kita terima dalam hukum syarak dalam hukum fiqh.
- Dr Norida: Kalau dalam mazhab syafie' ?
- Dr Luqman: Dia, perbincangan tentang permasalahan ini memang tiada langsung tentang Legal Entiti.

Tidak ada. Jadi macam perbincangan ulama semasa, dia qiasakan. Kebanyakan dia pergi kepada yang zakat ternakan tadi. Sama jugak macam dia pergi macam contoh institusi wakaf. Wakaf sebagai satu institusi, jadi kita deal tu sebagai institusi wakaf. Kita tak deal dengan orang. Jadi itupon adalah satu gambaran kepada konsep Legal Entiti yang ada di dalam Islam. So dia qias daripada yang itulah. Tapi pihak yang tak terima tu, dia sebab dia lihat dari sudut dosa pahala tu siapa tanggung. Takkun institusi masuk syurga masuk neraka.

Dr Norida:

Dr Luqman:

Dr Norida:

Dr Luqman:

Jadi perbincangan tentang Legal Entiti memang tiada langsung.

Takda langsung. Legal Entiti takda langsung. Jadi bila takda langsung pasal Legal Entiti itu, dia pergi kepada isu individu lah. Individu yang bertanggungjawab.

Jadi takdalah entiti yang mengawal entiti.

Takda. Takda. So maknanya kalau timbul sebarang isu, isu dia isu manusia tu. Tapi dalam konsep Legal Entiti, dia pisah. Dia dah pisahkan antara manusia dengan Entiti. Sebab dalam konsep undang-undang macamtu. Tapi dari segi praktikal sekarang ni, macam syarikat tak bayar zakat, kalau dari prektisnya sekarang ni, kebanyakannya sudah terima konsep Legal Entiti. Cuma saya study tentang ..

(Dr Ikhlas masuk)

Jadi kalau kita tengok kepada fatwa-fatwa yang dah ada sekarang ni, masih belum ada lagi fatwa yang keluar yang menyatakan secara jelas Legal Entiti tu wajib bayar zakat. Masih belum ada kan? Masih belum ada.

Ok. So apa yang berlaku sekarang ni, syarikat tu secara volunteerly, sukarela bayar zakat syarikat atas asas namanya syarikat. Ini beza daripada shareholder tulah. Beza. Shareholder tu asing. Jadi fatwa tu masih belum ada di Malaysia. Tapi penerimaan itu sudah berjalan la. Macam bank bayar zakat lah. Tabung Haji pun bayar zakat. Atas asas tu la semua tu.

Dr Norida:

Jadi sekiranya kita berpegang pada satu pandangan yang terima. Kawalan dari segi entiti. So dari segi syariah, ada tak definisi tertentu tentang kawalan? Sejauhmana? Kalau macam dalam ‘accounting’ ia bermaksud ia mengawal keputusan kewangan dan operasi. Adakah boleh diterima?

Hisbah.

Dr Ikhlas:

Dr Luqman:

Ni bukan isu hisbah ni, isu maknanya kuasa antara syarikat-syarikat yang berbeza 3 pihak ke 2 pihak untuk nak kawal sesuatu syarikat yang lain. Dari segi dalam 3 keadaan tadi tu kan. Kawalan kepada operasi, kawalan kepada kewangan.

Dr Azlina:

Bila kita bercakap tentang kawalan, kita bercakap tentang kawalan dalam operasi dan kewangan. Kawalan untuk buat keputusan. Jadi pengaruh syarikat dalam syarikat lain. Dari segi jenis macamana ianya mempengaruhi syarikat lain.

Satu, ialah dimana dia ada kuasa kawalan. Kuasa kawalan tu dia macam majority shareholders ni dia ada kuasa kawalan la. Kedua, yang ada pengaruh signifikan. Maksudnya boleh ambil bahagian je dia tak kawal. Dia boleh ambil bahagian dalam pembuatan keputusan operasi dan keputusan kewangan. Yang ketiga, dipanggil kawalan bersama. Bermakna kalau kawalan bersama ni, syarikat A dan syarikat B, sama-sama mengawal syarikat C. Jadi, untuk sebarang keputusan, dua-dua A dengan B ni perlu bersetuju. Barulah boleh diteruskan. So kita nak tanya itulah, 3 konsep ni dari segi syariah.

Dr Luqman:

Ulum Amri lah. Dia maknanya sekarang ni, itu yang ana sebut balik pada isu Legal Entiti tu. Bila kita terima Legal Entiti, maknanya isu kawalan tadi, sebab dia sekarang ni, saya tengok macam ni.

Sesuatu perkara itu apabila dia telah di’impose’ oleh Ulul Amri. Oleh pemerintah. Oleh kerajaan. Maka dengan sendiri, dia mempunyai kuasa dan diterima dari segi hukum syaraknya. Sebab dalil *Waa’tu ulul amri minkum*. Sebab dalam sistem negara ni, asas utama kepada siasah syari’yyah ni ialah kelurusan, keharmonian. Itu maqasidnya pada pemerintah ni kan. Keharmonian keadilan kelurusan urusan semua tu. Apa-apa polisi untuk mencapai ke arah Maqasid Syariah tu, dibenarkan la.

Jadi bila kita terima, syarikat tu sebagai satu Legal Entiti, maka sebarang undang-undang yang diwujudkan untuk mengurus Legal Entiti itu tadi maka itu dia dibenarkan selain daripada, maknanya kalau dia bertentangan dengan hukum syarak mencuri ke apa, itu kita tak bincang kita tak cerita lah kan. Tapi selagi dia tidak bertentangan dengan hukum syarak maka boleh diterima dalam fiqh.

Dr Norida:

Maksud kawalan itu sendiri. Boleh tak kita terima definisi akaun untuk kawalan yang kawalan tu bermasud kita kawal keputusan kewangan, kita kawal keputusan operasi dia?

Dr Luqman:

Dia kalau macam kita kata, syarikat A ni dia nak control syarikat B, dan control yang dia

boleh control ini kerana dia telah diberi kuasa perundangan. Undang-undang telah memberi dia kuasa autoriti ataupun power kita panggil untuk dia control syarikat satu lagi. Jadi dengan undang-undang yang dia ada itu, maka dia boleh untuk menguasai syarikat yang lain, yang dalam framework undang-undang yang dibenarkan bagi dialah. Sebab dia mesti ada dia punya syarat-syarat dan limitasi dia. Jadi kalau within that framework, maka dia boleh lah, takda masalah. Mengikut legal framework yang dibenarkan dari segi undang-undang. Ni saya rasa dia masuk dalam ni kot, dalam any act ke apa. Pasal control tu.

Dr Azlina: Dia termasuk dalam piawaian. Tetapi akta lain yang mewajibkan untuk kita patuh pada piawaian tu. Maksudnya piawaian itu secara dia sendiri itu tak kena patuh, tapi akta yang akan peruntukkan laporan kewangan kena bagi ikut piawaian.

Dr Luqman: Sebab dia macam sekarang ni la. Sekarang ni pasal Accounting Insurance sekarang ni, dia kita ada insurance, kita ada takaful. Sekarang ni dia wujudkan Malaysia Financial Report, sistem yang MFR 17 dia panggil. Jadi dia nak satukan accounting yang takaful dengan insurans biasa. Jadi dia nak minta pandangan semua shariah advisor. Dah 3 kali bincang. Nampak shariah advisor tak berapa setuju untuk satukan. Sebab dia kata takaful tu sama nature takaful dan polisi insurans. Jadi bila nature tu sama jadi macam accounting tu mesti sama macam insurans. Jadi ada 2 pro kontra lah.

Ada yang pro mengatakan okay sebab the matter of accounting sahaja. Jadi asal pada takaful tu tak berubah. Masih guna wakalah masih guna ujrah semua tu. Tapi bagi yang kontra, sebab dia melihat kepada tidak ada perbezaan accounting antara takaful dengan insurans, jadi apa beza lagi takaful dengan insurans kalau disatukan.

Jadi maknanya, isu dari sudut kalau sekiranya asas kepada perkara itu tak berubah, tidak merungkaikan asas pada yang kita bincang tentang Legal Entity dan penggunaan semua tadi, maka dia tidak ada masalah lah.

Dr Norida: Jadi dalam proses kita nak membangunkan standard, bagi definisi-definisi ini, kalau definisi kawalan mengikut perakaunan konvensional ni, kitakekalkanlah kalau definisi konvensional tu bermaksud kawalan dari segi kewangan dan operasi. Lagi, yang..

Dr Luqman: Cumanya dari segi maksud kawalan, macam kita katakan, sejauh mana kawalan tu? Macam kita kata syarikat A, dia nak control syarikat B. Control ni dari segi accounting kan? Bukannya control operasi tu kan?

Dr Norida: Dia masuk. Masuk.

Dr Luqman: Apa dia, apa bentuk yang dia boleh control tu? Sejauh mana?

Dr Ikhlas: Contohnya MAINS itu bukan lagi satu badan yang bertindak sendiri tetapi badan yang dikawal oleh 2 badan yang dilantik. Macam mana tu?

Dr Norida: Dalam kes ni, MAINS dia ada anak syarikat. Jadi MAINS boleh mengawal dari segi kewangan dari segi operasi.

Dr Ikhlas: Ok, anak syarikat ni maksudnya macam Pusat Zakat. Contoh.

Dr Norida: Antaranya lah.

Dr Ikhlas: Jadi MAINS sebagai pengawal yang mengawal akaun pusat zakat.

Dr Norida: Jadi dalam standard kita ni, apabila dia ada entity yang boleh dikawal, dia kena melaporkan. Mensatukan akaun entiti tu dengan akaun dia.

Dr Ikhlas: Maknanya PPZ akan menyatukan akaunnya dengan MAINS. Ok.

Dr Luqman: Sebab dia antara anak syarikat la? Bukannya syarikat yang asing. Maknanya antara satu company la, macam kita kata MAINS dia ada satu anak syarikat. Satu kumpulan.

Dr Luqman: Jadi, takda masalah. Sebab dia, itulah sebab kuasa undang-undang dah ada pada dia.

Dr Ikhlas: Kuasa pemerintah.

Dr Fairuz: Lanjutan daripada itu, bila kita kata dia dibolehkan dan tidak bertentangan dengan hukum syariah, syarikat yang bagaimana pulak..

Dr Ikhlas: Yang boleh mengawal?

Dr Fairuz: Bukan, kalau kita kata yang bahagian induk tu mungkin takda masalah sebab kita bercakap bagi pihak majlis agama islam. Kan. Tetapi majlis agama islam itu, boleh mengawal syarikat yang satu lagi itu, apa sifat dia, nature dia, perniagaan dia, roots dia, bapak kepada syarikat itu siapa. Islam membenarkan, syariah membenarkan sehingga bagaimana? Saya rasa ustaz boleh paham ya.

Dr Luqman: Masih dalam linkungan kumpulan lah? Maknanya syarikat yang dibawah satu group lah?

Dr Fairuz: Ya. Ya. Contoh saya bagi contoh. Okay katalah kita kata ada majlis agama islam, kemudian dia bekerjasama dengan satu entity yang lain, entity yang kedua itu. Ataupun, Entiti itu bukan dalam kumpulan tadi?

Dr Luqman: Belum lagi. Belum lagi. Maknanya dia mungkin kita kata melabur dalam satu syarikat yang satu lagi, ataupun, daripada dia bekerjsama sama dengan syarikat yang satu lagi, mungkin wujudkan satu syarikat lain.

Jadi persoalannya ialah sejauhmana syariah membenarkan kerjasama? Apa sifat kerjasama

- yang dibenarkan? Contohnya kita kata, bolehkah syarikat satu lagi itu ialah Genting?  
Dr Luqman: Oh okay. Okay.  
Dr Ikhlas: Contohnya. Contohnya MAINS bekerjasama dengan bank menubuhkan Ar-rahnu (pusat pajak gadai).
- Dr Fairuz: Aah lebih kurang macam tu kan. Sebab kita begini macam dari segi halal haram, boleh harus.  
Dr Luqman: So maknanya lebih kepada aktiviti bisnes itu mesti aktiviti bisnes yang patuh syariah baru dia boleh buat kerjasama. Kalau kita balik kepada accounting Islamic punya tu, kena aktiviti yang patuh syariah.
- Dr Norida: Kalau dalam yang kita bagi tu, di bawah yang ketiga tu, pengaturan bersama. Dia ada joint venture dengan syarikat yang tadi tulah.
- Dr Ikhlas: Jadi maknanya kita membenarkan dia mengawal selia, tapi masih lagi meletakkan syarat-syarat. Maknanya syarikat yang dia bekerjasama tu, mestilah yang patuh syariah. Pastu syarikat yang ditubuhkan itu adalah yang naturenya adalah masih lagi dalam urusniaga syariah.
- Dr Norida: Kalau macam, katalah syarikat yang bekerjasama tu, dia cakap printing je, operasi dia memang takda masalah. Tapi dia punya induk tu, induk tu adalah yang meragukan. Macam mana tu?
- Dr Fairuz: Sebab contoh kita katakan, kepala kita kalau kita kata Genting Berhad tu judi. Genting. Kumpulan Genting kan. Tapi di bawah kumpulan Genting itu, dia ada banyak syarikat. Bukan? Dia ada shipping, dia ada Genting Sayang yang bawak keluar kertas tu. Bukan? Jadi sejauhmana. Maknanya, kalau kata majlis ni bekerjasama dengan syarikat yang ok dari segi operasi dia, tapi dia di'own by' yang tu.
- Dr Luqman: Dia kalau dalam banking, dalam bank, dia ambil kira dari segi reputasi. Reputational risk. Risiko reputasi tu ada, dia tak ambil. Imej. Maknanya kalau dia involve macam bank, macam yang saya cakap tadilah. Dia akan pikir walaupun anak syarikat Genting, tapi dari segi reputasi syariah macam mana? Reputasi bank yang declare sebagai sebuah patuh syariah. Ada isu tak reputasi? Ada kesan tak dari segi reputasi? Kalau ada kesan dia takkan ambil.
- Dr Fairuz: Itu menarik Ust. Makna kalau kata kita pertimbangkan isu reputasi, dekat mana kita nak pegang?
- Dr Luqman: Dia begini. Dia bawah macam kita punya isu akhlak. Nama baik kena jaga, kita punya muruah. Muruah seseorang tu kena jaga. Macam bila ulama' dia senaraikan adab-adab qadi. Qadi ni dia tak boleh makan dekat kedai kopitiam. Kita takpa. Takda masalah. Tapi untuk seorang qadi, makan kedai kopitiam tepi jalan, itu satu yang dianggap sebagai mencemarkan dia punya muruah sebagai qadi. Apatah lagi kalau qadi besar. Jadi macam dulu jugak, tok guru kita kan, mazhab syafie dulu tak boleh tak pakai kopitiam. Kalau bagi ulama'. Sebab dah mencemarkan muruah. Zaman dululah. Tapi sekarang dia dah takda isu lepas tu kan. Sebab tu kalau di Kelantan, kalau kita tak pakai kopitiam sesetengah tempat tak boleh. Diorang tengok. Jadi islam dia suruh jaga. Muruah seseorang tu perlu dijaga. Nama baik.
- Cuma kita nak bertindik kat mana?
- Dr Luqman: Kalau kita kata dalilnya, macam hadis nabi yang sebut mengenai apa tu, tak ingat reputasi. Boleh kita bekalkan kemudian tak?
- Dr Fairuz: Boleh. Boleh ust. Sebab apa ini suatu input yang sangat penting sebab..
- Dr Luqman: Tambah-tambah kalau MAINS kan, dia jaga harta orang Islam, kalau itu lagi-lagi kena jaga dia punya reputasi itu. Reputational risk dia panggil.
- Dr Ikhlas: Banyak jugak sebenarnya, hadis yang cerita secara langsung dengan tak langsung.
- Dr Luqman: Tentang akhlak la. Adab.
- Dr Norida: Jadi takda masalah untuk nak kerjasama dengan yang bukan Islam kan? Kalau syarikat tu..
- Dr Luqman: Dia takda masalah. Dia tengok apa aktiviti je. Sebab dia tengok apa aktiviti bisnes tu yang halal yang patuh syariah takda riba.
- Dr Norida: Dan muruah la lagi satu.
- Dr Luqman: Dan kena jaga muruah la. Reputasi kita panggil. Macam dia nak finance sebuah kompleks, jadi kompleks ni, kompleks ni orang sewa macam-macam. Ada yang buat mungkin judi dalam kompleks, itu apa semua kan. Jadi kalau kita bincang dari sudut satu kompleks tu, bank Islam nak finance, maka dia takda masalah. Sebab itu hanya satu kompleks yang dalam. Ada yang tu jual sayur, tapi ada yang satu slot tu jual judi. Di buat judi situ. Kalau kita tengok dari segi balik pada peraturan yang dibuat oleh SC, Security Commission, dia akan letak berapa percent, yang keseluruhan tu, berapa percent. Kalau bawah daripada 5 percent, maka dibenarkan. Sebab dilihat dengan sedikitnya itu, tidak ada sebarang implikasi kepada keseluruhan finance tu. Maka bank tetap gitulah. Jadi kalau percentage tu sedikit yang tidak ada kesan kepada reputasi dia, maka dia akan ambil. Tapi kalau ada masalah daripada segi reputasi, dia tak akan finance. Kompleks itu. Jadi isu dia isu nama baik lah. Nama baik kepada institusi. Yang itu penting.
- Dr Norida: Entity yang nak bekerjasama ni, dia memang kena ada kontrak. Sejauhmana kontrak itu, dalam syariah la maksudnya apa kandungannya?
- Dr Ikhlas: Kontrak kerjasama antara orang Islam dengan orang bukan Islam ke macam mana?

- Dr Norida: Aah, dan jugak mungkin dengan apa-apa entity lah samada especially yang bukan islam?
- Dr Luqman: Kontrak ni sebab di macamni, dia kontrak ni akan lihat kepada setiap, macam apa kontrak yang nak buat, mungkin boleh berkait dengan sewa beli, berkait dengan jual beli, berkait dengan mudharabah ke, atau musyarakah ke apa semua ni, dia tengok pada bentuk kontrak tu. Melihat kepada aktiviti
- Dr Ikhlas: Makna contohnya aktiviti. Aktiviti apa yang nak buat. Kalau pelaburan maknanya dia kena follow pelaburan yang dibenarkan oleh hukum syarak la. Jadi itu kontrak dia kena patuh dalam kontrak yang macam tulah. Cumanya dia tidak ada isu agama, takda isu sebab dia melibatkan muamalat. Dia bukan ibadat kan. Bukan ada isu agama. Muamalat takda masalah lah.
- Dr Norida: Yang kita cakap kat sini ni, yang kerjasama tu ada dua jenis. Satu untuk operasi bersama, satu lagi dipanggil joint venture. Joint venture ni kita tubuhkan satu entity lain pula.
- Dr Luqman: So yang ini, dia kan balik kepada tadi lah. Balik kepada maknanya dia dah ada kuasa untuk, sebagai sebuah legal entity lah. Takda masalah. Cuma saya duk cari hadis ni, bila ditulis kot melayu ni, bila kita google kot arab tak keluar nak cari. Saya cuba dok translate kepada Arab tak keluar. Kalau ada text asal yang Arab, whatssap lepas ni pon takpa. Boleh saya verify balik.
- Dr Norida: Nak minta tolong Dr verify kan. Boleh pakai ke tak.
- Dr Luqman: Aah, sebab bila tengok sanad ni, dia sebut sanad ni dhoif kerana mursal semua tu, perbincangan panjang jugak tu. Sebab mursal pon, bukan semua mursal tak boleh buat beramal.
- Dr Norida: Mursal tu?
- Dr Luqman: Mursal ni hadis yang terputus sahabat. Dia daripada Tabiin terus dengan Rasulullah. Takda sahabat. Mursal Sahabi.
- Dr Norida: Tapi tak semua yang..
- Dr Luqman: Aah mursal sahabi kalau mursal tu sayyid ibn musayyid diterima, takda masalah. So nak tengok kategori mursal, lagu mana.
- Pn Ainol: So macam ust, maksudnya ada kategori tak? Macam kafir harbi kena tau just bukan Islam je..
- Dr Luqman: Kalau kafir harbi dia ada isu. Sebab kita tidak dibenarkan bermuamalah dengan kafir harbi. Kafir harbi ni sebab, dari segi prektis pon memang tak boleh. Sebab kita tengah dok perang dengan dia. Nak muamalah macamana kan. Kafir harbi yang ada sekarang ni Israel je. Sebab dia (yang dalam Malaysia) diterima dalam perlumbaan, pendaftaran semua ada. Kalau kafir harbi ni dia dalam kontrak war. Tengah perang dan dia lawan kita. Tu kafir harbi. Satu-satunya yang confirm sekarang ni, Israel la.
- Anis: Kalau yang kafir sekarang ni kafir zimmi kan?
- Dr Luqman: Zimmi la kita letak. Ataupun mua'had atau pun mustakmin.
- Cik Azizah: Ada banyak lagi ye?
- Dr Luqman: Ada. Banyak. Dia kafir harbi, mua'had, mustakmin, zimmi.
- Dr Ikhlas: Cuma dalam perbahasan feqah lama tu, dia lain sikit la kategori tu nak bandingkan dengan sekarang ni.
- Dr Norida: Kalau apa yang kita senaraikan ni, dia macam ada 2 pandangan, jadi tulah nak minta semakkan, yang sat utu membenarkan kita bekerjasama dengan yang bukan islam kan, jika jual belinya di tangan orang Islam. Yang satu lagi yang kedua, Ibnu Abbas tu dia kata tak boleh, sebab mereka melakukan riba.
- Dr Luqman: Itulah. Nak cari konteks hadis tu. Nak cari konteks hadis. Sebab kalau dalam kes riba ni memang dah tak boleh, bila melibatkan jual beli dengan riba, antara muslim pun memang tak boleh. Bukannya dengan non-muslim saja kan.
- Dr Norida: Katalah yang modal buat pinjaman dengan bank yang ni kan, yang tak patuh syariah.
- Dr Luqman: Ok oh modal dia tu?
- Aah.
- Dr Norida: Dia kalau sekiranya 100% modal tu mari daripada situ, memang tak boleh. Tak boleh. Dalam banking pun kalau kita bincang. Maknanya kita tahu 100%, kita buat bisnes dengan dia dan kita tahu bahwasanya 100% daripada duit yang belah dia tu, 100% mari daripada yang riba', konvensional, tak boleh.
- Dr Luqman: Tak boleh ya?
- Dr Norida: Tak boleh. Tak boleh kita teruskan. Kalau dia bercampur takpa. Maknanya dia syubbah. Sebab kita tahu sumber tu mari daripada pelbagai. Sumber daripada pelbagai, kemudian dia guna tu, kita tak tahu, kita tak pasti nak bezakan daripada sumber mana yang mari tu. Yang tu takda masalah. Tapi kalau dia dah bagitahu dah yang untuk projek ni kita akan ambik daripada yang konvensional, itu dah confirm lah tak boleh buat kerjasama. Macamtu.
- Dr Fairuz: Cuma setakat mana, kita harus menyiasat. Sampai ke level mana?
- Dr Luqman: Haa okay. Haa. Kita tidak wajib. Tidak wajib kita siasat sumber tu daripada mana. Bukan, bukan urusan kita.
- Dr Ikhlas: Zohir.

- Dr Luqman: Kita pakai yang zohir.  
 Dr Norida: Zohir tu macamana?  
 Dr Luqman: Zohir tu maksudnya, kalau kita tak tahu daripada sumber mana.  
 Dr Norida: Pastu kita pukul zohir jelah?  
 Dr Luqman: Tapi kalau tiba-tiba ada macam dia bagitahu. Biasa syarikat ni sumber kan. Sumber pendapatan ke apa itu.. channel ke mana pulak.  
 Dr Fairuz: Perkara ini penting untuk dimasukkan sebagai material kita kan. Jadi sampai setakat mana..  
 Dr Norida: So kita jelas tahu  
 Dr Hairun: Mana kita nak rujuk tadi?  
 Dr Luqman: Ada nanti saya bagi.  
 Dr Hairun: Sebagai garis panduan la.  
 Dr Luqman: Resolusi bank negara ada. Resolusi majlis penasihat syariah dia. Saya bagi. Ada.  
 Dr Norida: Jadi kalau ikut saya paham tadi, kita nak bekerjasama satu kena tengok aktiviti dia, satu nak jaga muruah tu, satu lagi tengok dia punya modal.  
 Dr Luqman: Modal. Aah. Saya tanda ya, takut tak ingat. Nanti bagi ya, teks yang arab tu. Nak google tak jumpa.  
 Anis: Aah.  
 Dr Luqman: Kemudian tentang sumber ya. Sumber. Sumber tentang modal.. Tak perlu siasat.  
 Dr Hairun: Setakat ni majlis agama islam diorang takda satu garis panduan. Ini pun tanya beberapa negeri la. Garis panduan majlis agama nak mengadakan usaha sama. Mereka pun takda satu garis panduan. Mungkin dia putuskan mengikut case by case. Macamana tu?  
 Dr Luqman: Sebab kalau macam bank kan, bank islam. Katakan bank islam tu, Genting dia mari nak bukan akaun dengan bank islam. Jadi Genting dan bank islam,, dia kena tengok dari sudut tadiyah. Satu reputasi dia. Reputasi. Sekali pun kalau yang mari tu dia mungkin yang bawah syarikat, yang takda kaitan dengan tu tapi dia ada reputasi kepada dia. Dari segi hukum takda masalah sebab dia bukannya berkait dengan menjual yang Genting tu kan. Dia tengok reputasi kat situ. Kemudian yang kedua, kalau betul dia mari daripada Genting yang pure, dia x bagi. Tak benarkan buka. Tapi kalau individu pergi, bukannya Genting tapi individu. Tapi dia kerja dengan Genting. Individu yang kerja dengan Genting, dia nak buka akaun itu, bank Islam benarkan, sebab sumber dia tu mungkin bukan daripada Genting saja. Sumber dia mungkin dia ada bisnes lain ke, so bukannya dia 100 percent. Dan dia tak bagi boring nak study suruh tick dari mana, dia berhenti setakat tu ja. So dibenarkan.  
 Sebab dia tidak wajib usul. Istilah dia.  
 Dr Ikhlas: Yang ada hadis nabi tulah. Yang daging sedeqah. Jadi tulah. Nabi kan tak makan sedeqah. Pastu sahabat dapat sedeqah. Sahabat dapat daging sedeqah tu. Kalaulah daging sedeqah tu, nabi tak boleh makan la kan. Tapi, ketika mana sahabat masak tu, dia bagi nabi tu, dia kata ini saya apa tu, jamu la. Jamu la, hibah la. Kan. Sekarang beza la. Tadi sedeqah, dia dapat atas dasar sedeqah. Tapi dia bagi pada nabi tu atas dasar hibah. Jadi berubah sifat. Walaupun daging yang sama. Berubah sifat kontrak tu, maka berubah lah sifat zat tu, hukum tu. Menyebabkan status tu, nabi pun boleh makan daging tu. Sama juga dengan orang dari Genting tu. Duit tu mari dari Genting, tapi dia simpan atas dasar wadiah ke atau adalah, dia berkait dengan isu tu.  
 Pn Ainol: Kita balik pada soalan Dr Hairun tadi, yang pasal tu, Ust rasa wajar tak untuk ada garis panduan? Syarat-syarat bekerjasama?  
 Dr Luqman: Aah wajar. Kena ada. Dapat bagi kepada majlis agama macam tulah.  
 Pn Ainol: Bank pun ada?  
 Dr Luqman: Bank ada tapi dia, saya rasa kalau. Sebab kalau bank, ada SOC. SOC majlis penasihat syariah bank negara tu lah. Dan jugak kita pegang kepada dia panggil apa nama ni, procedure ... yang bank negara buat tu. Polisi dokumen dia panggil. So kita akan ambil tu daripada situ lah. Saya rasa mungkin sebahagian tu dah ada kot. Dah ada boleh ambik. Boleh rujuk lah.  
 Pn Ainol: Apa dia resolusi apa?  
 Dr Luqman: Resolusi bank negara. Dia bentuk dia macamni. Saya ambik.  
 Dr Fairuz: Mungkin boleh dijadikan panduan.  
 Dr Norida: Daripada segi pengaruh, pengaruh yang signifikan ada tak dalam syarak. Macamana dikatakan seseorang itu dikatakan mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas entity yang lain?  
 Dr Fairuz: Cumanya kita kena bagitahu ust. Pengaruh yang signifikan dalam akaun.  
 Dr Ikhlas: Aah, apa maksudnya?  
 Dr Norida: Dia boleh mengambil bahagian dalam mengambil bahagian dalam membuat keputusan dan juga dalam pembinaan polisi kewangan dan operasi.  
 Dr Ikhlas: Dia sebenar, kalau dalam Islam ni, yang mempunyai, yang dapat pengaruh signifikan ni, yang secara automatic kita panggil, dia konsep walayah je. Konsep pewalian.  
 Dr Luqman: Yang ni yang bank negara dia bawak keluarlah. So kita akan rujuk sini. Banyaklah dari segi operasi tu. Dari segi kontraknya gapo dio.  
 Dr Fairuz: Dari mana kita boleh cari dapat?

- Dr Luqman: Kalau ni dari bank negara.  
 Dr Fairuz: Bank negara. Oh maknanya dia jual lah?  
 Dr Luqman: Ya. Jual jual. Boleh beli. Kalau di ISRA pon ada kot. Di ISRA, belakang ni. Di library dia, mungkin ada kedai buku atau koperasi ke.
- Dr Ikhlas: Ustaz, berbalik tadi. Pengaruh signifikan. Maknanya sejauhmana seorang itu boleh memberi pengaruh signifikan dalam membuat keputusan. Kita sebenarnya dalam Islam ni dia pergi konsep walayah lah. Tapi konsep walayah dia tak merangkumi semua. Dia hanya merangkumi ahli keluarga, itu sahaja.
- Dr Norida: Dalam perniagaan takda?
- Dr Ikhlas: Pernigaan tidak. Dia terbuka lah sebenarnya.
- Dr Luqman: Significant influence ya dipanggil?
- Dr Ikhlas: Dia itu yang kita akan balik juga kepada apa yang diputuskan pemerintah. Apa yang pemerintah merasakan baik. Macamnya, dia macam apabila seseorang itu tiada wali contoh la kan, jadi pemerintah dia akan diambil untuk menjadi wali hakim kepada dia. Jadi dia akan balik kepada pemerintah. Jadi dalam mana-mana akaun ke apa ke, dia dah takda sistem tu maknanya dia akan rujuk kepada pemerintah, dan pemerintah akan letak kuasa.
- Dr Luqman: Bagi kuasa.
- Dr Ikhlas: Jadi kuasa itulah yang akan memberi pengaruh signifikan kepada orang lain.
- Dr Norida: Maknanya dalam Islam, mesti ada pada yang bagi kuasa tu.
- Dr Luqman: Autoriti. Autoriti daripada pemerintah yang bagi. Dia macam wali hakim tadi lah. Wali hakim tu bergerak atas dasar autoriti oleh pemerintah lah.
- Dr Norida: Kalau dalam akaun ni, dia kata orang tu dia terlibat dalam membuat apa, dia mengambil bahagian dalam pembuatan keputusan. Macam nak buat polisi.
- Dr Luqman: Aah. Autoriti tu dia dapat daripada mesyuarat agung ke. Sebab kalau macam dalam syarikat kan dia ada mesyuarat agung kan. Autoriti. Jadi dia dalam mesyuarat agung tu, dia dapat autoriti daripada mesyuarat agung lah. Dan dia ada kuasa lah untuk dia buat apa. Kuasa diberikan oleh mesyuarat lah.
- Dr Norida: Maknanya kalau dalam standard dah kata orang yang ada pengaruh signifikan begini begini.
- Dr Luqman: Aah. Itu diterima lah.
- Dr Ikhlas: Dia sebenarnya undang-undang. Yang akta-akta semua ni adalah mewakili pemerintah sebenarnya. Selagi mana kita jaga.
- Dr Luqman: Macam ada projek kitorang sekarang ni, sekarang ni kita target keizinan perubatan (medical consent). Pening kepala juga tu. Orang tu sakit..
- Dr Hairun: Dengan keluarga pun boleh direct terus ke hospital.
- Dr Luqman: Haah. Nak buat keputusan. Dia dah tak berapa sedar dah. Sapa nak buat keputusan pada dia daripada segi perubatan. Sebab kalau dalam perubatan dia melibatkan kos. Sapa. Suami ataupun isteri. Ataupun kalau ikut wali sebenar, ayah dia ataupun anak laki dia atau atuk dia kan. Tapi sekarang ni orang sakit tu yang paling rapat dengan dia tu, isteri dia lah. Isteri dia ataupun mak dia jaga. Ataupun dia dah habis dengan segala orang tingal dia dengan seorang tu hamba Allah tu dia duduk jaga tu kan. Haa itu kami pun baru ni pening jugak la. Pastu baru ni ada Muhammad Zuhaili, adik kepada Wahbah Zuhaili umur 70 lebih, dia mari. Tanya dia, itu yang dia bagitahu, pemerintah ada campur tangan pada ketika itu. Pemerintah yang bagi kuasa sapa yang boleh menentukan, pakai yang itulah. Dia tak terpakai dah sistem walayah. Ayah, atuk, anak, cucu, anak sedara, pak sedara. Sebab dia bukan nak bernikah, dia bukannya nak beroleh harta apa. Bukan isu harta. Dia isu nyawa. Keputusan nak buat perubatan. Itu salah satu yang diambil kiralah. Pandangan dia.
- Dr Norida: Dalam syarikat takda yang walayah kan?
- Dr Luqman: Syarikat takda lah. Pemerintah lah. Akta lah.
- Dr Norida: Dia induk. Induk pada anak syarikat.
- Cik Azizah: Macam ada je.
- Dr Luqman: Sebab itu kaedah fuqaha yang sebut, tasoruful imam manutu bil maslahah itu sangat signifikan dalam konteks bernegara ya. Konteks pengurusan. Termasuk syarikat. Tasoruful imam manutu bil maslahah kan. Tasoruf, urusan itu dia diikat dengan maslahah. Bila ada maslahah, itulah tasoruf imam, pemerintah.
- Dr Ikhlas: Macam dalam bab zakat, ada jugak. Bila apa tu, amil kan tugas dia kutip zakat kan. Dengan agih zakat. Tapi dalam bab pertanian, pemerintah dia berhak untuk mentaksir. Melakukan pentaksiran kepada sumber-sumber. Jadi balik-balik dia pada pemerintah juga. Macam pentaksiran tu, macam accounting kita, kita taksir sumber masuk semua tu.
- Dr Luqman: Dia dengan zakat ni, pemerintah boleh taksir sebelum masak tu. Kalau masak beras tu berapa gantang beras tu, tamar tu. Dia taksir la, walaupun tak buah lagi. Dia taksir. So taksir itu wajib ikutlah. Walaupun tak timbang lagi.
- Cik Azizah: Estimation.
- Dr Luqman: Estimation. Estimation.
- Cik Azizah: Asalkan boleh dapat jumlah yang munasabah.
- Dr Ikhlas: Aah munasabah. Dia tolaklah. Dia tolak berapa peratus. Kemungkinan yang buruk.

- Dr Luqman: Kemungkinan buah tak jadi apa semua.  
 Dr Fairuz: Jadi kalau macam tu, konsep hedging tu, dibenarkan lah.  
 Dr Luqman: Hedging hrm hedging. Sebab tu diperkenalkan Islamic Hedging tu. Dia tak boleh 100% per se hedging yang konvensional tu kan. Sebab ada yang melibatkan beberapa kontrak, dia kena ubah. Menarik sebenarnya ni. Sapa bawak idea asal ni?  
 Dr Hairun: Ni pasal kita sekarang dah di fasa 4. Sekarang cerita pasal syarikat-syarikat lah.  
 Dr Ikhlas: Oh projek yang sama?  
 Dr Fairuz: Projek yang sama.  
 Dr Hairun: Dia yang dulu punya cerita ni, ni dah dikira ending. Syarikat. Hubungan antara syarikat..  
 Dr Luqman: Ni besar pahala dia ni. Sumbangan jariah. Dah siap dapat jadi panduan kepada majlis.  
 Dr Fairuz: Sebab kita asalnya bermula tu, bila mantan menteri kewangan kita kedua tu, Dato' Seri Husni wakil Malaysia ke OIC. Jadi OIC countries ni dia melihat Malaysia terkehadapan dalam Islamic Banking and Financing Instrument. Malaysia dengan Bahrain. Jauh. Tapi bila sampai kepada Accounting and Reporting dia takda pilihan. Balik kepada yang konvensional. Jadi bila standard yang konvensional ni, ada yang, bukan semua, tapi ada yang bertentangan dengan syariah. Ada yang konvensional tak cover. So OIC ni, bagitahu menteri kewangan kita why don't Malaysia take a lead? Wujudkan Islamic Accounting Standard, then mereka akan follow berdasarkan kepada mazhab mereka lah.
- Dr Ikhlas: Dia ubah sikit-sikit lah.  
 Dr Fairuz: Haa kan. Tengok mazhab mana dan sebagainya kan. So menteri kewangan balik dan sekarang ni dah fasa yang ke-4 kan, daripada yang dulu.  
 Dr Luqman: Projek ni dah berapa tahun sebenarnya?  
 Dr Fairuz: 4 tahun.  
 Dr Luqman: Oh 4 tahun dah. Tahun akhir la ni?  
 Dr Hairun: Aah 4. Dah masuk yang ke-5 dah.  
 Dr Fairuz: Tahun ke-5.  
 Dr Luqman: Sekejap je berasa.  
 Dr Hairun: Dia macam kalau kami nak tulis, kerangka teori kan. Cerita pasal syarikat. Adakah kita nak tengok yang kami tengok, wujud kontrak-kontrak syirkah yang kami..  
 Dr Ikhlas: Ahh mudhorabah, murobahah..  
 Dr Hairun: Tapi bila tengok dari segi sudut lain, macam Ulul Amri.. sebab macam takda direction bila nak menulis.  
 Dr Luqman: Aah kena masuk tu. Sebab kalau yang mudhorabah musyarakah tu dia kontrak. Aktiviti.  
 Dr Hairun: Aah macam syirkah inan, wujuh, mufawadah.  
 Dr Luqman: Aah. Aah. Semua tu syarikat tu. Syarikat abdan. Syarikat inan.  
 Dr Ikhlas: Itu ada 5 dalam feqah. Sebab tu dalam buku, kalau bukak buku yang sekarang ni, tambah lagi. Jadi banyak lagi. 47;50  
 Dr Luqman: Tapi dia tidak dapat tidak kena pergi jugak pada yang ulul amri semua tu sebab syarikat ni dia dapat legal entity atas perundangan daripada kerajaan.  
 Dr Hairun: Maknanya kita mulakan dengan cerita legal entity dan ulul amri. Maknanya kalau ustaz cadangkan dimana tu kita nak rujuk?  
 Dr Fairuz: Ada tak buku rujukan?  
 Dr Luqman: Kalau yang arab ada tapi  
 Dr Hairun: Arab takpa ustaz, kita ada RA.  
 Dr Luqman: Sebab dalam .. tesis ada satu chapter mengenai legal entity tu. Tesis phd dia.  
 Dr Ikhlas: Boleh akses. UM. Kalau tak boleh whatssap la. Nanti kita cuba.  
 Dr Hairun: Pasal legal entity ni dalam feqh ada ust ya?  
 Dr Luqman: Ada. Ada. Nanti kita bincang.  
 Dr Hairun: Pasal kita perlukan rujukan-rujukan, kitab yang asal.  
 Dr Luqman: Rasa satu yang boleh bagi yang tulah salah satu. Tesis, bab 2 bab 3. Kemudian artikel kami tu mungkin sebab tak publish lagi kena review.  
 Dr Hairun: Ada kitab utama yang betul-betul mayshur?  
 Dr Luqman: Kalau yang arab saya boleh bagi yang Qurah Daghi ada satu artikel. Dia Qurrah Daghi ni dia bbrp jilid dia punya ensiklopedia. Ensiklopedia ekonomi islam dia tu. Ada satu bab tu ada bincang mengenai legal entity tu, syakhsiyah maknawiyyah. Nanti saya bagi. Sapa boleh?  
 Dr Hairun: Takpa nnt bagi dia tajuk.  
 Dr Luqman: Aah, nanti saya snap balik. Takut tak ingat. Banyak benda janji ni.  
 Dr Hairun: Pasal kita nak defend benda ni. Sebab kita perlu defend dengan akauntan negara. Pertama cari dalil lah dulu kan. Kita nak bawak buku-buku, kitab-kitab. Yang semasa lah.  
 Dr Luqman: Kalau boleh bawak kepada benda ni lagi bagus, muzakarah fatwa kebangsaan. Defend dan bentang dengan diorang. Boleh dapat feedback. Sebab dia berkumpul ramai pakar kat situ kan?  
 Dr Hairun: Melalui jabatan akauntan negara.  
 Dr Luqman: Minta nak bentang kat muzakarah kebangsaan.  
 Dr Hairun: Makna kena buat paper la.

- Dr Luqman: Aah, buat paper.  
 Dr Fairuz: Jadi ustaz ada laluan tak?  
 Dr Luqman: Boleh-boleh. Icut JAKIM. Sebab biasa dia masuk ikut panel syariah. Sebab saya dekat situ. Lepas tu baru dia bawa ke muzakarah fatwa kebangsaan. Jadi kalau boleh masuk ikut situ lagi baguslah.
- Dr Hairun: Muzakarah tu dia tak semestinya perkara ibadah?  
 Dr Luqman: Eh tak-tak. Dia semua.  
 Dr Norida: Lagi satu dalam isu ni, kalau dia ada joint venture ke join operation. Dia ada hak keatas asset, yang ni yang joint operation. Hak atas asset, hak atas entiti. Jadi kalau dalam islam dari segi hak dia tu, tuntutan dia, adakah ke atas asset dan liability?
- Dr Luqman: Dia bila kita terima tadi, balik kepada tadi. Bila kita terima konsep legal entity tu, semua sekali la. Sebab dia apa ni, pengiktirafan kepada sesuatu sebagai yang sah dari segi syarak, maka dia akan follow. All yang diterima dalam regulation tu, diterima sekali la. Itu je konsep dia. Prinsipnya macam tu lah. Cuma dari segi accounting ni, dari segi klasifikasi asset dengan liability tu pun, dia ada banyak school of thought jugak. Macam baru ni saya ada terlibat dengan preference share dengan satu syarikat. Preference share ni dia isu sebab share tu dia nak accumulative atau non-cumulative. Jadi dia isu kalau dia accumulative. Kalau non-cumulative tiada masalah dari hukum syarak la.
- Dr Norida: Yang dah lepas.  
 Dr Luqman: Aah. Dia rugi pon, tahun tu dia kena bayar. Yang accumulate tu dia tak boleh. Mesti non-cumulative. Itu satulah. Kalau yang kedua, share yang kita masuk itu, dia duduk belah ekuiti ke belah liability? Aset ke liability? Kalau dia masuk bawah ekuiti ni, maka dia akan treat ikut hukum hakam mudhorabah atau musyarakah. Tapi kalau dia letak bawah liability, maka dia kena ikut hukum hakam al-qard la. Dia ada kesan la dari segi klasifikasi tu. Nak letak bawah mana tu. Pasal hukum ada lah. Cuma dari segi balik kepada hak tadi, takda masalah. Cuma nak kena pastikan hukum mana nak pakai la nanti. Bila kita klasifikasikan dalam accounting macam tu.
- Dr Norida: Apa beza hukum ekuiti dengan liability?  
 Dr Luqman: Kalau ekuiti ni sebab dia sebagai musyarakah, maknanya dia ada hak. Hak mengundi, hak sebagai2. Tapi kalau dalam liability, itu dah anggap sebagai hutang, sebab dia kena bayar balik kan. Syarikat tu memang kena bayar balik. Tanggungan dia, memang kena bagi. Maka hukum hakam hutang la. Memang kena bagi.
- Dr Norida: Macam zakat pula, MAIS bayar zakat.  
 Dr Luqman: Aah. Aah. MAIS dia letak kat mana?  
 Dr Luqman: Ekuiti.
- Dr Luqman: Ekuiti eh? Dia tak letak bawah liability?  
 Dr Norida: Itulah ustaz. Itu pun ada masalah. Kita dah present tapi kebanyakan tak terima.  
 Dr Ikhlas: Dia anggap sebagai asset dia.  
 Dr Hairun: Sebab dia nak menggambarkan prestasi.  
 Dr Luqman: Itulah isu.  
 Dr Norida: Jadi macamana nak buat tu? Boleh ke bawakan dalam muzakarah?  
 Dr Luqman: Boleh  
 Dr Norida: Dia berkait dengan enakmen. Mereka kata, sebab enakmen kata zakat tu hasil. Maknanya nak ikut enakmen tu.
- Dr Luqman: Padahal dia ada tanggungjawab untuk nak agihkan. Untuk nak keluar balik. Dia perspektif.  
 Dr Fairuz: Maknanya bila kumpulan kami menganggap dia sebagai liability, jadi macam Dr Norida kata, ada kumpulan, dia begini practitioners ni mereka bekerja di majlis agama islam, latar blkg mereka, macam saya ni which is Accounting Conventional. Ilmu alat. Bukan ilmu asas. Kebetulnya bekerja di majlis agama Islam. Jadi dalam macam agama islam, dia berdasarkan kepada prestasi, prestasi untuk ambil pekerja misalnya, prestasi kenaikan pangkat. Jadi maknanya, bila prestasi itu diukur dengan jumlah hasil, dan hasil yang paling banyak itu datang daripada zakat, dan kalau kita mencadangkan zakat itu bukan hasil tapi liability, akan dia akan reflect kepada prestasi entity itu sendiri. Jadi maknanya berlaku penentangan bukan disebabkan oleh perkara substance yang kita kata zakat bukan hak kamu, kamu hanya sebagai pemegang amanah. Dia tak pergi ke situ dia pergi kepada satu benda yang lain iaitu prestasi entity. Itu yang pertama. Kemudian ialah, argument mereka itu nampak valid kerana berdasarkan kepada enakmen. Enakmen mentaksirkan bahawa zakat itu adalah hasil. Jadi bila kita kata zakat itu ialah liability, jadi kita kata dalam Islam begini, tapi dia tidak disokong oleh enakmen. Cuma persoalan lagi satu ialah kita kata enakmen itu dibentuk, bukan oleh orang accounting. Hasil itu secara literal secara bahasanya, zakat iut dikatakan hasil. Tapi itu bukan Bahasa accounting. Itu termaktub. Itu yang kedua. Yang ketika wujud argument antara mazhab syafie dengan mazhab maliki. Dia kata dari segi parameter itu, keluasan untuk menentukan siapa penerima zakat itu, kita tahun penerima zakat daripada 8 asnaf. Tapi dalam menentukan siapa yang dalam 8 asnaf itu, parameter itu, bagi dia adalah, ada hak kepada majlis. Jadi dia kata, kalau ikut kepada parameter, ikut mazhab syafie itu nampak seperti

- liability, tapi kita mengikut hanbali itu ia adalah.. Hanafi, Hanafi ialah ekuiti..  
Dr Ikhlas:  
Maksudnya?
- Maksudnya masih ada hak untuk nak menentukan siapa. Dia jadi macam ekuiti jugak lah.  
Puan Ainol:  
Kalau kita balik kepada ruh, falsafah atau substance kepada zakat ni. Dia amil kan. Amil dia punya tanggungjawab ialah mengagihkan itu memang tanggungjawab dia. Untuk mengagihkan. Dan dia tak boleh simpan. Tak boleh simpan. Jadi daripada mula dia bertugas sebagai amil, itulah dia punya nature dia. Jadi kalau naturenya begitu, itu satu liability bagi dia. Dan satu lagi, itu bukan duit dia pun. Dia dapat sebagai transit saja. So dia dapat 1/8 jelah sebagai upah dia. Jadi ruhnya memang ruh liability bukan ekuiti.
- Dr Fairuz:  
Boleh bawa kepada majlis muzakarah tu.
- Cuma saya nak tanya dari segi bukan orang accounting la, klasifikasi itu kesannya apa dia. Makna kita katakan, ekuiti itu ubah kepada liability atau pun kesan undang-undang accounting.
- Dr Fairuz:  
Liabiliti tu yang hutang. Bila hutang dia kena bayar. Makna bukan hak dia. Kalau ekuiti tu secara umumnya ialah hak.
- Dr Luqman:  
Maknanya kalau tak bayar pun takpa?
- Aah. Itu hak dia.
- Puan Ainol:  
Itu yang dia boleh guna macam-macam tu.
- Dr Ikhlas:  
Kalau itu yang undang-undangnya memang salahlah duduk bawah ekuiti. Dia bukan a matter of semata2 klasifikasi dari segi accounting nak persembahkan sistem sebab dari segi asas undang-undang dah kata begitu. Bila dia duduk bawah ekuiti, itu dikira hak dia, itu dah salah dah.
- Dr Luqman:  
Itulah so daripada argument ni hak nak menentukan siapa yang akan menerima tu.
- Puan Ainol:  
Tapi dia hak itu dia masih lagi hak sebagai pemegang amanah. Dia diberi amanah. Dia macam wasii. Orang yang menerima amanah pemegang wasiat kan. Jadi dia bukan pemilik barang tu, tapi masa kawan tu mewasiatkan kamu pilih nak bagi tu kat sapa sapa. So dia dah ada kuasa untuk pilih. Tapi still benda tu tak mengubah dia sebagai pemilik. Dia kena bagi juga. Tak mengubah.
- Dr Luqman:  
Ada satut argument sebab dia kata memang dia asingkan ikut kumpulan wang. Jadi nama je hasil tapi dia tahu yang itu hak kena agihkan mengikut kumpulan wang. Dia tak bercampur pun dengan duit-duit lain.
- Dr Norida:  
Jadi letak liability senang. Dah begitu naturenya.
- Dr Luqman:  
Jadi cadangannya kita nak buat macamana?
- Dr Hairun:  
Banyak orang syariah, dia kata uruf. Urufnya mmg dah berlaku macam tu. Dia tak mengubah substance
- Dr Luqman:  
Ya betullah, dia tak mengubah substance
- Dr Hairun:  
Dia kata nama, tak penting.
- Dr Luqman:  
Jadi kalau kita pergi ke situ, sampai bila-bila takkan ada orang bawa keluar satu standard Islamic Accounting. Sampai bila-bila begitulah. Tak keluar yang nak buat tadi.
- Dr Hairun:  
Itu yang perlu legal entity tu tadi. Jadi majlis akan beri pandangan, sebab majlis nampak berat kepada nak mengatakan itu liabiliti.
- Dr Luqman:  
Satu benda besar la. Itulah isu dia kan.
- Pn Ainol:  
Sama ke ustaz dengan tax. Sebab dia kata konsep ni macam konsep cukai dengan zakat dia kata. Sebab tax kita jadikan dia hasil kan. Anggap zakat tu macam tax jugak.
- Dr Luqman:  
Dia hasil dalam negeri kan?
- Dr Ikhlas:  
Aah. Kalau cukai yang dibayar daripada negeri kan? Adakah sama dengan zakat yang dikutip kepada majlis?
- Dr Norida:  
.... Majlis diberi kuasa untuk mengutip dan mengagih
- Dr Luqman:  
Dia maknanya dari segi penjenamaan la. Nak jenamakan dia sebagai liability atau pun asset kan? Jadi substance nya masih sama. Itu jelah. Oleh kerana substance masih sama, mereka kata takda isu. Tapi kalau kita nak balik betul kepada ruh falsafah amil itu hanya sebagai seorang pemegang amanah, yang diamanahkan untuk mengagihkan zakat itu, maka dia bertentangan daripada segi falsafah. Falsafah amil.
- Dr Fairuz:  
Cuma argument kami yang berkaitan samada cukai dengan zakat itu, kami berpendapat benda itu nampak sama, nampak serupa tapi tak sama. Pasal kalau kita kata zaakat itu maknanya telah ditentukan, ini adalah 8 kumpulan asnaf. Tidak boleh ada 9 atau 10. Tapi utk cukai, itu hak pemerintah. Itu hak dia. Maknanya nak buat apapon, tak nak agih pun nak belanja pada siapa ke, terpulang. Jadi sebab itu bermakna cukai itu adalah hasil, ekuiti. Zakat itu adalah liability.
- Dr Luqman:  
Betul betul. Saya rasa itu valid point.
- Dr Fairuz:  
Tapi masalah tu, point itu valid kat sini sahaja.
- Dr Norida:  
Jadi dalam nak membentuk standard tu, pandangan itu tidak diambil la.
- Dr Fairuz:  
Tapi kami rasa ini sangat kritikal sebab apabila dia jadi standard dia mandatory. Dia bukan macam kita kata yang bank negara keluarkan panduan tu, yang tu bukan mandatory. Yang tu cuma garis panduan. Tapi kalau standard dia mandatory. Jadi bila standard itu keluar itu

- adalah hasil, maka dia adalah hasil semua.
- Dr Ikhlas: Jadi dia boleh buat apa-apa. Itu kesan.
- Dr Luqman: Kesan besar.
- Dr Ikhlas: Jadi kita tak boleh dakwa dari sudut akaun la, sebab tengok dalam akaun..
- Dr Luqman: Hanya semata-mata nak lihat pada prestasi. Dia perspektif konvensional. Banyak juga tu nak tembus. Nak tembus barrier perspective dia.
- Dr Fairuz: Dia tamau tengok sebab zakat ni banyak. Bila banyak dia duduk dekat bahagian hutang jadi dia nampak hutang. Benda tu yang mereka tak nak.
- Dr Luqman: Sebab dia baca dari perspektif konvensional la.
- Dr Norida: Tak pun kalau nak ambil tengah-tengah, ekuiti terhad tu la. Ekuiti tapi tak boleh jadi hak dia.
- Dr Luqman: Oh ada? Dalam accounting ada yang tu?
- Dr Norida: Boleh wujudkan.
- Cik Azizah: Kena wujudkan. Restricted equity.
- Dr Luqman: Oh restricted equity dia panggil eh. Boleh buat camtu? Boleh masuk dalam standard?
- Cik Azizah: Tak maksudnya boleh cadangkan.
- Dr Luqman: Oh boleh cadangkanlah. Tak tak kalau dari segi ilmu accounting dia boleh buat camtu eh?
- Dr Norida: Maknanya dia terhad untuk agihlah. Maknanya dia dapat tu bukan hak dia seluruhnya. Sekejap je.
- Dr Azlina: Kalau kita bercakap dengan akauntan, akauntan majlis, dia bukan paham. Dia paham benda tu, yang dia nampak benda tu, yang tak agih tu ekuiti. Kerisauan tu nanti sebab diikat dengan nak dapat bajet, prestasi. Tu yang risau tu.
- Dr Luqman: Oh payah jugak tu kalau nak ubah macam tu ya. Pasal kita tulah, nak bangunkan standard kan. Susah nak selesai.
- Dr Azlina: Dia kena shift la sebenarnya, sebab nanti ada penyata agihan dan kutipan. Jadi shift, tengok kepada prestasi kita punya pengagihan tu la, instead tengok kepada hasil. So berbanding bergantung kepada hasil. Just shift tengok pada tu. Tapi nak mengubah..
- Dr Luqman: Enakmen kena tukar tu. Term hasil tu kena tukar. Tukar tu selesai la.
- Dr Fairuz: Tapi nak tukar tu, mengambil masa yang sangat panjang lagi la tu.
- Dr Luqman: Tukar kat dun jelah dulu.
- Dr Norida: Kat Raja-raja.
- Dr Luqman: Dia dibentangkan di dun la. Pinda draf. Tukar. Bentang dalam dun. Raja sign. Selesai.
- Dr Norida: Aah.
- Dr Luqman: Biasa pun pinda-pinda enakmen ni, tahun sekian-sekian la kan.
- Dr Azlina: Tapia ada cadangkan, adakan satu penyata tambahan, penyata kutipan dan agihan. Untuk prestasi.
- Dr Luqman: Ahh untuk penyata prestasi tu. Untuk lihat kat situ.
- Dr Fairuz: Sebab argumen kita ialah sebagai sebuah entity di bawah kerajaan bukan diukur berkaitan dengan untung, rugi kat bawah tu, sebab kita service by nature. Kalau syarikat maknanya akhir sekali dalam penyata untung rugi tu maknanya berapa banyak untung, berapa banyak rugi. Jadi bermakna dia masuk sebagai hasil itu, hasil dia tu penting la. Tapi sebagai service oriented, kalau nak buat penyata untung rugi, rugi selalu la. Jadi maknanya penyata prestasi itu, bukanlah melihat kepada angka untung atau rugi tadi. Maka kalau itu diterima pakai, maka isu zakat sebagai hasil tak timbul lah. Sebab sekarang ni orang cuma duk fokus, prestasi itu kena tengok berapa banyak duit.
- Dr Luqman: Ini ada kaitan dengan penswastaan ke, bila diswastakan institusi zakat ni? Mungkin ada kaitan. Sebab swasta dia tengok dari segi tu la kan?
- Dr Norida: Tu dah lain la pulak. Macam dari segi pendedahan banyak yang fasa kali ni pasal pendedahan. Bagaimana nak dedahkan dalam laporan kewangan. Jadi kita senaraikan last page tu, apa prinsip maklumat yang kita perlu tunjuk. Yang dipercayai, tidak mengelirukan, tidak menimbulkan fitnah. Apa lagi yang boleh tambah?
- Dr Azlina: Berkaitan dengan bajet.
- Dr Luqman: Yang nombor 7 tu ke?
- Dr Fairuz: Nombor 6.
- Dr Ikhlas: Pendedahan ni maksudnya?
- Dr Norida: Kita nak laporkan kepada orang-orang. Disclosure.
- Dr Luqman: Pendedahan menyebabkan ancaman kepada institusi islam.
- Dr Ikhlas: Jadi apabila mendedahkan tu, imej institusi islam tercemar.
- Dr Norida: Dia tak nilah, menjaga muruah tu.
- Dr Luqman: Menjaga nama baik. Nama baik.
- Puan Ainol: Ataupun orang kafir tahu kekuatan ke.. Berapa accumulated ke..
- Dr Luqman: Takpa kot. Itu.. itu isu siasah pemerintah masa tu. Dari segi kita nak buatkan standard, itu lain. Tapi dari segi, ada masa mungkin itu tak perlu didisclose maka tak perlu disclose. Itu polisi semasa masa tulah. Keperluan masa tulah. Tapi dari segi nak bangunkan standard itu tak ada masalah.
- Dr Fairuz: Ada masalah ustaz. Sebab standard.

- Dr Ikhlas: Kalau standard dia mengikat ya?
- Dr Fairuz: Kalau standard itu maknanya dia mengikat. Standard itu dia mengikat. Dia bukan garis panduan. Garis panduan boleh nak ikut tak ikut kan.
- Puan Ainol: Ada negeri yang takda masalah tapi ada negeri yang ada isu ni. Contohlah
- Dr Fairuz: Dia contoh macam ni. Kadang-kadang maklumat yang kita kata.. Kita bergerak kepada transparan. Kita bergerak kepada transparan. Takda benda yang kita nak sembunyikan. Kalau kata negara Malaysia ada berapa banyak kereta kebal, kapal terbang apa, ni rahsia negara. Takda maknanya kita pergi mana-mana, berapa biji semua orang tahu. Jadi maklumat kewangan ni kita kata kita gerak kepada transparan. Cuma kita nak tengok pandangan islam berdasar pada syariah ni macamana. Sebab ada negeri-negeri yang tak bersetuju sebab mungkin mereka ada alasan lain seperti strategi misalnya Sarawak. Maknanya Islam tu minority tapi yang minority tu lah yang memerintah. Kan? Dan mereka tak mahu disclose lah maknanya berapa banyak duit yang mereka ada. Aktiviti dakwah tu dekat mana.. Berapa ramai satu-satu kawasan yang telah convert. Faktor-faktor begitu. Dan begitu juga misalnya kita kata Johor. Dia tak mahu because dia kata kalau dia dedah nanti bawa ke dewan undangan negeri, walaupun dekat johor yang bukan beragama Islam tidak boleh berdebat berkaitan apa yang dibentang oleh majlis agama Islam. Tapi still kena bawaklah. Jadi tak mahu dedah. Kalau tidak nanti orang tahu berapa banyak duit, kerisauan dan macam-macam la kan.
- Dr Ikhlas: Tapi daripada kerisauan tu pulak, sebenarnya menimbulkan satu negatif side juga. Apabila majlis tidak telus dalam.
- Dr Luqman: Hrm dilihat begitu pulak kan.
- Dr Norida: Jadi prinsip ketelusan akan mengatasi.
- Dr Ikhlas: Akan mengatasi la. Dia macam isu baru-baru ni, apabilah serangan terhadap institusi tabung haji la. Itu antara isu bila tak disclose la.
- Dr Norida: Sebab dalam standard dia ada cadang sampai maklumat bajet pun, kita kena disclosekan. Jadi maksudnya bajet yang sebenar yang bila tengok penyata boleh compare, setiap kali. Mengikut kat mana yang dia dah, apa yang dia dah belanjakan.
- Dr Luqman: Oh accounting standard macam tu.
- Dr Fairuz: Itu dalam cadangan, sebab
- Dr Luqman: Kuasa undang-undang dia tu makna wajib. Kalau boleh jadi standard.
- Dr Fairuz: Sebab kita kata bahawa ini ialah duit yang kita kutip daripada orang ramai. Majlis sebagai pemegang amanah. Jadi bermakna orang ramai patut tahu. Dia buat bajet, ini jumlah yang dia akan belanjakan. Buat bajet. Dia kena bentang. Lepas tu samada tercapai atau tidak, in realnya kena tunjuk sama bajet dengan real. Kan? Kalau wujud varience dia tak capai contohnya. Dia kena justify.
- Dr Ikhlas: Kenapa tak capai.
- Dr Fairuz: Kenapa tak capai. Jadi maknanya dia akan mengurangkan “kenapa banyak-banyak kutip tak bagi orang miskin”, “collection banyak lagi” kan? Sebab apa, bukan majlis tu buat tak betul, tapi kurangnya maklumat yang disampaikan. Jadi begitu. Jadi standard ni nak mengurangkan benda-benda yang macam tulah.
- Dr Norida: Tapi macam tulah, dia ada 2 pihak la kat situ. Maknanya kalau .. sangat nanti boleh menimbulkan tulah macam tadi, ancaman. Jadi sejauh mana. Yang mana lebih mengatasi?
- Dr Ikhlas: Sebab atasnya fleksibiliti tu. Tapi
- Dr Luqman: Dia ikut pada situasi.
- Dr Norida: Ataupun kita boleh cakap, ni under kerajaan negeri
- Dr Ikhlas: Boleh ke ada clause bahawa
- Dr Fairuz: Standard yang dicadangkan ini hanya membenarkan fleksibiliti pada fatwa.
- Dr Luqman: Hrm payah jugak tu nak
- Dr Norida: Prinsip dia telus tapi kalau ada tu nanti, boleh ke camtu?
- Dr Luqman: Dah bukan standard dah tu. Payah jugak tu.
- Dr Norida: Jadi, setuju tak kalau standard kata ada pendedahan maklumat bajet.
- Dr Luqman: Tapi yang sepatutnya macam tu. Yang princile macam tu. Prinsip tu. Tapi, bila, ialah saya rasa dalam semua keadaan apa ni, prinsip dengan pelaksanaan tu akan tengok pada situasi semasa. Macam kerajaan pun, prinsip macam tentera. Daripada segi prinsip pun, rakyat perlu tahu. Berapa kekuatan kita ada. Prinsipnya macam tu, tapi dari segi pelaksanaannya, kerajaan kena tengok jugak, kalau boleh mendedahkan kepada ancaman kepada negara apa semua, baik tak payah dedahkan. Tapi in principal, rakyat bayar cukai. Rakyat kena tahu. Mana pergi duit tu. Mungkin sebab macam tu tapi still dari segi pengurusan, prinsip tadi kena tengok pulak mudharoh kan, kemudaratian. Sebab tu timbul kaedah menjauhkan kemudharatan lebih aula daripada mendapat kemaslahatan. Jadi kalau prinsip tadi, bagi pendedahan tadi satu kemaslahatan. Tapi bila dia bertentangan dengan kemudharatan kita perlu dahulukan menolak kemudharatan jadi itu prinsip dia. Macam tulah.
- Dr Norida: Maksudnya kalau dari segi prinsip yang kita nak atur ni, tidak mendatangkan kemudharatan.
- Dr Luqman: Mungkin, boleh-boleh. Tidak mendatangkan kemudharatan kepada institusi.

- Puan Ainol: Oh mencegah kemudharatan itu lebih aula?  
Dr Luqman: Ya. Dari manfaat.  
Dr Fairuz: Itu kita boleh letak, maknanya prinsipnya begitu, tapi dari segi implementasi akhirnya orang akan kata, mudarat la yang itu. Sebab itu kami tak nak.  
Dr Luqman: Aah dia akan guna term tu.  
Dr Luqman: Sebab itu memang tak mahu dedah.  
Dr Norida: Tak apalah. Bagi judgement kepada majlis tu sendiri lah. Kalau dia rasa lebih mudarat, dia tak dedahkan.  
Dr Luqman: Kalau rasa lebih mudarat, dia tak dedahkan.  
Dr Ikhlas: Yang tinggal cuma isu disclose je kan. Tapi standard accounting yang kita cadangkan dia mesti ikut. Cuma bab yang disclose je, dia bagi option? Boleh ke?  
Dr Luqman: Boleh ke begitu?  
Dr Azlina: Tak kita boleh kata digalakkan la. Instead of ni, kita kata digalakkan. What accounting standard usually do, is instead diwajibkan, digalakkan. Pendedahan yang digalakkan.  
Dr Ikhlas: Tapi pendedahan yang dimaksudkan, adakah pendedahan.. Sebab pendedahan pada kita orang yang terlibat. Contohnya researcher kan, researcher nak buat kajian tak boleh sebab tak boleh disclose yang inila. Ataupun pendedahan ni maksudnya apa, ataupun boleh je pendedahan ni bersifat internal atau  
Dr Norida: Yang kita bincang ni, untuk luaran la.  
Dr Ikhlas: Ooo.  
Dr Luqman: Makna macam laporan tahunan, di public kan.  
Dr Fairuz: Cumanya bila kita prinsip pendedahan yang kita masukkan dulu, kita letakkan kepada hajiyyah, tafsiniyyah semua tu. Kita kategori kepada itu. Maksudnya persoalannya, dekat mana bajet ini kita nak letak. Samada kepada dhoruriyyah, kemudian kepada tafsiniyyah ke ataupun kepada hajiyyah ke.  
Dr Luqman: Sebab dia kalau kita letak ke tafsiniyyat contoh, dia tak letak pun tak apa. Cuma dari segi penjenamaan, dhoruriyyat, hajiyyat, tafsiniyyat itu, adakah itu term yang sesuai dalam accounting?  
Dr Norida: Dia ikut pada situasi juga. Ada masa dia jadi dhoruriyyah  
Dr Luqman: Maknanya kita nak kelompok. Ataupun kita tak perlu highlight langsung tentang dhoruriyyah, hajiyyah, tafsiniyyah tu. Dalam standard tu. Tak payah highlight. Tapi dari segi ruhnya adalah. Kan? Ini kalau kita tengok mungkin dia kelompok ni, tapi tak perlu kita appear kan.  
Dr Fairuz: Oh tapi ustaz, makna kalau main dengan puak practitioners ni, kalau kita dok main baying-bayang macam tu, tak sampai.  
Dr Luqman: Iya?  
Dr Fairuz: Ya. Dia maknanya, bagaimana nak terjemahkan the philosophy itu kepada prektis. Kalau kita bercakap tentang maqasid syariah, tetapi bagaimana nak menterjemahkan itu kepada accounting dan perubatan. Dalam kejuruteraan. Begitu. Jadi kalau kita letak dalam bentuk filosofi. Tak boleh. Tak jadi.  
Dr Luqman: Tapi maksudnya, tak sebut term tu. Term dhoruriyyah, hajiyyah, tafsiniyyah tu. Tak perlu sebut. Sebab kalau kita sebut, itu yang open kepada debate tu. Jadi tak perlu sebut. Dalam standard tu kita silent la tentang term tu. Tak sebut langsung.  
Dr Fairuz: Akhir sekali maknanya, perlu dedah ke tak perlu dedah.  
Dr Norida: Dalam konsep framework, sebut prinsip je kan. Relevan, objektif, material. Makna maklumat tu tidak mendatangkan mudharat. Tidak menimbulkan fitnah. Telus.  
Dr Fairuz: Kita tak boleh terima macam tu je. Kita boleh letak itu dalam standard, tapi bagaimana nak terjemahkan benda itu kepada prektis. Kalau tidak orang akan tafsirkan ikut masing-masing. Kecenderungan tadi.  
Dr Ikhlas: Maknanya perlu diletakkan andaian ni bahawa pendedahan ini adalah sesuatu yang bersifat hajiyyat atau pun bersifat dharuriyyat.  
Dr Norida: Tak cakap kan?  
Dr Luqman: Tak cakap. Jadi itu maksud saya silent tu, tak perlu sebut tu.  
Pn Ainol: Mungkin macam voluntary ke atau mesti dedah ke tak perlu dedah ke. Atau digalakkan ke.  
Dr Fairuz: Ya.  
Dr Azlina: Kena ada the whole standard yang kata these are yang digalakkan, this whole section. Cuma rujukan kalau in practice, what they have is macam untuk interim reporting. Interim reporting tak dictate you should buat 6 bulan ke you should buat quarterly ke. Cuma dia kata, kalau you buat interim report, this is how you should do it.  
Dr Fairuz: Sebab kalau ikut konvensional ustaz, mesti ada (pendedahan). Konvensional ni.  
Dr Ikhlas: Kalau macam tu takkan islam takda pulak.  
Dr Azlina: Kalau jatuh kat you. Wajib.  
Dr Fairuz: Kalau konvensional wajib ni. Maknanya, kalau konvensional wajib..  
Dr Hairun: Majlis agama macam tak berapa gembira. Sebab benda ni dia macam sensitif.  
Dr Luqman: Betullah, sebab dia macam ada political isu sikitlah. Mungkin untuk setengah-setengah situasi tu valid je, makna betul tak boleh dedahkan macam sebut tadi la kan.

Puan Ainol:	Kita nak raikan jugak
Dr Luqman:	Dia macam dulu, bila berlaku kes Mesir tu. Bila Mursi kan dapat, dia bawak balik pelajar kan. So orang baru tahu, oh rupanya majlis agama ni bagi sponsorship kepada bidang medic di Mesir. Ramai. Beberapa tahun sebelum tu, rakyat tak tahu. Bila berlaku kes tu, baru tahu banyak rupanya. Jadi isu sikitlah. Kenapa tak bagitahu. Sebab bagi dia agihan pendapatan agama bagi pada orang islam sahaja. Sebab seorang pelajar untuk medik ni banyak jugak kan. Dia ingat sebelum ni pergi Mesir belajar agama, jadi dia tak kisah la.
Dr Ikhlas:	Bila belajar medic, dia terancam.
Dr Luqman:	Jadi benda-benda begitulah.
Dr Fairuz:	Cuma setakat mana dalam dunia sekarang ni, kita cakap rahsia tu menjadi rahsia.
Dr Luqman:	Ada benda tu semua orang tahu, tapi dia masih lagi anggap itu rahsia.
Dr Norida:	Jadi kalau macam kita nak buat standard ni, item-item kita ada satu seksyen pendedahan. Apa yang nak didedahkan. Jadi, benda ni kita check, yang mana item tu dia balik kepada prinsip tadi. Item yang nak didedah tu menimbulkan kemudaratian.
Dr Luqman:	Dalam yang konvensional punya, ada tak yang lebih kurang macam tu.
Dr Fairuz:	Takda.
Dr Luqman:	Oh, jadi tidak ada ya.
Dr Fairuz:	Cumanya kalau kita ingat balik, dalam presentation of financial statement, kita ada kata bahawa ini mesti. Apa item yang mesti didedahkan. Yang mana kita kata kena duduk dekat face. Tak boleh duduk dekat nota pun. Rasanya ada.
Dr Azlina:	Minimum .. item.
Dr Fairuz:	Ya. Kalau ikut minimal.. item tu dah masuk dharuriyyah la kalau ikut by category kan? Yang itu kita tentukan dan memang ada. Yang mana kita kata good to have.
Dr Azizah:	Itu sama la macam yang dharuriyyah hajiyah tu kan? Term orang putih kita arabkan.
Dr Luqman:	Ya
Dr Ikhlas:	Maknanya ada item yang bersifat dharuriyyah untuk didedahkan. Ada item bersifat hajiyah untuk didedahkan. Ada item bersifat tafsiniyyah untuk didedahkan.
Dr Azlina:	Ya.
Dr Norida:	Ada kan dalam standard.
Dr Fairuz:	Bukan, standard tak keluar lagi.
Dr Azlina:	Standard just kata kita pegang tu dalam kita punya cadangan. Unless sekarang nak buat camni that means kena ada guidance tau, on how you apply that means semua seksyen would be applicable kecuali a few cases dimana seksyen tertentu in your opinion like mendatangkan kemudaratian.
Cik Azizah:	How does the judgement can
Dr Norida:	Daripada sinilah. Judgement masing-masing terhadap maslahah.
Dr Ikhlas:	Tapi ni maksudnya laporan kewangan kan? Laporan kewangan adakah appear dekat situ aktiviti
Dr Ainol:	Kalau bajet ada.
Dr Ikhlas:	Sebab kita yang jadi isu nya orang tahu duit tu kita buat apa. Dalam bajet.
Dr Fairuz:	Dalam bajet ada.
Dr Ikhlas:	Contohnya, contoh 10 juta untuk pelajar-pelajar islam mengaji engineering contohnya.
Dr Fairuz:	Dia tak macam tu.
Dr Ikhlas:	Tak macamtu?
Dr Fairuz:	Aah dia tak macam tu.
Dr Ikhlas:	Jadi kalau macam tu, saya rasa takda lah
Dr Fairuz:	Tapi dia kalau dalam bajet dia akan kata ok berapa juta untuk education, berapa juta untuk kumpulan b40, berapa juta untuk aktiviti dakwah. Macam tulah.
Dr Ikhlas:	Aah dia masih term, kira general lagi.
Dr Norida:	Kalau ikut standard ni, samada bajet atau kolumn-kolumn. Maknanya hasil. Maknanya yang bajet berapa. Yang sebenar berapa. Yang kolum tu.
Dr Ikhlas:	Jadi saya rasa saya tak nampak sangat yang dia bagi implikasi negatif apabila dedah tu. Kalau dari aspek hanya menyatakan berapa jumlah.
Dr Norida:	Dalam standard ni dia detail. Dia samada satu penyata bajet atau pun kolumn bajet. Maknanya dalam penyata kan macam penyata hasil kan. Performance. Hasil berapa yang sebenar. Itu ada jadi budgeted. Dia ada kolumn budgeted. Maknanya setiap ni, bukannya bajet untuk ni berapa.
Dr Azizah:	Dia detail.
Dr Ikhlas:	Kalau yang detail tu kita jadikan dia sebagai satu pilihan. Boleh ke dalam standard?
Dr Azlina:	Boleh. Boleh. Dalam standard pernah ada kata detail ataupun condense ke ada.
Dr Fairuz:	Ataupun maknanya kita katakan, kalau lah dia ni kalau ikut MPSAS yang dulu bentang, yang ni pun wajib bentang, Cuma dari segi kandungan, instead of so detailed, kita go for..
Dr Luqman:	Dalam konvensional pun terima yang macam tu kan?
Dr Azlina:	Boleh. Boleh.
Dr Luqman:	Saya rasa kalau macam tu boleh follow yang tu.
Dr Norida:	Yang ada ni detail. Dia detail. Ikut line-line dia.

- Dr Fairuz: Yang ada tu refer kepada yang konvensional ke? Ikut standard kan.
- Dr Norida: Yang ikut standard MPSAS
- Dr Luqman: Ataupun macam ni, standard itu dibangunkan dia tak merujuk kepada ancaman ke apa tapi bagi satu ruang yang agak fleksibel kepada majlis untuk dia decide untuk disclose ataupun tidak. Makna ada satu ruang yang, walaupun ada standard yang macam kita sebutkan tadi, wajib tu. Tapi ada tak boleh digunakan satu
- Dr Fairuz: Cuma saya punya pendapat kalau kita bagi ruang begitu, kebanyakannya majlis dan saya anggap mungkin semua akan opt untuk tidak disclose. Cuma apa yang kita boleh buat ialah kita kata bahawa bajet ini ikut konvensional dia wajib tetapi content di dalam bajet itu bukan detail seperti yang ikut konvensional itu. Makna dia kelompokkan macam condense. Kalau condense itu maknanya dia berdasarkan kepada condense budgeted, condense actual. Jadi the details tu tak ada la. The details dalam setiap kolumn tu takda. Sebab itu yang mungkin menjadi satu isu yang sensitif tu. Tapi kalau kita kata terpulang kepada majlis Dia akan jadi pentaafsiran berbeza-beza pula.
- Dr Luqman: Kalau nak the original version yang dipanggil full version then you ada the condense version. You boleh pilih yang mana-mana. Kalau interim report dia buat macamtu. Dia bagi yang full set dia bagi yang condense. Anyway practice banyak guna condense berbanding yang full.
- Dr Azlina: Itu satu boleh membantu.
- Dr Luqman: Membantu.
- Dr Ikhlas: Dan dari segi prinsip syariah pun takda apa masalah untuk begitu.
- Dr Luqman: Pegang pada prinsip tidak memberikan mudarat dan dalam masa yang sama kita nak telus.
- Dr Norida: Telus. Aah.
- Dr Luqman: Sebab ada satu lagi pandangan kalau konvensional boleh reveal, tapi bila kita bercakap tentang Islamic accounting, kita back off. Kan. Jadi nampak bahawa macam mana kita ni kan. Tapi kalau kata kita buat another version which is the condense, ataupun kita bagi alternatif yang detail, nampak okay.
- Dr Norida: Kita balik kepada prinsip pendedahan kita lain daripada prinsip konvensional. Dia tak masuk mudarat. Dia tak ada benda tu.
- Dr Fairuz: Sebab tu kita bagi 2 version. Yang condense yang detail dengan yang full version. Jadi kalau dia rasa it's a trap full version, dia pergi kepada yang condense version. Tapi bermakna dalam masa yang sama..
- Dr Luqman: Dua dua diterima dalam konvensional?
- Dr Fairuz: Dua dua diterima.
- Dr Luqman: Itu yang maksud saya fleksibel tadi tu. Maknanya benda tu kita boleh buka ruang. Jadi saya rasa okay la kot kalau macam tu.
- Anis: Dalil dia menolak mudarat tadi tu la kan? Kaedah apa tadi?
- Dr Luqman: Aah. Kaedah daf'ul mafasid aula min jalbil masolih (menolak mudarat lebih utama daripada mengambil manfaat)
- Pn Ainol: Kalau material tu ustaz?
- Dr Ikhlas: Material tu apa ya?
- Pn Ainol: Maksud dia macam, dia ada 2 la. Dari segi sifat dan juga kuantiti. Maksudnya macam mana seringgit ni baru material ke atau 10 ringgit baru material. Itu dari segi kuantiti. Contoh kita round kan saja nombor. Betul tak?
- Dr Fairuz: Dia kalau dalam perakaunan ni, dia ada satu konsep nama materialiti. Jadi konsep materiality ni ialah kewujudan satu maklumat itu mampu atau tidak mampu mengubah keputusan yang diambil. Maknanya kalau kehadiran maklumat itu mampu untuk mengubah satu keputusan yang kita nak ambil maka itu material. Maka dia tak letak kepada nilai sebab kalau kita letak nilai 10 juta misalnya kan. Kalau syarikat biasa 10 juta tu, kalau Petronas 10 juta tu tak ada apa. Kalau kita letak amaun sebagai materialiti maka tak berapa tepat. Jadi dalam accounting dia kata kehadiran sesuatu maklumat itu mampu mengubah sesuatu keputusan atau pun tidak. Kalau kata tak mampu mengubah, maklumat itu tak material. Itu dari segi amaun. Cumanya kadang-kadang sukar dalam keadaan begitu. Jadi, bagi kerajaan Malaysia dia akan letakkan cut off nilai.
- Dr Luqman: Berapa yang jadi material berapa tak jadi material.
- Dr Fairuz: Dia macam tu. Contohnya, dia kata dalam kerajaan Malaysia, kalau nak kata itu asset, nilai dia mesti 2 juta. Bukan 2 ribu. Nilai satu item tu 2 ribu.
- Dr Luqman: Baru material bagi dia.
- Dr Fairuz: Aah, baru dikira sebagai asset. Kalau tidak, beli la apa pun, belanja pakai dia akan habis. Dia begitu. Jadi bagaimana konsep syariah tentang konsep material ni?
- Dr Luqman: Dia dalam islam ada konsep qimmi dengan ghairu qimmi dia panggil. Yang ada nilai dengan yang tak ada nilai. Yang ada nilai dengan maksud missal kata apa benda yang kita kata ada nilai. Dari segi uruf. Macam kalau kita sedeqah tu dapat pahala la. Kalau taka da nilai benda tu, kita sedeqah pun tak dapat pahala. Macam kita kata orang nak buat bangunan, kita sedeqah paku satu je. Jadi benda tu tak ada nilai pun. Kalau kita pergi kedai pun, orang bagi saja je paku kecil je. Kalau curi pun tak kena hudud apa. Sebab nilainya sangat kecil.

- Dr Norida: Jadi kalau macam 2 ribu tu?
- Dr Luqman: Dia tengok uruf. Pandangan manusia.
- Puan Ainol: Dia macam dalam islam, macam sezarah pun dikira.
- Dr Luqman: Ya lah. (ayat al-quran) Sebesar zarah pun ada nilai tu.
- Puan Ainol: Di sisi Allah.
- Dr Luqman: Dari segi manusia tak, di sisi Allah.
- Dr Fairuz: Jadi saya kalau dapat tangka papa yang ustaz kata itu maknanya, apa yang kita sumbangkan buat masjid ke buat bangunan ke dapat pahala. Tapi,
- Dr Luqman: Dia tengok nilai. Macam 5 sen ada nilai, itu zarah tu. Sebab 5 sen tu dia boleh beli apa 5 sen. Ada nilai.
- Dr Azizah: Sekadar 5 sen tak boleh beli sesuatu.
- Dr Luqman: Tak boleh. Aah tak boleh beli sesuatu. Dari segi uruf maknanya dia tak bernilai. Qiimi. Dan termasuk benda yang tak bernilai iaitu najis. Kalau najis, mahal mana pun, dia tiada nilai. Ghairi qiimi.
- Dr Fairuz: Najis boleh jadi baja ustaz.
- Dr Luqman: Sekali pun. Dia itu ikut manfaat pula. Ada manfaat.
- Dr Norida: Macam riba. Duit-duit riba.
- Dr Luqman: Tak qiimi. Ghairu qiimi dia panggil.
- Dr Ikhlas: Tak bernilai. Cuma duit tu kalau milik orang kafir, tak boleh curi lah.
- Dr Fairuz: Kalau nak balik kepada konsep materialiti tu macam mana?
- Dr Ikhlas: Tak ada masalah. Uruf.
- Dr Hairun: Dan daripada legal tadi la.
- Dr Luqman: Legal. Kalau legal pun kata begitu.
- Dr Ikhlas: Maknanya islam pun ada la semangat material dengan non-material ni.
- Puan Ainol: Tak ada la kena account semua benda ya? Sebabnya sezarah pun dihitung.
- Dr Fairuz: Tapi kalau dalam konsep hutang maknanya walaupun kecil,
- Dr Luqman: Kena bayar. Tetap kena bayar.
- Dr Fairuz: Di situ tak ada dikira material non material.
- Dr Luqman: Ya betul. Dia bukan semua benda la kita nak anggap material bukan material. Secara isu, material ke non material ke dia kena bayar. Kena bayar balik. Dia berkait dengan hak orang lain.
- Puan Ainol: Sifat dia hutang tu.
- Cik Azizah: Sifatnya. Konteks.
- Dr Luqman: Aah konteks.
- Dr Norida: Kalau aset tadi pun, dia tak material untuk jadi aset tapi dia masih kena labur jugak.
- Dr Luqman: Labur, labur.
- Dr Norida: Akaun bank-bank yang lain tu takkan dia tak labur langsung.
- Dr Fairuz: Dia tetap di akaun. Betul. Dia tetap di akaun, cuma tak perlu detail out. Kita akan debit credit amount itulah, tapi dari segi kita melayan dalam pendedahan tu.
- Dr Norida: Ustaz dah nak gerak dah.
- Dr Luqman: Nak kena pergi ke Shah Alam.
- Dr Ikhlas: Kita bergambar ya?
- Dr Luqman: Boleh jugak.
- Dr Fairuz: Habis dah?
- Dr Luqman: Malam ni ada mesyuarat.
- Dr Fairuz: Kita tutup majlis perbincangan kita dengan tasbih kifarah dan surah Al-asr. Terima kasih banyak ustaz.
- Dr Luqman: Okay sama. Terima kasih banyak kerana sudi hadir.

**Transkrip Perbincangan Kumpulan Penyelidik UKM  
bersama Prof Dr Engku Rabiah Adawiah**  
**Tarikh: 4 Februari 2020**

- Dr Hairun: Sebenarnya berkaitan dengan syirkah. Kami sekarang sedang kaji dari sudut struktur majlis agama. Struktur majlis agama Islam. Jadi sekarang maknanya kami sedang cuba melihat dari sudut kerangka fiqh untuk kita legalise. Makna dari sudut perundangan, majlis agama ni dan syarikat di bawahnya itu sebenarnya patuh syariah. Itu saja. Kami nak lihat dari sudut struktur itu sendiri. Makna kata adakah struktur yang sedia ada ini patuh syariah atau kalau tidak. Dan kemudian kalau begitu nanti akan membawa kepada JV, joint venture, joint operation. Jadi ada kaitan pula dengan seterusnya contoh pelaburan, adakah boleh kita membuat pelaburan dengan syarikat-syarikat yang bukan muslim dan sebagainya. Jadi dari sudut awalnya, ceritanya adalah lebih kepada institusi. Maknanya saya rasa lebih kepada legal entity. Itu yang kita nak bincangkan pada hari ini. Jadi saya rasa mungkin untuk mulakan tu, itu ideanya lah. Tapi untuk mulakan saya serahkan kepada Dr Azlina la, khususnya apa untuk dibincangkan.
- Dr Azlina: Bismillahirrahmanirrahim w.b.t. Jadi dalam fasa yang ke-4 ini, kami melihat tentang MAIN dan kerjasama dengan syarikat-syarikat di bawah dengan adanya penyediaan akaun consolidated. So kita melihat piawaian untuk kumpulan tu yang memberikan maklumat tentang prestasi bagi MAIN dan anak syarikat di bawahnya so that is subsidiary. Then yang kedua ialah kalau kita kawal anak syarikat di bawah kawalan, so konsep kawalan tu sendiri yang kita nak lihat samada definisi yang sekarang ni masih sesuai digunakan ataupun kalau mengikut patuh syariah, ada apa lagi yang perlu dikira untuk menentukan samada MAIN mempunyai kawalan di dalam syarikat lain. Yang kedua ialah mungkin kita tidak ada kawalan tapi kita ada pengaruh yang signifikan. Which means syarikat tu akan jadi syarikat bersekutu, associated company. Then if not, joint control kawalan bersama where kita ada entiti. Atau mungkin kalau kita tak ada entity kita masih JV tapi tak tubuhkan any other entity so it becomes joint operation. So kami cuba nak pahamkan tulah. But definisi dari segi untuk tentukan ada tak kawalan, ada tak pengaruh yang signifikan, ada tak joint control. We would like your opinion. Is that enough, the current definition under accounting ke ada perkara lain yang perlu kita ambil kira dalam nak menentukan syariah ataupun bukan.
- Puan Ainol: Prof minta izin rakam boleh ke Prof?
- Prof Engku: Rakam boleh. Saya tak berapa tahu tentang definisi secara accounting.
- Dr Azlina: So I think dalam soalan ada.
- Prof Engku: Ada sebut ya. So yang mana satu sebenarnya yang hendak dilihat, adakah semua definisi atau..
- Dr Azlina: So macam saya kata tadi satu persatu.
- Prof Engku: Satu persatu.
- Dr Azlina: So yang pertama tu, kita bercakap tentang kawalan kan. Pastu yang kedua ni pengaruh signifikan.
- Prof Engku: Associate ya?
- Dr Azlina: Aah. This is associate. Itu. This is subsidiary. That means if you have control it becomes your subsidiary.
- Prof Engku: Ini account consolidation?
- Dr Azlina: Consolidation. To consolidate you must have control.
- Prof Engku: Tapi tak semestinya subsidiary?
- Dr Azlina: Hrm subsidiary.
- Prof Engku: Basically subsidiary dia boleh ada control atau tak ada control asalkan dia ada share. Control dia tak being a subsidiary. Tak boleh?
- Dr Azlina: Kena ada control, baru consolidate.
- Prof Engku: Yelah tapi adakah control itu semata-mata melalui subsidiary ataupun boleh melalui cara lain?
- Dr Azlina: Melalui subsidiary lah.
- Prof Engku: That's the only mechanism?
- Dr Azlina: But if you have control, you become a subsidiary. So the first question should be ask is.. Under company law dia ada spesifik jugak kan? Whole state, majority stake semua kan?
- Prof Engku: Aah. So that is how you determine control.
- Dr Azlina: Tapi control can even be if not in subsidiary. Kalau dia majority shareholder ataupun dia.. because majority is not necessarily more than 50% kan.
- Dr Azlina: Ya betul.
- Prof Engku: If all the shareholders having small small stake, jadi the biggest stake holder la. Although dia pegang cuma 20%, because they are the biggest stakeholder at that point of time. So the rest maybe just 1-3% kan. So that person is maybe the controlling shareholder. Tapi ada

kalanya it's not because it's a subsidiary la by the definition under the companies act. Tu saya nak paham tu. Dari segi akaun, control adakah semata-mata when it becomes a subsidiary or it can also be when it is not a subsidiary but you can prove that, that person has control?

- Dr Azlina: Okay. Control. To become a subsidiary control, boleh datang melalui shareholding, or melalui if you have the power to control the operation, either operation or financial decision and the other one is also if you have the power to stop other people from using whatever assets of the company, so it can be through shareholdings and I guess tadi you mean it becomes a subsidiary. Yang kedua melalui cara lain la. Sitting on the board. And dia ada kuasa untuk precise.
- Prof Engku: And access even non-shareholder can, also have control la. Creditors. Creditors may have some control if they have substantial.
- Dr Azlina: Tak um, selalunya pertimbangan lain tu is when your holding is not majority holding. Then you akan tengok yang lain-lain untuk determine whether you have control or not.
- Prof Engku: So non-shareholder can never have control. It's not within that division.
- Dr Azlina: Yeah. Yeah.
- Prof Engku: So they may have control for the practical sense la, but not control for the purpose of accounts and arrangements.
- Dr Azlina: Yeah. Betul.
- Prof Engku: For the purpose of consolidation.
- Dr Azlina: Yeah. Betul.
- Prof Engku: Okay. So walaupun dia bukan subsidiary, you still can consolidate kalau you can show that shareholder you have control.
- Dr Azlina: Hrm, kita determine control dulu, then only you'll become a subsidiary through control. Kalau dalam standard, dia tanya ada control ke tak dulu. If you through sub A through a shareholding you have majority shareholding jawapan dia tak. Tapi tengok from your, katalah you ada 20% dengan 20% tu apa kuasa lain yang ada? Hak-hak lain. So if that fulfil walaupun number 1 tu taka da majority, you can still control. The moment you control, then you'll become a subsidiary. Kalau accounting standard macam tu.
- Prof Engku: So boleh jadi subsidiary walaupun cuma pegang beberapa percent?
- Dr Azlina: Boleh.
- Prof Engku: So that's not within the company law. The company act. Macamana dia boleh define macam tu.
- Dr Azlina: Accounting standard dia tengok macamana you boleh kawal. Samada keputusan operasi ataupun keputusan kewangan.
- Prof Engku: So that's the definition of a subsidiary? Walaupun dalam company act it's not a subsidiary.
- Dr Azlina: Aah, because subsidiary determined by kawalan.
- Prof Engku: So different la from the legal position.
- Dr Azlina: I guess.
- Prof Engku: So, you wanted to know from the shariah perspective?
- Dr Azlina: Aah, whether when we say there is control there is significance influence dari joint control tu ada factor lain we have to take to consideration?
- Prof Engku: Ok so from the shariah perspective it's actually more on the agreements between the parties la. And then, it doesn't really matter la sebenarnya kalau dia subsidiary ke bukan subsidiary ke. In terms of what determines the shariah compliant itu satu apa yang dia contracted. A contract which is recognized from the shariah perspective la. Sebagai contohnya, if you want to have a form of syarikah atau a form of partnership so dia adalah syarat-syarat dia contohnya macam there shouldn't be any guarantee on the capital, there shouldn't be any guarantee on the profit. Pastu dia ada compliance of the purpose of that venture kan. Shariah compliance kan so tak bolehlah ada agree to do something which is not halal in the shariah perspective. And then the way they operationalise dia punya syarikat pun shouldn't be missing money in the compliance la, leveraging and borrowing in the compliance. So that is the shariah compliance la. It doesn't really matter whether you are minority shareholder or majority shareholder. Cuma in term of level of tolerance, macam kalau kita tengok shariah announcement. If the person has control what's majority shareholders or the company is subsidiary, so the decision making is control by them kan. So they have full responsibility la on the decisions. So it should be 100% and compliant la kalau kata nak shariah compliant. Tapi if they come in as a public company and they come in as minority shareholder, so you cannot make influence decision on how and what or where the company put their money. Or doing business kan, so dia ada tolerance level sebab tu dia ada benchmark macam SC ke. They have certain tolerance level la. Kalau dia nak borrow conventionally, ot shouldn't be more than one third of their assets ke, or not more than one third of their market capitalization. And non-compliant income let say the main core business is shariah compliant but there are some side income that may not be shariah compliant. Maybe income from some interest based account that they keep. Maybe

in another country you only have conventional depositories. Maybe in Thailand they only have let say dia taka da Islamic bank ke, so they have some interest income. So dia ada set benchmark la, tolerance level. Maybe most of the times less than 5% kan. So benda-benda macam tulah. Kalau dia punya tolerance level you don't have control and you're just minority, so maybe they can be some tolerance level. But if you can control then, there's no tolerance level la. Because you're fully responsible. Then another area where the discussion of control come intopicture is what I talked about just now. Tak boleh ada guarantee. So the partner cannot guarantee the capital, the profit in venture of the partner. Tapi there is a possibility that you can have a guarantee from a 3<sup>rd</sup> party. Then how do we define the 3<sup>rd</sup> party? Would a related party be considered as the 3<sup>rd</sup> party? So then we discuss what is the definition of the 3<sup>rd</sup> party. So what is clear, kalau dia subsidiary or parent, so they cannot guarantee la. We have each other, so it's like umm, even if it's not you but you have a strong relationship, macam seolah-olah it's the same party jugakla yang bagi guaranteed tu. I think recently dekat SC ada discussing about what if an associate and also sister company; not subsidiary parent, yang tu saya rasa tak finalise lagi lah dia punya decision. As to whether as 3<sup>rd</sup> party atau tidak. But what is clear, kira yang betul-betul safe party, is parent subsidiary only lah. And how they define parent subsidiary, at that time is more of the legalistic punya definition lah. Based on company law we have the majority shareholding. There was some discussion about control who don't have majority state but have control is considered as same party as well tapi saya pun tak ingat dia punya final. Dia still at the state of research kan, so. But what is clear, kalau dia memang betul majority state holding, then dia dikira macam seolah-olah same party la given the majority. Itu jelah. Dari segi lain tu, I don't think there's.. Tatau lah kalau ada isu lain lagi. Unless in your research you find something that is of concern maybe kita boleh discuss.

Dr Norida:

Itulah kalau satu lagi, tentang kalau dia nak adakan kerjasama macam joint operation ke ataupun joint venture ke, so ada tak syarat-syarat apa yang kita kena ambil kira dari segi syariah, untuk macam MAIN contohnya majlis agama islam, dia nak buat joint operation tak pun nak joint venture dengan company yang lain. Macam contoh yang joint venture tu dia tubuhkan satu entity lain so ada garis panduan dari segi syariah?

Prof Engku:

From the shariah perspective, satu nak buat joint venture tu macam saya kata tadilah, mesti kontrak yang memenuhi syarat-syarat dan rukun yang berkenaanlah. And then dari segi jenis joint venture yang nak dilaksanaka mestilah shariah compliant. And then bila bercakap tentang MAIN pula, satu lagi kita kena tengok fund dia. Source of fund dia. Datang dari mana sebenarnya kan because MAIN dia ada urus harta zakat, dia ada jugak harta wakaf dan sebagainyalah. So kalau kata contohnya harta zakat kita kene tengok jugaklah tentang peraturan-peraturan tentang asnaf dan sebagainyalah supaya kita tak terguna wang zakat, untuk tujuan-tujuan yang tidak sepatutnya digunakanlah. Wang zakat. Saya rasa itu sahajalah dari segi konsepnya lebih daripada segi itulah. Kalau duit wakaf pun yang penting dia kena observe la apa dia hasrat pewakaf sebab hasrat pewakaf dia dah masuk dalam waqfiah tu dia dah macam jadi undang-undang la kepada wakaf tersebut, so kita tak boleh nak menyalahilah kehendak pewakaf. Kecuali dalam keadaan-keadaan yang sangat exceptional la macam contoh; macam contoh kata kalau tak teruskan nanti wakaf tu akan hilang terus, so dalam keadaan macam tu mungkin ada pandangan-pandangan yang membenarkan exception. Macam boleh buat istibdal ke dan macam-macam lagi la kan. Mengambil kira maslahah ummah yang lebih besarlah. Tapi secara umumnya they should observe la, apa-apa yang dihasratkan pewakaf dan syarat yang diletakkan oleh pewakaf tersebutlah.

Dr Norida:

Kalau wakaf am?

Kalau wakaf am tak kisahlah. Wakaf am biasanya diletakkan pada budi bicara mutawalli atau pun nazir untuk buat. Tapi still based on what is ma'aruf la. Ma'aruf tu maksudnya customary sesuatu yang ma'aruf, sesuatu yang baik kan. Maksudnya tak bolehlah semberono pulak kan, sampai hilang nanti. Kena guna secara reasonable dalam keadaan yang terlibat lah macam tu.

Prof Engku:

Maksudnya kita kena tengok jugak enakmen negeri, sejauh mana wakaf boleh digunakan bagi joint venture ke

Itu bidang kuasa jugaklah. Dari segi bidang kuasa kita tak nak kalau dari segi undang-undang pulak. Maksudnya kalau MAIN buat sesuatu kalau dia menyalahi kuasa yang dia ada, takut jadi terbatal pulak. Dia jadi seolah-olah buat sesuatu tanpa ada kapasiti kan.

Dr Norida:

Kalau dari segi MAIN nak joint venture dengan non-muslim. Macam company yang kita tahu dia tak patuh syariah ke atau pun dia punya, parents dia tu tak patuh syariah, tapi MAIN nak kerjasama dengan anak syarikat dia. Contohnya yang anak syarikat tu dia tak ada masalah dari segi aktiviti dia, so to what extend kita boleh bekerjasama tulah. Bagi MAIN lah. MAIN. Dalam konteks MAIN sejauhmana dia boleh joint venture dengan ni.

Ya. Itu satu dari segi hukumlah. Hukum dia selagimana joint venture itu berkaitan dengan perkara yang halal. Sebenarnya tak kisahlah muslim ke non-muslim ke macamana kan, tapi

Prof Engku:

sebab dia berkaitan dengan sesuatu yang halal; contoh kalau kita pergi ke pasar nak berjual beli dengan seseorang mungkin muslim mungkin non-muslim, tapi kalau barang yang dijual tu haram tak boleh la. Tapi kalau barang yang dijual tu halal so boleh je samada yang menjual atau yang membeli tu orang islam ataupun bukan islam. Takdalah kita kata yang bukan islam tak boleh jual. Ataupun bila kita nak beli makanan, ataupun buah-buahan contohnya non-muslim yang jual, tak pulak jadi haram kita membeli kan? Sebabnya dia memang dah ada sirahnya lah. Rasulullah saw sendiri pernah membeli barang-barang makanan dan sebagainya daripada orang-orang yang bukan islam contohnya. Masa Rasulullah saw meninggal pun, masih ada lagi hutang dengan orang yahudi yang belum bayar sebab dia makanan kan, yang dicagarkan baginda punya perisai besi itu kan. So dari situ memang dari segi hukum asalnya memang tak ada masalah lah. As long as benda tu halal. Tapi dari segi yang kedua pulak, iaitu dari segi siasah syariyyah la. Dari segi polisi. Dari segi apa ni wisdom behind that, ataupun reputation. Contohnya imej lah. Saya rasa kalau yang biasa-biasa mungkin tak ada imej yang teruk sangat kot. Tapi macam contohnya katalah Genting kan, tapi dia ada Genting Plantation. So katalah MAIN buat kerjasama dengan Genting Plantation. So kat sini dia tak ada daripada segi hukum sangat, dia daripada segi reputation la. Samada nak kata, ‘ooo MAIN buat kerjasama dengan Genting’, so kalau nama tu sendiri ada reputation menyebabkan orang menyalah anggapkan, mungkin lebih baik mengelakkan fitnah lah. Ataupun dia boleh jelaskanlah macam kisah Rasulullah saw pun, masa pernah baginda berjalan dengan isteri baginda Safiyyah kan. So bila sahabat tengok, diorang cepat-cepat nak pergi terus. Rasulullah pun kata, ini adalah isteriku kan. Safiyyah. Sahabat-sahabat pun kata kan, takkalih kita nak buruk sangka. So lebih baik kita mengelakkan fitnah tu lah kan. Jadi macam tu jugaklah saya rasa dalam konteks ni, it's the matter of siasah shariyyah la diorang kena tengok apa maslahah dan mudarat dalam keadaan yang macam tu. General rule dia menolak mudarat lebih diutamakan daripada manerik manfaat. So kalau macam kita rasa ada possibility mudarat kita better elakkanlah. Sebab banyak lagi parties lain. Tapi nak kata tak semestinya benda tu tak baiklah sebab kadang-kadang dari segi siasah it's good, kita boleh tarik macam berdakwah jugaklah kepada non-muslim. Tengok macamana konteks tu kan. Sebab ada jugak Rasulullah saw bekerjasama dengan pihak-pihak non-muslim untuk taalif(jinak) hati-hati mereka kan, macam tu ada jugak. So it's a matter of budi biacara atas keadaan dengan ijtihad masing-masing lah. Sebab dari hukum asal tu tak jadi masalah. Islam asalkan projek itu sendiri halal. Kecualilah kalau projek itu tak halal, dan dianggap bekerjasama dalam melakukan perkara dosa, itu tak boleh jugaklah. Macam dia ada perbahasan macam, menjual anggur pada orang yang memang kita tahu akan guna untuk buat arak, kan? So dia ada hukum-hukum dia yang lain. Walaupun asalnya menjual anggur tu boleh kan.

Anis:  
Prof Engku:

Kalau macam menjual anggur tu, Islam akan suruh kita siasat dalam-dalam ke atau camna? Hrm tak. Setakat yang kita tahu jelah. Dia sebab kita tak diminta untuk menyiasat la sebab dia akan menyusahkan. Bayangkan setiap kali orang nak beli kena tanya. Kan? Kecuali dalam keadaan-keadaan yang limited. Kalau bank kan dia panggil know your customer kan? Sebab kalau bank, dia regulated entity so dia kena tahulah customer dia, sebab dia ada isu. Money laundering la, financing of terrorism la. Itu dalam keadaan yang exceptional la. Macam kita tahu macam memang by custom benda tu akan digunakan sebab itu tempat produce arak kan, jadi memang ada strong suspicion la.

Dr Norida:  
Prof Engku:

Tapi kalau dalam konteks kerjasama tu kan, kita tak perlu siasat detail la company yang nak bekerjasama tu.

Kita siasat lebih dari segi apa ya? Sebab kita nak buat syarikah ni, dia ada unsur amanah tu. Kita trust pada orang tu, kalau kita tak trust pada orang tu kita tak buat. Sebab dalam hadis pun ada sebut kan, بِدِ اللَّهِ مَعَ الشَّرْكَنِ Ma lam yatakhawana, selagi mana mereka tak berkhianat kan. So, dia kena ada unsur percaya tu kan. So kita boleh check la. Orang kata nak kahwin pun kena check. Bukanlah kata kita nak buruk sangka kan, tapi kita nak check sebab nak pastikan ada sifat amanah. Macam Siti Khadijah pun masa dia bermiaga, pekerja Maisarah tu akan report macamana. So dia ada confident la tentang kebolehpercayaan. So dari segi tu saya rasa tak ada masalah.

Dr Norida:  
Prof Engku:

Daripada segi dia punya sumber modal itu, tak ada masalah? Sumber modal biasanya dia tak check, sebab sumber modal tu macam kita tak perlu check la. Sebab duit tu dia mcam neutral. So kalau orang tu mendapatkan duit itu secara haram, haram la untuk dia. Tapi lepas tu, kalau duit itu digunakan untuk beli barang kita, kita pun tak tau. Kita tak adalah nak tanya semua orang mana dia dapat duit tu kan.

Dr Norida:  
Prof Engku:

Macam dia nak buat joint venture jugaklah. Nak joint venture nak buat projek. Aah samalah, jual beli ke joint venture ke, so kita pegang Al-aslu baraatz dhimmah (الأصل براءة الديمة). Asal hukum dia assumption dia it should be halal la. Kecuali kalau kita memang required by law untuk tanya. Macam bank kan dia kena tanya kan. Dia tak nak orang

- launder the money through the system. So dia kena tanyalah.
- Dr Norida: So apa pendapat prof, kalau dalam kes MAIN ni. Perlu ke penambahan enakmen mana-mana ke? Perlu tanya jugak macam bank?
- Prof Engku: Tu saya tak pastilah. Mungkin kena tanya pihak kuasa negeri la kot.
- Dr Norida: Tak, cadangan la. Mungkin dalam enakmen dia setakat ini tak ada lagi, tapi pendapat Prof la untuk ditambahbaikkan. Maksudnya ada garis panduan, kita kena check betul2, siapa kita nak bekerjasama tu.
- Pn Ainol: Sebab setakat ni tak ada apa-apa garis panduan la.
- Prof Engku: Saya rasa kalau daripada segi financial dan keboleh percayaan tu memang kena check lah. Kalau dia nak check juga, of course kita nak lah duit curi ke duit rompak pula yang masuk ke situ kan. Ataupun duit menang judi tu kan. So benda-benda tu, tak pastilah nak kata. Sebab benda tu asalnya tak disyaratkan.
- Dr Norida: Tapi kenapa bank ada prosedur macam tu? Ada batas-batas.
- Prof Engku: Sebab itu adalah polisi yang dirasakan perlu oleh regulator, Bank Negara dan juga pihak, sebab bank ni dia ada global, so dia ada international punya, when the international says is necessary kan. Ada isu drug money, so dia nak membanteras la orang-orang yang buat benda-benda ni, macam duit daripada dadah atau pun duit nak finance terrorism ke contohnya. So benda-benda ni dia nak banteras kat situ. So kalau this activity boleh double or triple dia punya duit melalui legal system, banking system. So macam dia tak boleh nak banteras. Sebab tu dia ada international effort. Sebab bank is the biggest institutional yang boleh buat benda-benda, yang boleh menjana pendapatan. So itu dia langkah yang diambil la. Macam dia tak nak benda tu lebih spread la. So kalau kita rasa ada sesetengah industry yang MAIN memang maknanya tak nak terlibatlah so mungkin boleh gariskan lah, bukan semua benda nak kena disclose kot. Mungkin industry-industri yang memang MAIN kata kita tak nak sumber yang daripada judi ke. Ataupun illegal money ke. Contoh-contoh kalau sebut macam tu kalau nak kata sumber pendapatan haram pon, puas nanti. Wallahu'lam la. Tapi benda tu saya rasa is a policy and consideration la. Kena melalui pertimbangan la, maslahah dan mudhorah dia.
- Dr Norida: Dari segi hukum boleh?
- Prof Engku: Dari segi hukum tak perlu bertanya. Kecuali kalau memang kita tahu, a strong indication la from the circumstances.
- Dr Azizah: Dari mana kita nak dapatkan sumber yang dari segi hukum tu tak perlul bertanya?
- Prof Engku: Banyak kitab-kitab feqah ada je. Dia ada. Maksudnya dia hukum asal dia macam tulah. Kalau kita tengok amalan sehari-hari kita pun, kita tanya ke? Tak tanya kan? Asal usul dia barang saya ni awak ambil mana duit ni? Betul ke bukan duit curi? Kita tak tanya kan?
- Dr Norida: Cuma MAIN peranan dia sebagai pemegang amanah kan. Maksudnya dia ada kumpulan wang wakaf, kumpulan wang zakat kan. Jadi amcam mana dia punya peranan sebagai pemegang amanah tu, untuk dia bekerjasama dengan orang lain.
- Prof Engku: Sebabnya tu kita kata, kena tengok jugak sumber kewangan MAIN tu sendiri. Kalau memang sumber dia zakat saya rasa tak perlu kot dilaburkan sebab zakat bagi saya, selagi ada orang miskin, asraf-asraf tu perlu diagih. Sebab dia berulang kan. Next year tu ada lagi. So kita tak adalah tengok sangat isu sustainability tu. Sebab bagi saya lama-lama takut hilang, orang yang asraf takut tak dapat.
- Dr Norida: Zakat amalan dia tak macam itulah.
- Prof Engku: Saya rasalah. Tapi ada jugak. Kalau dulu-dulu tu ada yang duduk hotel la dengan venture-venture diorang. Tapi bagi saya duit zakat tu memang sepatutnya disalurkan kepada asraf la. Setakat nak letak dalam short-term instrument bolehlah. Dalam money market instrument sekejap, tapi nak pelaburan yang lain tu, even dalam pelaburan ekuiti tu, saya rasa tak la. Sebab dia duit zakat kan. Ok. Kalau duit wakaf pun secara umumnya, a'in wakaf tu kita nak preserve. So katalah a'in wakaf yang kita nak laburkan tu mestilah dalam tempat yang yang agak, secara konservatifnya selamat la. Sebab tu kita tak ambil yang berisiko tinggi kan. Sebab kalau macam zaman dulu-dulu pun, duit-duit anak yatim dan sebagainya kan dia ada kelonggaran-kelonggaran yang diberikan. Maknanya walaupun asal tak boleh guarantee anak yatim tapi mungkin boleh juga di'guarantee' supaya nak make sure preserve kan harta anak yatim tu. So, benda-benda macam tulah. So of course, duit zakat atau duit wakaf pun kita tak adalah nak sewenang-wenangnya kan. Sebab tu kebanyakan diorang suka letak dalam harta tanah so at least tak ada apa-apa pun, dapatlah tanah tu. Tapi itulah, saya rasa boleh, tapi sebab banyak projek-projek wakaf dilaksanakan dengan baik kan. Macam contoh Menara bank islam. Boleh, tapi kata dibuat penstrukturran yang bagus dan melihat kepada kepentingan pewakaf dan jugak penerima manfaat wakaf tu sendiri. So kita tak nak nanti hasrat pewakaf tak tercapai kan, sebab duit itu hilang dengan sebab pelaburan yang tidak bijak dan sebagainya. So saya rasa perlu dibuatkan pen'detail'an la yang lebih teliti, siapa partner tu, macamana kan nak rekod dia. Itu lebih penting la. Maknanya tak bolehlah membeli barang lebih dari harga pasaran, services pun tak boleh beli lebih harga pasaran. So kena check, kena ada tendering process

- .....
- Dr Hairun: Satu lagi prof, yang kami cadangkan ini adalah dalam konteks kajian kita ni, dia ada isu tentang legal entity tu. Maknanya dari segi fiqh, adakah islam ni mengiktiraf legal entity dari segi dhimmah itu. Maknanya ada school of thought yang dahulu kan dia menolak legal entity. Maknanya dari segi tanggungjawab dhimmah itu banyak kepada individu.
- Prof Engku: Nak kata legal entity ni, dulu dan sekarang pun tak adalah banyak beza. Cuma penjelmaan legal entity term tu mungkin berbeza lah sebab dia ada bentuk-bentuk legal entity yang mungkin tak sama macam dulu. Tapi nak kata konsep legal entity ni tak pernah ada dalam islam tu pun tak, sebab dalam islam kita ada konsep trust. Rasd (رسد) kita panggil. Ro Sod Dal tu. Rasd tu dia ada konsep trust la. So kita boleh create satu trust tu. Tapi nak kata dia punya understanding macam legal entity macam yang dalam common law tu mungkin tak sama dalam semua sudut la. So kalau dalam common law, dia develop konsep legal entity tu ialah in relation to company limited by shares kan. Tapi dari segi konsep makna ada satu entity yang boleh menerima pemilikan dan boleh melakukan transaksi yang macam kita kata wakaf, konsep wakaf itu sendiri bila dah masuk wakaf, dia dah bukan milik pewakaf lagi dah, dan dia juga bukan milik penerima manfaat. Dia sebenarnya kalau dari segi kiasan, dia kata milik Allah. Milik Allah macam adil kan. Macam tu jugak konsep baitulmal. So baitulmal tu bila duit masuk ke dalam baitulmal, baitulmal boleh terima duit, boleh buat bayaran. So dia ada institution la. Satu institution yang seolah-olah dia ada lah, suatu dhimmah malah ke dhimmah yang menyebabkan dia boleh melakukan beberapa transaksi macam tu. Tapi dia taklah macam kata sampai macam wasiat legal entity untuk corporation, itu macam dah lain, dah expand. Sebab kalau dalam Islamic tu kita adalah, partnership tu. Tapi kalau partnership tu dia tak adalah separate legal entity tu daripada partners kan. Cuma so dia ada beza-beza macam tulah. Cuma dari segi konteks moden ni pun, sama ada company tu sendiri dia dikenal sebagai legal entity atau tidak, yang itu mungkin ada 2 pandangan la. Dia macam seolah-olah mengelakkan tanggungjawab kan. Sebab tu dia kata macam tak boleh, sebab even dalam legal punya entity masa yang diorang nak introduce pun yang morally dia kata tak bagus, tak bolehlah sebab dia menyebabkan creditor tak dapat bayaran kan. Tapi bila, sebab sekarang kalau kita nak kata tak boleh pun memang, macam seolah-seolah dia nak deny and so sebab tu kebanyakan scholars kata we have to live with it lah. Tak boleh kita nak menolak realiti. Cuma dia letak la syarat-syarat, apa dia kan. Screening apa semua tu dia letakkan. Dan dia atas dasar huriyyah at-taaqud (حرية التعاقد) (kebebasan berkontrak) juga sebab parties ni yang setuju yang dia punya ni akan jadi legal entity. So dia kena tengok asset company tu banyak mana dulu sebelum dia decide untuk bagi hutang la kepada company. So dia ada hujah-hujah dia jugak lah. Itu dari segi company lah, tapi dari segi entity yang dhimmah yang dalam bentuk yang klasik tu memang dah ada daripada dulu la.
- Dr Hairun: Jadi macam majlis agama Islam baitulmal ni memang kita anggap sebagai entity yang klasik la?
- Prof Engku: Dia dah ada dzimmah. Aah. Yang klasik. Ada dzimmah dia la.
- Dr Hairun: Yelah macam masjid, baitulmal. Memang dah ada dah.
- Prof Engku: Institusi wakaf.
- Dr Hairun: Cuma yang macam legal entity ni macam sekarang ni, dalam suasana moden ni, maknanya majlis sekarang ni kita akan dari segi imam. Pemerintah dia kena adakan satu undang-undang la. Contohnya macam enakmen. Dari segi transaksi tertentu, ada enakmen. Kalau dengan partnership tadi tu, siap ada quote common law ataupun undang-undang syarikat. Undang-undang partnership la. Jadi undang-undang tu dianggap sebagai part of uruf. Yang uruf eh?
- Prof Engku: Aah yang uruf. Tapi the custom of that time include dia punya law la. Sebab kita tak boleh go against the law kan. So dalam banyak keadaan pun MAIN saya nampak dia mengambil manfaat jugak daripada peruntukkan undang-undang tu. Sebab tu dia buat anak syarikat tapi liability tak adalah MAIN nak kena tanggung beban kat syarikat. Contohnya la kan. Tapia pa-apa pun saya rasa semua tu kena buat secara berhemah la. Kalau rasa ada benda yang tak perlu, tak perlu lah. Pasal kita tak nak MAIN dibebankan dengan overhead yang tinggi kan. Sebab kadang-kadang tu dia transfer benda tu kepada anak syarikat tapi takut nanti orang kata anak syarikat ni macam biawak hidup la pulak kan. So dia kena tengoklah dari segi keperluan, kebijaksanaan nak pilih. Samada nak, decision making tu pun dia kena ada. Ilmu profesional lah. Dari segi bisnes, dari segi financial. Model bisnes yang dia nak buat. Sebab takut rugi, sedangkan duit tu adalah amanah masyarakat Islam la sebenarnya. Kita tujuan kita nak menggandakan duit yang kita ada. Tak nak lah nanti terbeban sedangkan dia ada lagi institusi-institusi yang lain contohnya, pendidikan. Ada sekolah-sekolah yang memang dia ada bajet dia bawah bajet government tu. Jadi mungkin kita tak perlu nak replicate benda yang sama. Jadi kita bantu dari sudut lain lah. Macam golongan asnaf tu bantu, bayar yuran dia. So tak perlu overhead nak bayar cikgu la benda-benda tu kan. So daripada tu saya rasa kena tengok a big picture. Maknanya tak adalah kata MAIN

nak buat semua benda, tapi sebenarnya kita nak tengok the cost and benefit. Yang mana yang beri biggest benefit kepada kita punya main stateholder la. Macam asnaf, penerima manfaat dalam wakaf, maslahah umat Islam kan. Sebab kalau boleh MAIN ni sebagai sepatutnya dia boleh generate kewangan yang boleh menyebabkan aktiviti-aktiviti masyarakat Islam tu sampai financially independent la. Tak perlu kita nak menagih bajet dan sebagainya kan. At least kita boleh financially independent untuk, so kita nampak ada gah umat Islam tu. Kalau asyik guna bajet orang lain, macam sekarang ni ada isu kan orang cina kata dia bayar tax service, dan kita pun bayar tax kita tak kisahlah kalau pergi kepada orang Islam. Tapi kalau kita nak bayar ke orang bukan Islam kan. So saya rasa, yang itu kita kena tengok supaya kita financially umat Islam dari sisi Islam tu boleh memberikan financial independence la kepada umat Islam itu sendiri. So baru nampak quwwah tu.

وَأَعْدُوا لَهُمْ مَا أَسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ

(Al-anfal:60)

- Dr Hairun: Dia masalah sekarang ni macam garis panduan untuk pelaburan tu, tak ada. Bila tak ada, jadi kalau ikut jawatankuasa fatwa dia maslahah tadi la. Itu maslahah. Jadi yang berkaitan dengan maslahah ni yang akan digunakan oleh orang-orang kewangan untuk buat sesuatu. Hrm. Jadi kena ada priority jugaklah.
- Prof Engku: Itu yang kita, walaupun bersetuju sepatutnya kita kena ada satu garis panduan dari sudut nilah operasi pelaburan macam mana.
- Dr Hairun: Kita dah banyak contoh-contoh pelaburan dari glc. Kita boleh belajar dari situ. Sebab benda tu neutral kan sebenarnya. What make ..... benda tu orang kata, benda yang by experience kan. So Rasulullah saw pun kata, 'أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ' antum a'lamu biumuri dunyakum'. So dah ada proven macam mana bisnes mana yang ni, so dia kena tengok benda yang macam tulah. Selalu kadang-kadang ada juga institusi yang buat bisnes .....lembu kan, tapi dia staf dia tak ada expertise pasal lembu. Last-last outsource, pastu kos tinggi, kena outsource. Return pun tak banyak. So sayanglah duit-duit umat Islam tu. Dia macam sebab business decision yang tak well thoroughly. Dia tengok semua expect tu kan. Yang tu yang penting dia tengok tu sebenarnya.
- Dr Hairun: Jadi macam perlu ke macam tadi, nak keluarkan satu garis panduan yang khusus la. Pasal tadi company tu tak apalah, dia memang profit-oriented, memang ada dia punya ni. Macam majlis ni dia harta amanah, zakat wakaf baitulmal.
- Prof Engku: Ya. Lagilah. Kalau profit oriented tu, they can afford to lose their money tapi yang ni dia can't afford to lose their money. So lain perkiraan.
- Dr Hairun: Jadi ini yang masalah. Bila perkiraan-perkiraan begitu, duit ni begitu. Jadi kadang-kadang dari sudut pelaburan tu, kadang-kadang mereka macam tak begitu ketatlah. Kerana.. Sepatutnya lebih ketat lah.
- Prof Engku: Sepatutnya lebih ketat lah. Tapi oleh kerana dia jadi maca.... Kadang-kadang itu sebab majlis sekarang ada banyak isu-isu tadi la.
- Dr Hairun: Pelaburan ada akta pelaburan ya Prof?
- Prof Engku: Tak tahu. Tapi dalam company dia memang ada SOP dia adalah. Memang dia ada committee dia. Dia ada audit committee dia. Jadi benda tu akan check and balance la. And then dia selalu ada regular punya due date punya review. Macam kalau even dalam company kecil pun kan, investment committee dia akan .... At least quarterly kan. Dia boleh tengok oh first month ni macam mana. Ok next month nak switch ke. Dia active management kan. So, walaupun kita ada appoint manager apa semua kan, tapi kena ada active supervision jugak lah daripada investment committee.
- Dr Norida: Macamana perkara tu nak dimasukkan dalam enakmen ke? Sebab dalam enakmen pentadbiran agama Islam dia cakap tanggungjawab majlis adalah untuk kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam. Klause macam tu je. Maknanya MAIN bertanggungjawab untuk memajukan ekonomi dan sosial orang Islam.
- Prof Engku: Saya rasa kalau nak dimasukkan dalam akta dia mungkin agak terlalu spesifik. Saya rasa mungkin kita boleh letakkan dalam regulation ke. Dia macam rules. Saya tak pasti, kalau parlimen dia ada akta and dia ada rules and regulation. So kalau enakmen saya tak pasti. Dia ada dalam bentuk directive ke atau yang..
- Dr Norida: Selalu macam dalam accounting dalam enakmen dia kata refer kepada standard yang dikeluarkan oleh MASB. Macam tu. Macam refer-refer la macam tu. Tertakluk kepada akta ke.
- Prof Engku: So mungkin dia boleh referlah kepada mungkin kalau katalah pelaburan, mungkin boleh sebutlah yang selamat tu macamana kan. Macam dia boleh adopt la, mungkin sebahagian daripada company-company punya fund manager association. Saya tak pasti. Dia ada association apa ni. Pelaburan-pelaburan.
- Dr Hairun: Macam bank negara, melalui majlis penasihat syariah. Dia ada tak satu garis panduan pelaburan patuh syariah yang macam mana patut diikuti. Dia ada ke?
- Kalau dekat securities commission dia banyak dekat securities commission la. Macamana yang dikata patuh syariah apa semua. Tapi business decision tu biasanya SAC tak buatlah. Business decision tu fund manager yang akan layout macamana strategi business

dia.Strategi bisnes dia based on dia punya risk apartheid la. Kalau risk apartheid dia boleh absorb lost, lainlah bisnes strategi. Kalau yang medium tu dia panggil balance strategy. And ada strategi yang conservative strategy. Jadi saya rasa especially wakaf la, zakat saya rasa tak payah nak melabur la. So macam dia lebih kepada konservatif atau kalau ada pun balance. Tengok fund dia la yang mana. Tapi dia macam duit-duit passion fund ni la. Kalau passion fund ni kan dia very conservative jugak. Approach tu dia punya fund manager dia tengok pun benda macam tu. So dia tengok boleh generate return tapi risiko kepada capital is very minimal. Macam tu lah.

Cik Azizah:  
Bermakna ciri-ciri konservatif tu boleh dijadikan sebagai satu syarat juga kan? Sebagai decision making on nak melabur kat mana.  
Aah. Itu mesti .....

Prof Engku:  
Cik Azizah:  
Prof Engku:  
Cik Azizah:  
Prof Engku:  
Tak makna kalau kita nak wujudkan satu islamik punya standard sekarang ni kan, ciri-ciri konservatif, pelaburan yang konservatif tu kan.

Kalau memang fund yang kita guna tu adalah fund yang memang kita nak preserve la. Agak konservatif la cara dia. Cuma kalau fund manager yang cekap tu dia boleh balance, dia boleh macam, of course conservative tu dia ada dapat protection from the capital tapi dia mesti ada subside jugak kan. So upside tu kadang-kadang dia boleh, dia pandailah nak balance kan. Tapi dia mesti

Maksudnya reasonable kan. Conservative yang reasonable.  
So susah nak cakap nak jadikan peraturan ke. Sebab kadang-kadang kalau over regulate pun dia akan jadi tak ada innovation langsung. Last-last semua letak dalam FD.  
Sebab dia ada jawatankuasa pelaburan.  
Aah, dia sepatutnya adalah. Tak tahu lah majlis macam mana dia punya.  
Ada-ada.

Dr Norida:  
Prof Engku:  
Dr Azlina:  
Prof Engku:  
So kalau ada tu, boleh check la macam mana dia punya monetari. Macam mana dia punya bisnes strategi dia kan.  
Dalam enakmen dia general.  
So mungkin setiap majlis agama boleh adakan peraturan dalaman dia lah. Macam SOP dalaman dia. Yang itu saya rasa memang sepatutnya ada lah. Sebab kalau dalam enakmen ni susah jugak nak letak pun. Dia dah bagi secara umum, and then ambik kuasa daripada situ kita buat guidelines ke garis panduan, unutk setiap majlis. Yang itu mungkin. Dulu wakaf dulu dah ada banyak research yang macam-macam nak develop harta wakaf. Dah macam-macam.

Dr Norida:  
Jadi kalau cakap pasal bajet kan, ada juga kena mengena dengan fasa yang ni. Berkaitan dengan pendedahan maklumat belanjawan. Maksudnya majlis kan ada belanjawan dan ada setengah enakmen ada kata perlu digazetkan dia punya approved budget tu. Dalam accounting standard, perlu didedahkan maklumat-maklumat belanjawan itu supaya boleh dibandingkan dengan the actual figures. Tapi ada setengah majlis kata dengan pendedahan maklumat bajet ini, bila dibawa ke dewan undangan negeri dia aka nada macam-macam la. Non-muslim punya kan. Dewan undangan negeri tu. Jadi untuk mengelakkan perkara-perkara yang tersebut, setengah majlis tak nak maklumat bajet dia didedahkan dalam dia punya laporan kewangan.

Prof Engku:  
Apa yang jadi isunya?  
Dr Hairun:  
Dia takut macam nanti timbul fitnah. Mungkin biasanya macam ahli politik yang non-muslim la akan attack.

Prof Engku:  
Dr Hairun:  
Prof Engku:  
Itulah sebanya ada hanky panky.  
Kita pun tak pasti.

Dr Hairun:  
Pasal kalau ada benda yang salah akan jadi isu, tapi kalau katalah kita punya report tu semua in order kan. Everything is accounted for properly. Kan. So saya rasa kalau orang nak attack pun kita boleh defend la kan. Ni untuk apa ni unutk apa kan. Takut benda tu memang tak boleh nak defend, jadi susah la kan.

Dr Norida:  
So dari segi ketelusan memang perlu la ya maklumat tu?

Prof Engku:  
Saya rasa ketelusan perlu. Aah. Sebab kalau tidak tak adalah macam kisah عَمَّرْ Umar kan. Yang baju tu. Saidina Umar bagi gaji tu cukup untuk beli satu baju tiba-tiba anak dia ke sapa ada 2 baju tu. Kan? So dia tanya dapat dari mana so sebenarnya yang lagi satu baju tu ada sapa-sapa hadiahkan kepada dia kan. So it's ketelusan lah. Mestilah tak ada masalah kalau orang nak tanya. Kan. Nak tahu apa soalan tu yang nak tengok tu. Kalau benda betul-betul tak justified tak apa la kan. Kita takut benda tu macam..

Dr Norida:  
Dan boleh buat perbandingan antara actual dengan budgeted figure. Jadi mungkin  
Prof Engku:  
Sebab kalau kita tengok even macam yang dekat Singapore. Singapore pun dia punya MUIS kena bentang akaun dia semua kepada monetary authority of Singapore.... Financial

institution. And then dengan sebab dia bentang tu dia disiplin. So dia kena make sure yang dia bentang tu dia boleh defend kan. So dia bertanggungjawab la. Saya rasa dari situ dia akan timbulkan culture yang lebih baiklah. Kalau kita bayangkan tak ada orang nak cek. Kalau majlis ugama Singapore lagi la semua non-muslim kan. Tapi they are happy. Maksudnya dia kan, kalau tak ada masalah dalam kita punya the way kita do the budget kan, saya rasa tak ada isu. Tak nampak pula kenapa jadi isu. Kecuali memang ada benda tak betul la.

- Dr Norida:  
Yang itu kena tengok enakmen dia ya prof? Maksudnya kalau dia gazetkan belanjawan tu baru kita boleh dedahkan la maknanya maklumat tersebut? Perlu tak ada perkataan perlu digazetkan?
- Prof Engku:  
Tak pasti, saya tak pasti.  
Sebab setengah enakmen ada. Setengah enakmen tak ada kata perlu digazetkan.  
Dr Norida:  
Saya rasa setiap negeri ada undang-undang tubuh dia sendiri kan. So, dia tengok undang-undang dialah. Dan kadang-kadang tu saya tak pastilah tapi report tu perlu ada. Tapi saya rasa dari segi line on command nya dia punya reporting kepada raja la. Cuma bila jadi public document mungkin dia tak bentang rasa dekat dewan majlis undangan negeri. Itu diorang dapat maklumat je la agaknya kan. Tak pasti sebab saya memang tak ada buat kajian la, individual punya enakmen ni.
- Pn Ainol:  
Sebab kita cuba nak buat standard untuk semua negeri. Tapi sebab ada negeri yang undang-undang dia lain-lain, jadi  
Prof Engku:  
Tak matching standard ni dia susah, enakmen lain-lain. Cuma mungkin negeri yang dibawah agung tu bolehla buat standard. Macam contohnya wilayah persekutuan, pulau pinang, sabah, Melaka. Kalau daripada situ bolehla buat standard, mungkin ada negeri-negeri lain nak follow jadi template mungkin la kan. Macam yang attempt baru ni, diorang nak buat enakmen wakaf tu kan. Akta wakaf. Sebab dia peringkat wilayah kan, so of course tak boleh buat untuk semua negeri Cuma yang bawah yang wilayah dan negeri-negeri yang di bawah Agung. So dengan harapan negeri-negeri lain, if they feel it good, they can adopt. Macam tu jelah. Macam tu keadaannya. Perlembagaan tak boleh ubah, it's almost impossible.
- Dr Hairun:  
Prof ada terbaca macam ada terdengar yang majlis agama islam ni disaman ke ataupun ada kes-kes lah sebagai legal entity.  
Prof Engku:  
Sebagai legal entity tak pasti. Tapi dia memang ada kes disaman. Majlis agama islam, pengarah la ke JAWI, saya tak ingat la. Pengarah JAWI sekali dengan dia punya JAWI sekali. Tapi maksudnya adalah yang pernah disaman. Tak ingatlah kes apa.  
Pn Ainol:  
Mahkhamah syariah?  
Prof Engku:  
Hrm mahkhamah apa ya? Saya pun dah tak ingat.  
Dr Hairun:  
Tapi berkaitan dengan biasanya sivil la kan?  
Prof Engku:  
Hrm dia tengok jugak. Sebab kadang-kadang isu wakaf pun ada jugak kan. Sebab macam keluarga dia kata benda tu bukan wakaf, yang majlis kata wakaf kan. Ada jugak kes macam tu tapi saya tak pasti jugak. Ada yang pergi mahkhamah biasa, ada pergi mahkhamah syariah.  
Dr Norida:  
Sebab dia legal entity tu la ya prof? Saman menyaman.  
Prof Engku:  
Hrm nak kata, dia institution la. Macam government of Malaysia pun disaman kan, government, ministry. Dia legal entity in the loose sense lah. Dia institution. Dia tak macam legal entity macam company law tu. Yang itu dia ada limited liability macam tu kan. So ini lebih pada institusi la. Sebab even employers kan boleh macam-macam la. Ada saman-saman, kadang-kadang by careers la. Dia punya staff buat macam tu, so dia saman majlis agama islam jugka kan. So memang ada la. Tak ingat la kes-kes apa. Tapi ada kes wakaf ada kes macam hartanah pun ada jugak kot. Macam diorang sewa menyewa kan, kontrak-kontrak tu ada juga.  
Dr Hairun:  
Tapi dia berbeza dengan syarikat la? Maknanya yang syarikat lain. Dari segi intitusi majlis ni kira lain la, dari segi legal entity concept tadi.  
Prof Engku:  
Institutional la. Dia panggil  
Dr Hairun:  
Yang sesuai la untuk majlis ni.  
Prof Engku:  
Institusi la. Tapi dari segi institusi yang ada dekat nas secara detail la, sebab itu dipanggil legal entity. Institusi kan.  
Dr Hairun:  
Cuma dia punya tu tak sama dengan dia punya company la? Company macam ada akta, akta syarikat la. Macam ni  
Prof Engku:  
Yang ini perbadanan. Dia perbadanan dia ada enakmen dialah. Undang-undang. Dia macam badan berkanun la ya.  
Dr Norida:  
Maknanya institusi yang di'legalised' tu, dipanggil legal entity la kan?  
Prof Engku:  
Aah. Yang itu yang badan berkanun. Statutory body la. Macam majlis agama islam ni dia macam statutory jugak kan?  
Cik Azizah:  
As if kan.  
Prof Engku:  
Institusi bawah raja. Tatau nak kata macam mana ya. Kena check balik kot constitutional

law. Dia sebenarnya banyak kan pembahagian-pembahagian bawah constitutional law. Ada lagi yang lain?

Dr Hairun:  
Dr Norida:  
Hrm yang ini bukan fasa 4 punya, fasa 3 punya prof. Zakat yang dikutip oleh MAIN tu, adakah dia hasil ataupun dia liabiliti pada MAIN? Pada pendapat prof.

Prof Engku:  
Sebab dia trust. Kalau trust tu dia macamana? Duit dia pegang as a trust. Dia bukan dalam aset liabiliti trustee kan? Accounting wise.

Dr Norida:  
Kalau, itulah ada setengah pendapat kata dia liability, maksudnya dia dapat dia kena agihkan semua. So selagi dia pegang tak agih tu, dia menjadi liabiliti kepada MAIN. Untuk mengagihkan.

Prof Engku:  
Tapi dia, macamana kalau property yang held in trust, kita treat dia macamana dari sudut accounting?

Dr Norida:  
Yang sekarang macam tu lah, sebab MAIN ikut standard sama macam syarikat sama macam entiti perniagaan as hasil. Balance dia sebagai ekuiti.

Prof Engku:  
Oh, saya ingatkan dia buat macam kalau contohnya syarikat takaful kan. Syarikat takaful dia kena, kalau duit shareholder memang la, aset liability dia kan. Tapi yang duit daripada participant tu kan, dia kena segregate, separate. Macam operator dia kena pegang in trust la, for the participants.

Dr Norida:  
Pegang in trust la?

Prof Engku:  
Aah. Macam mana dia buat accounting treatment kalau takaful? Familiar tak?

Dr Norida:  
Tak.

Prof Engku:  
Takaful fund tu. Sekarang tengah isu la ni, sebab dulu dia buat kolumnal. Satu kolumn yang menunjukkan dia participant, yang satu kolumn lagi yang menunjukkan dia shareholder. Tapi sekarang ni bawah IFRS 17 kan satu kolumn je. Kan jadi isu. Dia kata so macam mana nak reflect, sedangkan duit operator tapi dia kena letak dalam balance sheet operator. So yang jadi isu sekarang ni dekat bank negara tak resolve lagi la. So macam kalau ni saya rasa duit zakat tu sebenarnya, bukanlah duit MAIN. Tapi sebab dia trustee, dia macam memegang amanah kepada duit tu. So kalau pemegang amanah dari segi bank, kalau ianya deposit, wadiah tu dia liabiliti lah. Kan?

Dr Azlina:  
Ya.

Dr Norida:  
Yang sekarang ni diorang tak ada standard. Itu yang kita cadang standard islam untuk kegunaan MAIN ni. Jadi diorang sekarang ikut yang macam perniagaan la. Dia dapat sebagai hasil dan ekuiti. Agihan tu belanja dan lebihan tu ialah ekuiti. Tapi dia tunjuk la kolumn. Kalau tak bagi kolumn pun, dia asingkan mengikut kumpulan wang. Kumpulan wang zakat, wakaf. So dia tak bercampurlah duit tu sebenarnya.

Prof Engku:  
Wang zakat tu bukan semua liability?

Dr Norida:  
Yang masa sekarang dia tak treat sebagai liability.

Dr Azlina:  
Dia tengok macam government kalau cukai tu hasil, zakat pun they treat like that. Cukai tu hasil government.

Dr Norida:  
Sebab standard yang diguna pakai sekarang ialah standard yang sama macam entiti perniagaan guna. Jadi tu yang perlu jadi keperluan sekarang ni untuk develop standard baru untuk MAIN.

Prof Engku:  
Bagus jugaklah saya rasa. Sebab kalau wakaf tu dia pegang mutawalli tu sebagai trust jugak. Cuma dia adalah balance sheet asset liability dia ada untuk dana zakat tu. Dana zakat, dana wakaf tu ada asset liability dia la, memang ni asset zakat. Macam tu lah pandangan saya.

Dr Norida:  
Maksudnya tak ada masalah kalau mengikut kumpulan wang tu. Dia tak asingkan kumpulan wang zakat tu.

Prof Engku:  
Tapi dia treat tu sebagai zakat la bukan sebagai pemegang amanah je kan? Takut dia treat macam seolah dia punya. Sebab kalau pemegang amanah macam ada 2 layer kan? Saya pun tak reti sangat accounting ni tapi maksudnya saya bayangkan sepatutnya dia pegang duit dia sebagai amanah tak sama la macam dia pegang duit dia sendiri kan?

Dr Azrina:  
Ya.

Prof Engku:  
Accounting treatment dia kenalah beza. Ha tulah yang saya cadangkan. Sebab MAIN dia ada duit dia sendiri, dia ada amil dia dapat 1/8. Itu bolehlah masuk hasil bagi dia. Hasil betullah. Memang yang itu duit dia. So daripada itu bolehlah guna untuk opex dia kan. Tapi duit zakat yang lain tu dia tak boleh guna untuk operational expenses dia. Dia amalan dia memang tak guna. Dari segi reporting tu. Ha itulah. Kena reflected.

Dr Norida:  
Ada pengasingan jugak zakat, dia tak bercampur sebenarnya. Macam hasil tu kan, dia ada zakat punya hasil, dia panggil hasil la sekarang ni.

Prof Engku:  
Tapi exactly macamana nak buat saya tak pastilah, tapi punya principle dia macam tulah. Sebab dia MAIN lain kan. Zakat ni, dia dianggap sebagai pemegang amanah saja. So yang dia punya duit sendiri, kena asinglah. Macam apa-apa lagi lah. Ada duit dia sebagai nazir wakaf pun ada jugak. Dia boleh ambik juga sebahagian daripada duit zakat wakaf untuk pengurusan tu kan. Tapi kena ada SOP dialah, sebenarnya berapa yang boleh diambilkan. Sebab dalam hadis ke apa, yang kata Saidina Umar yang kata kan, boleh jugaklah nazir tu

ambil secara makruf la, apa yang sebagai custom apa yang dia boleh ambik kan. So benda-benda tu, jelaslah memang duit MAIN. Kalau yang ni, duit yang MAIN pegang sebagai pemegang amanah. Samada kepada zakat atau kepada wakaf atau apa-apa lagi. Mungkin daripada baitulmal kan contohnya yang duit-duit fidyah semua tu kan. Tu kena bayar jugak, kalau yang fidyah tu untuk kena bagi makan kepada orang miskin. So dia kena salurkan lah jugak pada tujuan fidyah tu.

Dr Norida:

Prof Engku:

Sekarang dari segi reporting ada 3 kumpulan tu la prof.

Cuma saya nampak sekarang, kebanyakan MAIN, kalau dia tak cukup duit amil tu, dia akan guna duit bawah asnaf yang fisabilillah. Sebab dia kata aktiviti MAIN pun adalah untuk ni kan. Tapi tu benda tu pun kena teluslah. Dari segi report tu kan. Sebab takut terlajak lah. Sebab kadang-kadang. Wallahu'alam sebab kita pun tak rationalise lagi semua operasi MAIN ni. Adakah semuanya boleh di'rationalise' atau pun takut kita over staff la kan. Banyak sangat expenditure yang sepatutnya boleh digunakan secara lebih efisien supaya tak melebihi daripada amil punya portion tu.

Dr Norida:

Kalau dalam islam dari segi significant influence, kalau dalam accounting ni dia kata kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan kewangan dan operasi tapi tidak mengawal. Ada tak dari segi syariah, boleh ke kita pakai yang ini ataupun ada elemen-elemen lain yang kena masukkan.

Prof Engku:

Saya rasa neutral je lah kot. Sebab dia lebih pada uruf la. Bagi saya benda ni adalah uruf. Dari segi accounting uruf dia macamni. So saya rasa boleh diterima kalau tak ada persetujuan yang lain lah, dari pihak-pihak yang itu kan. Cuma dari segi pensyarikatannya kan, kecuali jika jual beli di tangan orang islam ni. Yang ni pun dhoif jugaklah sanad dia kan. Tapi maksudnya ada juga perbahasan dengan ulama maksudnya contoh dalam syarikat mufawadiah kan, syarikah yang macam everything must be in full trust. Yang level trust dia sangat tinggi tu kan. Kalau yang syarikat i'nan ni biasanya kita put term and conditions la, boleh buat ni tak boleh buat ni. Kita kan ada syarat-syarat dia kan, apa yang boleh apa tak boleh. So macam yang tu mungkin tak berapa straight sangat la. Sebab bila kita tak berapa sure orang ni boleh, samada dia islam ataupun tak islam pun kan, letaklah syarat-syarat. Dia boleh buat ni je, yang lain tak boleh. Kerana dengan syarat-syarat nilah limitkan kita punya risiko. Kalau yang mufawadiah ni memang semua dapat hak full dan equal rights. Yang itu memang ada perbahasan la. Sebab bila kita kata trust tu kan, even kita sama-sama Islam pun kadang-kadang kita tak nak buat mufawadiah. Kita kena pilih kita punya close circle je kan. Apatah lagi kalau kita kata dengan non-muslim kan. Tapi kalau dalam zaman ni memang jarang dah, memang takda syarikat mufawadiah ni, so dia lebih kepada syarikat al-i'nan tu kan. So i'nan ni, dia contractual la. Dia based on contract tu kita nak setakat mana kan. Mungkin kita JV jugak dengan dia tapi mungkin dia punya autoriti cuma untuk apply satu benda ni je. Sebab mungkin dia ada contact dengan supplier kan. So, kita boleh limit la. And then apa-apa bayaran tak boleh masuk dalam akaun dia. Benda-benda macam tulah. Kalau macam sukuk pun, sukuk pun actually dia JV jugak dia particular projek kan. Dia memang ada refencing la, dia reference kan this portion, cuma income tu masuk dalam dis\* akaun bawah nama trustee, dia pun tak boleh usik kecuali dengan kebenaran trustee. Benda macam tulah. Sebab tu dalam beberapa keadaan kita taklah, of course kita check la jugak financial, benda-benda tu kan. Tapi sebab kita dah refense. Banyaklah keadaan macam dia conventional bank tapi issue sukuk. So project tu dia buat macam general. Pastu untuk dia punya operation window Islamic sahaja. So kita refense kan semua income tu, and kita tak masuk campur la dia punya yang lain kan.

Dr Norida:

Jadi joint venture, join operation tu lebih kadang-kadang berbentuk syirkah i'nan.

Prof Engku:

Saya rasa i'nan la. Sebab tu saya rasa dia bolehlah. As long as ada trust tu.

Dr Norida:

Ada jugak elemen trust dan ada jugak syarat-syarat dia.

Prof Engku:

Memang dalam mana-mana syarikat dia mesti ada. Kalau kita tak boleh percaya dengan partner macamnya kita nak buat syarikat. Dan kadang-kadang kita dengan orang Islam pun kita tak boleh percaya. Tak amanah, tak ada kebolehan dan sebagainya. Kemungkinan dia tak boleh nak deliver kan, so kita tak bagi la duit tu dekat dia.

Dr Norida:

So maknanya kawalan tu, dalam konteks ni MAIN kan, syirkah dengan satu entiti nak buat JV, jadi MAIN kena ada kawalan tu.

Prof Engku:

Ada SOP dia la. Tak boleh macam arm slang sebab kalau tidak nanti kita tak pilih yang terbaik kan. Of course dia boleh kalau macam pasal diorang pun mesti nak dahulukan orang islam. Tapi tak bolehlah at that space, dia tau dia tak boleh buat kan, nak jugak. Tak betul jugaklah. Tapi kalau dua-dua memang sama-sama boleh kita nak bagi pada orang islam tak apalah.

Dr Norida:

Kalau join venture dia menunjukkan entiti, dua-dua ada kawalan? Boleh ke macam tu prof?

Prof Engku:

JV pun tengok terms on venture jugak. Sapa yang sebenarnya. Kadang-kadang ada jadi general partner, limited partner. Jadi dia kena tengok the actual contract. Kontrak tulah yang determine. Sebab kebanyakannya MAIN tak adalah yang active punya management

kan. Yang buat active management mestilah orang yang ada kepakaran. That's why kita JV dengan dia.

Dr Norida: Boleh term kawalan bersama tu Prof?

Prof Engku: Kalau yang bersama tu biasanya dia ada terms and condition dia. Apa benda yang kita kawal?

Pn Ainol: Operasi dan kewangan secara bersama. Decision.

Dr Norida: Dari segi operasi dari segi kewangan.

Prof Engku: Tapi day to day tak kan?

Dr Azlina: Kalau JV tu taklah. Dia ikut diri sendiri.

Prof Engku: Dia ada managing yang buat day to day.

Dr Norida: Tak, yang mengawal entiti tu.

Prof Engku: Maksudnya MAIN akan sit in the board?

Dr Azlina: Aah, sit in the board.

Prof Engku: Depends pada JV jugaklah.

Dr Norida: Tak kalau in general definition means that nobody has like, kalau induk subsidiary tu, di induk kan ada control. So to decide, this one must be decided together.

Prof Engku: Kalau cannot decide? Tak boleh buatlah benda tu?

Dr Azlina: Hrm. Kena setuju means macam..

Prof Engku: So I think this is contractual. Kalau dia nak buat macam tu boleh.

Dr Norida: Tak ada masalah dari segi hukum?

Prof Engku: Tak. Dia *ال المسلمين على شروطه إلا حراماً أو حراماً أو حراماً أو حراماً*. Islam boleh letak syarat-syarat selagi mana tidak mengharamkan apa yang halal, dan menghalalkan apa yang haram.

Dr Norida: MAIN kena buat syarat-syarat tulah.

Prof Engku: MAIN kena lantikla legal advisor dia untuk protect interest MAIN semua.

Dr Norida: Maksudnya boleh kawalan bersama dengan syarat-syarat tertentu. MAIN kena tetapkan macam tu.

Prof Engku: Ni kalau musyarakah. Kalau mudharabah dia ada isu jugaklah. Kalau mudharabah dia macam dah lepas buat kontrak tu, sepatutnya robbul mal tak interfere la dengan apa-apa yang mudharib buat. Tapi dia boleh buat mudharabah muqayadah yang letak dalam mudharabah ni syarat-syarat dia and lepas tu dia akan leave it to the mudharib. Tapi kalau dalam syarikah dua-dua boleh jadi active management ataupun dia boleh delegate ke one of them.

Dr Norida: Jadi JV ni dia syirkah atau mudharabah?

Prof Engku: Dia tengok kalau syarikah dua-dua ada masuk capital, kalau satu pihak je bagi capital dia mudharabah. Kalau dua-dua bagi capital itu musyarakah.

Dr Norida: Itu bentuk JV lah ya?

Prof Engku: JV kalau moden ni macam-macam.

Dr Azlina: Sebab JV semua kena based on contract.

Dr Norida: Perlu ada satu entiti lain.

Dr Azlina: Tak semestinya. Kalau tak ada entiti dia jadi Joint Operation. In accounting wise la.

Dr Norida: Yang JV tu, ada entiti lain ke

Prof Engku: Tak semestinya incorporate. Boleh jadi unincorporated JV. So dia bawah limited liability partnership. Maknanya boleh. Dia boleh JV tu sendiri jadi syarikat. So dia macam-macam jenis la JV ni. Kalau offshore entiti lagi banyak dia punya choice.

Dr Norida: So dalam syariah tak ada masalah lah.

Prof Engku: Syarat dia tak boleh menghalalkan benda yang haram tak boleh mengharamkan benda yang halal. The rest are conventional decision la. So last kalau kita rasa kene letak. Dia budi bicara la dan kebijaksanaan pihak-pihak yang kontrak.

Anis: Nak tanya secara teori jelah. Yang pasal syarikah tu, biasanya ada 2 yang diiktiraf Islam kan, amal dengan mal. Satu lagi Islam iktiraf tak imej

Prof Engku: Wujuh ada jugak. Wujuh pun ada. Wujuh tu reputation la.

Anis: Menyebabkan dia boleh dapat profit la?

Prof Engku: Aah. Tapi of course dia ada different opinion la setiap mazhab. Imam syafie dia terima mal je. Kalau mazhab-mazhab lain terima.

Anis: Kalau prektis sekarang ada?

Prof Engku: Yang franchise-franchise tu kan? Saya rasa dia a form of wujuh jugak lah. Sebab dia guna dia punya imej. Taklah sebijik macam macam klasik yang wujuh tapi ciri-ciri tu ada.

Dr Norida: Yang last prof, dari segi prinsip pendedahan untuk MAIN apa yang perlu didedahkan maklumat dalam laporan kewangan. Kalau ada yang prof nak tambah kan. Maklumat tu mesti relevan, objektif, mesti ada ketelusan dan boleh dipercayai, maksudnya tak mengelirukan, tak ada timbul fitnah.

Prof Engku: Fair. Wajar. And then timely. Satu lagi orang kata boleh pahamlah. Sebab kadang ada disclosure tapi orang tak paham. Comprehensibility la. Something yang boleh paham dan tak mengelirukan.

- Dr Norida: Itu yang bajet tu tadi dia kata, bajet tu boleh timbulkan kesan negatif. Maklumat bajet yang saya katakan tadi tu.
- Dr Hairun: Pada pandangan Majlis la. Pada pandangan akauntan majlis.
- Prof Engku: Apa yang? Boleh bagi contoh?
- Dr Norida: Mungkin mereka tak nak macam-macam persoalan dalam tu, ‘kenapa bajet macam ni’, ‘dapat macam ni’. Nak elakkan benda-benda macam tu.
- Prof Engku: Kalau semua in order? Boleh jawab kan.
- Pn Ainol: Sebab mungkin sebab geran-geran kerajaan la, macam kerajaan, kalau dah banyak dah duit baitulmal kenapa kerajaan negeri peruntukkan lagi? Contohlah.
- Prof Engku: Dia kena ensure la baitulmal guna untuk asnaf-asnaf ni. Yang negeri bagi adalah untuk cater benda ni kan. Yang tak cover by asnaf lagi tu. Contohlah. Bolehlah nak defend sebenarnya.
- Prof Engku: Itu yang mereka tak nak, dipersoalkan lah benda-benda tu. Takut ada potensi kehilangan peruntukan
- Prof Engku: Saya rasa sepatutnya tak ada yang overlap tu. Contoh kata kalau pendidikan kerajaan negeri dah bagi, sepatutnya boleh gunakan untuk benda lain, macam untuk upgrade orang miskin yang banyak lagi kan. Fakir miskin ni masih tak terbela kan.
- Dr Norida: Boleh ke prof kalau guna justifikasi, wang awam adalah apa-apa kecuali wang agama islam kan. Maksudnya MAIN ni, dia punya sumber tu, zakat, itu semua untuk orang islam kan. Jadi dia tidak termasuk dalam definisi wang awam mengikut perlembagaan. Jadi atas dasar tu, boleh melepaskan mereka dari membuat pendedahan dalam dewan undangan negeri.
- Prof Engku: Tak tahu, tak boleh nak komen. Sebab in a way, dia masih wang awam la. Tapi wang awam yang di kalangan umat islam lah. Tapi dia sepatutnya bagi pendedahan kepada umat Islam la supaya diorang konfiden la yang MAIN memang menguruskan wang ni dengan baik. Tapi samada nak dedahkan kepada sapa tu, wallahua’lam. Tu kena tengok la pro and cons dia. Sebab kalau tengok macam laporan tu, kalau dia dedah sama dengan orang lain dia kena equally competent la. So nampak macam positif la unutk diorang. Sebab memang dia kena jadi professional, sebab expected semua kena di ni kan. So efficient use la dia punya sources tu. So kalau macam ni, I tak sure la siapa. Who are the stakeholders of MAIN. So kita dedahkan kepada our stakeholders la. If non muslim tu bukan stakeholders, mungkin tak perlu kepada diorang. Kepada the other stakeholders. Itu yang penting. Yang pembayar zakat tu. Pendedahan kena ada la. Tapi to who?
- Dr Norida: Once dah jadi public report sapa-sapa boleh bacalah.
- Prof Engku: Yeh. Once dah jadi public document. That’s good la for me. So kita akan accountable la. Dia akan ada self discipline. Culture of compliance.
- Dr Hairun: Ok. Okay prof. Jadi kami rasa cukup dah setakat ni. Takut lama sangat. Jadi kami dari pihak UKM, Fakulti ekonomi dan pengurusan mengucapkan terima kasih lah kepada prof kerana sudi membantu kami untuk memberi pencerahan la.
- Prof Engku: Harap membantu la.
- Dr Hairun: Pencerahan untuk satu laporan yang akhirnya kita nak bangunkan standard perakaunan islam. Memang betul-betul kita harapkan bantuan lah.
- Prof Engku: Baguslah saya rasa eloklah supaya yang penting institusi-institusi Islam ni dia professional, orang boleh kata ada accountability. Duit pun traceable. Sebab ni pun duit amanah kan. So kita nak tahu duit tu ke mana kan.
- Dr Hairun: Jadi mengambil masa la, macam tadi la isu-isu persepsi negative kan. Jadi sekarang ni kita cuba improve kan imej tu dengan perkenalkan satu standard sedikit sebanyak mungkin dapat mengurangkan kecurigaan masyarakat terhadap wang umat Islam.
- Prof Engku: Betul.
- Dr Norida: Prof satu lagi, nanti kita akan masukkan nama Prof dalam laporan sebagai pakar rujuk.
- Dr Hairun: Boleh prof ya?
- Prof Engku: InshaAllah.
- Dr Hairun: Ok jadi kita tutup dengan tasbih kifarah dan surah Al-Asr.

**Transkrip Perbincangan Kumpulan Penyelidik UKM  
bersama SS Dato' Dr. Anhar Bin Opir**  
**Tarikh: 19 Februari 2020**

Dato' Anhar: Au'dzubillah. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Kita mulakan pertemuan dengan membaca ummul kitab Al-Fatihah.

Penyelidik: Waalaikumussalam w.b.t

Dato' Anhar: Allahumma solli a'la sayyididna Muhammad. Ana mengalukan kedatangan kumpulan penyelidik daripada UKM, Prof Madya Dr Muhammad Fairuz sebagai Pengarah Yayasan Canselor, dan semua kumpulan penyelidik. Jadi kita diizinkan bertemu dengan izin Allah. Tanpa membuang masa lagi, ana mempersilakan Prof untuk memulakan.

Dr Fairuz: Assalamualaikum w.b.t. Kami dari pihak penyelidik ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Dato' Anhar yang sudi menerima kunjungan kami. Saya dapat tahu bahawa Dato' dalam satu jawatankuasa tertinggi dalam membangunkan standard perakaunan islam yang dipengerusikan oleh Dato' mufti daripada Sarawak. Jadi lebih mudahlah tugas kita InshaAllah. Kumpulan ini adalah kumpulan penyelidikan yang diamanahkan oleh jabatan akauntan Malaysia, melalui dana melalui MoF kepada jabatan akauntan Malaysia untuk membangunkan standard perakaunan Islam, alternatif kepada standard perakaunan konvensional. Dia bermula daripada cerita mantan menteri kewangan ke-2, Dato' Seri Husni Hanadzlah mengetuai Malaysia di dalam persidangan OIC. Jadi ahli-ahli OIC melihat bahawa Malaysia terkehadapan di dalam Islamic Banking Instruments. Jadi apabila melihat Malaysia terkehadapan cuma apabila sampai kepada bab perakaunan dan pelaporan, maka setakat ini tidak ada alternative yang diberi. Kita ada Islamic Banking, kita ada Islamic Financial Instruments, kita ada Shariah Compliance. Tapi bila balik kepada accounting balik kepada isu pengukuran dan pendedahan, tidak ada alternative kita balik kepada conventional accounting standard. Jadi di dalam conventional accounting standard itu, terdapat perkara-perkara yang kita dapati menepati syariah, ada yang tidak menepati syariah dan ada lompong yang tidak di'cover' oleh conventional accounting standard itu. Jadi negara-negara OIC, memberi mandat kepada Malaysia untuk menerajui, pembangunan standard perakaunan Islam ini, dengan harapan apabila standard ini dibangunkan harap mereka boleh mengaplikasikan mengikut mazhab atau pun keadaan persekitaran di negara masing-masing. Balik dari itu, Dato' Seri Husni Hanadzlah menyerahkan kepada kementerian kewangan. Kementerian kewangan telah mengamanahkan kepada jabatan akauntan negara Malaysia. Dan jabatan akauntan negara Malaysia telah memilih UKM sebagai salah satu universiti penyelidikan untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Sekarang kita berada pada fasa yang ke-4, iaitu fasa yang terakhir dalam proses pembangunan standard ini. Dan dalam fasa yang ke-4 ini secara umumnya kita akan bercakap tentang entiti perniagaan yang akan bekerjasama dengan satu entiti yang lain. Kita bercakap tentang konsep penyatuan konsep bersatu. Kita bercakap tentang konsep joint arrangement di dalam itu sendiri. Itu antara latar belakang dan tujuan dalam proses membangunkan itu maka kita akan pergi kepada majlis-majlis agama Islam yang telah diamanahkan kepada kita untuk melihat apa yang berlaku di ground. Apa yang diamalkan. Di samping itu juga kita akan membuat rujukan-rujukan ilmiah, daripada jurnal-jurnal dan salah satu daripada kaedah ialah kita perlu berjumpa dengan pakar rujuk jadi antara pakar rujuk yang telah dikenalpasti ialah Dato' sendiri lah yang kita perlukan maklumat dan pandangan Dato' berkaitan dengan isu-isu yang kita akan bawakan nanti. Itulah sedikit sebanyak latar belakang Dato'.

Dato' Anhar: Maknanya waktu standard yang kami bincang dulu tu, team ni saja yang buat?

Dr Fairuz: Dia ada yang sebenarnya ada 3 pasukan, iaitu UKM yang mewakili zon I. Dimana yang zon I itu dia cover Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan juga Sabah. Itu zon 1. Kemudian ada zon II daripada UIA dan zon III daripada UUM.

Dato' Anhar: Purata 5 negeri satu zon? 5-5-4.

Dr Fairuz: Aah begitu.

Dato' Anhar: Dah dapat report lepas mesyuarat pertama haritu?

Dr Fairuz: Sebab macamni, jawatankuasa yang Dato' anggota itu ialah the higher level dah. Dan yang tinggi satu lagi itu penasihat. Cumanya penasihat ini dia akan mendapatkan pendapat daripada jawatankuasa syariah. Begitu. Because dalam standard perakaunan islam ini dia fatwa yang akan menjadi paling atas. Dimana treatment accounting itu akan mengikut fatwa.

Dato' Anhar: Panjang bahasnya tu. Sebabnya kalau last sekali kita kata 'dan apa-apa yang diputuskan oleh fatwa', dia tak boleh jadi standard dah. Sebab fatwa beza-beza setiap negeri. Dia takkan jadi standard yang dengan maksud penyeragaman. Itu yang kami debate lah.

Dr Fairuz: Paham paham.

Dato' Anhar: So dia fall under departure, pelepasan. Itu kami cadang hari tu tukar perkataan ataupun apa-

apa fatwa yang diputuskan oleh negeri tu tak payah tulis kat atas. Kalau tak dia takkan jadi standard. Kalau dia tulis kat atas fatwa, last sekali tak standard la. Kekal berbeza-beza setiap negeri. Itu cadangan kami la untuk maklumat. Dan dah setuju semua secara konsensus. So kita namakan dia departure la. Makhraj dia. Dikira pelepasan.

Ya. Ya.

Maksudnya MAIN akan ikut standard. Maksudnya kalau fatwa berlainan maknanya akan ikut kepada Fatwa.

Aah sama je akhir sekali. Cuma tak payah sebut kat atas fatwa. Sebab kalau tak, awal-awal lagi kita dah setuju untuk standard ini tidak standard.

Yelah. Sebab dia atau kan.

Maknanya semua negeri memang kena round la eh?

Ya. Sebab itu kita ikut zon.

Dekat peringkat Dato' ini baru fasa pertama ya?

Sebab kita sekarang dalam fasa yang ke-4, yang jawatankuasa Dato' tu sit untuk fasa pertama. Nanti dia aka noda untuk sit lagi untuk fasa ke-2, fasa ke-3.

Sebab dia tulis setahun sekali.

Aah kita setahun sekali Dato' fasa satu.

Setahun sekali, tahun depan pulak lah. Kita nak kejar sebab last sekali ketua kauantuan negara, kita plan 2025. 2023 dah mula. Sebab kita nak pergi ke majlis raja-raja tu. Dia ada option kedua kalau x nak pergi ke majlis raja-raja. Sebab laluan dia agak berliku. Iaitu kena bentang dekat jawatankuasa fatwa negeri. Pergi sekali, raja-raja tapi mashaAllah lama. Nak cepat pendek, tapi mashaAllah banyak kerja. Dua-dua ada risiko la.

So yang cadang pulak instrumen maqasid syariah. Yang diagram tu. Itu gabungan 3 penyelidik ataupun sini. Itupun debate panjang tu prof, sebab sejauhmana terminologi dhoruriyyah yang kami bahaskan, ana dengar je, yang lain yang berbahas ni, sejauhmana betul-betul membawa maksud dhoruriyyah. Yang senang nak kata dhoruriyyah ni, ﴿لَا يَعْلَمُ مَا فِي الْأَوْرَاق﴾ma la hayata illa biha. Tidak ada kehidupan kalau tanpa adanya.

Ok Dato' sebelum proceed, nanti saya terlupa nak minta izin untuk kita record sebab nanti balik nak transkrip.

Kena lebih berhati-hatilah lepas ni.

Maksudnya tak kenalah ya?

Yang itu belum diputuskan lagi. Cuma kami nak dengar nanti daripada, mungkin kami nak request nanti untuk dengar dari penyelidik. Dia punya konsep tu, sebab itu yang akan jadi instrumen yang akan kira paling penting la.

Ya.

Tapi yang ni kami cadang dah, makna, nama saja tukar terjemahan saja, keperluan, kemestian. Takut-takut terminologi itu tak tepat nanti. Kita duk seronok guna tapi kalau takda pun tak mati pun. Takut nanti jadi sewenang-wenangnya kita claim jadi maqasid tapi sebenarnya tak jadi maqasid. Kebimbangan tu ada sikitlah. Tapi satu usaha yang sangat masykurah.

Ok prof. so harini kita nak cerita tentang musyarakah la kan? Fokusnya kan?

Ya. Ya, betul Dato'.

Cuma yang ni, memang group Prof buat ni? Yang ni?

Ya, ini cadangan. Dia yang pasal itu Dato', untuk fasa ni kita sekarang ni melihat MAIN ni seolah-olah macam satu Legal Entity.

Orang MAIN. Pengalaman berharga.

Tapi harini kami pinjam pakai topi UKM sekejap.

Sila.

Maksudnya kami pada fasa yang ke-4 maknanya kami sekarang nak buat satu rumusan akhir la, untuk melihat dari sudut MAIN dari segi peranan dia, kami istilahkan dari kaedah Fiqh nya adalah Dhimmah. Itu yang saya letak tu. Dhimmah itu.

Boleh tak tanpa perkataan Fiqh kat sini. So terus saja tulis Nazoriah Ad-Dhimmah. Teori Ad-Dhimmah. Kalau teori fiqh dhimmah, kita akan pergi lebih besar kepada fiqh. Kalau teori dhimmah sahaja, memang kita nak fokus Dhimmah la kan?

Ya.

So teori dhimmah itulah Fiqh nya.

Pasal saya rujuk kepada artikel yang..

Tak pasti. Setakat saya jumpa kitab-kitab arab, antara yang suka buat nazoriah nazoriah ni, Fathi Dhuraini, Syria. Kami guna kitab dia la antaranya.

Ustaz boleh sebutkan nama kitab dia tak?

Kitab dia antaranya, nazoriah at-taa'suf. Ini tajuk lain. Cuma dia takkan sebut fiqh selepas nazoriah.

Okay.

Contohnya Nazoriah Ad-Dhoman, Dr Wahbah Zuhaili. Fathi Dhuraini, Nazoriah At-

Taa'suf fi Isti'mal Al-Haq, teori menyalahgunakan hak. Contohnya seorang suami ada hak menceraiakan isteri. Macamana dia salah guna, dia ceraikan, dia nak habis i'dah, dia rujuk. 3 kali suci mazhab syafi'e, 3 kali haid mazhab Hanafi. Habis lagi 2 hari nak i'dah je dia rujuk. Lepas tujuk cerai lagi. Atau 3 kali haid sebagaimana mazhab Hanafi, lagi sehari nak habis, dia rujuk. Lepas rujuk saja, cerai lagi. Asal 3 kali quru' sekarang dah 9 kali quru', haram. Itu taa'suf isti'mal al-haq, salah guna. Ataupun seorang nak mati, nak meninggal dunia, dia ceraikan isteri dia. Dia ada hak nak ceraikan isteri, tapi apa faedah dia ceraikan waktu nak mati? Mesti tak nak bagi harta pusaka. Secara logiknya. So dalam zaman Saidina Uthman semua riwayat itu dikumpul. Dalam zaman Saidina Uthman, talaknya jatuh, kalau tak jatuh pun, dia kena i'dah jugak cuma harta pusakanya tidak dibatalkan. Itu saidina Uthman buat sewaktu zaman dia khalifah. Itu Nazoriah At-Taa'suf fil Isti'mal Al-Haq. Ada satu lagi iaitu, apa ya. Tapi dia tak ada Fiqh la kat atas. Sebab fiqh ni satu bidang. Jadi kalau kita nak kaji teori bagi tajuk tu, tak payah letak Fiqh la. So saya cadang tak payah ada Fiqh dekat Dzimmah ni.

Dr Hairun: Okay.

Dato' Anhar: So terus bahasa arab dia kalau nak, Teori Ad-Dzimmah, buat kurungan Nazoriyah Ad-Dzimmah la.

Dr Norida: Dato' secara umum kira itu, mencadangkan macam mana?

Dato' Anhar: Dzimmah tu, okay dah tu.

Dr Hairun: Dalam konteks ini yang kita nak tengok Dzimmah kepada Legal Entity. Biasanya dibincangkan Dzimmah itu kepada individu, tapi dia ada school of taught yang Eh tapi salah satu dari individu, termasuk juga legal point of view, salah satunya ialah syakhsiyah i'tibariyyah. Makna satu group yang mewakili, dia person kan, dalam legal person satu. Yang keduanya ialah mana-mana entiti. So, sama dengan Islam. Kalau tak habislah diorang tak akan keluarkan zakat, semua orang tak letak duit kat akaun sendiri. Kita letak kat syarikat la nak elakkam zakat. Tapi kena, sebab ada syakhsiyah I'tibariyyah. Cuma ada mekanisme la, bergabung ke tak bergabung. Itu tengok. Cuma dekat sini ada satu yang ni Al-Khalat. Asalnya Khultoh kot. Gabung, yang bercampur kan. Cuba check balik dia punya wording atau pun perkataan yang nak diguna tu, Al-khalat ke Al-khultoh ke. Kalau dalam zakat banyak Al-Khultoh. Ambil masdar.

Dr Hairun: Oh ambil masdar.

Dato' Anhar: Pastu syarat-syarat entiti ni, ada tu. Mesti dihubungkan dengan individu. Tapi kenapa letak kurungan A'ql ya? Adakah maksudnya tasaruf.

Dr Hairun: Mungkin itu syarat-syarat ahliyah.

Dato' Anhar: Ahliyah. Ok ahliyah dalam ilmu usul fiqh, dibangunkan secara detail oleh mazhab Hanafi. Mazhab syafie, mazhab hanbali dan mazhab maliki dia berterburu dalam kitab-kitab Fiqh. Itu antara kerjaan masa nak buat thesis Phd la. Untuk kumpul teori tu, tu yang boleh komen on the spot tu. So salah satu yang penting utk tasaruf adalah, kan kita perasan perkataan aa'qilun baalighun. Kalau satu je tak jadilah. Bab A'waaridul Ahliyah, ahliyah tu yang full. Ahliyah ada dua, satu ahliyah al-wujub, satu ahliyah al-adak. Ahliyah al-wujub ada naaqisoh ada kaamilah. Ahliyah a-adak ada naaqisah ada kaamilah. Yang terpakai bila tasaruf seseorang mukallaf itu, ataupun kata-katanya, perkataannya dikira oleh syarak bermula bila Ahliyah Al-Adak Kamilah. Ni mula daripada baaligh la ni. Baik. Dua syarat dalam mazhab Syafie, aakil baaligh. Satu tubuhnya sudah fit untuk terima taklifan dan yang kedua ialah akal. So mesti gabung dua. Sebab itulah mesti aaqilun baalighun baru mukallaf. Tu komen saya la tentang akal ni.

Dr Hairun: Jadi dalam legal entiti kita masih lagi boleh guna konsep ahliyah tu?

Dato' Anhar: Boleh. Boleh. Sebab legal entity guna umur. Legal sebut umur 18 tahun ke apa. Rasa dalam banyak hal 18 tahun.

Dr Fairuz: Aah dalam 18 tahun.

Dato' Anhar: Dalam perkahwinan pun dalam jual beli pun biasanya macam tu. Cuba check balik la. Satu umur. Satu badan.

Dr Fairuz: Cuma bila kita kata dua benda datang sekali, akal baaligh itu, jadi bila kita letak pada entiti, jadi macamana dekat bahagian baaligh tu? Ustaz kata kalau ikut common law, ikut perjanjian maknanya itu akan terikat kalau dia bukan minor. So definisi minor dalam common law ialah 18 tahun tu.

Dato' Anhar: Minor.

Dr Fairuz: Aah minor. Jadi adakah 18 tahun itu jugak terikat bila kita bercakap tentang legal entity dalam islam itu, maknanya

Dato' Anhar: Untuk syakhsiyah i'tibariyyah itu ke Prof?

Dr Fairuz: Ya.

Dato' Anhar: Syakhsiyah i'tibariyyah maknanya mesti kita kaitkan jugak dengan orang-orang yang ada sebagai lembaga pengarah ataupun board di situ mesti cukup syarat sebagaimana individu. Sebab semua setuju 4 mazhab dari segi baaligh ni, tanda-tanda baaligh ada banyak. Antaranya Al-Inbat. Antaranya mani, haid, antaranya suara jadi Khashan iaitu jadi garau. Lepas tu,

mereka setuju kalau tanda-tanda ini tidak datang maka yang terpakai adalah umur. Mazhab Hanafi, mazhab shafie semua. Cuma adalah yang beza ada yang kata umur 17 ada yang kata umur 18, ada yang kata umur 19. Tapi mazhab zohiri kata umur tidak menjadi kayu ukur jadi kalau seseorang tidak ada tanda-tanda baligh keluar air mani contohnya walaupun sehingga umur 40 tahun, belum baligh. Dia pelik sikit. Tapi kita kat Malaysia tak pakai mazhab zohiri so kita selamat so rasanya kalau kita guna baligh tu masih valid. Sebab kita pakai yang 4 mazhab. Kecuali perlis la. Mungkin Perlis dia tak sebut mazhab. Dia kata Al-quran dan Sunnah. Takut ada kesan, cuba tengok kesan kalau sebut, kalau kita kata mazhab contohnya, Perlis jadi macamana nanti. Sebab dia punya enakmen tak sebut mazhab. Dia kata Al-quran Sunnah. Takut nanti tak boleh nak binding diorang. Itu ada cabaran sikit. Cuba tengok balik la tentang akal ni.

Ya. Ya.

Kalau kecacatan ahliyah yang lain macamana? Apa-apa yang menganggu. Akan dimasukkan ke tak untuk syarat entiti. Semua ada 17.

Kita sebenarnya masih lagi baru nak merangka.

Oh ya. Cuba explore. Dia ada 17. Kalau campur mazhab semua, ada 17 item. Separuh daripadanya dipanggil, saya guna term Bahasa arab la ya, satu samawiah, satu lagi adalah muktasabah. Samawiah ni yang kita tak ada kuasa. Dia Allah taala, contohnya haid, nifas. Tapi kalau dalam muamalat nifas tak terpakai. Ana pun keluarkan tajuk ni. Tapi As-Sighar, Al-A'tah (lembab), orang yang lembab otak dia. Tu ada kesan. Kalau yang muktasabah adalah terlupa An-Nisyam, kemudian Al-Khatak kemudian Al-Hazal (bergurau). Ini mungkin boleh dinotakakikan sediki dengan syarat tidak ada sebarang kecacatan yang boleh merosakan ahliyah at-Tasaruf. Mungkin. Sebab kita bimbang, bincang dengan 2-3 kawan pengarah university yang maknanya dia ambil tahu tentang atauoun ambil penting tajuk ni. Kalau ada orang yang boros dalam syarikat tu, boleh merosakkan keahlian jugak tu. Beli barang-barang yang tak perlu, maknanya Al-Rusyd takda. Al-Rusyd tu. Mazhab syafie syaratkan Al-Rusyd. Bukan berakal je, mesti Al-Rusyd. Mazhab lain ada bahaskan juga contohnya mazhab hanbali, kata tengok kat dia. Bagi 60 dirham, boleh urus ke tak boleh. Nak test. Jadi boleh bagi isyarat sikit. Cadangan.

Jadi kalau ada ahli yang menimbulkan kecacatan tu, terbubar sebab dia?

Haa, itu boleh buat satu polisi, samada terbubar kalau sekiranya 2/3 atau pun 1/3, ataupun kalau sorang je okay. Ataupun by percentage.

Jadi untuk dalam konteks ni boleh tak kalau kita kata dalam enakmen dah jelas mengatakan bahawa majlis agama islam ni adalah merupakan satu entiti yang secara perundangannya, dia sebagai sebuah legal entity, boleh menyaman boleh disaman jadi adakah dengan peruntukkan itu menjadikan dia sebagai legal entity?

Sebab enakmen? Boleh jugak kot.

Maksud kita tak perlu ikut syarat-syarat tadi?

Semua negeri sama ke tak?

Sama.

Sama. So boleh jugak. Mesti ada kawalan dalaman tu yang di negeri tu. Cara nak melantik dia punya ahli majlis. Kan? Syarat-syarat dia. Boleh la tu.

Makna kami boleh jadikan 2 pecahan la, yang satu ahliyah dari sudut individu yang menguruskan legal entiti. Satu lagi,

Syakhsiyah I'tibariyyah?

Ya. Maknanya yang syakhsiyah I'tibariyyah tu sebab enakmen?

Enakmen itu sendiri. Mungkin boleh kot asalkan kita jelaskanlah. Ada penjelasan sikit.

Dalam enakmen tu?

Tak tak, dalam kita punya. Bila kita declare enakmen kata gini-gini adalah legal entity, so kita terima. Mungkin kat titulah. Kita punya dokumen.

Sokongan dia?

Sokongan dia sebab legal iktiraf. Kan? Legal iktiraf. Dan sebahagian yang legal bahaskan tu tak bercanggah dengan apa yang kita sebut kalau nak kaitkan akal dengan baligh tadi. Dia cover bawah akta syarikat ke? Akan ada kaitan tak?

Akan.

So clear kan, tak boleh muflis semua kan. Sebab muflis dia akan pergi kepada Al-Hajru, orang-orang yang tertahan hartanya. So ok. Melainkan penyelidik nampak ada benda yang perlu ditambah baik, boleh ditambah.

Ada tak Dato' samada kisah-kisah yang terdahulu atau pun ada hadis ataupun ayat Al-Quran yang kata boleh menyokong entiti itu wujud sebagai satu entiti yang sah. Kan kalau individu perkara itu jelas.

Rasanya ulama' dah tulis cuma tak ingat, tapinya syakhsiyah I'tibariyyah ini antara yang baru. Boleh cuba explore syakhsiyah I'tibariyyah.

Kadang pihak jabatan akauntan negara ni perlukan sokongan dalil. Kadang kita kata tak semestinya benda tu ada dalil yang jelas.

Dr Fairuz:  
Dato' Anhar:

Dr Hairun:  
Dato' Anhar:

Dr Norida:  
Dato' Anhar:

Dr Norida:

Dato' Anhar:  
Dr Norida:  
Dato' Anhar:  
Dr Norida:  
Dato' Anhar:

Dr Hairun:

Dato' Anhar:  
Dr Hairun:  
Dato' Anhar:  
Dr Norida:  
Dato' Anhar:

Dr Norida:  
Dato' Anhar:

Dr Norida:  
Dato' Anhar:

Dr Fairuz:

Dato' Anhar:

Dr Hairun:

- Dato' Anhar: Yelah dalil ni ada direct ada indirect. Masolih tak boleh jadikan dalil? Maslahah mursalah. Keperluan. Kebaikan. Tak ada dalil yang menghalang tak ada dalil yang menyuruh. Itu yang mursalah tu. Masolih mursalah. Tengoklah kalau ada, yang ni ana kiv la. Sebab dah diterima dah. Shakhsiyyah I'tibariyyah diterima Cuma tak ingat dia punya penghujahan. Kalau ada nanti ana kongsi.
- Dr Fairuz: Terima kasih banyak Dato'.
- Dato' Anhar: Ana cuba forwardkan nanti inshaAllah.
- Dr Fairuz: Sebab bila dekat akauntan negara tu memang, kalau katalah hujah penyelidik itu tanpa disokong dan didukung oleh benda yang kita minta tadi, then kadang-kadang mereka just tolak begitu je.
- Dato' Anhar: Ok. Tak kuatlah kira.
- Dr Fairuz: Aah tak kuat.
- Dr Hairun: Kalau boleh kita iktiraf MAIN sebagai syakhsiyah I'tibariyyah, nanti dia akan pergi kepada amalan perakaunan.
- Dato' Anhar: Baru pergi.
- Dr Hairun: Aah baru nak tengok. Adakah terpakai untuk nak laksanakan standard perakaunan yang kita nak bangunkan? Tapi yang logiknya memanglah MAIN tu dianggap sebagai legal entiti kan Dato' barulah dia boleh melaksanakan. Menggunakan standard. Tertakluk kepada standard yang dibangunkan.
- Dato' Anhar: Kita pun. Boleh wajibkan? Ini isu besar jugak dibincangkan ni. Negeri ni sensitif sikit.
- Dr Norida: Sekarang ni dalam enakmen majlis tu, dia hanya menyatakan bahawa perakaunan mengikut standard yang diluluskan. Macam tu je.
- Dato' Anhar: Dia sebut? Mengikut?
- Dr Norida: Aah dia mengikut standard yang diluluskan. Ataupun mengikut akta berkanun, standard yang diluluskan. Jadi kat situlah dilihat tidak spesifik.
- Dr Fairuz: Dia cuma, cuma pada pendapat saya la, kadang-kadang wujud salah tanggapan. Mungkin tanggapan itu wujud kerana penerangan tidak jelas. Sebab itu perkataan menceroboh territory itu sebab di bawah constitution kita itu jelas mengatakan yang dibawah agama itu dibawah negeri, kan. Di situ telah mewujudkan territory. Jadi apa-apa yang cuba bercakap tentang agama maknanya dia kena terus pada state la kalau ikut constitution kita. Cuma kalau kita tengok keadaan sekarang Dato' mana-mana negeri bila sampai kepada accounting dan pelaburan tak ada alternatif. Dia akan pergi kepada konvensional. Jadi macam kita cerita tadi, konvensional akaun punya standard itu ada yang selari dengan syariah, fine. Kalau kata yang bertentangan dengan syariah bagaimana? Akauntan kita kena ikutlah dia takda alternatif. Dan bagaimana yang konvensional pulak yang tak cover? Kan? Jadi maknanya kita kata kita offer, kita develop kita bentuk satu standard perakaunan yang 100% syariah. Now persoalan dia adalah negeri-negeri nak ikut ke tak ikut. Kalau kata tak ikut yang dia ada adalah yang konvensional lah. Adakah dia bersetuju dengan yang konvensional itu dalam situasi yang kita bincangkan ni? Kemudian bila kata ikut nampak macam langgar territory. Sebab itulah dikatakan fatwa itu, fatwa ditentukan oleh negeri kan, maknanya the number one, apa saja fatwa yang diputuskan oleh mana-mana negeri dia disclose kan di dalam penyata akaun itu the accounting treatment itu akan ikut format itu. Sebab bukan semua perkara yang fatwa atas satu-satu negeri itu berlainan. Kebanyakan perlakuan hari-hari ini, benda tu sama. Cuma kita kata mana-mana negeri yang ada fatwa khas atas satu item dia masukkan dalam perakaunan maka yang bahagian itu mungkin wujudkan kelainan di antara satu negeri dengan negeri yang lain.
- Dato' Anhar: Approach la
- Dr Fairuz: Ya, approach
- Dato' Anhar: Approach kena sangat berhikmah.
- Dr Fairuz: Betul betul.
- Dato' Anhar: Tapi ialah macam prof kata kan, dalam keadaan tak ada standard, boleh bersatu pulak ikut yang konvensional. Yelah inshaAllah. Ok yang lain prof? Selain syakhsiyah i'tibariyyah? Tentang kerjasama, sejauh mana main boleh bekerjasama dengan syarikat dalam sesuatu projek joint venture atau operasi bersama ke?
- Dr Norida: Majlis ada right kan? Majlis ada right rasanya.
- Dato' Anhar: Apakah syarat-syarat untuk bekerjasama tu?
- Dr Norida: Tak pasti setakat ni mungkin takda kerjasama melainkan tubuh anak syarikat. Tapi sebenarnya kuasa dia besar kalau nak bekerjasama.
- Dato' Anhar: Sebab kita melihat begini kalaualah aliran pemikiran disini bersetuju bahawa boleh wujud satu entiti yang legal daripada individu, maka kita kena bertolak daripada itu tadi. Maknanya individu satu entiti dan kita bersetuju bahawa majlis juga merupakan satu entiti yang legal. Jadi bila kata entiti yang legal itu dia boleh bekerjasama dengan pihak yang lain. Setakat mana mengikut konsep syariah bahawa kerjasama itu dibenarkan? Setakat mana ya, setakat mana yang tidak boleh misalnya, majlis agama islam bekerjasama ataupun kita kata joint venture ataupun apa-apa bentuk itu, dengan pihak yang lain. Pihak yang lain itu ialah

Dato' Anhar:

Genting Berhad. Jadi bila sebut Genting, dalam kepala, gambling. Tetapi di bawah Genting itu, dia ada banyak anak-anak syarikat dia. Dan ada anak syarikat dia tidak terlibat dengan perjudian pun. Kemudian majlis ini bekerjasama dengan anak syarikat Genting itu. Jadi bagaimana keadaan yang boleh dan tidak boleh, ada sekatan ataupun kita dapat macam mana? Ana nak komen yang dari segi agama tu. Dari segi syariah muamalah dengan non-muslim, tidak dilarang. Kalau kita baca kesimpulan dalam, nak senang sekarang ni kita tengok mausu'ah fiqhiah al-kuwaitiah lah. Situ dia simpulkan mazhab 4 dah kan. Dia kata asalnya adalah tidak ada larangan berlainan agama untuk setup syarikat ataupun untuk buat kerjasama untuk buat sesuatu. Itu asalnya dalam hukum tapi para ulama berselisih takda larangan tu dia pergi mana? Harus ke makruh? Sebab dua-dua ni tidak berdosa kalau kita buat. Kalau kita ambik imam al-haramain al-juwarni, guru kepada imam al-ghazali dalam al-waraqat ketika dia hukum hakam taklifi al-Ijab, al-Tahrim, kita akan jumpa maknanya satu persamaan harus contohnya terpulang untuk kita buat ataupun tidak. Dan kalau buat tidak berdosa, kalau tinggal juga tidak berdosa. Kalau dalam tajuk berkaitan dengan makruh, dia kata apa *ما يسبّ على ترقيه ولا يعاقب على فعله*, sesuatu yang kalau ditinggal dapat pahala, dibuat tak berdosa. Kat sini sama dengan harus. Part tu tidak dilarang. Cuma adakah dia harus ataupun makruh. Jadi kat sini dibahaskan oleh para ulama' sebab dia orang fiqh ni pulak dia takkan terus tolak riwayat sebagai mana orang hadis tolak riwayat kalau ada I'lal walaupun sedikit. Sebab mazhab syafi'e, mazhab lain terima hadis dhoif untuk berhujah. Ini lebih baik dipakai kalau dah takda dalil lain daripada ambil pendapat si fulan. Kan. Feqh dia begitu kan. Tapi zaman sekarang ni orang pulak pantang kalau hadis tak sohibh tak mutawatir dia tolak terus. Kita nak bincang fiqh, kita bukan nak bincang tsabit ataupun tidak hadis tu. Tapi hadis dhoif sekalipun dia bukan hadis maudhu' yang memang kena tolak. Macam mazhab hanbali, bila kita explore dia punya perbahasan tentang dengan orang yahudi, orang nasrani dan seumpamanya hadis tetap menjadi perbahasan. Mustahil imam ahmad bin hanbal yang ada kitab musnan tatau cerita de sebalik hadis ni kan. Maknanya dia gunakan jugak untuk memberikan isyarat kepada sesuatu. Lalu dia kata makruh, kalau sekiranya kita tidak ada mualah *مولاها*. Maknanya kalau kita tidak ada pengusaan. Contohnya berdua muslim dengan non-muslim, tiba yang berurus semua dengan yang non-muslim. Ini yang tak bolehnya. Sebab tu dia kata harus tetapi makruh. Sebab apa, sampai satu peringkat hanbali dengan maliki dia bahaskan kalau sekiranya sebab diorang ini orang yang tidak ada iman, ghair muktaman *غير مكتوم*, tidak boleh diberikan amanah padanya. Kalau bersekali buat mana-mana transaksi boleh. Tapi waktu waktu lain mungkin terlibat dengan riba, mungkin terlibat dengan al-khamr, treatment dia lain. Kalau sekiranya terlibat dengan riba, dia kata keuntungan daripada mana-mana transaksi syarikat tadi, terlibat dengan riba, keuntungannya disunatkan untuk disedeqahkan. Principle kita boleh ambik. Dia pergi pada ayat quran. *وَإِنْ تَنْهِ فَلَكُمْ رُؤوسُ أَمْوَالِكُمْ*. Sekiranya kamu bertaubat bagi kamu principle pada harta kamu. Tapi bila masuk al-khamr saja dia kata, principle dan juga ar-Ribh keuntungan, dua-dua kena sedeqah. Maknanya kalau kita kaitkan tadi, riba, maknanya ringan sikitla. Tapi kalau khamr, berat. Arak. Liquor. Kat situ kena buat matriks tu kayu ukur dia. Dari segi agama maknanya kalau majlis agama itu legal entiti, dia boleh. Dari situ jugak boleh untuk terlibat dengan mana-mana syarikat walaupun non-muslim. Tapi syaratnya kalau khamar arak dengan riba ataupun apa lagi yang lain yang ini kena ada perbezaan treatment dia. Ok. Ada pun kalau kita pergi real majlis agama dia ada pertimbangan lain pulak. Satu memang pertimbangan syarak, dia akan tengok betul-betul, walaupun takda dokumen. Maknanya dia open. Walaupun tak disebut tak boleh, tapi tak semestinya boleh mutlak. Dia akan tengok kalau haram memang tak akan pergi. Dari segi pelaksanaan pulak dia ada pertimbangan lain berkenaan reputation. Tiba-tiba majlis agama buat kerjasama dengan mana-mana anak syarikat genting. Ini reputasi akan jatuh sebagai contoh, mungkin dia akan elakkan.

Dr Norida:

Dari segi modal Dato'? Macam non-muslim company tu bawa masuk modal, untuk buat satu projek.

Dato' Anhar:

Dia bila sebut musyarakah, kita kata syarikat tak kisahlah sapa yang bagi modal sapa yang bekerja tapi kalau nas dalam hadis bukhari yang ini mungkin boleh tengok syarah dia, kita as-syarikah, iaitu musyarakah az-zimmiyyin, musyarakah orang zimmi satu lagi nasrani kot, dalam muzara'ah, hadis yang dirujuk dalam sohibh bukhari ni, didatangkan riwayat daripada ibn umar *أعطى رسول الله ص خبر اليهود*.

Kan bila nabi masuk perang khaibar tahun ke-7 hijrah, kan akhirnya islam dapat tanah tu, tetapi tidak diambil tanah tu, maaf diambil tanah itu, tetapi diberikan jugak kepada orang yahudi untuk usahakan *على أن يعملوا* untuk mereka amalkan. Ataupun untuk mereka usahakan tanah tadi kemudian syaratnya adalah apa yang keluar daripada tanah itu, separuh untuk mereka separuh untuk umat islam. So kat sini, perbahasan feqh dia pergi, tanah daripada nabi saw, kemudian amal, kerja daripada orang yahudi. Maknanya yang satu bagi modal, yang satu lagi bagi kerja atau usaha dia. Kemudian keuntungannya adalah bagi 2. Jadi ini menunjukkan keharusan.

Dr Norida:	Dari segi modal tadi.
Dato' Anhar:	Itu boleh dibincang, sapa akan bagi model sapa akan bekerja. Sebab dalam tajuk mudharabah sapa-sapa nak jadi robbul mal boleh, sapa-sapa nak jadi amil pun boleh.
Dr Norida:	Habis kalau kita tahu modal yang digunakan adalah dari sumber yang tidak halal riba ke Okay, sumber riba, itu dosa dia. Waktu dia bawak duit tu, ni modal saya. Dosa dia tidak ditanggung oleh kawan yang satu lagi. Dalam al-quran kata, ﴿وَلَا تُرِوْ وَازْرَةٌ أُخْرَى﴾. Okay kita andaikan ada pencuri datang yang kita tatau itu pencuri, “ustaz bisnes jom”. Dia bawak duit 10 ribu. Kita pun setuju, saya pun 10 ribu jugak. Yang berdosa syarikat tu ke, pencuri tu? Sewaktu pencuri tu bawak duit 10 ribu, akadnya bersama dengan kita mudharabah. Yang ini takda masalah. Sapa macam pencuri, beli barang daripada kita, dia beli barang pada kita akadnya sah. Cuma dia berdosa sebab sumber duitnya adalah dari sumber yang tidak halal. Adapun dia beli barang kita tu, ada مبيع ثمن ada مشتري باع ada ijab dan qabul, sah. Walaupun dia tubuhkan syarikat? Maksudnya masing-masing bawa masuk modal, tubuhkan satu syarikat. Syarikat tu syarikat bersama.
Dr Norida:	Takda masalah. Melainkan tiba-tiba lepas tu jadi kes jenayah. Polis tangkap dia. Itu cerita lain la.
Dato' Anhar:	Tapi kalau dah tahu?
Dr Hairun:	Kalau dah tahu jangan cari pasal la. Dari segi agama takda masalah tapi kesan dia nanti reputasi. Kemudian apa-apa jenayah yang melibatkan dia kita-kita pun terbabit. Kalau kita dah tahu.
Dato' Anhar:	Atau pun perlu masukkan syarat-syarat untuk bekerjasama ke untuk pastikan.
Dr Norida:	Macamana kita nak pastikan yang non-muslim duit halal.
Dato' Anhar:	Bukan sebab kita yang nak bekerjasa
Dr Norida:	Nak bagi syarat contohnya?
Dato' Anhar:	Maksudnya semasa kita nak buat kerjasama tu kita pilih begini begini.
Pn Ainol:	Okay oh itu oklah untuk kawalan. Lebih selamat. Tapi dari segi agama ianya tidak ada masalah. Kat sini kalau perasan ulama' bahaskan boleh tak hukum taklifi dan hukum wad'ie dipisahkan. Ke dia sekali hukum taklifi dengan wad'ie. Hukum taklifi adalah wajib haram harus dosa pahala. Hukum wad'ie adalah sah batal. Akad jual beli sah batal. Okay, sekarang ni mesti ke yang batal tu adalah haram? Mesti ke yang haram itu jual belinya tidak sah? Contoh hari jumaat, al-quran kata, wazarul bai', ulama kata orang yang berjual beli sedangkan dia wajib solat jumaat, hukum jual beli sah tetapi haram. Sebab ada larangan dalam al-quran. Tapi jual beli sah. Ini menunjukkan hukum taklifi dengan wad'ie ini boleh نقكار infikar, dia boleh bercerai. Tapi ada ketikanya dia tak bercerai. Contohnya puasa 1hb syawal. Dah semangat sangat. Orang lain raya kita puasa enam mula awal sikit habis. Haram dan tidak sah. Yang ini dua-dua negatif. So kat situ ada kena tahu dia punya konsepnya. So kalau kita nak buat dari segi agama takda masalah. Sebab itu kesalahan dia bukannya akad yang sedang kita buat bersama ni.
Dato' Anhar:	Tapi bagaimana tentang hendak menjaga maruah dan reputasi tadi. Itu wajib kita kena bagi prioriti ke atau pun ada penerangan lain ke. Atau pun dia datang kemudian. Atau pun mesti kita masukkan sebagai salah satu prinsip la.
Dr Fairuz:	Dalam konteks sekarang ni, media sosial dia boleh menjatuhkan satu-satu institusi. Rasanya dia sangat perlu. Hajat yang boleh jadi macam dhorurah. Sebab boleh hancur institusi kalau tak jaga reputasi. Majlis agama, orang snap-snap gambar kan. mashaAllah.
Dato' Anhar:	Kalau macam tu, maknanya sifat ini macam sifat kontemporari.
Dr Fairuz:	Dia berubah. Berubah ikut uruf. Kebetulan sekarang urufnya, dia penting untuk dijaga tentang reputasi.
Dato' Anhar:	Jadi maknanya menjaga maruah itu, kalaular dia mendatangkan keburukan disebabkan reputasi yang negative maka dihindarkan.
Pn Ainol:	Tolak mudharat la, prof. دفع المفاسد مقدم على جلب المصالح guna kaedah yang tu.
Dato' Anhar:	Kami di bank islam, ada satu ketika tu bincang, sebab bank islam ni full fledged kan, berbeza dengan yang bank lain, waktu tu marketing nak bincang boleh tak nak letak logo bank islam sebagai marketing untuk baju jersi bola. Penasihat syariah semua bersetuju tak bagi. Kenapa tak bagi Dato'?
Dr Fairuz:	Sebabnya bola ni ceritanya tidak tutup aurat. Lepas tu cerita waktu solat. Penonton-penontonya. So kita akan dikira mempromosikan sesuatu yang tidak islamik la. Akan datang lain, mungkin kalau semua pemain bola menutup aurat lain. Tapi buat masa ni kami last sekali tak bagi. Sebab reputasi. Agak lama bincang tu, ingatkan simple je. Jadi pro kontra, kita elak mudharat.
Dato' Anhar:	Kalau kita tengok macam syariah compliance punya accountant, company-company yang tersenarai yang so-called syariah compliance, kalau yang dekat bursa ada dia kategorikan syarikat-syarikat yang syariah compliance. Tapi yang sebenarnya dia ada threshold kan. Maknanya bila dimasukkan dalam senarai syariah compliance, the threshold ialah 30%. Kena ikut benchmark SC. Benchmark SC lain-lain. Kalau kewangan lain, 33%. Ada yang

- Dr Fairuz: 20% ada yang 5%. So akan pakai yang tu.  
 Dato' Anhar: Cuma bila kita kaitkan yang itu maknanya  
 Dr Fairuz: Boleh jadi benchmark jugak prof.  
 Dato' Anhar: Boleh jadi.  
 Tapi adakah majlis agama bersedia untuk musyarakah dengan non-muslim. So benchmark masuk. Kena ada. Tapi kalau sekiranya buat masa sekarang ni, tak nampak lagi la mana-mana majlis agama yang buat joint venture dengan non-muslim. Tak tahu kalau negeri lain. Sebab bila kata standard ni kalau boleh kita akan
- Dr Fairuz: Beyond lah. Siap2 kita ni.  
 Dato' Anhar: Ya macamtu.  
 Boleh jugak kalau nak ambik benchmark SC sebab kita punya fatwa tentang PNB. PNB dia tidak terikat dengan benchmark SC. Tapi tetap kita ambil benchmark tu ketika kita buat fatwa. So diorang pun setuju. Dan yang terakhir dibentang bila kita kata 2 tahun lepas, dalam masa 3 tahun, within 3 years mesti naik sampai 75. Dan yang terakhir di bentang ini tahun ketiga ni, 74 dah percentage. Yang problem tu kewangan. Bila duit tu ada dalam konvensional bank. Sebab maybank kan, dia punya kan. Dia kata penting nak jaga maybank ni, sebab bila kita jaga maybank, kita ada say. Bila shareholder kita besar. Tu dia kata masalah la. So makna jika tidak ada halangan, benchmark dah ada mana-mana. Walaupun kita tidak terikat, kita boleh. Nama pun benchmark. So boleh ambiklah benchmark tu.
- Dr Norida: Macam kalau joint venture, paham dia daripada kumpulang wang baitulmal. Macam mana dengan kumpulang wang wakaf. Setakat mana ia dibenarkan untuk digunakan dalam joint venture.
- Dato' Anhar: Wakaf di Selangor mungkin lain sebab kita dah separate perbadanan wakaf Selangor dengan baitulmal di dalam MAIS. Zakat pun dah bukan bawah MAIS lagi. Maknanya tapi dia report dekat MAIS jugak. Baitulmal ni, duit haram pun jadi harus. Jadi halal. Kalau..tak pastilah takda pengalaman. Kalau dia bergabung.
- Dr Norida: Dari segi syarak, sejauhmana duit wakaf tu boleh digunakan untuk projek-projek macamni?  
 Dato' Anhar: Setakat ni amalan di Selangor, dia akan masuk fatwa.  
 Dr Norida: Mesti a'in itu kekal.  
 Dato' Anhar: Tak. Kalau di Selangor kita dah ada satu produk, tidak mesti last sekali kita beli aset. Ni antara produk baru kita. 2 tahun lepas kita kata wakaf tunai adalah wakaf. Ni baru ni prof. boleh buat kajian baru ni. Wakaf tunai itu adalah wakaf. So kami tidak mensyaratkan bila produk ni diputuskan dalam fatwa, dia tidak semestinya beli aset. Incase dia beli aset jugak, sebab mesti syarat dia amaan itu tidak boleh rendah. Mesti dijaga sama atau berkembang. Katalah dia beli aset 5 juta sebagai contoh, bangunan itu bukan bangunan wakaf. Tapi nilai bangunan itu yang wakafnya. Kesan daripada fatwa produk yang baru ni. So kalau ikut dia punya kesan, dia tak perlu daftar bawah MAIS, sebab bangunan tu bukan bangunan wakaf. Kalau ikut MAIS adalah pemegang amanah tunggal, so waktu ni kesan daripada fatwa ni, duit yang wakaf tunai itu digunakan dia tak perlu daftarkan bangunan, dalam masa 2 tahun dia jual, naik jadi 7 juta sebagai contoh. 7 juta tu akan report, ini nilai terbaru untuk wakaf tu.
- Dr Norida: Kalau kurang?  
 Dato' Anhar: Kalau kurang kita akan tanya kepada mutawalli la, kenapa kurang.  
 Pn Ainol: Bangunan tu jadi bangunan mutawalli? Ke bangunan siapa?  
 Dato' Anhar: Bangunan tu kws uruskan. Tapi kalau kawalan dalaman, MAIS kata kena daftar jugak, tu undang-undang akan ruling la.
- Dr Norida: Wakafnya yang mana?  
 Dato' Anhar: Duitnya. Nilainya.  
 Dr Fairuz: A'in itu adalah pada nilainya, dato' ya?  
 Dato' Anhar: Ya, tapi sekarang ni bukan a'in dah. Qimah duit itu adalah wakaf.
- Dr Norida: Maknanya kws boleh juallah?  
 Dato' Anhar: Boleh.  
 Dr Norida: Kuranglah nilai wakaf tu.  
 Dato' Anhar: Kan bila jual dapat duit. Kalau jual tak dapat duit bukan jual. Bila jual kan dapat duit. Nilai itulah nilai baru. Dah berkembanglah.  
 Dr Fairuz: Tapi yang boleh dibelanjakan itu ialah the difference which is 2 million tulah. Yang 5 juta tu kene preserve la.
- Dato' Anhar: Kalau sekiranya dia yakin, perbelanjaan tu akan dapat keuntungan lain, boleh.  
 Dr Fairuz: Sebab kita kata kalau wakaf tu awalnya pada nilai 5 juta, dia tak semestinya tukar dalam bentuk a'in tu. Jadi maknanya dia beli satu bangunan dengan nilai 5 juta, jadi bangunan itu bukan wakaf, kemudian bila harga naik 7 juta, dia jual. Jadi ada perbezaan 7 juta harga jualan dengan modal asal 5 juta. Jadi yang boleh dibelanjakan, kita kata menafaat tadi ialah 2 juta lah. Yang lain kene jagalah.  
 Dato' Anhar: Tapi dia sebenarnya lebih flexi daripada yang kita pikirkan. Dia boleh guna jugak, yang penting dalam masa setahun dua tahun, dia rasa ada kemungkinan satu urusan yang akan

menambahkan lagi yang lain, buatla.  
Tapi liability dia kepada pewakaf?  
Tak pewakaf tu, once dah bagi duit tu, dah dikira dapat pahala wakaf. Yang ni lebih lanjut kena tanya wakaf la, sebab kita ambil pandangan waktu tu, Hanafi dengan Maliki. Duit, dirham itu boleh diwakafkan. Tak semestinya aset. Ini barulah. Antara yang baru. Kitorang pun tak tahu lagi dia punya pelaksanaan tu nanti macam mana. Sebab kami putuskan fatwa itu, based kepada perbahasan fiqh, kita kata okay. Tapi kawalan dalaman perbadanan wakaf tak tahu. Adakah diorang akan memilih untuk membeli aset, ataupun tak, itu tak tahu. Cuma kalau nak digabung sekali pun, mungkin setakat ni kami punya pengalaman kita kata atas dasar qard, kalau nak buat mana-mana projek, joint venture dengan mana-mana kumpulan, maknanya hutang la. Pulangkan balik amanah yang sama. Tapi kalau perbadanan wakaf rasa, daripada bagi qard tak ada risiko, dan takdalah untung. Kalau nak pergi kepada ada risiko, dan ada untung, dia kena pergi kepada mudharabah. Dia kena pergi pada akad lain la. Yang itu diorang kena buat kajian. Biasanya akan buat kajian, jangkaan keuntungan, rugi ke tak rugi dan seumpamanya. Kalau sekiranya mudharabah sebagai contoh, lainlah mungkin dia punya kawalan, mungkin bila dia report tu akan dikira sebagai mudharabah. Mudharabah ni akan jadi liability ke? sebab dia akan dapat profit kan? So dikira aset. Financing kita dapat daripada pendeposit, liability kan? Tapi kalau mudharabah, aset la kan? Itu accounting la.  
Ya. Ya.  
Sebab wakaf Selangor, haritu ada satu produk buat rumah, tujuannya untuk dijual kepada orang ramai. Ideanya MashaAllah, kemudian orang ramai beli, untuk diwakafkan. Itu antara projek yang dibuat besar itulah. Tapi bila kajian dibuat okay. Real bila rumah tu dah siap, tak ramai orang nak beli rumah, waktu beli tu memang siap-siap nak wakaf. Tu ramai orang tak nak beli.  
Maknanya dia duduk dulu.  
Aah dia duduk dulu. Nanti dia meninggal, dah buat advanced untuk wakaf. Tapi tak berapa jadi. Sebab jarang orang beli dah siap-siap nak wakaf.  
Kalau orang wakafkan dan dia ada tujuan dia yang khas, boleh jadi liability kepada MAIN kepada penerima.  
Benefisiari lah, sebab kita nak bagi kepada khas tu kan. Boleh jadi. Sebab dia amanah kan. Sama jugak dengan zakat kan Dato', cadangan kami zakat yang diterima tu ditunjukkan sebagai liabiliti kepada MAIN  
Zakat? Kita pun dah tak sebut liabiliti tentang zakat ni dengan aset. Bukan hasil.  
Benda ni Dato' maknanya kutipan dan agihan. Yang itu yang kami cadang.  
Kutipan dan agihan memang dibuat dalam satu penyata jadi baki kepada kutipan yang tak dapat agih lagi tu, baki ianya merupakan liability.  
Oh isu 31 Disember la ni. Kan?  
Ya. Ya. Kami cadangkan ia merupakan liability lah kepada MAIN, selagi dia tak agih tu. Semua kutipan memang liability pun. Dia pemegang amanah kan.  
Dia agih maknanya bila dah agih tu tak jadi liability la. Baki yang belum agih tu.  
Dia mesti ada baki yang belum agih. Cuma yang kesiannya 31 Disember tu, tu je. Sebab report kita pada 31 Disember. So dia appear la belum agih padahal bulan-bulan lain pun sentiasa appear baki yang belum agih.  
Dalam akaun sekarang ni apa yang berlaku, ada penyata pungutan dan agihan. Lepas tu dalam penyata prestasi baki tu akan jadi ekuiti. Macam tu.  
Cadangan yang penyelidik macam mana? Baru ni yang kita bincang adalah a'mil punya portion tu sesuai tak dimasukkan secara detail. Orang macam anggap, a'mil ni guna banyak sangat duit zakat.  
A'mil punya portion?  
Kan a'min detail. Beli tu beli ni. Kalau yang lain takda pulak dicerita dia punya penggunaan duit. Yang ni yang dibincangkan haritu.  
Tapi takda masalah dia punya detail sebab tu duit dia kan?  
Yelah. In term of orang yang tengok report tu.  
Kalau orang tu paham, a'mil boleh guna duit tu untuk apa-apa tujuan dia. Jadi lebih elok dia detailkan.  
Tak, kita setuju detail cuma letak macam asraf yang lain kea tau pun di kawasan lain?  
Lain.  
Kami cadangkan diletakkan di baitulmal.  
Cuma yang ni kami takda masalah rasanya haritu. Jadi terpulang pada MAIN nak terima yang mana.  
Takpun kalau dia dalam kumpulan wang zakat, kena asingkan dari bawah bahagian yang asraf.  
Hrm. Tapi nanti nampak tinggal 7 asraf jelah.  
Cumanya isu kritikal pokok dia kat sini Dato' ya, adalah yang bahagian 7 asraf yang lain tu. Dari segi amalan dekat ground sekarang ni, itulah bila kita kata bahawa conventional

accounting dia dikira sebagai hasil. Masa dia kutip itu dia dikira sebagai hasil. Dan keadaan menjadi lebih parah apabila kita ada kutipan dan agihan macam Dato' kata tutup akaun 31 Disember, selalunya dia akan ada lebihan la. Tentu dah sebab ada lebihan tu kita paham sebab dalam januari fabruari mac itu, duit masuk sedikit tapi komitmen sentiasa ada. Jadi maknanya dia kena ada buffer. Dia kena ada balance lah.

Betul.

Dato' Anhar:  
Dr Fairuz:  
Jadi, yang itu takpa takda masalah. Cuma bila kita kata ada balance tu dia kutip 100 juta, dia agih 80 juta. Ada balance 20 juta, now dari segi amalan, 20 juta itu dia masuk sebagai hasil.

Dr Azlina:  
Kutip hasil. Agih belanja. Baki itu jadi lebihan. Makna kira untung la. Pastu masuk dalam bahagian ekuiti.

Dr Fairuz:  
Jadi, kalau dari segi matematik accounting benda itu betul. Pasal dalam accounting, balance ke tak balance. Begitu. Tapi syariah, balance tak semestinya betul. Sebab kalau kita pergi kepada form, form tu balance lah. Tapi kalau kita pergi kepada substance intipati, pada pendapat kami, dia bukan hasil. Dia bukan ekuiti. Dia mesti liability. Pasal majlis atau pusat zakat Selangor bila dia kutip, bukan dia punya. Dah ditentukan dalam zakat itu ada 8 asnaf. 1 je dia boleh kata dia punya. Bahagian a'mil. 7 lagi dia kena agih. Jadi yang tujuh itu mesti jadi liability. Tetapi kebanyakan majlis tidak bersetuju. Tidak bersetuju bukan sebab substance tu, sebab lain. Sebab lain itu kerana prestasi diukur melalui hasil. Kalau zakat itu termasuk liability makna tak masuk hasil la. Jadi prestasi rendah. Bila prestasi rendah susah nak minta staff. Jadi pergi kea rah itu.

Dato' Anhar:  
Dr Fairuz:  
Ada maqasid lain.

Tetapi kami rasa dari substance nya, itu bukan hak kamu, kamu hanya sebagai pemegang amanah, akhirnya telah ditentukan siapa hak itu. Tak boleh kompromi. Setaakat majlis atau pusat zakat boleh pilih siapa yang termasuk dalam kumpulan 7 itu sahaja. Tetapi tidak boleh lari daripada yang 7 itulah.

Dato' Anhar:  
Standard yang kita nak bangunkan, masih nakkekalkan wording-wording yang konvensional ke? Untuk zakat? Ke ada cadangan lain?

Dr Fairuz:  
Cadangan kami ialah

Dato' Anhar:  
Kalau tidak kita masih terikat dengan kerangka konvensional tu yang jadi zakat ada maqasid lain, kita nampak benda lain. Kami nampak benda yang sama dengan penyelidik. Tapi, kesian jugak maqasid tu.

Dr Azlina:  
Tak boleh ke, kita ukur prestasi berdasarkan kutipan dan agihan. Bukan hasil.

Dr' Anhar:  
Tukar dia punya ratio dia.

Dr Azlina:  
Jangan kata hasil, sebab hasil tu yang menjadi isu. Tapi kalau kita lihat prestasi daripada kutipan dan agihan zakat, bukankah itu lebih baik daripada fokus kat hasil?

Dato' Anhar:  
Boleh tak penyelidik, saya akan tengok jugak. Kita bila kita bersetuju kita nak cadangkan yang lain, satu jangan terikat dengan conventional punya term. Kedua kalau kita cadangkan yang lain, tetapi menyebabkan maqasid zakat atau mana-mana entiti tidak tercapai, boleh tak kita cadangkan sekali formula lain. Macam cadangan Dr tadi kan. Datangkan sekali sebab diorang ni kadang-kadang tak sempat nak pikir formula baru. Cuma kena buat betul-betullah dan pastikan adakah formula baru tu kesahan dia yang kedua ketekalan dia.

Dr Norida:  
Ada satu lagi yang mungkin jadi halangan bagi diorang, pergi ke enakmen pentadbiran agama islam yang mengatakan kutipan zakat itu adalah hasil kepada majlis agama.

Dato' Anhar:  
Memang sebut camtu eh? Tapi hasil yang disebut dalam enakmen bukanlah sebagaimana hasil yang disebut dalam akauntan.

Dr Azlina:  
Ya memang argue macam tu.

Dr Fairuz:  
Ya betul.

Dr Norida:  
Akauntan sendiri yang argue macamtu. Dia rujuk kepada enakmen tu.

Dato' Anhar:  
Macam peraturan kan. Saya masuk universiti kat UPSI, okay kepada semua ketua jabatan, kita pun sikir siapa, sebab kalau dekat university ada ketua jabatan. Rupanya ketua jabatan bila UPSI sebut, dia merujuk kepada dekan. Istilah. So tidak semestinya istilah ketua jabatan itu ialah ketua jabatan dalam fakulti. Macam tadilah, bila sebut hasil, bukan mesti hasil dalam accounting.

Dr Fairuz:  
Ya. Ya.

Dato' Anhar:  
Macam al-quran pun guna banyak sebut perkataan beza-beza, tapi maksudnya bukan yang tu. Contohnya zakat. Perkataan sedeqah dia guna kan. Ada ajaran sesat di Selangor tak nak semayang jumaat, pengikutnya. Bila ditanya kenapa, 'dalam al-quran tak sebut pun solat jumaat. Dia kata zikr. Rupanya terminology zikrullah kat situ, para ulama' tafsir kata itulah khutbah jumaat. Jadi last sekali kena buat glosari. Even yang dalam eknamen pun tak boleh diambil secara literal lah, sebab dia sebut umum. Kutipan sebenarnya.

Dr Norida:  
Nak kena bagitahu yang maksud hasil dalam enakmen tu tak sama dengan maksud dalam akaun.

Dato' Anhar:  
Antara yang penting untuk kita consult adalah bahagian undang-undang majlis agama.

- Yang ni tak boleh kita lupakan. Bila buat ni standard ni, diorang tak boleh ditinggalkan. Sebab group ni dirujuk nanti. Kalau tak nanti kita main dengan orang lain, rupanya yang tafsir orang lain. Tak sesuai.
- Dr Fairuz: Saya sangat setuju. Macam kita kata itu mungkin adalah satu istilah yang biasa bagi orang awam, tetapi bukan bagi orang yang ada ilmu dalam bidang spesifik. Jadi itu ‘hasil’ secara literal.
- Dato’ Anhar: Tapi prof, yang terlibat zakat pon tidak spesifik bidang syariah. Yang bahagian syariah sikit je, yang lainnya tidak ada latar belakang syariah, mereka pun tak pernah hairan dengan terminology tu.
- Dr Fairuz: Sebab kemungkinan wujud kebimbangan terhadap perkara lain itu. Menyebabkan itu dipertahankan. Sebab prestasi diukur berdasarkan kepada hasil. Jadi jika kita dapat itu adalah penyumbang terbesar, yang itu ditarik keluar. Kayu pengukur menggunakan hasil, menyebabkan prestasi tak tercapai.
- Pn Ainol: Pihak pengurusan tertinggi pulak, masih lagi memandang hasil sebagai kayu pengukur, jadi itu nak kena tukar mindset. Pihak majlis pun nak melaksanakan agak So standard ni akan mengubah banyak perkara.
- Dato’ Anhar: Sepatutnya.
- Dr Fairuz: Dia tak boleh lah standard baru, tapi mindset tak baru. Tak boleh.
- Dato’ Anhar: Ya.
- Pn Ainol: Lagi satu Dato’, perlu kepada sokongan orang yang ada background shariah itu. Sebab itu jawatankuasa Dato’ sangat penting, pasal bila kita bercakap tentang liability itu adalah tanggungan atau tanggungjawab yang mana kita perlu laksanakan dengan tidak ada pilihan itu liabiliti. Sebab itulah kumpulan ini mengatakan yang zakat ini adalah liabiliti. Bukan hasil. Walaupun atas apa-apa kepentingan. Kalau setakat suara penyelidik tak cukup kuat Dato’.
- Dr Fairuz: Suara penyelidik memperkuatkan.
- Dato’ Anhar: Kita dah bawak dalam konvensyen, dalam post mortem. Sokongan tu tak nampakla. sebab industry tak nak pakai. Antaranya.
- Dr Norida: Sebenarnya akauntan paham, tapi sebab kerisauan tentang ukuran prestasi.
- Dato’ Anhar: Datangkan satu alternatif la. Saya cadang adakan alternatif. Mungkin satu atau dua. Tapi kayu ukur dia dari segi kesahan dan ketekalan dia. Itu kena pastikan. Maknanya kena test lah kayu ukur yang lain boleh betul-betul jadi kayu ukur semua negeri boleh pakai, yang kedua bukan setahun dua.
- Dr Hairun: Sebenarnya Dato’ yang kita buat tu komprehensif Dato’, pasal kita asalnya liability satu konvensyen tu kena bentang, jadi majlis agama negeri dia kata contohlah mereka ada beli hotel, dapat hasil. Dan hasil itu juga wang zakat. Adakah itu pun jugak dianggap sebagai liability? Itu satu perbahasan yang panas. Lepas tu kami adjust balik, nanti mungkin kita bagi Dato’ tengok jugak ya kerangka. Maknanya ada term jugak yang kita anggap sebagai hasil. Contohnya macam tadi.
- Dato’ Anhar: Itu real hasil.
- Dr Hairun: Hasil yang dijana melalui kegiatan oleh majlis. Tapi masih lagi zakat. Dia beli hotel, dia beli rumah kedai. Kan. Jadi Dato’ kalau pendapat Dato’ lah bila macamni dia jadi hybrid. Asalnya dia liabiliti tapi kerana ada usaha-usaha tertentu yang mereka buat, yang itu kita baru iktiraf sebagai hasil. Untuk memastikan ketekalan itu. Maknanya ada usaha untuk jana tu.
- Dato’ Anhar: Dia beli aset guna duit zakat. Maknanya ibu nya duit zakat. So apa-apa yang lahir keuntungan yang dijalankan satu-satu perniagaan daripada duit zakat, duit zakat ke bukan?
- Pn Ainol: Ya masih duit zakat.
- Dato’ Anhar: Kalau sekiranya masih duit zakat dia tetap liabiliti akhirnya. Kita nak namakan dia sebagai apa. Sebab kalau zakat dia tetap liabiliti kena agih juga. Cuma kita bersetuju untuk membenarkan duit zakat dilaburkan supaya mengembangkan lagi duit zakat lebih banyak. Melainkan lembaga pengarah kata, kita nak pinjam sahaja duit zakat. Yang ini keuntungan bukan duit zakat.
- Pn Ainol: Contohnya bangunan tadi dia ada maintenance. Jadi Dato’ maintenance tu maksudnya dibayar dulu dengan duit hasil tersebut kalau tak cukup baru
- Dato’ Anhar: Melainkan mereka ambil portion a’mil. Memang itu layak. Kalau tak, guna portion lain, beli bangunan, macamana asnfalain tidak merasai bangunan tadi tu. So yang ini kena semak fatwa. Mungkin lain beza-beza negeri, membenarkan untuk invest duit zakat. Kena tengok. Dia kalau di Selangor ni, antara yang rajin masuk fatwa adalah wakaf kemudian yang kedua zakat. So kena check betul-betul, sebab diorang tak akan buat undang-undang, Dato’ mufti akan ada dalam board dua-dua ni.
- Dr Hairun: Dari segi fatwa, ada fatwa menyatakan boleh membeli aset untuk asnfaf.
- Dato’ Anhar: Ok untuk asnfaf. Itu contohnya rumah pemulihan. Itu okay.
- Dr Hairun: Masih lagi aset. Dia kadang setengah tu ada yang menjana hasil.
- Dato’ Anhar: Ada yang menjana hasil. Fatwa tak cover yang tu? Hasil dia?

- Dr Hairun: Fatwa general. Jadi kena interpret balik.
- Dr Fairuz: Sebab dia akan ada kesan accounting. Dia akan masuk sebagai liability atau pun dia akan masuk sebagai hasil ekuiti.
- Dato' Anhar: Majlis agama waktu persidangan tu lebih cenderung kepada apa?
- Dr Fairuz: Hasil.
- Dr Hairun: Mereka dekat situ semua nak hasil. Cuma kami cadangkan, walaupun liabiliti kita hybrid, supaya macam tадilah kita bezakan usaha yang dia lakukan sendiri, kita anggap hasil. Tapi yang bahagian itu takda usaha. Yang itu yang memang nak agihkan terus.
- Dato' Anhar: Yang kata hasil pulak dia masuk ke zakat ke, dia masuk ke majlis agama?
- Dr Hairun: Masih masuk dalam zakat. Semua ni Dato' dalam kumpulan wang zakat. Masih lagi. Kalau zakat, confirm dia mesti liabiliti. Duit zakat mesti diagih.
- Dato' Anhar: Dia agih Dato'. Dia agih. Dari segi accounting itu, kita letakkan dia sebagai hasil. Tapi tetap bukan duit hasil tu akan agihkan jugak.
- Dr Hairun: Okay.
- Dato' Anhar: Ada juga kadang-kadang tahun tu kutipan tak banyak, jadi di situ yang kalau kita masukkan hasil, dia akan jadi ekuiti yang akan cover, sekiranya ada kekurangan kutipan zakat pada tahun seterusnya.
- Dr Hairun: Dia pergi ekuiti ya?
- Dato' Anhar: Itu kalau dari sudut yang tadi lah. Kalau kita nak meraikan pandangan majlis.
- Dr Hairun: Oh, itu dia punya penyelesaian dia.
- Dato' Anhar: Itu cadangan kami lah. Penyelesaian. Supaya dia ada unsur liabiliti. Liabiliti dan jugak ekuiti. Kalau tidak memang asalnya majlis memang nak semunya hasil ekuiti.
- Dr Hairun: Haritu, waktu bincang salah satu yang dapat ialah takrif setiap daripada aset, liabiliti, ekuiti. So dia tak pergi kepada contoh-contoh ni sangat. Sebab takrif terminologi tu pun kami debate. Sebab ada satu tu ambil daripada journal, yang ini ambil daripada lain. Dia x seragam.
- Dr Azlina: Sebab sebenarnya itulah yang Jabatan Akauntan Negara nak tegur stand kita, sebab nya yang fasa 1 itu untuk pendedahan. Kami ada juga highlight, ada benda yang susah kita nak muktamadkan. Sebab fasa 1 tu umum, bila kita pergi fasa 2 baru kita tengok aset.
- Dato' Anhar: Tapi yang fasa 1 tu fundamental.
- Dr Azlina: Itu saya kata. Jadi ada dalam fasa 1 tu kita tak boleh muktamadkan, selagi kita tak kaji aset secara menyeluruh. Sebab tu ada benda lagi kita akan kena buat.
- Dato' Anhar: Kena pergi fasa 2 dulu, baru selesai fasa 1. Sebab berkait.
- Dr Azlina: Kita dah highlight jugak, so dia nak tunjuk ada progress, buat tu.
- Dato' Anhar: So sekarang ni dah fasa 4?
- Dr Azlina: Fasa 4.
- Dato' Anhar: So dah selesai lah dia punya terminology tu?
- Dr Azlina: Aah dah cadang la.
- Dato' Anhar: Dengan kami belum lagi kan?
- Dr Azlina: Belum belum.
- Dr Hairun: Yang pasal terminology tu, antara university tu dia akan bawak report. Tak sama. Masing-masing ada school of thoughts dia.
- Dato' Anhar: Maknanya accounting pun, khilaf jugak la?
- Dr Hairun: Ada khilaf.
- Dato' Anhar: Ok. Ok.
- Dr Norida: Dan satu lagi yang berkaitan fasa 4 ni, soal kawalan. Tadi ada teori dzimmah. Ada tak teori tentang kawalan?
- Dato' Anhar: Kawalan mungkin, kalau nak kaitkan hisbah la. Hisbah kawalan.
- Dr Norida: Ada syarat-syarat dia?
- Dato' Anhar: Ada, kena tengok tajuk hisbah. Satu. Yang kedua cerita pasal wakaf, mutawalli. Dua. Yang ketiga, boleh kaitkan juga dengan wakalah. Muwakil dengan wakil, sebab lembaga zakat تؤخذ من أغانيتهم وترتدى على فقرائهم من أغنيائهم وترتدى على فقرائهم ambil daripada orang kaya di kalangan mereka, kemudian pulangkan kepada orang miskin mereka. Dia ni wakil kepada pembayar zakat, dan juga wakil kepada penerima zakat. So tajuk wakalah valid untuk dia tengok jugak sebab dia boleh terbatal tu kalau tak laksanakan. Daripada kawalan ni daripada akaun konvensional, sesuatu entiti tu dia ada kawalan atas entiti lain, kalau dia ada kawalan keputusan kewangan dengan keputusan operasi. Jadi boleh diterima tak dari segi syara'?
- Dr Norida: Kalau keputusan kewangan confirm. Sebabnya dalam hadis nabi kata, ada 4 soalan akan dikemukakan di hadapan Allah taala, kaki manusia tidak akan berganjak. Pasal umur, pasal muda, pasal ilmu.. item harta 2 soalan. Maknanya semua 4 soalan. Daripada mana kamu dapat dan pada apa kamu belanjakan. Besar dah. Maknanya kena tahu dia belanja kat mana. Sebab dia ada tanggungjawab, masuliyyah tu. Maknanya sapa-sapa yang ada right untuk buat keputusan kewangan, maknanya hak tasarruf kat dia, maknanya dia kena kawallah. Sebab nak pastikan ke mana dia belanjakan. Kalau perkara yang haram tak boleh, perkara

- yang tak diwakilkan tak boleh. Kat situ boleh.  
Dr Norida:  
Dato' Anhar:
- Dr Norida:  
Kalau dalam syara' dari segi islam boleh guna dua ni ataupun ada tambahan lagi. Nak putuskan dia ada kuasa kawalan.
- Dato' Anhar:  
Tak datanglah pulak. Kalau Dr bagi contoh boleh komen.
- Dr Norida:  
Kalau orang tu dia ada pengaruh, dia kira ada kawalan?
- Dato' Anhar:  
Pengaruh atas dasar apa?
- Dr Norida:  
Pengaruh signifikan, macam kerajaan contohnya, dia ada significance influence dekat perjalanan syarikat tu.
- Dato' Anhar:  
Umum sangat. Sangat umum. Macam tak ada kebebasan la pulak kalau atas nama kerajaan je. Kalau memang isu besar, kerajaan masuk, cerita lain. Dia ruling.
- Dr Norida:  
Contoh ya Dato', macam kerajaan dia ada satu share je, berbanding shareholder yang lain. Tapi dia ada kuasa menentukan keputusan kewangan syarikat, operasi syarikat. Diterima tak macam tu?
- Dato' Anhar:  
Dia saham ataupun ada share la. Last sekali majority dia akan tengok sapa yang majority. Dan majority ada asas dia, صواعد الأعظم sowa'dul a'zom tu majority.
- Dr Norida:  
Maknanya seseorang yang dominan
- Dato' Anhar:  
Syura la.
- Dr Fairuz:  
Tapi dalam dunia realiti, tak jadi macam tu Dato'. Dia tak semesti.
- Dr Azlina:  
First pertimbangan majority shareholding tu lah. Tapi dalam keadaan tertentu mungkin bukan majority shareholding. That means hak yang yang datang dengan pegangan tu.
- Dato' Anhar:  
Kalau memang disyaratkan begitu, ada spell out dalam organisasi tu, kita punya rujukan ialah hadis nabi, manusia itu mengikut syarat-syarat yang telah mereka setuju dan buat. Kalau tak setuju tak boleh masuklah.
- Dr Azlina:  
Sebab pertimbangan kawalan dia akan tengok pegangan majority.
- Dato' Anhar:  
Biasa macam tu.
- Dr Azlina:  
Tapi dalam keadaan lain contohnya dia bukan pegang majority tapi dengan pegangan tu adalah hak-hak dia. Jadi boleh ke jadikan dia mempunyai kuasa kawalan? Contohnya macam dia boleh tentukan komposisi lembaga pengarah.
- Dato' Anhar:  
Yelah, dia sebut tak dalam perlumbaan atau mana-mana laporan?
- Dr Fairuz:  
Ada. Ada, cumanya peraturan yang dikenal pasti sekarang adalah suatu standard konvensional. Dalam standard perakaunan yang sedia ada yang kita katakan konvensional, dia telah menentukan perkara-perkara begini. Jadi persoalannya, adakah yang ini boleh diterima dan mengikut syariah. Ataupun mempunyai perspektif-perspektif yang lain?
- Dato' Anhar:  
Pertamanya tak semua yang ada pada konvensional kita tolak. Yang bercanggah kita tolak dan kita datangkan alternatif. Kerajaan kot mana pun, ulul amri, dia boleh ruling. Sebab kaedah dia adalah، تصرف الإمام منوط بالصلحة or يرفع الخلاف (melenyapkan khilaf)
- Dr Norida:  
Itu kalau kerajaan.
- Dato' Anhar:  
Kalau individu maknanya timbul yang berpengaruh tadi tu ya? Dia pengaruh dari segi apa? Share dia katalah 10%
- Dr Fairuz:  
Tapi dalam kes sekarang, walaupun share dia 10%, tapi survival company itu bergantung kepada dia.
- Dato' Anhar:  
Atas dasar apa?
- Dr Fairuz:  
Atas dasar, kata company itu jual produk daripada company dia. Kalau kata dia tak supply produk itu, company collapse. Walaupun dari percentage dia cuma pegang 10%.
- Dato' Anhar:  
Semua orang setuju dengan perkara tu?
- Dr Norida:  
Dia tak ada.
- Dato' Anhar:  
Dia tak ada persetujuan?
- Dr Fairuz:  
Aah, dia tak ada.
- Dato' Anhar:  
Dalam syariah kalau dia ada persetujuan, consensus. Dia punya sokongan ialah الناس عند شروطهم.
- Pn Ainol:  
Boleh diterima.
- Dr Fairuz:  
Sebab yang ni piawaian.
- Dr Azlina:  
Tapi benda ni kadang-kadang, bersetuju dalam keadaan tidak bersetuju untuk survival. Sebab katalah macam ni. Saya Dato' saya cuma pegang 10% sahaja, dalam satu company. Kalau 10% by percentage, saya ni nobody. Tetapi syarikat itu sebenarnya beroperasi berdasarkan hanya produk saya sahaja dijual. Kalau saya tak supply produk, company ni habislah. Jadi whatever saya bercakap, pengaruh saya sangat besar. Jadi maknanya dalam konvensional benda ni wujud, benda ni diiktiraf.
- Dr Norida:  
Dalam accounting standard, sama jugak dengan syarikat of course yang pertama berdasarkan pegangan tu, dibeli dan terdapat kawalan berlaku. Tapi 10% agak ekstrem la, dia kena lebih substantial la.
- Dr Norida:  
Maknanya dalam konvensional ada modal kawalan tu kan, boleh diterima tak? Kalau tak

	diterima kita hanya akan ambil yang majority lah.
Dato' Anhar:	Sebab ada satu perbahasan tajuk syarikat. Syarikatul wujuh شریکۃ الوجوہ diterima oleh syara'. Dia tak ada duit langsung, tapi dia tu ada reputasi yang besar dalam masyarakat. Syarikatul wujuh, muka dia tu pun sudak cukup. Boleh jadi syarikat. Syarikatul wujuh, tu kena explore. Setakat yang terlintas.
Dr Fairuz:	Nampak macam match.
Dr Azlina:	Aah nampak macam match.
Dato' Anhar:	Sebab dalam tajuk kafalah, jaminan. Kita nak pinjam duit orang biasanya ada collateral la. Contohnya ada akad tausit seperti ar-rahnu. Kadang dipanggil gadaian. Ada ketikanya di kalangan ulama' tanya, "sapa yang jamin engkau ni?" kata "si fulan". Tak bagi dui tapa pun. Tapi diterima. Sebab kedudukan dia tu sebagai guarantor dalam kafalah.
Dr Norida:	Individu boleh mengawal?
Dato' Anhar:	Makna diterima dalam Islam, diterima.
Dr Fairuz:	Pengaruh yang signifikan.
Dr Hairun:	Maknanya ia berdasarkan kepada wujuh. Bukan harta.
Dato' Anhar:	Bukan. Bukan. Dia dihormati. Sebab kat sini boleh dikaitkan dengan sirrah, iaitu yang dipanggil kaedah al-himayah zaman jahiliyyah yang maknanya nabi terima. Kalau orang musyrik nak kacau je, diorang kata kami di bawah himayah, jagaan si fulan si fulan. Tak kena kacau orang islam. Itu konsep himayah. Tapi ini sebelum nabi pergi Madinah la. Wallahu'lam itu antara senarioia yang boleh dikaitkan. Buat masa ni. Nanti ana akan review prof.
Pn Ainol:	Yang tentang pendedahan tu, salah satunya adalah tidak menimbulkan fitnah dari segi laporan, ada satu hadis yang baginda bersama isteri di masjid, ada orang nampak. Jadi sebelum orang tu pergi, nabi panggil dia. Nak bagitahu tu isteri. Jadi itu boleh tak dijadikan asas supaya majlis boleh ambil kira untuk majlis melaporkan dan explain lebih detail. Boleh, tetapi tidak berdiri sendiri.
Dato' Anhar:	Maksudnya?
Pn Ainol:	Pertimbangan lain pun kena ambil kira jugak. Sebab satu nak mengelakkan fitnah, sapa yang boleh tentukan bahawa fitnah itu ada? Ke kalau tak laporkan lagi banyak fitnah?
Dato' Anhar:	Berkait dengan keperluan untuk dedahkan belanjawan. Sebab ada yang berpandangan mendedahkan itu boleh menjadi satu ancaman kepada majlis. Bila maklumat tu masyarakat awam tahu. Jadi itulah kita nak garap benda-benda macam ni lah. Bagaimana kita nak jadikan satu prinsip untuk membantu dari segi pendedahan. Macam mana? Mengelakkan fitnah lebih utama atau
Dato' Anhar:	Susah nak jawab tu, sebabnya dalam keadaan masing-masing menilai dari perspektif yang berbeza. Dedah semua, non-muslim jadi tahu. Sama menunjukkan kita lemah, "oh sikit je rupanya", lebih baik tak didedahkan semua contohnya. Dan diorang anggap kita memang banyak aset sebagai contoh. Yang keduanya mendedahkan kepada mudharat kadang-kadang. Contoh zakat tu kita detailkan, yang dibincangkan di negeri, bila kita dedah semua ada kemungkinan sampai peringkat orang yang tahu kira kata, kutipan ni sebenarnya lebih banyak dari yang wajib. So semangatlah orang lain pulak, "kamu yang wajib sekadar 2.5%, lebih ini tak wajib, benda ni kita akan ambil", sebagai contoh. Ada pihak yang tahaffus bab-bab ni. Nampak tak.
Dr Fairuz:	Nampak.
Dato' Anhar:	Bila terlalu transparen ni
Dr Norida:	Bagaimana kalau maklumat belanjawan secara spesifik, yang belanjawan tu kalau dari segi kutipan, berapa yang bajet dia kutip dan berapa yang sebenarnya dikutip. Itulah yang kita nak dedahkan. Yang dibelanjakan berapa. Yang dikutipkan berapa. Yang anggaran dikutip berapa dan yang sebenarnya dikutip berapa. Kalau agihan, yang dalam belanjawan berapa yang diagihkan berapa. Jadi maklumat itu dalam standard yang cadang dedahkan. Maksudnya ada maklumat belanjawan dan ada maklumat yang actual. Pada pendapat Dato' adakah maklumat itu wajar didedahkan ataupun dia boleh menimbulkan sebarang fitnah ancaman.
Dato' Anhar:	Berbeza-beza setiap institusi negeri tu kot. Sebab ada yang baru mula nak banyak kutip, ada yang dah level established. Jadi mungkin yang itu sangat sulit, sebab nanti, yelah kita pun nak dedahkan apa yang dalam meeting tu. Target kita. Takut-takut dia akan tukar pula asal perancangan yang sebenar dengan sebab dah requirement daripada audit, kita pun keluarkan jugak tapi dah di'modify'.
Dr Norida:	Ada setengah dalam enakmen tu, kutipan dan anggaran perbelanjaan yang telah diluluskan perlu digazetkan. Jadi pendapat, bila dah digazetkan dia dah jadi public info. Jadi dalam standard kata, sekiranya majlis dia gazetkan dia punya bajet yang dah diluluskan, jadi dia perlu dedahkan. Maklumat belanjawan tu perlu ada dalam laporan.
Dato' Anhar:	Okay.
Dr Fairuz:	Cuma isu dia kalau kita tengok enakmen dengan tengok amalan, nampak macam tak selari Dato'. Maknanya dalam enakmen macam Dr Norida kata tu, belanjawan yang telah

diluluskan perlu digazetkan. Bila kata digazetkan itu akan jadi public info. Jadi bila jadi public info, kena masuklah dalam laporan itu. Cuma dari segi amalannya, dengan andaian bahawa orang tak tahu. Bukan semua orang tahu tentang enakmen. Jadi bila semua orang tak tahu tentang enakmen, then dia tak gazetkan pun. Bila tak digazetkan pun, dia taklak disclose dalam penyata.

Dr Norida: Sebagai tambahan, sebab takda standard perlu dedahkan. Jadi dalam yang baru yang kita nak develop Islamic Standard ni, perlu didedahkan sekiranya maklumat belanjawan itu telah diluluskan dan digazetkan.

Dato' Anhar: Walaupun ada negeri yang tidak sebut dalam enakmen, kita akan standard kan?

Dr Norida: Kalau yang takda tak da kan.

Dato' Anhar: Sebab dia puncanya bukan standard tu. Puncanya enakmen. Yang ni mungkin kena berbezalah dia punya treatment dia.

Dr Fairuz: Cuma lepas standard itu dia akan keluar manual penggunaan. Pasal manual penggunaan is the best practice. Jadinya selalunya auditors bila dia pergi, dia pegang la yang tu. Dan satu lagi, apa yang Dr Norida cakap tu, ada betulnya jugak, sebab dia begini, apa pandangan Dato' tentang isu majlis agama islam, tentang lembaga zakat. Perkara yang menidakkann pembayar zakat untuk membayar zakat ialah berkaitan dengan .... Mereka tak tahu dan tak dapat gambaran yang jelas. Mereka assume bahawa, duit banyak tak agih. Orang banyak susah. Sedangkan pusat zakat dia ada strategi, the last suku tu duit masuk banyak. Kemudian awal suku tu duit masuk sikit. Tetapi komitmen sentiasa ada. Jadi kena ada buffer la untuk itu. Tapi orang ramai dia tak tahu la tentang pattern tu. Jadi assumption, kutip saja tak agih. Kalau macam tu tak payah bagilah kepada lembaga zakat. Kita buat sendiri. Maka bila agih sendiri akan wujudlah kumpulan-kumpulan agihan itu yang tidak baik. Jadi kalaulah benda itu dimasukkan dalam laporan tahunan, benda itu nampak lebih telus lah dari satu segi.

Dato' Anhar: Termasuk anggarannya sekali?

Dr Fairuz: Aah, termasuk anggaran. Sebab bila ada anggaran, kemudian berlaku actual, aka nada difference. Jadi pihak pengurusan yang diberikan amanah akan minta justify la. Kenapa variance sama ada positif atau negatif berlaku. Bila dia justify dia disclose la. Jadi bila dia disclose tu mengurangkanlah tanggapan negatif itu. Itu dari segi sudut positifnya. Dari segi transperancy. Tapi dalam masa yang sama ada kemungkinan kita mendedahkan kepada pihak-pihak yang tak sepatutnya tahu. Persoalannya, betul ke pihak tersebut tak tahu. Macam kita kata bila negara Malaysia membeli senjata. Persenjataan. Aset strategik. Itu private and confidential kerajaan. Ye ke pnc kerajaan. Kat mana Malaysia beli senjata, berapa nilai, kita tekan je google boleh tahu berapa banyak kereta kebal, senapang semua ada. Jadi pnc kat mana. Jadi persoalan macam isu orang islam 2.5% zakat, Cuma mungkin persepsi kita orang lain tak tahu jadi tak payah dedahkan. Masalahnya betul ke orang tak tahu. Atau orang memang dah tahu.

Dato' Anhar: Cuma kita risau sendiri. Kalau itu maqasid dia okay jugak. Tak ada masalah.

Dr Fairuz: Cuma di setengah-setengah negeri, kita penyelidik ni cuba fahamlah. Misalnya Sarawak kerana islam minority kat situ. Jadi majlis agama islam kat sana, maklumat semua dia conceal lah.

Dato' Anhar: Tapi real berlaku prof. saya tak nak sebut negeri mana, tapi kutipan MashaAllah banyak. Rakyat pergi berjumpa dengan wakil rakyat ditolak. Pergi minta duit zakat. So tanggungjawab kerajaan tu dah, dia tak nak ambil tanggungjawab. Sebab ini juga isunya. Tapi ni real. Bagaimana kita nak jaga juga maslahat tu. Wakil rakyat melayu pun tolak. Jadi lebih baik tak disclose, daripada disclose.

Dr Fairuz: Yang ini dari pandangan ni la. Mungkin buat permulaan ni, buat silent dulu. Mungkin lebih bagus. Ke depan takpa, nanti standard tu dah cantic kita tambah baik. Pandangan ana la prof, sebab yang ini berlaku real. Ana tak sebut negeri mana lah.

Dato' Anhar: Jadi mungkin kalau itu, ada standard tentang maklumat bajet tu, maka lebih baik buat masa ini tak didedahkan.

Dr Norida: Kalau ini yang menjadi pertikaian antara institusi sekarang sebab nak elak ...lain. Okay ya prof.

Dr Norida: Boleh tak nanti kita ada satu framework. Minta Dato' tengok.

Dato' Anhar: Boleh. Boleh, inshaAllah. Suka je dengan penyelidik. Dah lama tinggalkan university.

Dr Fairuz: Jadi kami dari pihak penyelidik dan pihak ukm mengucapkan banyak-banyak terima kasih kerana sudi menerima kami dan kami rasa begitu.....Alhamdulillah. Sanagt bermakna. InshaAllah kalau ada apa-apa kami minta izin untuk rujuk semula.

Dato' Anhar: InshaAllah. Ahlan wasahlan. Nak jumpa di UKM pon boleh.

Dr Norida: Lagi satu dalam report nanti kita minta izin letak nama Dato' sebagai ahli rujuk.

Dato' Anhar: Tak clash dengan jawatankuasa ke?

Dr Fairuz: Tidak. Tidak. Boleh.

Pn Ainol: Niat yang sama.

Dr Hairun: Jazakumullah kheir.

**GAMBAR LAWATAN KERJA  
LAPANGAN**

TEMUBUAL PAKAR SYARIAH  
DR. LUQMAN BIN HJ ABDULLAH & DR. MUHAMMAD IKHLAS BIN ROSELE  
UNIVERSITI MALAYA

16 JAN 2020





**TEMUBUAH PAKAR SYARIAH**  
**PROF. DR. ENGKU RABIAH ADAWIAH ENGKU ALI**  
**IUM INSTITUTE OF ISLAMIC BANKING AND FINANCE (IIIBF)**

4 FEB 2020





TEMUBUAL PAKAR SYARIAH  
DATO' DR. ANHAR BIN OPIR  
JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

19 FEB 2020



